

JURNAL

PENYELIDIKAN ISLAM

—BIL 29.2017 /1438H —



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya.

Tel: 03-88707000

Faks: 03-88707003

Cetakan Pertama 2017

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya, No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Dicetak:

Cetak Jitu Sdn Bhd

No. 11, Jalan 24/56, Kawasan J, Keramat Wangsa,
54200 Kuala Lumpur.

SIDANG EDITOR
JURNAL PENYELIDIKAN ISLAM BIL 29.2017 /1438H

PENASIHAT

DATUK HAJI MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM

KETUA EDITOR

Aziz bin Haji Mohamad

PENOLONG KETUA EDITOR

Siti Razmah binti Idris

SIDANG EDITOR

Puan Fadhilah binti Ahmad

Nor Fahmyza binti Termizi

Encik Hisral Zirhan bin Md Zahari

Dr. Wan Nor Aisyah binti Wan Yussof

Encik Akhrun bin Musa

Encik Shahril Azwan bin Hussin

Puan Nurulashiqin binti Mahmud Zuhudi

Puan Taqwa binti Zabidi

Puan Khairunnisa binti Khayun

Encik Shahrul Ridhwan bin S. Ali

Puan Suzana binti Mohamed Ali

URUS SETIA

Suria binti Shapie

Fatimah binti Ahmad

Wan Rosida binti Wan Taib

Mohd Fikri bin Abdullah

KANDUNGAN

JURNAL PENYELIDIKAN ISLAM BIL 29.2017 /1438H

Ancaman Hedonisme Terhadap Remaja Islam di Malaysia	1
Ancaman Liberalisme di Malaysia	17
Explicating the Akhlak Identity in Corporate Communication: Acquiring A Happiness Concept	41
Fenomena Buku <i>Indie</i> di Malaysia	61
Happines Indicator from Islamic Worldview	86
Pemikiran Intelektual Ulama Melayu Islam: Syekh Muhammad Tahir Jalaluddin	104
Penanggulangan (Pencegahan) Ekstremisme Melalui Teknologi Informasi	125
Penggunaan Kanta Lepak Bercorak: Satu Analisis dari Sudut Syarak	150
Perkongsian Susu Ibu: Kaedah Penyusuan Bagi Mensabitkan Penasaban Anak Susuan	176
Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah dan Manhaj Pengalamannya di Malaysia: Suatu Analisis	187

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, segala rasa kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan keizinanNya, Jurnal Penyelidikan Islam Bil.29 / 2017 dapat diterbitkan. Jurnal ini merupakan himpunan artikel dan sumbangan penulisan ilmiah para pegawai Jakim serta sumbangan daripada pelbagai pihak.

Jurnal ini mengandungi 10 artikel yang bermanfaat dan sesuai untuk disebar. Jurnal ini sesuai dijadikan wadah untuk perkongsian maklumat dan memberi penjelasan tentang Islam khususnya yang berkait dengan isu akidah, syariah, akhlak, dan lain-lain.

Saya menaruh harapan supaya Jurnal Penyelidikan, Jakim ini dapat dijadikan rujukan dan panduan serta dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat dalam menghadapi kehidupan yang semakin mencabar.

DATUK HAJI MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

KATA PENGANTAR KETUA EDITOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana usaha untuk menerbitkan Jurnal Penyelidikan Islam Bil.29/2017 dapat direalisasikan.

Seperti sedia maklum, semua artikel dalam jurnal ini adalah hasil penulisan dan kajian yang dibuat oleh pegawai-pegawai Jakim serta sumbangan daripada pelbagai pihak untuk menambah dan mempelbagaikan lagi topik perbincangan. Pelbagai isu semasa telah dikupas dengan sebaik mungkin melalui penulisan yang dihasilkan dan saya percaya ia amat sesuai dijadikan sebagai bahan rujukan dan sumber ilmu dan maklumat yang berguna untuk semua pihak yang berkepentingan.

Adalah diharapkan dengan penerbitan jurnal penyelidikan Islam ini dapat menyemarakkan lagi sumber bacaan ilmiah yang ada kini. Akhirnya saya mendoakan agar usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan kajian yang lebih baik dan memenuhi keperluan semasa. Amin.

Sekian, terima kasih.

AZIZ BIN HAJI MOHAMAD

Pengarah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

ANCAMAN HEDONISME TERHADAP REMAJA ISLAM DI MALAYSIA

Oleh:

Prof. Madya Dr. Mohd Aderi Che Noh¹ (aderi@ukm.edu.my)
Engku Zarihan Engku Abdul Rahman² (ezarihan@yahoo.com)

Abstrak

Hedonisme adalah satu bentuk pemikiran yang berpandangan bahawa memaksimumkan keseronokan adalah perkara terbaik dan paling dihormati dalam kehidupan manusia di dunia ini. Penyebaran budaya hedonisme adalah ancaman dan boleh menyebabkan kerosakan terutama kepada remaja jika ianya tidak dikawal dari sekarang. Islam adalah agama yang sempurna dan memelihara seluruh aturan dan kemanusiaan dalam kehidupan. Oleh itu, komponen Iman, Islam dan Ihsan yang menjadi dasar kepercayaan mesti diperkuatkan sehingga buktinya dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak dapat diterapkan pada remaja yang akhirnya diterjemahkan ke dalam kehidupan melalui pendidikan Islam yang bertindak sebagai benteng kehidupan di dunia globalisasi tanpa sempadan ini.

Kata kunci : hedonism, budaya, agama, globalisasi, Islam

Abstract

Hedonism is a pattern of thought that maximizing pleasure is the best and most respected thing in human life in this world. The spread of hedonism culture is a threat and can lead to damage especially to adolescents if not controlled from now on. Islam is a perfect religion and keeps the whole rule and humanity in life. Hence the component of Iman, Islam and Ihsan which is the basis of belief must be strengthened so that its proof in the aspect of akidah, ibadah and akhlak can be lived in the adolescent which eventually translated into life through Islamic education which acts as a fortress in the face of this world without boundary globalization.

Keywords : hedonism, culture, religion, globalization, Islam

PENGENALAN

Islam merupakan agama yang sudah sempurna dan menjaga keseluruhan peraturan dan kemashalatan hidup manusia dalam kehidupan. Penularan

budaya hedonisme merupakan satu ancaman serta ideologi barat yang sedang menular dan mampu menjadi barah khususnya kepada golongan remaja jika tidak dibendung dari sekarang. Justeru komponen akidah iaitu Iman, Islam dan Ihsan dalam diri remaja perlu ditekankan khususnya dalam pendidikan Islam bagi menghadapi dunia globalisasi tanpa sempadan ini. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam sepenuhnya (dengan mematuhi segala hukum-hakamnya).”¹

(Surah Al-Baqarah [2]:208)

Sekiranya prinsip ketauhidan itu mantap terutama dalam diri golongan remaja maka ancaman hedonisme dalam era globalisasi serta dunia tanpa sempadan pada hari ini dapat ditangkis dan dihindari. Menurut Thoha² pendidikan Islam adalah pendidikan yang falsafah dan tujuan serta teori-teorinya dibangunkan untuk melaksanakan praktik pendidikan berdasarkan kepada nilai-nilai yang terkandung dalam al-Quran dan hadis Nabi. Turut dijelaskan oleh al-Qardhawi³ bahawa Islam telah membawa ajaran yang menyeluruh tentang perkara dunia dan akhirat.

Oleh itu, remaja perlu dikawal daripada virus hedonisme ini dan kembali kepada fitrah beragama melalui pendidikan Islam dengan menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai panduan hidup agar dapat melahirkan remaja yang mencapai hasrat falsafah dan matlamat Pendidikan Islam iaitu melahirkan insan yang seimbang dan bertanggungjawab demi kebaikan di dunia dan akhirat.

Definisi Hedonisme

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat⁴, hedonisme ialah pegangan atau pandangan hidup seseorang yang hanya mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Secara konstektual budaya ini membawa maksud gaya hidup yang hanya mengejar keseronokan semata-mata manakala

¹ Surah al-Baqarah, 2: 208

² Thoha. 1996. *Kapita Seleka Pendidikan Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar

³ Al-Qardhawi, Yusuf. 2004. *Konsep Pendidikan Menurut Imam al-Shatibi*. terj. Selangor: Safa Integrated Network.

⁴ Kamus Dewan. 2005. *Dewan Bahasa Dan Pustaka*, Kuala Lumpur.

secara dasarnya ia merupakan satu kefahaman yang hanya mementingkan keseronokan dan kemewahan tanpa mengambil kira batas-batas moral dan larangan agama. Menurut al-Adib⁵ hedonisme ialah kegilaan untuk hidup bergembira dan berkehendak untuk bersuka ria tanpa batasan.

Hedonisme berasal daripada dua perkataan iaitu hedone dan isme. Budaya hedonisme yang asalnya merupakan satu aliran telah bertukar menjadi sebahagian cara hidup masyarakat moden. Fathi Yakan⁶ menegaskan bahawa hedonisme adalah satu fahaman yang mementingkan kesukaan dan kemewahan dalam kehidupan tanpa menghiraukan larangan agama dan tatatusila. Tegasnya berdasarkan Kamus Malaysiana⁷ hedonisme merupakan suatu pola pemikiran yang menyatakan bahawa memaksimumkan keseronokan adalah perkara terbaik dan amat disukai dalam kehidupan manusia di alam ini.

Beberapa orang tokoh hedonis Yunani telah membahaskan mengenai keseronokan dan kesengsaraan atau kesakitan. Antaranya ialah Democritus, Aristippus, Epicurus, Jeremy Bentham, James Mill, dan lain-lain. Aristippus dan Epicurus merupakan pengetua sekolah pemikiran falsafah iaitu “Cyrenaics” dan “Epicureans”. Menurut Mardzelah Makhsin⁸ mereka telah menggariskan keseronokan dan kesengsaraan sebagai konsep penting dalam pengajian mereka. Kedua-dua tokoh ini merupakan perintis kepada fahaman hedonism, iaitu doktrin yang menekankan keseronokan adalah puncak untuk bersuka-ria. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa budaya hedonisme ialah cinta kepada keduniaan dan menjadikan nafsu sebagai tuhan dalam mengejar keseronokan dan kebahagiaan tanpa batasan atau sekatan hidup beragama. Justeru menjadi persoalan kenapa remaja menjadi sasaran dan apakah faktor dan kesan hedonisme serta peranan pendidikan Islam sebagai benteng bagi menghadapi ancaman hedonisme ini?

Cabaran Remaja Terhadap Hedonisme

Hedonisme menjadi salah satu fahaman yang semakin menular dalam dunia globalisasi dan serba moden ini. Kefahaman yang berakar umbi daripada

⁵ Al-Adib. 2009. Solusi. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn. Bhd.

⁶ Fathi Yakan. 2005. Apa Erti Saya Menganut Islam. (terj) Dewan Pustaka Fajar

⁷ Kamus Malaysiana. 1994. Kuala Lumpur: Ensimal (M) Sdn Bhd,

⁸ Mardzelah Makhsin. 2007. *Sains Pemikiran dan Etika*. Kuala Lumpur: PTS

zaman jahiliah ini sebenarnya akan merosakkan diri serta masa depan sosio-ekonomi dan budaya dalam negara terutamanya ancaman kepada remaja. Remaja adalah satu zaman iaitu sedang melalui proses tumbesaran fizikal dan mental daripada alam kanak-kanak kepada alam kedewasaan yang mempunyai sifat semulajadi ingin mencuba pelbagai perkara.

Menurut J. J. Arnett⁹ remaja dikatakan berumur di antara 11 hingga 21 tahun merupakan transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa yang melibatkan perubahan biologi, psikologi, sosial dan ekonomi serta melibatkan perubahan peringkat tidak matang ke peringkat matang. Remaja sebagai “storm and stress” yang bersifat biologikal yang terhasil daripada perubahan-perubahan yang berlaku semasa baligh sehingga menyebabkan emosi menjadi tidak stabil dan tergugat.

Remaja merupakan pewaris kepada kepimpinan negara pada masa hadapan. Remaja pada masa lalu menghubungkan diri dengan isu-isu perjuangan ke arah membangunkan negara. Namun kemajuan yang dicapai dalam dunia tanpa sempadan ini menurut Sidek Baba¹⁰ menyebabkan remaja terjebak dengan kemelut sosial yang merimaskan dan terpaut dengan pemikiran hedonistik yang mengasyikkan dan alpa kepada tanggungjawab bina-ilmu dan bina-negara dan lebih ekstrem.

Hedonisme yang mengancam remaja pada masa kini dan menjadi sasaran utama adalah kerana remaja merupakan populasi yang terbesar dalam dunia. Menurut World Health Organization (WHO), pada tahun 2007, statistik kelompok remaja adalah sekitar seperlima dari penduduk dunia, dimana majoritinya berumur 10-19 tahun. Sekitar 900 juta remaja berada di negara yang sedang membangun. Di Malaysia pula kumpulan ini mempunyai jumlah yang lebih 11.6 juta atau 43.6% daripada jumlah seluruh penduduk di Malaysia.

Al-Ghazali¹¹ telah menggariskan salah satu daripada sepuluh cara syaitan memasuki pintu hati manusia untuk merosakkan diri sebagai hamba Allah ialah menerusi pintu marah dan syahwat. Oleh kerana golongan remaja yang sedang mencari identiti dan jati diri sebagai seorang muslim maka mereka

⁹ Elizabeth B. Hurlock. 1990. *Psikologi Perkembangan Suatu Pendekatan Sepanjang Rentang Kehidupan*. Jakarta: Erlangga

¹⁰ Sidek Baba. 2006. *Kecelaruhan Identiti Remaja Banyak Sebabnya*. Bernama

¹¹ Al-Ghazali, Muhammad. (1993). *Kaifa nataamul maaal Quran*. Kaherah: Dar al-Wafa'

menjadi sasaran ancaman budaya songsang dan mudah menyerap jika tidak dibenteng dengan asas keimanan. Ini selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi orang dalam (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telahpun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya”.*¹²

(Surah Al-Imran 03:118)

Menurut ayat ini, jelas bahawa musuh-musuh Islam tidak akan berhenti untuk mempengaruhi umat Islam selagi mana mereka berpegang teguh keimanan kepada Allah SWT. Jiwa remaja sememangnya subur dan hiburan merupakan fitrah dalam diri manusia. Remaja yang berhibur akan lebih tenang, yakin dan ceria. Hiburan yang diperlukan oleh remaja menurut Sidek Baba¹³ ialah hiburan yang meningkatkan rasa hati terhadap perkara-perkara yang meransang jiwa ke arah kebaikan di samping membentuk minat dan keinginan melakukan hal-hal yang makruf dalam kehidupan.

Justeru, daripada pernyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa ancaman hedonisme telah lama dilakukan oleh musuh-musuh Islam dan menjadikan remaja sebagai sasaran. Oleh itu remaja perlu bersedia menghadapi ancaman dalam era globalisasi dunia tanpa sempadan ini khususnya melalui serangan yang bercanggah dengan akidah umat Islam. Hiburan merupakan fitrah tetapi perlu dibatasi dengan ajaran agama agar selaras dengan kehendak nilai, budaya dan tatatusila yang murni serta tidak terkeluar daripada landasan yang betul.

Hedonisme Mengikut Perspektif Barat dan Islam

Hedonisme seperti yang dinyatakan oleh Haron Din¹⁴ adalah merupakan sebahagian daripada sekularisme yang berasal dari kata dasar sekular

¹² Surah Al-Imran, 3: 118

¹³ Sidek Baba. 2007. *Wahai Remaja: Kembaramu Bermula Disini*. Alaf 21. Shah Alam: Karya Bestari.

¹⁴ Haron Din et al. 1990. *Manusia dan Islam. 3 jilid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

bermaksud dunia. Ia merupakan satu fahaman yang memisahkan hubungan antara agama dan dunia. Sekularisme adalah bersifat manusiawi iaitu sesuatu yang berpunca daripada manusia.

Fahaman sekularisme menekankan lima prinsip utama iaitu prinsip vetalisme yang mana menekankan apa-apa yang berbentuk kuat dan menguntungkan. Prinsip kreativiti pula meletakkan sesuatu yang baru dan berdaya kreativiti dianggap terbaik dan bermutu. Prinsip relatif pula tidak ada teori yang bersifat mutlak. Seterusnya prinsip boleh berubah mengikut peredaran zaman dan perkembangan ilmu pengetahuan. Manakala prinsip terakhir pula ialah menggariskan penekanan sesuatu yang boleh memuaskan hawa nafsu manusia akan dianggap baik serta menganggap majoriti masyarakat sebagai pemutus.

Manusia yang terjerumus dalam dunia hedonisme ini hanya bertuhankan kepada nafsu semata-mata. Setiap hari dalam kehidupan mereka adalah bertujuan duniawi dengan sifat ingin mengejar dan menambah kekayaan harta, berbangga dengan pangkat dan kuasa, memuaskan nafsu, berseronok dengan wanita, leka dengan muzik tanpa batasan sehingga leka dan alpa dengan hakikat sebenar tujuan mereka diciptakan. Menurut Adam Morton¹⁵, hedonisme sepatutnya bertindak untuk mendapatkan kebahagiaan dan menghindari kesakitan. Dengan kaedah ini mereka akan memperolehi kehidupan terbaik.

Bagaimanapun ada sebahagian sarjana barat meletakkan takrifan hedonisme pada konotasi yang berbeza melihat kepada perspektif dan pandangan masing-masing. Veenhoven¹⁶ pernah menyebut:

“There is a longstanding discussion about the merits of the hedonism. Some praise it as natural and healthy, but others equate hedonism with overindulgence and moral decay. The mixed feelings about hedonism are reflected in the connotations surrounding the word. On one hand hedonism is associated with good taste and the art of living well, on the other hand with addiction, superficiality, irresponsible behavior and short-sighted egoism”.

¹⁵ Adam Morton. 2004. *Philosophy in practise: an introduction to the main questions*. Australia: Blackwell Publishing

¹⁶ R. Venhoven. 2003. Hedonism and Happiness. *Journal of Happiness Studies*. ISSN 1573-7780

Menurut al Qaradhawi¹⁷ walaupun golongan “Hippies” yang pada awalnya muncul sebagai kumpulan antisosial kerana bosan dengan kecelaruan peribadi dan gangguan pembangunan dan kemodenan, mereka telah tersesat dalam gejala-gejala yang tidak bermoral seperti minum arak, berjudi, seks bebas, pengaruh dadah dan yang paling bahaya dan merosakkan akidah adalah menolak agama. Rosaknya minda remaja merupakan satu kejayaan bagi pihak musuh.

Berdasarkan maqasid syariah pula menurut K. H Tarmizi¹⁸, asal sesuatu hukum adalah harus selagi tiada nas ataupun dalil yang menghalangnya. Islam sangat memandang berat pemikiran yang cuba mengganggu umat Islam. Hal ini kerana sekiranya pemikiran ini tidak dikawal, ia mampu merosakkan akidah umat Islam. Sedangkan akidah dan iman berfungsi sebagai tonggak dan tunjang kepada seluruh perancangan hidup manusia khususnya yang menyentuh aspek perancangan ummah.

Justeru, hiburan pada masa kini sukar untuk dikawal kerana realitinya zaman sekarang dengan kepesatan teknologi samada media massa mahupun media cetak telah menyebabkan remaja cenderung ke arah hiburan yang melalaikan. Hafiz Hamzah¹⁹ dalam Majalah Al-Islam melaporkan rancangan program realiti TV, Akademi Fantasia (AF) yang mula mencetuskan fenomena luar biasa buat pertama kalinya di siaran Astro telah menjadi perbualan orang ramai tidak kira tua atau muda.

Oleh sebab itu penulis menegaskan bahawa bimbingan ilmu dan pendidikan sahaja dapat mengawal golongan remaja daripada terus hanyut dalam dunia keseronokan tanpa batasan ini. Seandainya tidak dibendung maka pemikiran ini akan menghancurkan masyarakat Malaysia khususnya golongan remaja pada masa hadapan.

Kesimpulannya hedonisme adalah budaya yang lahir daripada asas sekularisme yang menolak dominasi fahaman agama dalam kehidupan manusia. Budaya hedonisme berakar umbikan daripada sekularisme iaitu

¹⁷ Al-Qardhawi, Yusuf. 2004. Konsep Pendidikan Menurut Imam al-Shatibi. terj. Selangor: Safa Integrated Network.

¹⁸ K.H Tarmizi Taher. 2003. *Menyegarkan akida tauhid insan mati di era klenik*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

¹⁹ Hafiz Hamzah 2004. Akademi Fantasia Khayalan Melayu Baru: Al-Islam. September

keduniaan. Sekularisasi bertujuan untuk menjadi lebih terbuka kepada semua bentuk perubahan yang wujud di dalam persekitaran masa kini. Fenomena budaya hedonisme seperti pergaulan bebas, seks bebas, minum minuman keras, dan seumpamanya adalah sejajar dengan matlamat sekularisme untuk menghapuskan peranan agama dan Tuhan daripada segala urusan kehidupan manusia.

Kepelbagaian Hedonisme dan Implikasi

Budaya hedonisme telah meresap ke dalam majoriti lapisan masyarakat terutamanya golongan remaja yang datang dalam pelbagai bentuk dan corak sehingga menyebabkan remaja terdedah kepada kerosakan akhlak, pemikiran dan tindakan yang kadangkala melampaui batas agama. Persekitaran menurut Bronfenbrenner²⁰ merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi akhlak remaja. Pada masa yang sama remaja adalah agen aktif dalam membentuk persekitaran mereka sendiri.

Antara cabang seni hiburan yang menjadi keseronokan remaja pada hari ini ialah nyanyian, muzik dan tarian. Ketiga-tiga bidang ini telah menjadi sebahagian yang penting dalam kehidupan moden sekarang ini kerana semua cabang seni ini dirasakan telah merosakkan akhlak dan nilai-nilai keislaman. Perkembangan teknologi melalui media massa dan media cetak menyebabkan hedonisme berkembang dengan pantas tanpa disedari. Hal ini disokong oleh Chumaidi²¹ yang menyatakan sejarah telah membuktikan bahawa kemajuan sains dan teknologi dianggap keagungan peradaban manusia masa kini sekaligus menjadikan manusia kehilangan kesedaran nilai-nilai agama dalam diri. Kesan hiburan yang melampau tanpa batasan ini akan mendatangkan kesan negatif terhadap pembentukan peribadi dan minda terutamanya golongan remaja. Hiburan sebegini menjadikan masyarakat lalai serta alpa kepada tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Konsep berhibur dalam Islam adalah bertujuan untuk membangunkan dan mendamaikan jiwa, menenangkan fikiran, merehatkan rohani dan jasmani. Islam adalah agama yang menepati keperluan fitrah. Islam tidak menghalang umatnya berhibur. Namun hiburan di sisi Islam perlu disuluh

²⁰ Bronfenbrenner, D. 1989. Ecological system theory. In: R. Vasta (Eds), *Six theories of child development: Revised formulations and current issues* (187-250). Greenwich, CT: JAI Press.

²¹ Chumaidi Syarif Romas. 2000. *Wacana Teologi Islam Kontemporer*. Indonesia: Tiara Wacana Yogya

dan dipandu mengikut nilai-nilai murni yang dibawa oleh Islam. Antaranya dalil hadis daripada Khaliz Ibn Zakwan RA bahawa Al-Rubai Binti Mua'wiz menceritakan:

“Nabi SAW telah mengunjungiku di hari perkahwinanku, Baginda mengambil tempat duduk di atas hamparanku, sepertimana kamu berada di hadapanku sekarang. Ketika itu sekumpulan hamba perempuan sedang memukul gendang sambil menyanyi dan memuji pejuang-pejuang yang terkorban di kalangan bapa-bapa kami di perang Badar. Salah seorang penyanyi tersebut menyebut: “Bersama kami nabi Allah yang mengetahui apa yang berlaku esok hari.” Mendengar lirik terakhir itu Rasulullah SAW menegurnya: Tinggalkan kata-kata itu dan teruskan dengan apa telah kamu nyayikan sebelumnya.”

Menurut al-Qaradhawi²² muzik dan nyanyian adalah tergolong dalam salah satu seni. Beliau menggambarkan kesenian muzik dan nyanyian itu seperti nilai kesenian terhadap lukisan, pemandangan serta bunyian alam semula jadi yang boleh menenangkan hati dan perasaan manusia apabila melihat atau mendengarnya. Sehubungan dengan itu tidak hairanlah pandangan beliau lebih cenderung mengharuskan muzik dan nyanyian asalkan ia tidak bertentangan dengan syarak.

Justeru, seharusnya remaja perlu lebih bijak dalam memilih hiburan yang betul dan tidak menyimpang dari landasan agama, adat dan budaya yang melampau. Tidak dapat dinafikan semua bentuk hiburan tidaklah dapat dipisahkan daripada kehidupan tetapi remaja perlu peka memilih medium yang tidak bercanggah dengan etika, norma dan nilai yang sesuai dengan masyarakat timur tanpa cenderung kepada yang tidak halal seperti najis dadah. Oleh itu golongan remaja sebagai pelapis kepimpinan negara perlu disuntik dengan kefahaman dan pendidikan agama yang sebenar agar pengaruh dan realiti semasa yang menyelubungi penghayatan dan amalan masyarakat terhadap hiburan menjadi songsang.

Hiburan yang dikuasai oleh unsur dadah amat membimbangkan. Ini kerana dadah merupakan musuh nombor satu dalam negara kita. Dadah

²² al-Qaradawi, Yusuf, 1985. *The Lawful and the Prohibited in Islam*. Terj. Kamal el-Helbawy et. al. Washington: American Trust Publication.

menyebabkan ramainya rakyat negara kita menjadi seperti mayat hidup dan menyebabkan hidup manusia menjadi musnah. Dadah merupakan satu istilah khas yang merujuk kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang diri dari aspek fizikal, mental dan emosi serta tingkah laku pengguna apabila digunakan. Akibat daripada kesan ini, seseorang yang menyalahgunakan dadah akan menjadi ketagih dan akan terus bergantung hidup kepadanya. Apatah lagi hiburan yang bercampur dengan unsur dadah akan merosakkan masyarakat.

Menurut al-Marbawi²³ dadah dalam bahasa Arab disebut sebagai al-mukhaddarat iaitu benda yang boleh menyebabkan kehilangan pertimbangan dan kewarasan seperti ganja dan morfin. Statistik menunjukkan bahawa penagih dadah di Malaysia terdiri daripada kalangan bangsa Melayu yang beragama Islam (Abdul Fatah 2009). Majoriti penagih dadah adalah remaja dan mereka terjebak dalam kancah dadah akibat pengaruh rakan sebaya, perasaan ingin tahu dan inginkan keseronokan hidup.

Remaja merupakan satu tempoh masa yang sangat sinonim dengan penyalahgunaan dadah berbanding peringkat umur yang lain. Golongan remaja yang sememangnya mempunyai sifat naluri ingin mencuba yang tinggi menyebabkan mereka terjebak dalam pelbagai kes jenayah termasuk penyalahgunaan dadah samada menjadi pengguna atau sebagai pengedar yang bertujuan mendapat hasil pendapatan lumayan dengan jalan singkat.

Faktor utama meningkatnya penagihan dadah ini ialah kelemahan iman, taqwa dan amal dalam kalangan umat Islam. Sedangkan Islam mengarahkan umatnya supaya sentiasa memelihara agama, nyawa, jiwa, akal, harta, maruah dan keturunan. Ketenangan dan kesejahteraan hidup apabila manusia mengamalkan agama. Dalam konteks pembangunan diri remaja, kepercayaan dan amalan agama Islam dapat menentang segala unsur negatif yang boleh mempengaruhi emosi dan mental remaja dan seterusnya menjadikan mereka bertindak melampaui batas. Islam dalam hal ini menekankan kaedah yang mendekatkan diri kepada Allah dengan amalan ibadah yang terdiri daripada amalan wajib dan sunat untuk mengatasi masalah yang melibatkan kejiwaan seperti masalah kebimbangan dan tekanan pada remaja. Tegasnya, dadah dan hedonism merupakan dua isu penting yang perlu ditangani dalam masyarakat.

²³ Al-Marbawi, Muhammad Idris Abdur Rauf. 1990. Kamus Idris Al-Marbawi. Darun Nu'man

Hedonisme juga berkait rapat dengan isu pornografi. Menurut Kamus Dewan²⁴ pornografi merujuk perkataan erotik yang bermaksud membangkitkan nafsu syahwat dan memberahikan. Pornografi membawa kesan negatif terhadap pembinaan masyarakat. Menurut Fariza,²⁵ ia merangsang nafsu syahwat penontonnya serta mendorong mereka meniru dan mempraktis gambaran tersebut. Apatah lagi, bagi golongan kanak-kanak dan remaja yang terdedah dengan pornografi memberikan kesan buruk kepada otak.

Masalah yang lebih membimbangkan apabila ditakuti remaja terjebak pula kepada aktiviti seks bebas sehingga ada yang menggugurkan anak. Lebih mengejutkan, apabila pelaku bukan sahaja tidak kesal, malu atau takut dengan dosa malah menyifatkan pengalaman berkenaan sebagai menyeronokkan. Apa yang lebih menyedihkan, remaja terbabit berpegang dengan prinsip “buat selagi tidak mengandung” ketika melakukan seks bebas menunjukkan mereka tidak mengenal erti dosa dan pahala dalam hidup.

Inilah senjata ampuh dunia barat yang telah menggunakan pelbagai sumber untuk menyebarkan fahaman hedonisme melalui pornografi dan dianggap mujarab untuk menyerang minda anak muda golongan remaja agar mereka terpesona dengan keseronokan dan tipu daya yang sementara. Implikasinya berlakulah pelbagai gejala sosial seperti kes cabul, rogol zina dan sebagainya. Al-Quran jelas menyatakan bahawa segala perkara tersebut adalah keji dan dilarang berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

*“Dan janganlah kalian mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk”.*²⁶

(Surah Al-Isra’ 17:32)

Pendidikan Ummah Mendepani Hedonisme

Hedonisme yang meracuni fikiran remaja telah menyebabkan pelbagai masalah serta isu sosial yang timbul dan tanpa disedari merupakan senjata moden halus pihak tertentu terutamanya dunia barat untuk menghancurkan umat Islam secara terancang melalui slogan dan fahaman yang mengelirukan

²⁴ Kamus Dewan. 2005. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

²⁵ Fariza Md Sham, Sulaiman Ibrahim, dan Ideris Endut (ed.). 2000. Dakwah dan perubahan sosial. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.

²⁶ Surah Al-Isra’, 17: 32

pihak tertentu atas nama kebebasan, keseronokan dan kegembiraan. Sayyid Qutb²⁷ menyatakan kemewahan menjadikan hati manusia menjadi kasar, hilang kepekaan dan merosakkan fitrah manusia. Remaja yang menjadikan hedonisme sebagai prinsip hidup adalah remaja yang rugi kerana telah mensia-siakan nikmat muda, sihat dan kuat untuk menambahkan lagi amal ibadah yang berpaksikan kepada sumber ilmu yang sahih dan amal yang ikhlas.

Setiap penyakit itu ada ubatnya manakala setiap permasalahan yang mendatang itu hendaklah dicari jalan penyelesaiannya. Hedonisme itu adalah bersumberkan ideologi yang dicipta oleh manusia maka jalan menghilangkan kesesatan itu adalah melalui pendidikan. Pendidikan Islam memainkan peranan yang penting bagi menghadapi mehnah dan tribulasi hedonisme. Ia selari dengan J. M. Halstead²⁸ menyatakan bahawa pendidikan Islam mampu membentuk nilai dan budaya baik dalam membina peribadi dan seterusnya membentuk insan manusia yang kenal akan pencipta.

Pendidikan Islam masa kini hanya dianggap sebagai mata pelajaran sahaja dan terpisah dengan konsep dan garis panduan hidup manusia sebenar yang tidak memahaminya dalam konteks sebenar. Oleh kerana itu, penghayatan dan pelaksanaan Pendidikan Islam hendaklah dihayati falsafah dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Hal ini selari dengan resolusi yang telah dicapai dalam seminar Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan dari 2-5 Oktober 1995 yang berbunyi:

“Pendidikan Islam hendaklah menjadi teras kepada sistem pendidikan kebangsaan dalam melaksanakan sistem pendidikan yang bersepadu yang berasaskan integrasi ilmu, akal dan wahyu ke arah menghapuskan dikotomi dan dualism dalam pendidikan”

Tegasnya, perlu adanya kesepaduan ilmu yang menyeluruh dan seimbang antara pendidikan Islam iaitu merangkumi ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah khususnya penerapan elemen kerohanian bagi mengisi kekosongan jiwa remaja yang mekar dengan keseronokan, kesenangan dan kemewahan yang melalaikan. Namun sistem ini tidak akan memberi kesan yang positif

²⁷ Sayyid Qutb. 2009. Fi Zilal al-Quran. Jilid 6. Kaherah: Dar al-Syuruq.

²⁸ J. M. Halstead. 2003. Islamic Value and Moral Education. Journal of Moral Education. 36(3).

sekiranya semua pihak tidak memainkan peranan masing-masing. Oleh itu keazaman yang tinggi, semangat yang tidak luntur dan tindakan yang positif dalam menimba ilmu pendidikan Islam diharap akan memberi kesedaran kepada remaja untuk melaksanakan tugas sebagai hamba Allah SWT dan khalifah-Nya di muka bumi ini.

KESIMPULAN

Setiap makhluk yang bernama manusia di muka bumi ini secara fitrahnya diciptakan mempunyai akal, jasad dan nafsu. Akal fungsinya adalah untuk berfikir berpandukan dengan al-Quran dan Sunnah melalui perantaraan wahyu oleh nabi dan rasul yang maksum. Jasad merupakan anggota badan secara lahiriah yang memerlukan kekuatan jasmani serta mempunyai roh yang dicipta sejak azali menjadi rahsia urusan ilahi manakala nafsu seringkali menyuruh kepada kemungkaran yang didokongi oleh insan lain yang mengingkari pencipta-Nya. Secara nalurinya setiap makhluk inginkan kenikmatan dan kesenangan terutamanya golongan remaja. Remaja sangat suka ingin mencuba pelbagai perkara yang menjadikan matlamat menghalalkan cara.

Kini, zaman pasca-moden membawa bersamanya pemikiran, fahaman dan gaya hidup yang amat menakutkan. Hakikatnya, media memainkan peranan dalam menguasai dan mengarahkan perasaan serta pemikiran masyarakat sesuai dengan kehendaknya. Jika digunakan untuk kejahatan dan kesesatan pengaruhnya amat buruk. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah [2]:120 yang bermaksud:

“Orang yahudi dan nasrani tidak akan senang kepada kamu sehingga kamu mengikuti agama mereka. Katakanlah “Sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk (yang benar) dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemahuan mereka setelah pengetahuan datang kepadamu, maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu”²⁹

(Surah Al-Baqarah 02:120)

²⁹ Surah Al-Baqarah, 2: 120

Justeru, segala bentuk ancaman dan celupan fahaman hedonisme pada zaman moden era globalisasi ini hendaklah ditapis oleh remaja supaya tidak terjerat dengan serangan pemikiran dan ideologi barat yang merosakkan dan menyesatkan mereka. Semua pihak saling berperanan berganding bahu untuk mengekang virus hedonisme ini daripada terus menjadi barah dalam institusi sosial melalui asas pendidikan Islam yang sentiasa menjadikan aqidah sebagai tonggak utama bersandarkan kepada al-Quran dan Sunnah.

RUJUKAN

- Adam Morton. 2004. *Philosophy in practise: an introduction to the main questions*. Australia: Blackwell Publishing.
- Al-Adib. 2009. Solusi. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali, Muhammad. 1993. *Kaifa nataamul maaal Quran*. Kaherah: Dar al-Wafa’
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abdur Rauf. 1990. Kamus Idris Al-Marbawi. Darun Nu’mam.
- Al-Qaradawi, Yusof, 1985. *The Lawful and the Prohibited in Islam*. Terj. Kamal el-Helbawy et. al. Washington: American Trust Publication.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 2004. Konsep Pendidikan Menurut Imam al-Shatibi. terj. Selangor: Safa Integrated Network.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 2004. Konsep Pendidikan Menurut Imam al-Shatibi. terj. Selangor: Safa Integrated Network.
- Bronfrenbrenner, D. 1989. *Ecological System Theory*. In: R. Vasta (Eds), *Six Theories of Child Development: Revised formulations and current issues* (187-250). Greenwich, CT: JAI Press.
- Chumaidi Syarif Romas. 2000. *Wacana Teologi Islam Kontemporer*. Indonesia: Tiara Wacana Yoga.
- Elizabeth B. Hurlock. 1990. Psikologi Perkembangan Suatu Pendekatan Sepanjang Rentang Kehidupan. Jakarta: Erlangga.
- Fariza Md Sham, Sulaiman Ibrahim, dan Ideris Endut (ed.). 2000. Dakwah dan perubahan sosial. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.
- Fathi Yakan. 2005. Apa Erti Saya Menganut Islam. (terj) Dewan Pustaka Fajar.
- Hafiz Hamzah 2004. Akademi Fantasia Khayalan Melayu Baru: Al-Islam. September.
- Haron Din et al. 1990. Manusia dan Islam. Jilid 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- J. M. Halstead. 2003. *Islamic Value and Moral Education*. Journal of Moral Education. 36(3).
- K.H Tarmizi Taher. 2003. Menyegarkan Akida Tauhid Insan Mati di Era Klenik. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Kamus Dewan. 2005. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kamus Malaysiana. 1994. Kuala Lumpur: Ensimal (M) Sdn Bhd.

- Mardzelah Makhzin. 2007. *Sains Pemikiran dan Etika*. Kuala Lumpur: PTS
- R. Venhoven. 2003. *Hedonism and Happiness*. Journal of Happiness Studies. ISSN 1573-7780.
- Sayyid Qutb. 2009. *Fi Zilal al-Quran*. Jilid 6. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Sidek Baba. 2006. *Kecelaruan Identiti Remaja Banyak Sebabnya*. Bernama.
- Sidek Baba. 2007. *Wahai Remaja: Kembaramu Bermula Disini*. Alaf 21. Shah Alam: Karya Bestari.
- Thoha. 1996. *Kapita Seleka Pendidikan Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

ANCAMAN LIBERALISME DI MALAYSIA¹

Muhammad Rashidi Wahab²

Abstrak

Serangan terhadap dunia Islam dari Barat tidak tertumpu kepada peperangan berbentuk fizikal sahaja, sebaliknya ia didatangkan dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Dalam hal ini, serangan pemikiran melalui penyebaran ideologi liberalisme, merupakan antara ancaman yang paling berbahaya kepada umat Islam pada masa kini. Di Malaysia, golongan pelampau Islam Liberal kelihatan semakin berani memasarkan idea liberalisme secara terbuka, sehingga semakin ramai orang yang mula terpengaruh dengan dakwah mereka. Perkembangan ini sangat membimbangkan dan perlu dijelaskan serta ditangani segera agar keutuhan agama dan umat Islam di Malaysia terus terpelihara. Berdasarkan kaedah analisis kandungan dokumen, artikel ini akan meneliti ancaman liberalisme di Malaysia daripada pelbagai sudut, terutamanya dengan melihat isu-isu yang diketengahkan oleh golongan Islam Liberal dan kaitannya dengan propaganda Barat. Artikel mendapati bahawa golongan Islam Liberal di Malaysia sedang dan telah menjalankan beberapa agenda, sama ada secara tersurat atau tersirat, bagi meruntuhkan kedaulatan Islam di Malaysia.

Katakunci: Liberalisme, Islam Liberal, Malaysia, Islam

Abstract

The attacks of the Western world on Islam do not only focus on the physical warfare, but it comes from various shapes and conditions. In this case, the war of perceptions through the dissemination of liberal ideology, is one of the most dangerous threats to Muslim today. In Malaysia context, Liberal Islam extremists seem to be more daring to market their idea openly, and had influenced many people to their propaganda. This development is very disturbing and needs to be explained and tackled urgently to preserve the

¹ Sebahagian artikel ini pernah dibentangkan dalam Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah Ke-9 yang bertemakan Liberalisme: Agenda Jahat Illuminati, pada tarikh 17 Januari 2017, anjuran MUFAKAT, JAKIM dan MAIWP, bertempat di Auditorium Besar JAKIM, Putrajaya. Lihat Muhammad Rashidi Wahab. 2017. *Pemikiran Liberalisme Dalam Wacana Agama dan Ancamannya di Malaysia*. Kertas Kerja Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah Ke-9. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat.

² Muhammad Rashidi Wahab. Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu. E-mel: muhdrashidi85@gmail.com.

sanctity of Islam in Malaysia. By content analysis method of their documents, this article will examine the threats of liberalism in Malaysia from various angles, especially by looking at the issues highlighted by the Liberal Islamists and their relation to Western propaganda. This study found that Liberal Islam in Malaysia has actively carried out several agendas continuously, either implicit or explicit, to undermine Islamic sovereignty in Malaysia.

Keywords: Liberalism, Liberal Islam, Malaysia, Islam

PENDAHULUAN

Dunia Islam pada masa kini menghadapi pelbagai bentuk ancaman. Sejarah menunjukkan bahawa kemunculan gerakan Kristianisasi³ mempunyai hubungan yang erat dengan penjajahan (kolonialisme), kerana salah satu matlamat penjajahan Barat ialah untuk menyebarkan agama Kristian kepada penduduk negara jajahan mereka. Misi tersebut mendapat sokongan kuat daripada pihak pemerintahan Barat bertujuan untuk memesonkan ajaran agama Islam, menghapuskan jati diri, menyerang pemikiran masyarakat, memadamkan sejarah kegemilangan, menyebarkan kebudayaan Barat dan sebagainya lagi.⁴ Justeru, walaupun penjajahan peperangan Barat ke atas dunia Islam telah berakhir, namun realitinya gerakan Kristianisasi melalui penjajahan moden versi baru terus berjalan dalam pelbagai bentuk, antaranya dengan menyebarkan ideologi pelbagai aliran pemikiran di atas nama agama dan kebenaran.⁵

Serangan pemikiran Barat terhadap dunia Islam terus berlangsung dalam zaman kontemporari ini dengan bantuan daripada orang Islam sendiri. Kebanyakan orang Islam yang terpengaruh dengan ideologi moden ini terdiri daripada mereka yang mendapat pendidikan Barat atau menjadikan Barat sebagai rujukan utama dalam setiap lapangan kehidupan, termasuk juga

³ Dalam konteks semasa, gerakan pelampau Kristian ini dikenali sebagai Kristian Evangelis atau Radical Evangelist Christian State (RECS). Gerakan pelampau ini turut menjadikan Malaysia sebagai salah satu sasaran mereka.

⁴ Serangan pemikiran Barat terhadap dunia Islam mempunyai tiga peringkat atau fasa iaitu; peringkat Perang Salib, peringkat penjajahan dan peringkat gerakan Kristianisasi. Dunia sekarang berada pada fasa terakhir iaitu di peringkat gerakan Kristianisasi. Lihat Hasan Muhammad Hasan. 1948. *Wasa'il Muqawamah al-Ghazw al-Fikri li al-'Alam al-Islami*. Riyadh: Al-Rabitah al-'Alam al-Islami. Hlm. 44-49.

⁵ Nik Azran Muhamed & Mohd. Mahadi Isa. 2005. *Gerakan Freemasonry Orientalisme Kristianisasi: Musuh Dalam Menghancurkan Islam*. Mesir: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM). Hlm. 309-319.

mereka yang terpengaruh dengan orientalisme.⁶ Dalam hal ini, sebahagian mereka telah menjadi pendakwah atau jurucakap bagi pihak Barat untuk mengajak umat Islam lain menerima pemikiran Barat, manakala sebahagian lagi menyokong ideologi tersebut tanpa mereka sedari bahawa fahaman itu mempunyai kaitan dengan pemikiran Barat.⁷ Keadaan tersebut secara tidak langsung memberikan kelebihan kepada Barat dalam meluaskan penyebaran pemikiran Barat dengan lebih cepat dan berkesan.

Salah satu ideologi yang menjadi senjata Barat terhadap negara dan umat Islam adalah melalui penyebaran liberalisme.⁸ Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima ancaman liberalisme, sama ada secara langsung atau tidak langsung, tersurat atau tersirat. Malah mungkin masih ramai umat Islam di Malaysia yang tidak menyedari tentang bahaya liberalisme terhadap agama dan negara. Oleh itu, artikel ini akan memfokuskan perbincangan mengenai ancaman liberalisme agama di Malaysia pada masa kini, dengan menganalisis agenda, strategi dan serangan yang dilakukan oleh golongan pelampau Islam Liberal (Muslim Liberal)⁹ khususnya dalam mencabar kedaulatan agama Islam di Malaysia. Sebagai permulaan, artikel ini terlebih dahulu akan menjelaskan tentang strategi Barat dalam memasarkan liberalisme kepada dunia Islam.

Strategi Barat Memasarkan Liberalisme

Sejarah membuktikan bahawa Barat sentiasa berusaha untuk menghancurkan agama dan umat Islam. Sikap melampau Yahudi dan Kristian ini jelas dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran sebagai peringatan kepada umat Islam.¹⁰ Justeru, semenjak berlakunya Peristiwa 11 September 2001,

⁶ Muhammad Shakir Sharif. 1411H. *Al-'Ilmaniyyah wa Thamaraha al-Khabithah*. Riyad: Dar al-Watan Lilnashr. Hlm. 14.

⁷ 'Ali Jarishah. 1989. *Al-Ittijahat al-Fikriyyah al-Mu'asirah*. Misr: Dar al-Wafa. Hlm. 80.

⁸ Rujuk juga Protokol Zionis yang turut menyatakan tentang usaha untuk menyebarkan dakwah liberalisme (*preach liberalism*) ke dalam negara bukan Yahudi. Lihat Tanpa penulis. 1921. *The Jewish Peril: The Protocols of the Learned Elders of Zion*. London: The Britons.

⁹ Penulis melihat bahawa penggunaan istilah Muslim Liberal adalah lebih sesuai dan tepat berbanding istilah Islam Liberal, kerana yang berpegang dengan pemikiran liberal itu ialah sebilangan orang Islam (Muslim Liberal) yang terpesong, bukan agama Islam itu sendiri yang liberal (Islam Liberal) atau Islam terpaksa mengikut telunjuk liberal. Namun, memandangkan istilah Islam Liberal telah digunakan secara meluas, maka penulis turut menggunakan istilah Islam Liberal dalam artikel ini.

¹⁰ Lihat surah al-Baqarah (2): ayat 120, yang bermaksud: *Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan reda (dan senang) kepada kamu hinggalah kamu mengikuti agama (dan cara) mereka. Katakanlah: Sesungguhnya petunjuk Allah itu petunjuk (yang benar). Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemahuan mereka setelah pengetahuan datang kepadamu, maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu.*

Hegemoni Barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat (AS) telah merombak semula strategi serta dasar hubungan luar mereka, khususnya yang berkaitan dengan ‘peperangan global menentang keganasan’ (*global war against terror*). Kempen ini kononnya bertujuan untuk membanteras aktiviti keganasan yang berlaku di seluruh dunia, khususnya terhadap dunia Islam. Pada masa yang sama, sesiapa yang tidak menyokong kempen ini maka secara automatiknya akan dilabelkan oleh AS dan sekutunya sebagai pengganas atau penyokong keganasan. Bagi melaksanakan idea ini, AS perlu menjalankan beberapa agenda, antaranya melalui jalan kebebasan, hak asasi manusia dan demokrasi liberal.¹¹ Yang dimaksudkan dengan kebebasan dan hak asasi manusia di dalam kertas ini adalah menurut pengertian pandangan alam sekular barat.

Oleh itu, RAND Corporation telah menjalankan kajian bertajuk *Bulding Moderate Muslim Networks*, bertujuan untuk membantu kerajaan AS merangka sebuah pelan dan strategi menyeluruh dalam menyebarkan idea kebebasan, hak asasi manusia dan demokrasi liberal ini. Mereka akan memanfaatkan pengalaman serta pengajaran yang diperoleh ketika Perang Dingin dengan Rusia sehingga mereka akhirnya berjaya menumbangkan kerajaan dan sistem Komunis. Menurut laporan RAND Corporation tersebut, pertempuran sebenar di dunia pada masa kini adalah peperangan pemikiran atau idea. Peperangan ini merupakan cabaran terbesar yang perlu dihadapi oleh Barat khususnya AS bagi mengekang kebangkitan dalam dunia Islam.¹²

Untuk berjaya di dalam agenda peperangan pemikiran ini, AS tidak boleh menjayakannya secara sendirian, tetapi perlu mendapatkan pertolongan dengan cara bekerjasama atau mengeksploitasi orang Islam yang berada di negara mereka sendiri. Barat menyediakan tapak dan gelanggang permainan untuk diberikan latihan yang secukupnya, manakala corak pelaksanaannya diserahkan kepada umat Islam sendiri berdasarkan cita rasa dan kawalan dari Barat. Justeru, RAND Corporation menyarankan agar kerajaan AS

¹¹ Ahmad Kamsani Samingan. 2012. *Demokrasi Liberal: Strategi Penjajahan Baru Barat di Dunia Islam (Siri 1)*. Dlm. <http://www.ismaweb.net/2012/06/demokrasi-liberal-strategi-penjajahan-baru-barat-di-dunia-islam-siri-1/>

¹² RAND Corporation. 2007. *Bulding Moderate Muslim Networks*. Angel Rabasa dll (ed.). Santa Monica, California: RAND Corporation. Hlm. xi-xxiv. Laporan yang dikeluarkan ini telah diulas oleh beberapa sarjana Islam antaranya: Basim Khafaji. 2007. *Istiratijyyat Gharbiyyat Lihtiwa' al-Islam*. Qahirah: Al-Markaz al-'Arabi Lildirasat al-Insaniyyah. Buku Basim Khafaji ini turut diterjemahkan dalam bahasa Malaysia oleh Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dengan tajuk *Strategi Barat Mengekang Islam: Kajian Laporan Yayasan RAND 2007*.

membangunkan dan menyokong pelbagai usaha pembinaan rangkaian Muslim Moderat (Islam Liberal atau Muslim Liberal) di seluruh dunia. Mereka yang dipilih mestilah terdiri daripada individu atau organisasi yang mendukung agenda AS berasaskan ciri-ciri yang telah ditetapkan, antaranya menyokong serta menerima hak asasi manusia, demokrasi Barat, kesamarataan gender, kebebasan beragama serta menolak autoriti tradisi (ASWJ).

Muslim Moderat ini akan diberikan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh AS melalui badan-badan yang ditubuhkan dan dibiayai oleh mereka seperti National Endowment for Democracy (NED), National Democratic Institute (NDI), Asia Foundation (AF) dan sebagainya lagi. Mereka berselindung disebalik 4 bidang tujahan yang dikatakan menjadi fokus utama mereka iaitu pembaharuan politik, reformasi ekonomi, reformasi pendidikan dan pemerksaan wanita. Manakala kumpulan sasaran mereka pula ialah; golongan akademik dan intelektual, ulama atau tokoh muda, aktivis masyarakat, kumpulan atau NGO wanita, dan wartawan serta media. Semua sasaran ini terdiri daripada kalangan Muslim Moderat atau mereka yang cenderung kepada liberalisme.¹³

Selain memberikan bantuan dari aspek kewangan, pengiktirafan dan publisiti media, AS juga akan memastikan platform untuk individu dan organisasi Muslim Moderat ini diperluaskan lagi. Antaranya dengan menjemput mereka melawat AS bagi membolehkan mereka mengenali polisi AS secara lebih dekat serta turut dikenali oleh pembuat dasar. Dalam buku *Civil Democratic Islam* yang ditulis oleh Cheryl Benard pula, penulis secara jelas menyatakan bahawa musuh utama dunia Barat pada masa kini adalah Islam. Beliau membahagikan umat Islam kepada empat golongan berdasarkan kepada bentuk pemikiran umat Islam, khususnya dari aspek kadar penerimaan atau penolakan mereka terhadap Barat yang dipromosi oleh AS seperti hak asasi manusia, demokrasi liberal, perundangan, ekonomi dan sebagainya lagi.¹⁴

Menurut Cheryl Benard, bagi menghadapi empat golongan ini, maka strategi yang digunakan juga perlu berbeza. Empat golongan yang dimaksudkan itu ialah fundamentalis, tradisional, moden dan sekularis.

¹³ RAND Corporation. 2007. op.cit. Hlm. 79-80.

¹⁴ Cheryl Benard. 2003. *Civil Democratic Islam: Partners, Resources and Strategies*. Santa Monica, California: RAND Corporation. Hlm. ix-xii.

Golongan fundamentalis terdiri daripada mereka yang menolak demokrasi, hak asasi manusia dan seluruh nilai-nilai Barat. Cara menghadapi mereka ialah dengan menganggap mereka sebagai musuh AS yang perlu diperangi, sama ada secara tersurat atau tersirat. Golongan tradisional pula dikatakan lebih menumpukan soal kerohanian dan keilmuan. Mereka kurang memberikan tumpuan kepada soal politik dan lain-lain. Mereka ini kurang mendatangkan masalah kepada Barat berbanding golongan fundamentalis. Dalam masa yang sama, AS boleh menggunakan dan memberikan bantuan kepada golongan tradisional untuk menyerang golongan fundamentalis, atau sebaliknya, bagi mencegah umat Islam bersatu.¹⁵

Manakala golongan moden (Islam Liberal) pula dikatakan bercita-cita membawa Islam menjadi lebih maju dan moden. Oleh itu, mereka berusaha menyesuaikan nilai-nilai Barat dengan Islam antaranya dengan menerima demokrasi, hak asasi manusia, ekonomi dan lain-lain lagi. Golongan sekularis pula ialah mereka yang terdiri daripada pemerintah serta tokoh Islam yang memisahkan agama dengan negara (Negara Sekular) mengikut acuan Barat. Berdasarkan geopolitik semasa, Cheryl Benard merasakan AS sepatutnya memberikan sokongan yang lebih kuat kepada golongan moden berbanding golongan sekularis. Ini kerana, umat Islam semakin mengenali keburukan golongan sekularis sehingga mereka tidak lagi dijadikan rujukan.¹⁶

Maka golongan moden perlu diberikan ruang dan peluang yang lebih besar untuk mereka muncul di media dan menonjolkan imej baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Tokoh-tokoh mereka juga perlu diberikan anugerah atau pengiktirafan oleh pelbagai pihak di AS supaya lebih dikenali. Namun penghalang terbesar kepada agenda ialah golongan fundamentalis yang berpegang teguh dengan ajaran Islam (ASWJ). Maka AS dan sekutunya termasuklah golongan Islam Liberal (modenis) perlu menyerang golongan fundamentalis, antaranya dengan menyerang dasar-dasar Islam (akidah) dan membuat konspirasi terhadap pelbagai isu seperti rasuah, kezaliman, ketidakmampuan memimpin dan sebagainya lagi.¹⁷

Dalam hal ini, penulis melihat sekurang-kurangnya terdapat 10 ciri utama Islam Liberal pada masa kini iaitu; memperjuangkan ideologi

¹⁵ *Ibid.* Hlm. 8-13.

¹⁶ *Ibid.* Hlm. 37-46.

¹⁷ *Ibid.*

sekularisme,¹⁸ berpegang dengan pluralisme agama, berpegang dengan rasionalisme, memperjuangkan hak asasi manusia, menggunakan tafsir hermeneutika terhadap al-Quran, menolak hadis sebagai sumber hukum, mempertikai syariah Islam untuk bebas berijtihad, menolak autoriti ulama dan institusi Islam, memperjuangkan kesamarataan gender dan feminisme, dan memperjuangkan seks bebas. Berdasarkan ciri-ciri ini, golongan Islam Liberal memperjuangkan agenda mereka melalui pelbagai kaedah dan strategi, atau melalui isu-isu tertentu, agar pemikiran liberal dapat disebarluaskan dalam masyarakat Islam.

Perkembangan Liberalisme di Malaysia

Liberalisme ialah suatu idea serta fahaman yang memperjuangkan kebebasan individu dan kesamarataan individu-individu dalam masyarakat. Secara bahasanya, liberal bermaksud bebas, bertoleransi, berfikiran luas, terbuka, pemurah, tidak ketat atau tepat dan tidak harfiah.¹⁹ Sebagai suatu konsep, teras kepada idea liberalisme ialah keprihatinan dalam melindungi dan menggalakkan kebebasan dan autonomi individu, dalam konteks penentangan terhadap pihak lain sama ada negara, masyarakat atau individu lain yang mengganggu kebebasan dan autonomi dalam segala aspek ini.²⁰ Secara lebih jelas, liberalisme merupakan suatu kepercayaan, falsafah hidup dan gerakan yang meletakkan idea kebebasan sebagai prinsip tertinggi dan dominan dalam usaha untuk membebaskan manusia daripada sebarang kawalan moral dan menggantikan peranan agama dalam mengatur kehidupan individu dan masyarakat.²¹

Sejarah kemunculan liberalisme dikaitkan dengan pertembungan yang berlaku dalam masyarakat Barat pada ketika itu (sekitar abad 15-17M) dengan sistem atau pihak berkuasa terutamanya gereja Kristian (Katolik) yang dikatakan telah melakukan penyelewengan, penindasan dan penyalahgunaan kuasa. Maka gerakan reformasi dilancarkan pada zaman Renaissance dipimpin oleh beberapa orang tokoh antaranya Martin Luther (m. 1546M).²²

¹⁸ Termasuk dalam memperjuangkan ideologi sekularisme ialah memperjuangkan Negara Sekular dan demokrasi liberal, memperjuangkan kebebasan individu dan mempercayai relativisme kebenaran.

¹⁹ Asmah Omar et al. (ed.). 2001. *Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti. Hlm. 1059.

²⁰ John Schwarzmantel. 1998. *The Age of Ideology: Political Ideologies from the American Revolution to Postmodern Times*. London: Macmillan Press. Hlm. 68. Lihat juga

²¹ Encyclopaedia Britannica, Inc. 1994. *The Encyclopaedia Britannica*. USA: Chicago. Jld. 13. Hlm. 990.

²² Khalif Muammar. 2009. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM. Hlm. 60.

Ia bertujuan untuk menolak serta menghapuskan ketuanan dan kekuasaan agama (gereja) yang dikatakan telah mengongkong kehidupan mereka. Akhirnya masyarakat Barat berjaya membebaskan diri serta kehidupan mereka daripada nilai-nilai keagamaan Kristian tersebut dengan memberikan tumpuan kepada aspek kemajuan, kemewahan, kebendaan, kemodenan, kemegahan dan kewangan semata-mata.

Maka kemunculan idea dan golongan Islam Liberal dalam wacana pemikiran Islam pula merupakan manifestasi daripada falsafah liberalisme di Barat tersebut. Istilah Islam Liberal dikatakan pertama kali dikemukakan oleh Charles Kuzman dalam bukunya *Liberal Islam: A Source Book* (1988),²³ dan diteruskan oleh Leonard Binder dalam bukunya *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies* (1998).²⁴ Walaupun istilah Islam Liberal ini baru sahaja diperkenalkan, namun idea liberalisme telah didokong lebih awal oleh sekumpulan umat Islam. Sebahagian pengkaji menyatakan bahawa Islam Liberal muncul di saat kerajaan Turki Uthmaniyyah berada di ambang kejatuhan. Kumpulan ini berhasrat mengajak umat Islam kepada gerakan modenisme bagi memperjuangkan pembaharuan. Kesyinambungan usaha ini diteruskan oleh golongan Islam Liberal secara lebih radikal melalui tokoh-tokoh seperti Ali Abdul Raziq, Mohammed Arkoun, Nasr Hamid Abu Zayd, Hasan Hanafi, Harun Nasution, Aminah Wadud dan sebagainya lagi.

Di rantau Nusantara, projek Islam Liberal bermula di Indonesia semenjak tahun 1970-an lagi melalui usaha Abdul Mukti Ali, Harun Nasution, Nurcholis Madjid, Ulil Absar dan lain-lain, sehingga pada tahun 2001 mereka menubuhkan Jaringan Islam Liberal (JIL). Dalam hal ini, Nurcholis Madjid contohnya, mengetengahkan tiga idea atau gagasan bertujuan menjalankan proses liberalisasi terhadap agama Islam iaitu melalui sekularisasi, kebebasan berfikir dan gagasan kemajuan. Sekularisasi yang merupakan tunjang utama idea ini dinyatakan sebagai suatu bentuk pembebasan terhadap pelbagai pandangan keagamaan yang dianggap keliru tetapi sudah kukuh disebabkan

²³ Charles Kurzman menyatakan bahawa Muslim pertama yang mencadangkan nama Liberal Islam ialah Asaf Ali Ashgar Fyzee (Faydi) (1899-1981). Charles Kurzman juga menjelaskan terdapat enam gagasan pemikiran Islam Liberal, iaitu: a) Melawan teokrasi, iaitu idea dalam mendirikan Negara Islam, b) Mendukung gagasan demokrasi, c) Membela hak-hak perempuan, d) Membela hak-hak non-Muslim, e) Memperjuangkan kebebasan berfikir, d) Membela gagasan kemajuan. Lihat Charles Kuzman. 1998. *Liberal Islam: A Source Book*. New York: Oxford University Press.

²⁴ Leonard Binder. 1998. *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies*. Chicago: University of Chicago Press.

tradisi yang mendasari ajaran Islam.²⁵ Namun idea sekularisasi ini telah dikritik hebat oleh sarjana Islam di Indonesia seperti HM Rasjidi yang telah menulis buku *Koreksi Terhadap Drs Nurcholis Madjid Tentang Sekularisasi*.²⁶

Dalam konteks Malaysia, liberalisme sudah lama bertapak seawal kemunculan liberalisme di Barat. Namun pada zaman kini, agenda liberalisme didatangkan dengan pelbagai bentuk, antaranya melalui organisasi tertentu seperti penubuhan InterFaith Commission (IFC). Sejarah awal sebelum tertubuhkan IFC di Malaysia atau asalnya iaitu Inter Religious Council (IRC), adalah melalui slogan ‘dialog antara agama’. Agenda ini telah dipelopori oleh Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST) yang ditubuhkan pada tahun 1983 (atau 1986)²⁷ dan Christian Federation of Malaysia (CFM) ditubuhkan pada tahun 1985. Selain itu Institut Kajian Dasar (IKD) telah ditubuhkan pada tahun 1985 yang antara lain bertujuan melahirkan kebangkitan kebudayaan, pembentukan masyarakat madani dan mempromosi interaksi antara negara-negara Asia Tenggara dan di luarnya melalui wacana isu kemodenan dan pembebasan. Manakala Sisters in Islam (SIS) pula ditubuhkan pada tahun 1988 (didaftarkan pada 1993) bagi memperjuangkan isu-isu wanita Islam.²⁸

Kronologi isu berkaitan penubuhan IRC ini bermula pada bulan Ogos 2001 apabila Majlis Peguam telah menerima satu memorandum daripada MCCBCHST mencadangkan penubuhan IRC seperti sebuah badan berkanun yang mempunyai kuasa undang-undang yang boleh mengubah ajaran sesuatu agama akibat desakan penganut agama lain. Menurut cadangan tersebut, badan ini berfungsi mirip sebuah mahkamah dan segala keputusannya adalah muktamad ke atas agama yang bersabit. IFC juga akan berfungsi seperti SUHAKAM yang menerima dan melayan aduan-aduan berkaitan dengan agama termasuk aduan orang bukan Islam terhadap agama Islam dan orang Islam.²⁹ Berikut merupakan kandungan memorandum IFC yang dibentangkan pada bulan Januari 2005, iaitu:

²⁵ Nurcholis Madjid. 2008. *Islam, Kemodernan dan Keindonesiaan*. Bandung: Penerbit Mizan. Hlm. 207.

²⁶ H.M. Rasjidi. 1977. *Koreksi Terhadap Drs. Nurcholis Madjid Tentang Sekularisasi*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

²⁷ Rujuk juga A Karim Omar. 25 Mac 2014. *Mengingat Kembali Ancaman IFC*. Dlm. <https://akarimomar.wordpress.com/2014/03/25/mengingat-kembali-ancaman-ifc/>

²⁸ Sisters in Islam. *The SIS Story*. Dlm. <http://www.sistersinislam.org.my/page.php?35>

²⁹ Rujuk surat MCCBCHS kepada Majlis Peguam yang bertarikh 22 Ogos 2001.

- a) Orang Islam hendaklah diberi hak murtad tanpa permohonan ke Mahkamah Syariah. Ini adalah hak yang diberi Artikel 11 Perlembagaan. Sebarang kes pertukaran agama orang Islam kepada bukan Islam tidak sepatutnya dikendalikan oleh mahkamah syariah tetapi dikendalikan oleh mahkamah sivil.
- b) Seseorang anak yang dilahirkan oleh ibu bapa Islam tidak seharusnya secara terus menjadi orang Islam.
- c) Orang-orang bukan Islam yang telah memeluk agama Islam hendaklah diberikan kebebasan untuk kembali kepada agama asal mereka (murtad) dan tidak boleh dikenakan tindakan undang-undang.
- d) Tidak perlu dicatatkan dalam kad pengenalan seseorang Muslim bahawa dia beragama Islam.
- e) Orang bukan Islam tidak perlu dikehendaki menganut Islam sekiranya ingin berkahwin dengan orang Islam. Orang Islam dibenarkan keluar daripada Islam (murtad) sekiranya ingin berkahwin dengan orang bukan Islam tanpa dikenakan apa-apa tindakan undang-undang.
- f) Seseorang atau pasangan suami isteri yang menukar agamanya dengan memeluk Islam tidak patut diberikan hak jagaan anak.
- g) Orang-orang yang bukan Islam yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan seorang yang memeluk Islam hendaklah diberikan hak menuntut harta pusakanya selepas kematiannya.
- h) Kerajaan hendaklah menyediakan dana yang mencukupi untuk membina dan menyelenggara rumah-rumah ibadat orang bukan Islam sebagaimana kerajaan menyediakan dana yang serupa untuk masjid.
- i) Orang bukan Islam hendaklah dibenarkan dan tidak boleh dihalang daripada menggunakan perkataan-perkataan suci Islam dalam percakapan dan sebagainya.
- j) Bible dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia sepatutnya dibenarkan untuk diedarkan kepada umum secara terbuka.
- k) Pelajaran agama bukan Islam untuk penganut agama itu hendaklah diajar di semua sekolah.

- l) Program-program berunsur Islam dalam bahasa ibunda sesuatu kaum hendaklah ditiadakan. Program dakwah agama lain selain Islam hendaklah dibenarkan untuk disiarkan dalam bahasa ibunda masing-masing.
- m) Orang-orang Islam yang membayar zakat tidak sepatutnya dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan wang hasil zakat sepatutnya digunakan untuk keperluan orang-orang bukan Islam.
- n) Sepatutnya Islam tidak tersebut sebagai pilihan pertama masyarakat Malaysia seperti dalam soal pakaian menutup aurat kepada pelajar sekolah.³⁰

Kandungan memorandum IFC ini adalah contoh terdekat bagi menjelaskan ancaman serta campur tangan orang bukan Islam dalam urusan umat Islam di Malaysia, dengan dibantu oleh golongan Islam Liberal antaranya SIS dan ditaja oleh penaja luar seperti Konrad Adenauer Foundation (KAF) dan Malaysian Interfaith Network (MIN). Kesan langsung atau tidak langsung daripada memorandum ini boleh dilihat dalam beberapa isu, contohnya dalam kes Lina Joy (1997-2007), Kumpulan Artikel 11 (2004), Katrika (2009) dan lain-lain. Walaupun IFC dikatakan telah dimansuhkan, namun agendanya terus berjalan sehingga kini, cumanya ia didatangkan dalam pelbagai bentuk dan wajah yang berbeza, tetapi matlamatnya masih sama, seperti penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN). Terkini, penubuhan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) juga perlu diberikan perhatian.³¹

Selain itu, agenda ini diteruskan lagi oleh COMANGO (Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process) iaitu sebuah gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia yang mengemukakan laporan hak asasi manusia ke proses Semakan Berkala Sejagat Majlis Hak Asasi Manusia

³⁰ Konrad Adenauer Foundation (KAF). 2007. *The Initiative for the Formation of a Malaysian Interfaith Commission: A Documentation*. S. Hadi Abdullah & K.S. Sieh (ed.). Kuala Lumpur: Konrad Adenauer Foundation. Lihat juga Ahmad Redzuan Mohamad et. al. Oktober 2017. *Interfaith Commission Malaysia: Analisis ke atas Penubuhannya dalam Merealisasikan Keharmonian Agama di Malaysia*. Al-'Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities. Nilai: Penerbit USIM. Hlm. 77-93.

³¹ Malay Mail Online. 11 Ogos 2013. *Minister: Interfaith commission never shelved, only renamed*. Dlm. <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/minister-interfaith-commission-never-shelved-only-renamed>

di bawah PBB dalam proses semakan pada 24 Oktober 2013 di Geneva. Gabungan ini disertai oleh 54 NGO Malaysia, termasuk juga beberapa NGO liberal seperti SIS, dan hanya 12 NGO sahaja berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Proses ini bertujuan mengkaji dan meneliti perkembangan serta prestasi isu-isu yang melibatkan hak asasi manusia sejak tahun 2009 terhadap 193 buah negara-negara anggota PBB antaranya Malaysia. Antara tuntutan yang dibuat oleh COMANGO ialah:³²

- a) Malaysia digesa untuk menandatangani *International Covenant on Civil & Political Rights (ICCPR)*. Dalam Artikel 18 ICCPR mengandungi *the rights of religious freedom* (kebebasan beragama). Kebebasan untuk memilih agama atau kepercayaan termasuk hak seseorang untuk menukar agama yang dianuti.
- b) Malaysia digesa untuk menandatangani *International Covenant on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD)*. Implikasi perkara ini akan mengheret kepada isu perkauman dan mencabar status quo yang melibatkan kedudukan orang Melayu dan Islam di Malaysia sepertimana yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia dan semangat kontrak sosial.
- c) Malaysia digesa untuk mengiktiraf hak-hak *Sexual Orientation and Gender Identity (SOGI)* terutamanya hak-hak lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). Implikasi perkara ini akan membawa kepada amalan kebebasan orientasi seksual songsang termasuk memberi kebenaran untuk mengiktiraf perkahwinan sesama jenis.³³

Oleh itu, agenda liberalisme di Malaysia didapati bermula dengan gugatan awal datangnya daripada orang bukan Islam. Arus ini kemudiannya ditumpang oleh golongan Islam Liberal memandangkan kebanyakan tuntutan yang dikemukakan oleh orang bukan Islam adalah menyamai dengan agenda liberalisme. Dari sudut lain, orang bukan Islam boleh mengambil

³² Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO). 2013. *Strakeholder Report on Malaysia: For the 17th Session in the 2nd Cycle of the Hrc's Universal Periodic Review in 2013*. Dlm. <http://www.suaram.net/wordpress/wp-content/uploads/2013/03/Comango-Report-11Mar13-FINAL-+-Annexure.pdf>

³³ Azril Mohd Amin. 2013. *Tuntutan-tuntutan COMANGO untuk Proses Semakan Berkala Sejangat Malaysia 2013*. Dlm. <https://azrilmohdamin.com/2013/09/18/tuntutan-tuntutan-comango-untuk-proses-semakan-berpenggal-sejangat-malaysia-2013/>

manfaat dari golongan Islam Liberal, seolah-olah tuntutan mereka turut disokong oleh orang Islam sendiri, dengan menonjolkan sokongan daripada golongan Islam Liberal. Desakan ini walaupun pada awalnya nampak kecil, namun lama-kelamaan ia menjadi semakin besar dan membarah. Jika dahulu jumlah mereka adalah sangat kecil dan sedikit, terkini mereka bergerak dalam jumlah dan kumpulan yang besar. Malah beberapa tuntutan mereka dilihat telah mula membuahkan hasil.

Ancaman Liberalisme di Malaysia Pada Masa Kini

Seluruh dunia pada masa kini, khususnya negara Islam, sedang diancam dengan dua bentuk ekstremisme, iaitu ekstremisme perbuatan seperti Isis/Daesh dan ekstremisme pemikiran seperti liberalisme. Menurut Shyakh al-Azhar, (al-Imam al-Akbar Prof. Dr.) Ahmad Tayyib, ancaman pemikiran sekular liberal adalah lebih berbahaya berbanding ekstremis perbuatan memandangkan ia sukar dikenali dan ditangani secara menyeluruh.³⁴ Dalam hal ini, Malaysia merupakan antara negara Islam yang menjadi sasaran utama golongan liberal pada masa kini. Agenda mereka bukan sahaja untuk merosakkan ajaran agama Islam, bahkan ia boleh membawa kepada ketidakstabilan politik serta sosial, menghakis perpaduan rakyat dan mengancam keselamatan negara.

Gerakan pelampau Islam Liberal di Malaysia kelihatan berkembang melalui pelbagai jalan dan saluran, antaranya melalui jaringan internet (globalisasi) dan kemasukan buku-buku berkaitan liberalisme dari luar negara. Perkara ini dipelopori dan didokong oleh individu dan kumpulan tertentu yang berfahaman liberal. Pada masa yang sama, sebagaimana dijelaskan di atas, Islam Liberal turut didokong oleh orang bukan Islam, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun perkembangan terkini menunjukkan bahawa fahaman Islam Liberal juga berkembang melalui politik yang tidak cenderung kepada agenda Islam. Ini menjadikan ancaman liberalisme di Malaysia semakin rumit untuk ditangani oleh pihak berkuasa agama.

Menurut penelitian penulis, daripada ciri-ciri Islam Liberal yang telah dinyatakan, dirumuskan bahawa terdapat 10 bentuk ancaman, agenda dan strategi utama golongan liberal di Malaysia pada masa kini, iaitu:

³⁴ Ruwaq Azhar. 26 Mac 2016. Al-Azhar: *Sekuler Liberal Berupaya Hancurkan Islam dan Lebih Bahaya daripada ISIS dan Takfiri*. Dlm. <http://ruwaqazhar.com/al-azhar-sekuler-liberal-berupaya-hancurkan-islam-dan-lebih-bahaya-daripada-isis-dan-takfiri.html>

1. Golongan liberal berusaha menghapuskan kedaulatan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, iaitu dengan menafikan kedudukan agama Islam di Malaysia sebagai agama bagi Persekutuan (agama Negara). Mereka sengaja menafsirkan Islam dalam Perlembagaan (Perkara 3(1)) adalah sekadar agama rasmi sahaja. Tujuan mereka berbuat demikian adalah untuk menyatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Sekular berasaskan demokrasi liberal yang tidak terikat langsung dengan peranan agama Islam. Maka sebarang perkara yang berkaitan dengan agama Islam perlu dihalang.
2. Golongan liberal berusaha menghapuskan Mahkamah Syariah atau Undang-undang Syariah dengan dakwaan bahawa Undang-undang Syariah adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, atau dengan dakwaan lain seperti Undang-undang Syariah tidak adil. Bahkan mereka cuba memperkecilkan peranan dan kedudukan Mahkamah Syariah, antaranya dengan membantah perluasan bidang kuasa serta mencabar keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di Mahkamah Sivil. Maka sebarang usaha pemerkasaan terhadap Mahkamah Syariah dan Undang-undang Syariah perlu dihalang, antaranya yang terkini mengenai cadangan pindaan RUU 355.
3. Golongan liberal berusaha memperjuangkan kebebasan berfikir dan bersuara secara mutlak terutamanya melalui jalan hak asasi manusia seperti isu seks bebas atau LGBTQI dan kesamarataan gender (feminisme), walaupun berlaku percanggahan dengan ajaran agama Islam. Oleh itu, mereka sedaya-upaya menyatakan bahawa kedudukan kebebasan dan hak asasi manusia dalam Perlembagaan Persekutuan adalah lebih tinggi atau lebih utama berbanding kedudukan agama Islam. Maka sebarang perkara yang dilihat bertentangan dengan tuntutan liberalisme dianggap sebagai menolak hak asasi manusia.
4. Golongan liberal berusaha memberikan imej buruk terhadap institusi Islam supaya institusi Islam di Malaysia dapat dihapuskan, ataupun sekurang-kurangnya dapat menghakis kepercayaan umat Islam sendiri terhadap institusi Islam. Mereka sedaya-upaya mengkritik dan menyerang institusi Islam dengan pelbagai dakwaan dan kenyataan

yang tidak berasas seperti desakan kumpulan G25 serta individu liberal lain supaya kerajaan menghapuskan JAKIM dan sebagainya. Antara tujuan lain mereka menyerang autoriti agama Islam adalah supaya pemikiran mereka dapat disebarikan tanpa halangan

5. Golongan liberal juga berusaha meruntuhkan autoriti ilmu dan para ulama dengan memberikan pelbagai persepsi buruk kepada agamawan dan ulama silam Ahli Sunnah wal Jama'ah (ASWJ). Hal ini bertujuan agar mereka dapat memberikan tafsiran baru yang bebas terhadap ajaran agama Islam tanpa terikat dengan autoriti ilmu dan ulama serta tradisi ASWJ, termasuklah menggunakan kaedah tafsir hermeneutika terhadap al-Quran dan menolak hadis sebagai sumber hukum (Quraniyyun). Pendekatan ini secara tidak langsung turut disokong oleh kelompok tajdid dan anti mazhab.
6. Golongan liberal berusaha menyamartaraskan semua agama (pluralisme agama) agar kedudukan agama Islam sebagai agama yang paling benar dan diredai oleh Allah SWT dapat dilenyapkan. Melalui toleransi antara agama, kedudukan agama Islam di Malaysia direndahkan setaraf dengan agama-agama lain sehingga boleh mengundang gejala murtad yang didakwa sebagai hak asasi manusia dalam kebebasan beragama. Maka semua bentuk ajaran sesat akan diperjuangkan sebagai golongan minoriti yang ditindas. Malah perkataan suci umat Islam seperti isu penggunaan kalimah Allah oleh Kristian adalah dibenarkan.
7. Golongan liberal berusaha mengadakan jaringan bersepadu dengan pelbagai pihak untuk menjayakan agenda liberalisme di Malaysia. Dengan memperoleh tajaan sumber kewangan yang banyak, pelbagai program disusun oleh kumpulan mereka seperti penganjuran seminar atau wacana, penulisan buku atau artikel dan sebagainya lagi. Namun sebahagian besar program yang diadakan itu telah menyalahgunakan jenama atau istilah dalam Islam, atau menonjolkan tema serta tokoh liberal tertentu yang kelihatan seolah-olah Islam tulen, sehingga sebilangan individu atau kumpulan Islamik juga turut terpedaya dengan luaran mereka.
8. Golongan liberal berusaha menyebarkan idea liberalisme kepada golongan berpendidikan tinggi dan golongan atasan yang memegang

jawatan atau kedudukan penting dalam kerajaan dan korporat. Melalui golongan ini, agenda liberalisme dapat dijayakan dengan lebih cepat dan berkesan. Selain itu, mereka juga berusaha menggunakan dan mengeksploitasi golongan muda bagi mengembangkan liberalisme, antaranya melalui gerakan buku *indie* dan penganjuran program jalanan dengan menyemai pemikiran berpaksikan kebebasan tanpa sempadan.

9. Golongan liberal berusaha menggunakan kuasa media secara besar-besaran, khususnya media *online*, bagi menyebarkan agenda liberalisme di Malaysia. Kelihatan beberapa portal media *online* telah dikuasai oleh mereka dengan bantuan pelbagai pihak, sehingga menyebabkan fahaman liberalisme dapat berkembang dengan pesat sekali. Pada masa yang sama, media mereka cuba meracuni dan melaga-lagakan sesama umat Islam di Malaysia dengan menonjolkan pelbagai isu sensitif. Ini bermaksud, idea liberalisme akan mempengaruhi pemikiran sebilangan umat Islam secara tidak sedar, apatah lagi rakyat Malaysia antara pengguna internet tertinggi di dunia.
10. Matlamat besar golongan liberal di Malaysia adalah untuk melemahkan serta menghapuskan institusi kesultanan yang mengetuai agama Islam di negeri-negeri seluruh Malaysia. Jika institusi kesultanan dapat dihapuskan, atau mereka berjaya menjadikan sultan/raja sekadar simbolik semata-mata, maka agenda liberalisme dapat dilaksanakan di Malaysia tanpa mampu dihalang lagi oleh pihak kerajaan atau pihak berkuasa agama. Namun kini mereka menumpukan kepada perkara lain terlebih dahulu sebagaimana yang dinyatakan di atas, dalam masa yang sama mereka cuba mendekati dan mempengaruhi sultan/raja (atau bakal sultan/raja) serta orang-orang yang rapat disekeliling sultan/raja.³⁵

Selain itu, pemerhatian penulis terhadap perkembangan semasa liberalisme di Malaysia, sama ada ia disebarkan melalui individu atau kumpulan tertentu, didapati golongan Islam Liberal di Malaysia tidak

³⁵ Penulis pernah mengemukakan 10 bentuk ancaman, agenda dan strategi utama golongan liberal di Malaysia ini semenjak tahun 2014 lagi, sama ada melalui pembentangan atau facebook penulis. Lihat juga Muhammad Rashidi Wahab. 2016. *Liberalisme: Moderat Atau Pelampau Agama?*. Dlm. Dewan Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Hlm. 4-8.

benar-benar memahami gagasan, ideologi atau falsafah liberalisme itu sendiri. Hal ini berbeza dengan golongan liberal di negara jiran Indonesia seperti Jaringan Islam Liberal (JIL), kelihatan mempunyai matlamat dan ciri-ciri yang lebih jelas dalam memperjuangkan agenda liberalisme mereka, apatah lagi dengan kemunculan beberapa orang tokoh liberalisme terkenal.³⁶ Namun di Malaysia, penyebaran fahaman liberal kebanyakannya berkembang melalui isu-isu tertentu, yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak berkepentingan dari semasa ke semasa. Melaluinya, mereka turut memanfaatkan sesiapa sahaja untuk menjayakan agenda liberalisme. Walaupun dibangkitkan melalui isu-isu tertentu, agenda liberalisme di Malaysia tetap mempunyai persamaan dengan beberapa ciri utama liberalisme dan tuntutan orang bukan Islam.

Fatwa Pengharaman Liberalisme di Malaysia

Melihat kepada bahaya ancaman liberalisme terhadap agama dan negara, beberapa fatwa telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama Islam di Malaysia. Dalam hal ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan tentang Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa Gerakan Pemikiran Liberal mengandungi fahaman-fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah sepertimana berikut:

1. Dari Aspek Akidah:

- a) Berpegang kepada konsep pluralisme: Konsep pluralisme adalah menjadi pegangan utama dalam aliran pemikiran liberal. Pluralisme agama berpendirian bahawa setiap agama mempunyai konsep, persepsi dan respon yang tersendiri terhadap Realiti Yang Agung (ultimate reality). Semua agama adalah sama tarafnya merujuk kepada Realiti Yang Agung.
- b) Akal manusia adalah wahyu: Aliran ini membahagi wahyu kepada dua kategori iaitu wahyu yang bertulis dan wahyu yang tidak bertulis. Wahyu bertulis adalah al-Quran dan ia adalah teks semata-mata. Wahyu tidak bertulis adalah akal manusia dan akallah

³⁶ Ahmad Yumni Abu Bakar. 2009. *Jaringan Islam Liberal (JIL): Kajian Terhadap Sumber Epistemologi*. Tesis sarjana. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

yang sebenarnya menghidupkan teks al-Quran berdasarkan tujuan, konteks suasana zaman.

- c) Meragui ketulenan al-Quran: Aliran pemikiran ini mendakwa al-Quran diresapi dengan budaya Arab kerana orang Arab menjadi pemilik bahasa itu, tambahan pula katanya Nabi Muhammad yang menjadi pembawa *risalah* juga terdiri dari orang Arab. Mereka menyatakan bahawa kesahihan *risalah* tersebut tidak ada lagi kerana sebenarnya yang ada hanyalah mesej budaya Arab.

2. Dari Aspek Syariah:

- a) Mempersoalkan metodologi pentafsiran al-Quran dan al-Hadith: Aliran pemikiran ini mempersoalkan cara atau metodologi pentafsiran al-Quran yang diguna pakai kini. Dengan slogan “membuka dan membebaskan tafsiran al-Quran”, aliran pemikiran ini menggunakan pendekatan takwilan sendiri terhadap beberapa ajaran al-Quran yang jauh berbeza dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah. Contohnya, mereka mendakwa syurga dan neraka tidak wujud melainkan kesan psikologi kegembiraan dan kesedihan manusia. Hari Akhirat ditafsirkan sebagai tidak wujud melainkan satu fasa untuk manusia mencapai satu tingkatan kepada tingkatan yang lebih matang dan sempurna.
- b) Menggesa tafsiran baru konsep ibadat: Aliran pemikiran ini juga berpegang ‘membuka dan membebaskan’ tafsiran al-Quran, sebagai alasan untuk memajukan umat Islam dan menganjurkan agar teks-teks al-Quran menempuh proses dekonstraksi bagi membolehkan tafsiran-tafsiran baru dibuat.
- c) Mempertikaikan kriteria dan *akhlak* kenabian: Aliran pemikiran ini secara sinis mengkritik sifat Nubuwwah yang dimiliki oleh Rasulullah SAW dengan mengatakan ia tidak lain hanyalah sebagai kemampuan kepimpinan seorang manusia ke atas manusia lain (leadership value). Justeru sesiapa pun boleh mempunyai sifat nubuwwah tersebut untuk memimpin manusia ke arah ciri-ciri yang baik. Malah mukjizat seperti peristiwa Isra’ dan Mikraj dianggap sebagai bahan cerita yang sengaja diperbesarkan (exageration) oleh pengikut baginda yang

taksub sedangkan ia hanyalah sekadar mimpi yang tidak terjadi di alam realiti.

- d) Sikap terhadap ilmu-ilmu Islam: Ilmu-ilmu Islam seperti Usul al-Tafsir, Usul al-Fiqh, Usul al-Hadith, al-Jarah wa al-Ta'dil dan sebagainya yang telah secara ijmak diterima sebagai metode dalam disiplin ilmu, telah dikritik oleh aliran pemikiran ini sebagai buatan manusia. Penentuan hukum yang telah qat'i dan hukum yang tidak qat'i menurut mereka perlu dinilai semula dalam usaha merealisasikan konsep membuka dan membebaskan Islam melalui tafsiran semula ajaran Islam.
- e) Sikap terhadap hukum: Aliran pemikiran liberal ini mempunyai kaedah yang tersendiri apabila merujuk kepada hukum-hukum Fiqh iaitu mengambil tujuan hukum bukan bentuk hukum.

Berdasarkan kepada ciri-ciri penyelewengan tersebut, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia memutuskan bahawa Aliran Pemikiran Liberal adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada Syariat Islam.³⁷ Selain itu, Jawatankuasa Fatwa Selangor yang bersidang pada 17 Julai 2014 telah mengharamkan fahaman liberalisme dan pluralisme agama termasuklah kumpulan Sisters in Islam (SIS) sepertimana berikut:

1. SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.
2. Mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.
3. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak.

³⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2006. *Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam di Malaysia*. Dlm. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/aliran-pemikiran-liberal-hukum-dan-implikasinya-kepada-islam-di-malaysia>

4. Mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.³⁸

Terkini pada tahun 2017, Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah turut memfatwakan dan mewartakan pengharaman fahaman liberalisme dan pluralisme di Negeri Sabah.³⁹ Semua fatwa ini menunjukkan bahawa pihak berkuasa agama di Malaysia menyedari tentang ancaman liberalisme di Malaysia. Namun ia perlu diperluaskan lagi di setiap negeri agar tindakan menyeluruh dapat dikenakan kepada mereka yang menyebarkan fahaman liberal. Selain itu, pihak berkuasa agama juga disarankan menubuhkan jawatankuasa khas yang terdiri daripada pakar-pakar liberalisme di seluruh negara. Jawatankuasa ini berperanan membantu pihak berkuasa agama dalam mendepani isu dan cabaran liberalisme di Malaysia secara lebih berkesan dan sistematik. Perkara ini penting memandangkan umat Islam pada masa kini berhadapan dengan suatu ancaman besar yang memerlukan kerjasama strategik daripada pelbagai pihak.

KESIMPULAN

Fenomena Islam Liberal di Malaysia pada masa kini menunjukkan bahawa penyebaran pemikiran ini telah meluas kepada umat Islam, walaupun fatwa pengharamannya telah dikeluarkan. Golongan liberal juga dilihat semakin berani mengeluarkan kenyataan yang bertentangan dengan agama Islam secara terang-terangan, terutamanya melalui saluran media internet. Maka jika penularan pemikiran liberal ini tidak ditangani segera, tidak mustahil ia akan terus berkembang pesat di Malaysia sebagaimana yang berlaku di

³⁸ Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2014. *Fatwa Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama*. Dlm. <http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/362-fatwa-pemikiran-liberalisme-dan-pluralisme-agama>

³⁹ Warta Kerajaan Negeri Sabah. 7 September 2017. *Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah Mengenai "Fahaman Liberalisme Dan Pluralisme Menurut Pandangan Islam"*. Hlm. 1166. Dlm. <https://www.sabah.gov.my/gazette/docs/002520.pdf>

⁴⁰ Didapati liberalisme turut ditolak oleh pihak kerajaan apabila Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, dilaporkan pernah menyatakan bahawa hak asasi manusia Barat sebagai "satu cabang agama baharu" yang berasaskan kepada pemikiran humanisme dan sekularisme serta liberalisme. Katanya lagi, "Hari ini, dengan cabaran globalisasi dunia tanpa sempadan, pemikiran songsang di sisi Islam seperti pluralisme dan liberalisme cuba dicerna dan disebarkan dengan mengaitkan kesucian agama Islam. Hakikatnya, pemikiran sesat ini merupakan ancaman yang sangat berbahaya kepada akidah dan syariat Islam itu sendiri." Lihat Mohd Najib Abdul Razak. 3 Jun 2014. *Perasmian Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-57 Tahun 1435H/2014M*. Dlm. <https://www.najibrazak.com/bm/speeches/perasmian-majlis-tilawah-al-quran-peringkat-kebangsaan-kali-ke-57-tahun-1435h2014m/>

beberapa negara Islam yang lain. Oleh itu, pihak kerajaan⁴⁰ melalui pihak berkuasa agama perlu bertindak tegas secara lebih agresif dan sistematik dalam mendepani ancaman liberalisme ini.⁴¹

Pada masa yang sama, umat Islam perlu diberikan pendidikan dan penjelasan yang menyeluruh berasaskan epistemologi yang digariskan oleh ulama ASWJ. Dalam erti kata lain, umat Islam perlu kembali kepada ajaran Islam sebenar yang menekankan pendekatan *wasatiyyah*,⁴² bagi menghadapi cabaran ekstremisme dalam dunia akhir zaman ini. Ekstremisme yang dimaksudkan di sini adalah ekstremisme pemikiran seperti liberalisme serta pascamodenisme, dan juga ekstremisme perbuatan seperti Isis/Daesh. Umat Islam mesti bersatu padu dan bekerjasama bagi memelihara kedaulatan agama Islam di Malaysia. Musuh-musuh Islam sentiasa mencari peluang untuk menghancurkan agama dan negara Islam dengan pelbagai strategi yang seharusnya disedari oleh setiap umat Islam.

⁴¹ Utusan Online. 18 Januari 2017. *Jakim digesa bertindak drastik, sistematik bendung agenda liberal*. Dlm. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/jakim-digesa-bertindak-drastik-sistematik-bendung-agenda-liberal-1.432953>

⁴² Menangani ancaman liberalisme turut diletakkan sebagai salah satu daripada objektif *Dasar Wasatiyyah Negara*. Lihat Institut Wasatiyyah Malaysia. 2017. *Dasar Wasatiyyah Negara*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 19. Dlm. http://iwm.jpm.gov.my/iwm/sites/default/files/SoftCopy-Buku%20Dasar_1.pdf

RUJUKAN

- ‘Ali Jarishah. 1989. *Al-Ittijahat al-Fikriyyah al-Mu’asirah*. Misr: Dar al-Wafa.
- A. Karim Omar. 25 Mac 2014. *Mengingat Kembali Ancaman IFC*. Dlm. <https://akarimomar.wordpress.com/2014/03/25/mengingat-kembali-ancaman-ifc/>
- Ahmad Kamsani Samingan. 2012. *Demokrasi Liberal: Strategi Penjajahan Baru Barat di Dunia Islam (Siri 1)*. Dlm. <http://www.ismaweb.net/2012/06/demokrasi-liberal-strategi-penjajahan-baru-barat-di-dunia-islam-siri-1/>
- Ahmad Redzuan Mohamad et. al. Oktober 2017. *Interfaith Commission Malaysia: Analisis ke atas Penubuhannya dalam Merealisasikan Keharmonian Agama di Malaysia*. Al-‘Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities. Nilai: Penerbit USIM.
- Ahmad Yumni Abu Bakar. 2009. *Jaringan Islam Liberal (JIL): Kajian Terhadap Sumber Epistemologi*. Tesis sarjana. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Asmah Omar et al. (ed.). 2001. *Oxford Fajar Advanced Learner’s English-Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Azril Mohd Amin. 2013. *Tuntutan-tuntutan COMANGO untuk Proses Semakan Berkala Sejagat Malaysia 2013*. Dlm. <https://azrilmohdamin.com/2013/09/18/tuntutan-tuntutan-comango-untuk-proses-semakan-berpenggal-sejagat-malaysia-2013/>
- Basim Khafaji. 2007. *Istiratijjiyyat Gharbiyyat Lihtiwa’ al-Islam*. Qahirah: Al-Markaz al-‘Arabi Lildirasat al-Insaniyyah.
- Charles Kuzman. 1998. *Liberal Islam: A Source Book*. New York: Oxford University Press.
- Cheryl Benard. 2003. *Civil Democratic Islam: Partners, Resources and Strategies*. Santa Monica, California: RAND Corporation. Hlm. ix-xii.
- Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO). 2013. *Strakeholder Report on Malaysia: For the 17th Session in the 2nd Cycle of the Hrc’s Universal Periodic Review in 2013*. Dlm. <http://www.suaram.net/wordpress/wp-content/uploads/2013/03/Comango-Report-11Mar13-FINAL-+-Annexure.pdf>
- Encyclopaedia Britannica, Inc. 1994. *The Encyclopaedia Brittanica*. USA: Chicago. Jld. 13.
- H.M. Rasjidi. 1977. *Koreksi Terhadap Drs. Nurcholis Madjid Tentang Sekularisasi*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Hasan Muhammad Hasan. 1948. *Wasa’il Muqawamah al-Ghazw al-Fikri li al-‘Alam al-Islami*. Riyad: Al-Rabitah al-‘Alam al-Islami.

- Institut Wasatiyyah Malaysia. 2017. *Dasar Wasatiyyah Negara*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 19. Dlm. http://iwm.jpm.gov.my/iwm/sites/default/files/SoftCopy-Buku%20Dasar_1.pdf
- John Schwarzmantel. 1998. *The Age of Ideology: Political Ideologies from the American Revolution to Postmodern Times*. London: Macmillan Press.
- Khalif Muammar. 2009. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM.
- Konrad Adenauer Foundation (KAF). 2007. *The Initiative for the Formation of a Malaysian Interfaith Commission: A Documentation*. S. Hadi Abdullah & K.S. Sieh (ed.). Kuala Lumpur: Konrad Adenauer Foundation.
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2014. *Fatwa Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama*. Dlm. <http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/362-fatwa-pemikiran-liberalisme-dan-pluralisme-agama>
- Leonard Binder. 1998. *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies*. Chicago: University of Chicago Press.
- Malay Mail Online. 11 Ogos 2013. *Minister: Interfaith commission never shelved, only renamed*. Dlm. <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/minister-interfaith-commission-never-shelved-only-renamed>
- Mohd Najib Abdul Razak. 3 Jun 2014. *Perasmian Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-57 Tahun 1435H/2014M*. Dlm. <https://www.najibrazak.com/bm/speeches/perasmian-majlis-tilawah-al-quran-peringkat-kebangsaan-kali-ke-57-tahun-1435h2014m/>
- Muhammad Rashidi Wahab. 2016. *Liberalisme: Moderat Atau Pelampau Agama?*. Dlm. Dewan Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Muhammad Rashidi Wahab. 2017. *Pemikiran Liberalisme Dalam Wacana Agama dan Ancamannya di Malaysia*. Kertas Kerja Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah Ke-9. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat.
- Muhammad Shakir Sharif. 1411H. *Al-'Ilmaniyyah wa Thamaraha al-Khabithah*. Riyadh: Dar al-Watan Lilnashr.
- Nik Azran Muhamed & Mohd. Mahadi Isa. 2005. *Gerakan Freemasonry Orientalisme Kristianisasi: Musuh Dalam Menghancurkan Islam*. Mesir: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM).
- Nurcholis Madjid. 2008. *Islam, Kemodernan dan Keindonesiaan*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2006. *Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam di Malaysia*. Dlm. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/aliran-pemikiran-liberal-hukum-dan-implikasinya-kepada-islam-di-malaysia>

RAND Corporation. 2007. *Bulding Moderate Muslim Networks*. Angel Rabasa dll (ed.). Santa Monica, California: RAND Corporation.

Ruwaq Azhar. 26 Mac 2016. Al-Azhar: *Sekuler Liberal Berupaya Hancurkan Islam dan Lebih Bahaya daripada ISIS dan Takfiri*. Dlm. <http://ruwaqazhar.com/al-azhar-sekuler-liberal-berupaya-hancurkan-islam-dan-lebih-bahaya-daripada-isis-dan-takfiri.html>

Sisters in Islam. The SIS Story. Dlm. <http://www.sistersinislam.org.my/page.php?35>

Surat MCCBCHS kepada Majlis Peguam yang bertarikh 22 Ogos 2001.

Tanpa penulis. 1921. *The Jewish Peril: The Protocols of the Learned Elders of Zion*. London: The Britons.

Utusan Online. 18 Januari 2017. *Jakim digesa bertindak drastik, sistematik bendung agenda liberal*. Dlm. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/jakim-digesa-bertindak-drastik-sistematik-bendung-agenda-liberal-1.432953>

Warta Kerajaan Negeri Sabah. 7 September 2017. *Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah Mengenai "Fahaman Liberalisme Dan Pluralisme Menurut Pandangan Islam"*. Hlm. 1166. Dlm. <https://www.sabah.gov.my/gazette/docs/002520.pdf>

EXPLICATING THE AKHLAK IDENTITY IN CORPORATE COMMUNICATION: ACQUIRING A HAPPINESS CONCEPT

Nor Azmidah binti Zali

Abstract

The revelation of ethical identity in annual reports is a form of voluntary disclosure in each company. Annual reports act as vehicle in corporate communication, providing proof that this corporate intangible asset has a significant element in achieving high perception and image of a corporate body. This paper is study about corporate ethical identity in annual reports as a corporate communication strategy of financial performance tool. Corporate communication will expose the process of translating corporate identity into corporate image or reputation. Companies that have strong image or reputation are understandably able to fulfil their stakeholders' satisfaction. For this study, the companies mentioned have been delegated by the Islamic organizations that are Malaysia Shariah-listed Company (SLCs). By looking at the SLCs from the perspective of Islamic organizations, the foundation of these companies should be rooted from Islamic laws, and the Shariah principle have to use *akhlak* as their corporate ethical identity which signifies the companies' Shariah-compliant status. The ethical identity imaged as the *akhlak* identity must be explicated in annual reports to show that the activities are compliant with Shariah rulings. The *akhlak* identity is developing through the concept of Akhlak (oneness) to shows that each of the dimensions is interrelated. To this end, the purpose of this disclosure is to achieve the happiness perspective and to show the development of the happiness model. This study is to fill the gap of the studies which show that the disclosure of the *akhlak* identity of Shariah companies is mandatory and not voluntary since the element of *akhlak* is grounded by the Akhlak concept. Then, the disclosure of *akhlak* identity marks a new paradigm for SLCs, so that it is not possible to have a robust financial reporting in enhancing corporate performance. This contribution will be emphasized by the body of knowledge where *akhlak* and *tauhidic* are significant in the disclosure of corporate ethical identity towards reaching the happiness concept.

Keywords: Corporate Ethical Identity, Akhlak Identity, *Tauhid*, Happiness, Model

Abstrak

Pendedahan identiti etika dalam laporan tahunan merupakan satu bentuk pendedahan secara sukarela dalam syarikat. Laporan tahunan bertindak sebagai alat kepada komunikasi korporat yang membuktikan etika sebagai aset tidak ketara ini mempunyai elemen yang signifikan dalam mencapai imej dan prestasi korporat yang tinggi. Kertas ini membincangkan identiti etika korporat dalam laporan tahunan sebagai strategi komunikasi korporat yang seterusnya menjadi alat prestasi kewangan. Komunikasi korporat ini melibatkan proses menterjemahkan identiti korporat kepada reputasi atau imej korporat. Syarikat yang mempunyai reputasi dan imej yang kukuh dapat memenuhi kepuasan pihak berkepentingan. Syarikat tersenarai Syariah (*Shariah Listed Company, SLC*) merupakan organisasi Islam yang mengamalkan etika Islam dalam pengamalan perniagaannya. Dengan melihat SLC dari perspektif organisasi Islam, asas pembentukan syarikat ini berakar umbi dari undang-undang dan prinsip Syariah, maka penggunaan *akhlak* sebagai identiti perlu sebagai imej patuh Syariah. Akhlak identiti ini perlu diperjelaskan dalam laporan tahunan supaya segala aktiviti perniagaan yang dilakukan mematuhi hukum Syariah. Identiti *akhlak* berkembang melalui konsep Akhlak (kesatuan) untuk menunjukkan bahawa setiap dimensi saling berkaitan. Sehubungan itu, tujuan pendedahan *akhlak* ini adalah untuk mencapai konsep kebahagiaan yang dipertontonkan melalui pembentukan model kebahagiaan. Kajian ini adalah untuk mengisi jurang kajian bahawa pendedahan identiti *akhlak* syarikat-syarikat Syariah adalah wajib dan bukannya secara sukarela kerana unsur *akhlak* adalah didasari oleh konsep Tauhid. Kemudian, pendedahan identiti *akhlak* dilihat sebagai satu paradigma baru untuk SLC dan dijangkakan dapat meningkatkan prestasi kewangan syarikat. Sumbangan ini dapat menyumbang kepada bidang pengetahuan di mana *akhlak* dan *akhlak* itu mempunyai perhubungan secara langsung dalam mencapai konsep kebahagiaan.

Kata Kunci: Identiti Etika Korporat, Identiti Akhlak, Tauhid, Kebahagiaan, Model

INTRODUCTION

Many literatures have shown the significance of corporate ethical identity (CEI) in organizations (Berrone et al. 2007; Haniffa & Hudaib, 2007). In

Islamic organization, ethics is not seen as philanthropy but an obligation to do so. In Malaysia, SLCs are an example of the Islamic organizations that fully based on Shariah principles. Having the CEI is considered to enable an organization to be able to lay out special and unique social and economic objectives (Haniffa & Hudaib 2007).

In introducing the ethical financial activities, the disclosure of annual report as a communication tools will be delivered to this purpose. The disclosure of business activities is an objective and duty of the social reporting in Islam (Haniffa & Hudaib 2002). The act of disclosing companies' information will produce the ethical identities as a communication tool to companies' stakeholders and to satisfy their demands (Haniffa & Hudaib 2007). According to Maali et al. (2006), stakeholders are potential users who also automatically suggest that they are important to the company.

Perkataan *indie* berasal daripada perkataan bahasa Inggeris, iaitu singkatan dari *independent* yang bermaksud bebas, merdeka dan tidak bergantung pada yang lain.⁸ Manakala definisi *indie* secara terminologi pula, ianya belum pernah dikemukakan oleh mana-mana pihak berautoriti di Malaysia secara jelas dan terperinci. Hal ini disebabkan perkataan *indie* merupakan suatu istilah baru yang tidak pernah dikenali sebelum ini oleh masyarakat tempatan. Melihat keadaan ini, penulis merasakan perlunya dikemukakan pengertian *indie* yang boleh diterima umum, atau sekurang-kurangnya pengertian tersebut dapat dijadikan asas dalam perbincangan di sini, memandangkan istilah *indie* ini semakin luas digunakan dalam pelbagai tulisan dan percakapan di Malaysia pada masa kini.

Oleh itu, penulis berpandangan istilah *indie* secara umumnya boleh difahami sebagai sebuah aliran atau budaya yang inginkan kebebasan dari sebarang kongkongan autoriti serta *mainstream* (majoriti arus perdana). Definisi ini diketengahkan kerana ianya dilihat bersesuaian dengan realiti pembawakan dan tindakan pendukung *indie* itu sendiri yang inginkan kebebasan dalam pelbagai bidang yang diceburi mereka. Pada masa yang sama, penulis menyedari bahawa sikap inginkan kebebasan yang ditonjolkan oleh kumpulan *indie* itu selalunya berkait rapat dengan pengaruh falsafah sesebuah aliran atau ideologi yang telah berjaya membentuk pemikiran mereka sehingga menghasilkan sesuatu tindakan.

Dalam dunia hari ini, terdapat pelbagai jenis kegiatan yang dimainkan oleh pendukung aliran *indie* antaranya melalui muzik, sastera atau penulisan

⁸ Joyce M. Hawkins. 2011. *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd. Hlm. 228. Independent juga bermaksud bebas daripada pengaruh atau kawalan yang lain; mentadbir diri (self-governing). Lihat Michael Agnes. 2003. *Webster's New World Compact Office Dictionary*. Canada: Wiley Publishing Inc. Hlm. 329

(buku, portal dan sebagainya), seni lukisan, permainan (*game*), media dan sebagainya lagi. Namun jenis *indie* yang paling menonjol di Malaysia malahan seluruh dunia ialah berasaskan muzik dan sastera yang majoritinya didukung oleh kumpulan-kumpulan generasi muda. Hal ini berlaku disebabkan sifat orang muda itu sendiri yang lebih sukakan kebebasan, maka sudah tentu kehadiran *indie* sangat dinantikan dan disambut gembira oleh mereka. Tetapi harus ditegaskan bahawa jika kegiatan *indie* ini tidak dikawal atau disediakan dengan baik terutamanya dari sudut kandungannya, dibimbangi *indie* akan dimasuki unsur-unsur fahaman liberalisme yang turut memperjuangkan hak-hak kebebasan melangkaui batasan.

Sejarah muzik *indie* contohnya, dikatakan mula berkembang di Barat sekitar tahun 1950-an atau 1960-an dengan idea awal untuk membebaskan diri dari label rakaman komersil terbesar (mainstream), iaitu dengan mengambil pendekatan menghasilkan penerbitan muzik secara sendiri sehingga tertubuhnya beberapa syarikat penerbitan muzik indie, kemudiannya berkembang kepada kemunculan para pemuzik atau artis *indie* sekitar tahun 1970-an atau 1980-an.⁹ Muzik *indie* tidak berhenti setakat itu, malah ianya terus berkembang pesat sehingga abad ke-21 kini dengan kemasukan elemen-elemen *indie* yang lain. Justeru itu, apa yang perlu diberikan perhatian di sini ialah berkenaan kandungan muzik indie, sama ada ianya bertentangan dengan agama, undang-undang, norma-norma masyarakat tempatan atau sebaliknya. Begitu juga berkaitan persoalan buku indie.

Dalam hal ini, sebilangan pendukung buku *indie* di Malaysia berpendapat bahawa aliran *indie* sebenarnya muncul lebih awal semenjak sebelum Perang Dunia Kedua lagi, iaitu melalui Walter Benjamin (1892-1940M) dan Theodor Adorno (1903-1969M) yang dianggap pencetus gerakan *indie* berdasarkan idea mereka terhadap budaya popular pada zaman Mazhab Frankfurt.¹⁰ Perlu dicatatkan bahawa Mazhab Frankfurt yang berpusat di Frankfurt, Jerman, merupakan sebuah aliran pemikiran neo-Marxisme (diasaskan oleh Karl Marx dengan menyebarkan ideologi Kapitalisme dan Sosialisme),¹¹ dan kedua-dua tokoh yang dinyatakan itu adalah beragama Yahudi. Maka bukanlah suatu

⁹ Johnny Rogan. 1992. Introduction: The Guinness Who's Who of *Indie* and New Wave Music. Colin Larkin (Ed.). London: Guinness Publishing. Hlm. 1-2.

¹⁰ Zul Fikri Amir. 2 Mei 2015. *Buku Pop (baca: Indie) Yang Meresahkan Orang Lambak*. Dlm. <http://zulfikrizamir.com>.

¹¹ Encyclopædia Britannica. *Frankfurt School*. Dlm. <https://www.britannica.com>.

yang menghairankan jika kegiatan *indie* di Malaysia mendapat perhatian negatif dari sesetengah pihak, iaitu dengan melihat dan mengaitkan mereka sebagai salah satu kumpulan yang cuba menyebarkan unsur-unsur liberalisme.

Menurut laporan Biro Tatanegara (BTN), perkembangan awal buku *indie* di Malaysia dikatakan bermula tahun 2000 yang bergerak secara sendirian tanpa bantuan dalam kumpulan yang kecil.¹² Peringkat awalnya kumpulan *indie* sekadar menumpukan perhatian untuk menerbitkan dan menjual buku menggunakan kreativiti tersendiri, sehingga buku-buku mereka berjaya diulang cetak beberapa kali. Selain menggunakan medium media baru seperti portal, *facebook*, *whatsapp* dan lain-lain untuk menjalankan promosi, mereka turut menganjurkan program-program jalanan berasaskan muzik dan buku untuk menarik minat orang muda mendampingi mereka. Program-program dianjurkan bersifat santai dengan menerapkan budaya *indie* dalam setiap muzik dan buku yang digunakan. Usaha sebegini telah melahirkan lebih ramai penulis dan peminat buku *indie* di seluruh Malaysia.



Gerakan Indie Di Malaysia

Disediakan oleh
Bahagian Penyelidikan & Penerbitan,
Biro Tatanegara

Slide bertajuk Gerakan *Indie* di Malaysia ini disediakan oleh Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan, Biro Tatanegara (BTN). Slide ini didapati telah tersebar kepada umum pada 15 Jun 2015.

Dalam hal ini, kelihatan gaya penulisan buku *indie* adalah bersifat memberontak dan agresif, luar dari kebiasaan sastera arus perdana yang terikat dengan etika penulisan dan penerbitan. Contohnya, jika sastera perdana

¹² Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan, Biro Tatanegara. 2015. *Slide: Gerakan Indie di Malaysia*. Putrajaya: Biro Tatanegara (BTN). Hlm. 4.

ialah kota besar, maka karya *indie* pula adalah kawasan yang menyebabkan kota tersebut nampak kecil akibat daripada pergerakan mereka meluaskan kawasan pinggiran.¹³ Penulis buku *indie* juga digalakkan menggunakan bahasa atau perkataan slanga dan celupar seperti babi, lahanat dan sebagainya lagi.¹⁴ Selain dipertikaikan dari sudut penggunaan gaya bahasa, apa yang lebih penting ialah, kehadiran buku *indie* telah membawa suatu kejutan budaya dan pemikiran yang sedikit sebanyak boleh memberi kesan dalam meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran selain mencabar sensitiviti masyarakat tempatan.

Melihat kepada tindakan dan pergerakan pendukung buku-buku *indie* di Malaysia pada hari ini, maka definisi buku *indie* yang dikemukakan sesetengah pihak sebagai kebebasan dalam penerbitan dan penulisan yang tidak terikat dengan mana-mana institusi atau syarikat¹⁵ dilihat tidak bertepatan dengan realiti sebenar. Malah menurut Alliance of Independent Authors (ALLi), kebebasan dalam kerangka penulisan *indie* ialah kebebasan untuk memberikan penerangan inklusif dan sentiasa bersifat relatif.¹⁶ Pengertian ALLi ini dilihat lebih hampir dengan realitif 'kebebasan' buku *indie* kerana jika dianalisis, kebanyakan buku *indie* ada menerapkan unsur-unsur inklusif dan relatif. Permasalahan timbul apabila inklusif dan relitif itu menyentuh persoalan agama Islam sehingga boleh membawa kepada fahaman liberalisme agama.

Oleh itu, pengertian buku *indie* di sini boleh difahami sebagai sebuah aliran atau budaya yang menggunakan buku sebagai bahan utama dalam menyebarkan idea atau pemikiran berdasarkan prinsip kebebasan dari sebarang kongkongan autoriti serta *mainstream* (majoriti arus perdana).¹⁷

¹³ Utusan Online. 7 Disember 2014. *Sastera Perdana, Indie, Popular: Kelangsungan Dalam Dunia Pasca Moden*. Dlm. www.utusan.com.my.

¹⁴ Penulis buku *indie* hanya perlu menghasilkan karya mengikut syarat yang ditetapkan oleh syarikat *indie* tanpa memikirkan tanggungjawab sosial mengangkat martabat kesusasteraan Melayu. Lihat Astro Awani. 2 Disember 2017. *Babi, laknat dan lucah, benarkah novel indie semakin kasar dan celupar?*. Dlm. <http://www.astroawani.com>.

¹⁵ Faisal Mustaffa. 19 Ogos 2015. *Sastera Indie (Part 2) Peranan Indie Dalam Masyarakat*. Dlm. kopitiamekonomi.com.

¹⁶ Alliance of Independent Authors (ALLi). *FAQ: About Self-Publishing & Indie Authors*. Dlm. allianceindependentauthors.org.

¹⁷ Definisi ini adalah merujuk kepada buku *indie* hitam, dan bukannya merujuk kepada buku *indie* putih. Namun penulis tidak cenderung untuk menggunakan istilah hitam atau putih kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan terhadap sebahagian umat Islam. Penulis melihat bahawa buku *indie* putih perlu diberikan istilah lain yang lebih sesuai. Dalam masa yang sama, buku *indie* putih juga boleh membina suatu fenomena baru dalam industri buku bagi menggantikan buku *indie* hitam.

Penulis melihat definisi buku *indie* ini sesuai disebabkan ianya mengambil kira aspek sejarah dan falsafah yang menjadi tunjang pemikiran mereka serta tidak melupakan juga aspek realiti. Namun definisi ini agak beza dengan definisi BTN yang menyatakan sastera *indie* (sastera tanpa *genre*) ditandai dengan kebebasan berfikir, idea yang tidak dikawal, tanpa ikatan peraturan, lepas-bebas dari sebarang hukum-hakam penerbitan atau norma hidup.¹⁸ Walaupun beberapa elemen adalah sama, tetapi kelemahan takrifan BTN kerana hanya merujuk kepada ciri-ciri buku *indie* sahaja.

Sorotan Perkembangan Buku *Indie* di Malaysia

Tarikh kemunculan buku *indie* di Malaysia tidak dapat ditentukan secara tepat, walaupun BTN menyatakan ianya bermula sekitar tahun 2000, namun hakikatnya kehadiran mereka lebih awal daripada itu. Ini kerana, perolehan maklumat melalui medium internet di Malaysia bermula sekitar tahun 1990-an lagi,¹⁹ maka kemasukan idea buku *indie* di Malaysia sudah tentu lebih awal dari tahun 2000. Namun pada awal kehadirannya, buku *indie* tidaklah begitu menonjol mungkin disebabkan capaian maklumat melalui internet masih kurang dan terbatas kepada kelompok tertentu sahaja. Mereka juga tidak diberikan liputan meluas oleh media arus perdana seperti televisyen, akhbar atau radio yang masih boleh dikawal oleh pihak kerajaan. Faktor ini menjadikan perkembangan buku *indie* di Malaysia pada ketika itu kurang mendapat sambutan.

Selain itu, peranan yang dimainkan oleh kemasukan buku *indie* dari negara jiran terutamanya Indonesia turut menjadi antara faktor penyumbang perkembangan awal buku *indie* di Malaysia. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sebahagian besar pemikiran menyeleweng yang bermula bertapak di Indonesia telah diimport masuk ke Malaysia dengan pelbagai kaedah, termasuklah melalui penyebaran buku. Contohnya, perkembangan fahaman Islam Liberal di Indonesia telah bermula semenjak tahun 1970-an lagi melalui usaha Abdul Mukti Ali, Harun Nasution, Nurcholis Madjid dan Ulil Absar, sehingga kemudiannya mereka berjaya menubuhkan pula Jaringan Islam Liberal (JIL) pada tahun 2001. Penyebaran Islam Liberal terus

¹⁸ Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan, Biro Tatanegara. 2015. op.cit. Hlm. 6.

¹⁹ Adnan Hussein & Kamaliah Hj. Siarap. 2000. *Penggunaan Teknologi Komunikasi-Informasi Dikalangan Ahli Akademik di Malaysia*. Jurnal Komunikasi (Jilid 16). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 120-121.

berkembang pesat melalui pelbagai program yang dijalankan, di samping menghasilkan buku-buku yang bertujuan untuk disebarkan kepada seluruh umat Islam di rantau Nusantara ini.

Selari dengan perkembangan pesat penggunaan internet di Malaysia pada hari ini, maka fenomena buku *indie* juga berkembang pesat seumpama cendawan yang tumbuh selepas hujan. Jika sebelum ini buku *indie* diterbitkan oleh penulisnya sendiri, namun kini buku *indie* telah diterbitkan oleh beberapa syarikat penerbitan yang sememangnya memfokuskan buku *indie* sahaja. Jika sebelum ini mereka bergerak berseorangan dalam kumpulan yang kecil, namun kini mereka bergerak dengan didukung oleh kumpulan atau syarikat yang lebih besar. Semua elemen ini menunjukkan perkembangan pesat buku *indie* di Malaysia, sehingga ianya boleh mencetuskan fenomena dalam kalangan generasi muda. Malah pergerakan dan perhubungan mereka secara *online* (atas talian) mempercepatkan lagi perkembangan buku *indie* di Malaysia.

Keadaan ini sudah tentu menyukarkan pihak berkuasa mendapatkan maklumat berkaitan pergerakan mereka secara terperinci. Namun melalui tinjauan awal penulis, penerbit buku atau bahan bacaan *indie* telah mendapat tempat di hati golongan muda terutamanya bagi mereka yang inginkan kebebasan berfikir dan bertindak tanpa sebarang sekatan. Tajuk yang diletakkan pada buku *indie* pula kelihatan bersifat catchy, menarik, sempoi, malah ada tajuk yang bersifat kasar serta kotor, kononnya bagi menepati citarasa generasi muda.²⁰ Buku-buku *indie* tersebut boleh dibeli di banyak kedai buku besar seperti MPH Bookstore dan juga secara *online* seperti di <http://bukuindie.my/> dan sebagainya lagi. Bukan setakat itu sahaja, para penulis buku *indie* juga giat mempromosi buku mereka melalui medium media sosial peribadi dengan sokongan para pengikut buku *indie*.

Antara syarikat penerbitan buku *indie* tempatan yang dilihat paling menonjol pada masa kini ialah DuBook Press (singkatannya DBP) dengan motto 'Liar & Angkuh'.²¹ Menurut portal rasmi mereka, DuBook Press adalah sebuah badan penerbitan bahan bacaan yang lahir pada tahun 2010 hasil

²⁰ Sinar Harian. 19 Mac 2016. *DBP Bimbang Penulis Muda Terpengaruh Karya Indie*. Dlm. www.sinarharian.com.my.

²¹ Antara penerbit buku *indie* lain yang disenaraikan oleh BTN ialah Studio Anai-Anai, Merpati Jingga, Lejen Press, Poket Press, Selut Press, Terfaktab, Kaukab, Fixi dan sebagainya lagi.

dari kekecewaan terhadap penerbit utama kerajaan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (juga singkatannya DBP) yang dikatakan “lebih gemar bermesyuarat makan karipap dan menerbitkan buku-buku hidup segan mati tak mahu”. Menurut DuBook Press lagi, mereka akan menerbitkan buku-buku untuk pasaran ‘niche’ dengan matlamat “menyemarakkan selera membaca di kalangan rakyat Malaysia agar setaraf dengan selera makan nasi lemak atau roti canai mereka”. Namun perlu diakui bahawa DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka) telah banyak menerbitkan buku berkualiti untuk orang awam sama ada berbentuk penyelidikan, rujukan akademik atau pembacaan peribadi yang jarang-jarang diterbitkan penerbit alternatif ataupun indie. Ia kembali kepada tujuan asal penubuhan DBP iaitu “membumikan ilmu” dan menjadi institusi terpenting bagi golongan yang benar-benar serius mengupas ilmu dengan lebih mendalam.




Logo DuBook Press dengan motto ‘Liar & Angkuh’.

Oleh itu, mereka (penerbit indie) menyatakan bahawa buku-buku yang diterbitkan oleh DuBook Press adalah “langsung tidak seperti buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana kalaulah ianya sama, nescaya buku kami juga hidup segan mati tak mahu”. Namun apa yang menghairankan, DuBook Press cuba menafikan bahawa mereka bukan penerbit buku *indie* sebagaimana yang dikatakan oleh sesetengah pihak. Menurut mereka lagi, penerbitan buku yang mereka usahakan itu hanyalah untuk berniaga sahaja demi menyahut matlamat kerajaan ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.²² Persoalannya, jika benar matlamat mereka hanya untuk berniaga, kenapa perlu memperlekehkan Dewan Bahasa dan Pustaka? Jika benar mereka bukan penerbit buku indie, kenapa begitu banyak sekali buku *indie* diterbitkan oleh mereka?

²² DuBook Press. *Perihal DuBook Press*. Dlm. dubookpress.com.

Tidak dinafikan, antara sumbangan penerbit buku *indie* adalah mampu serta aktif menerbitkan penulisan atau karya anak muda. Gaya penulisan yang santai, kena dengan sifat orang muda, menjadi antara sebab mengapa ia menjadi popular. Ini kerana, kajian telah membuktikan bahawa kemudahan bahan atau material pembacaan membantu meningkatkan frekuensi atau jumlah pembacaan santai (*recreational reading*) seseorang.²³ Pembacaan secara santai atau pembacaan santai bermaksud sesuatu yang tidak begitu diperlukan. Contoh bacaan santai adalah majalah, novel, puisi atau sajak, suratkhbar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa judul buku *indie* yang baik, bersifat patriotik, berunsur dakwah terhadap anak muda dan juga tidak lucu seperti buku-buku islamik.²⁴ Namun malangnya bahan yang lebih banyak di pasaran adalah buku *indie* yang bersifat agresif, mempunyai gaya bahasa bahasa kasar dan juga bersifat lucu.



Buku bertajuk “Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang” karya Zul Fikri Amir telah diulang cetak sebanyak lapan (8) kali semenjak mula diterbitkan pada tahun 2013.

Mengambil contoh sebuah buku terbitan DuBook Press bertajuk “Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang” karya Zul Fikri Zamir, buku *indie* ini dicetak pertama kali pada tahun 2013 dan cetakan terkini (sehingga penghujung tahun 2015) adalah cetakan kelapan. Kata Pengantar buku ini diberikan oleh Mohd Faizal Musa (Faisal Tehrani) di bawah catatan “Musim Monsoon di Malaysia: Teriak Anak Muda”. Buku yang mengkritik

²³ Zarina Zainol & Zaiton Endot. 2006. *Sandaran Kajian Umum Mengenai Pembacaan Santai Di Kalangan Pelajar*. National Student Development Conference (NASDEC) 2006. Dlm. <http://eprints.utm.my/251>

²⁴ Sebahagian orang menamakan buku sebegini sebagai buku *indie* putih.

sistem pendidikan di Malaysia ini dibahagikan kepada empat tema utama iaitu Mahasiswa dan Kebebasan Akademik, Pendidikan Nasional, Politik dan Sosial serta Kritik Teater. Penulisnya Zul Fikri Amir merupakan seorang aktivis pendidikan yang mengasaskan gerakan Teach for The Needs (TFTN), iaitu sebuah gerakan yang memberi khidmat pendidikan secara percuma kepada kumpulan sasaran terutamanya anak-anak golongan miskin dan gelandangan.



Contoh buku *indie* yang terdapat dalam pasaran tempatan.



Sebahagian buku Nami Cob Nobbler yang menggunakan perkataan lucu dalam tulisannya.

Sebahagian penulis buku *indie* juga didapati mempromosikan budaya yang bertentangan dengan nilai masyarakat dan bersifat lucu,²⁵ malah dengan sengaja melanggar penggunaan bahasa yang betul, kerana ia seolah-olah menjadi suatu syarat atau ramuan bagi menunjukkan identiti *indie* itu sendiri. Penulis Nadia Khan contohnya, dilihat mempromosi budaya seks

²⁵ Beberapa novel berunsur cinta turut mempunyai unsur atau aksi bersifat berahi, lucu dan romantik yang keterlaluan, yang juga perlu diberikan perhatian.

bebas dalam dua buah bukunya iaitu *Gantung* dan *Kelabu*. Sebagai seorang Muslim, apakah sisi baik yang ingin diketengahkan oleh beliau dalam buku tersebut, memandangkan perlakuan seks bebas, seks songsang dan transgender dilarang oleh Islam? Oleh itu, jika fenomena buku *indie* tidak dikawal selia dengan baik, ianya berpotensi besar mempengaruhi pembaca dalam kalangan generasi muda dan seterusnya boleh membawa kepada masalah pemikiran dan kebudayaan terhadap umat Islam di Malaysia.

Selain itu, mereka turut mempromosi buku *indie* melalui pelbagai program dan aktiviti yang diusahakan oleh beberapa kumpulan anak muda antaranya Buku Jalanan, Projek Dialog, Republik Buku dan sebagainya lagi.²⁶ Mereka akan memilih buku *indie* untuk dijadikan bahan diskusi dan perbincangan, malah buku berkaitan falsafah Barat yang bercanggah dengan Islam turut dijadikan bahan dan rujukan ketika diskusi tersebut. Lebih membimbangkan, para pendiskusi sebahagian besarnya bukan dari latar belakang pengajian Islam, begitu juga dengan penulis buku *indie* yang turut menjadi pendiskusi buku mereka sendiri atau buku-buku yang lain. Sambutan dari kalangan peserta pula kelihatan semakin bertambah dari semasa ke semasa, malah diwujudkan kumpulan-kumpulan kecil di tempat-tempat tertentu, termasuk di universiti awam mahupun swasta.




Sebahagian program yang dianjurkan oleh beberapa kumpulan anak muda berkaitan buku *indie*.

Dalam hal ini, BTN melihat kesan gerakan *indie* lebih kepada aspek politik dengan menyatakan bahawa mereka mempunyai pengikut senyap (*silent follower*) yang ramai dari kalangan pengundi muda untuk Pilihan

²⁶ Antara kumpulan buku *indie* lain yang disenaraikan oleh BTN ialah Sindiket Sol-Jah, Geng Jurnal, Rabak, Propaganda, *Indie 57*, Baskerz, Frinjan, Samjal dan sebagainya lagi.

Raya Umum ke-14 (PRU14). Mereka bergerak tanpa pemantauan khas dari pihak berkuasa, malah dikatakan gerakan mereka yang cenderung kepada pembangkang boleh memberi kesan kepada kerajaan sekarang ini. Selain itu, BTN juga menyatakan bahawa buku-buku *indie* terbitan mereka terutamanya yang mempunyai unsur-unsur lucah serta bebas turut dijual secara berleluasa tanpa sebarang sekatan. Akhirnya, fenomena buku *indie* ini telah melahirkan ikon-ikon baru yang menjadi ikutan generasi muda dengan membawa idea bebas (liberal) dan berpemikiran ekstrim seperti Benz Ali, Adam Adli, Melati Rahim, Zikri Ahmad dan sebagainya lagi.



Kuala Lumpur Alternative Bookfest (KLAB) merupakan salah satu aktiviti yang bertujuan mempromosikan buku alternatif antaranya buku *indie* melalui kerjasama dan sokongan dari golongan liberal.

Walaupun bagaimanapun, sebagaimana dijelaskan sebelum ini, penulis lebih cenderung melihat kehadiran buku *indie* boleh memberi kesan dalam meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan. Ini kerana, jika diteliti kandungan serta kualiti buku *indie*, mereka tidak mementingkan kesan buruk tersebut, sebaliknya mereka mahu bebas menulis apa sahaja, termasuklah bebas menyentuh atau mengkritik aspek-aspek yang berkaitan dengan agama Islam. Maka kaitan antara buku *indie* dengan unsur-unsur liberalisme kelihatan sangat dekat dan bagaikan sukar dinafikan lagi, apatah lagi kebanyakan program mereka mendapat bantuan dan kerjasama daripada golongan liberal.

Kecelaruan Penulis Buku *Indie*

Sebahagian para penulis buku *indie* berkemungkinan tidak menyedari bahawa pemikiran mereka telah diresapi oleh anasir-anasir menyeleweng dan bercanggah dengan ajaran agama Islam yang berteraskan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Mereka mungkin merasakan segala tulisan dan perbuatan mereka

itu tidak salah kerana tujuan mereka hanyalah untuk menyebarkan idea kreatif melalui penghasilan buku indie. Namun dalam topik ini, penulis hanya memilih seorang ikon buku *indie* sahaja sebagai sample bagi menjelaskan tentang kekeliruan penulis buku indie. Ikon buku *indie* yang dimaksudkan ialah Benz Ali.²⁷ Justifikasi pemilihannya disebabkan oleh kelantangannya dalam bersuara dan posisinya yang dilihat lebih menonjol dari penulis buku *indie* yang lain. Beliau juga aktif menulis di *facebook* (www.facebook.com/ilazneb). Pendedahan tentang kecelaruan pemikiran Benz Ali akan diteliti dari pelbagai sudut bagi mendapatkan rumusan yang menyeluruh.

1. Berdasarkan tulisan di buku *Antithesis*²⁸


Benz Ali telah menulis beberapa buah buku seperti *Antithesis*, *Anticonformity* dan *Masturbasi*. Namun di sini penulis hanya akan meneliti sebuah buku sahaja iaitu *Antithesis*²⁹ kerana buku ini dilihat agak menonjol berbanding bukunya yang lain. *Antithesis* secara umumnya bermaksud sesuatu yang bertentangan atau kontra dengan idea *mainstream* (majoriti arus perdana) dan autoriti. Buku *Antithesis* ini mencerminkan pemikirannya yang bercelaru dan bermasalah, termasuklah dalam aspek ajaran agama Islam. Peliknya, masih terdapat segelintir manusia yang memuji buku *Antithesis* tersebut sehingga menggelarkan Benz Ali sebagai Buddha Muslim.³⁰

²⁷ Benz Ali atau nama sebenarnya Amir Hamzah bin Akal Ali, pernah mengikuti program Diploma Usuluddin di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) (ambilan Mei 2006/2007), tetapi tidak menamatkan pengajian dan berhenti. Awal kemunculannya, Benz Ali aktif dalam aktiviti diskusi buku seperti Lepak Maqasid serta turut menulis beberapa artikel di portal berunsur fahaman liberal seperti Projek Dialog dan The Malaysian Insider. Banyak tulisan beliau berbaur kebencian melampau terhadap agamawan, islamis, ustaz-ustaz dan jabatan-jabatan agama, tidak kurang juga kepada para pemimpin, pemerintah, ahli politik, motivasi atau sesiapa sahaja yang dirasakan perlu dikritik. Mungkin sebahagian kritikan tersebut ada benarnya, tetapi ia disampaikan dalam keadaan tidak sopan serta ingin meruntuhkan dan bukan ingin membina.

²⁸ Buku ini telah dikenakan Perintah Larangan (PL) oleh Kementerian Dalam Negeri pada 19 Disember 2017. Rujuk <http://www.federalgazette.agc.gov.my>.

²⁹ Benz Ali. 2014. *Antithesis*. Selangor: DuBook Press.

³⁰ Sinar Harian. 10 Oktober 2014. Xifu Naser. *Buddha Muslim Bernama Benz Ali*. Dlm. <http://www.sinarharian.com.my>.



Kulit hadapan buku Antithesis tulisan Benz Ali.

Berdasarkan penelitian terhadap buku Antithesis, terdapat beberapa tema yang menonjolkan kekeliruan Benz Ali yang bersalahan dengan agama Islam yang berteraskan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Berikut dinyatakan beberapa kekeliruan tersebut:

- a) Menunjukkan kecenderungan kepada fahaman dan tokoh Syiah serta menyokong penyebaran Syiah di Malaysia, dalam masa yang sama mengritik termasuklah mengkritik para sahabat. Contohnya: “Aku tidak faham mengapa kamu tidak boleh terima orang Syiah? Sedangkan kamu boleh terima orang Hindu, orang Buddha, orang Kristian, tetapi kamu sakit mata tengok orang Syiah sangat kenapa?.” (Hlm. 24-25). “Aku tiada masalah tentang hal itu walaupun agama aku, tak mahu rujuk pada Para Sahabat. Kerana agama aku, adalah Tuhan (pesan-pesan Tuhan dalam Quran) dan interaksi-interaksi Nabi SAW.” (Hlm. 113). “Khomeini adalah 1000 kali lebih baik dan berguna dari 1000 ulamak-ulamak Sunnah di Tanah Melayu.” (Hlm. 216).
- b) Menunjukkan kekeliruan terhadap konsep ketuhanan, antaranya mengkritik dan mempersoalkan perbuatan serta keadilan Allah SWT. Contohnya: “Apakah Tuhan itu adil? Jika Tuhan itu adil, mengapa diciptakannya ada yang kaya dan ada yang miskin? Ada yang kaya

keparat, ada yang miskin melarat? Ada negeri yang ditimpa wabak bencana, ada negeri yang makmur sentosa; Dimanakah keadilan Tuhan?." (Hlm. 80). "Kenapa aku tidak meminta lahir pun ke dunia ini dan bila aku tidak beriman aku dihantar ke neraka pula? Ini apa semua ni? Sudahlah masalah-masalah di bumi, aku kena selesaikan, kemudian kalau aku tidak beriman, aku akan dihantar ke neraka? Letihnya! *Dilahirkan, untuk dihantar ke neraka.*" (Hlm. 208-209).

- c) Mempersoalkan kepentingan untuk beragama Islam dan mempromosi fahaman pluralisme agama secara tidak langsung melalui penekatan terhadap konsep kebaikan. Contohnya: "Agama tidak penting. Iman adalah cerita, Iman adalah naratif kau dengan Tuhan. Tiada kaitan dengan Geografi, zaman ataupun kerajaan. Iman tiada kaitan dengan itu semua. Sekiranya kau percaya pada Islam, sila teruskan. Sekiranya kau percaya pada Kristian, sila teruskan. Tidak penting untuk mengubah kepercayaan seseorang itu. Yang penting kita mesti menjadi baik. Kalau ada orang boleh menjadi baik, tanpa memerlukan perantaraan agama, juga silakan." (Hlm. 171-172). "Kalau manusia boleh mencapai Tuhan/Kebaikan/Kebahagiaan tanpa memerlukan perantaraan agama, maka apa perlunya lagi mereka kepada Islam?." (Hlm. 119).
- d) Menyatakan kebencian melampau terhadap ulama dan autoriti agama Islam dengan menuduh agamawan sebagai gila kuasa, bodoh sombong dan tidak berguna. Contohnya: "Dan aku membuat kesimpulan, bahawa nafsu ulamak kuat. Itu sahaja. Aku menambah, kuat seperti kuda jantan. Bukan ulamak itu kuda jantan." (Hlm. 70). "Agamawan seperti tidak berguna apa-apa... Antara ulamak dan Mee Maggie, Mee Maggie lebih menyelerakan." (Hlm. 135-136). "Kumpulan Islamis sangat ketagihkan kuasa. Dengan kuasa, mereka boleh bertindak, menguasai orang-orang lain, menghukum orang-orang yang berbeza dan menguasai sumber ekonomi." (Hlm. 206).
- e) Selain menggunakan bahasa yang kasar dan lucu, Benz Ali cuba mencampur adukkan perasaan atau pandangan peribadi dengan ajaran Islam. Maka itu surah al-Fatihah ditujukan kepada Nelson Mandela dengan memberikan terjemahan serta tafsiran sendiri yang menyeleweng terhadap surah al-Fatihah tersebut. Contohnya: "Dan

aku pula berkata, agama sudah macam kondom.” (Hlm. 82). “Al-Fatihah (Buat Nelson Mandela). *Bismillahir rahmanir rahim*. Dengan nama Tuhan, orang-orang tertindas seluruh dunia, dengarlah...” (Hlm. 210). “Antara faraj dan orang miskin, atas dunia aku melihat, ulamak semakin jahat dalam nikmat...” (Hlm. 71-72).

2. Berdasarkan tulisan di media sosial (facebook)

Benz Ali mempunyai akaun *facebook* dengan menggunakan nama Benz Ali (www.facebook.com/ilazneb). Sehingga kertas ini ditulis pada Mac 2016, pengikutnya (*follower*) adalah seramai 23 ribu orang. Melihat jumlah pengikut dan komen-komen di status *facebook*nya itu, andaian awal yang boleh dinyatakan ialah pengaruh buku *indie* di Malaysia terhadap generasi muda kelihatan agak ramai. Jumlah 23 ribu orang ini belum lagi dikira dengan pengikut ikon-ikon dan syarikat-syarikat buku *indie* yang lain, sudah tentu ianya boleh mencapai ratusan ribu orang. Bayangkan, jika fenomena buku *indie* ini tidak dikawal, mungkin dalam masa setahun atau dua tahun lagi, pengikut buku *indie* di *facebook* sahaja boleh mencapai sejuta orang. Angka sebesar ini sudah tentu membimbangkan umat Islam di Malaysia di mana kerisauan paling utama adalah terhadap faktor kecelaruan akidah.

Dalam hal ini, Benz Ali menggunakan akaun *facebook*nya untuk menulis status-status yang sebahagiannya bermaksud mengkritik institusi-institusi agama Islam dan mempersoalkan beberapa kepercayaan agama Islam yang secara jelasnya menunjukkan kecelaruan pemikirannya sendiri. Berikut dinyatakan beberapa contoh status *facebook* Benz Ali tersebut:

Benz Ali
25 November 2015

Selesai baca pdf lentang Abu Hurairah. Hadith-hadithnya lebih banyak dari Abu Bakar, Umar, Uthman bahkan Ali. Bahkan Asyraf juga kalahkan dalam meriwayatkan hadith berbanding jumlah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Sedangkan Abu Hurairah ni masuk Islam, tiga tahun sebelum Nabi wafat, tapi hadith-hadithnya lebih banyak dari seluruh sahabat. Ada 5374 hadith yang diriwayatkan beliau. Padanilah lahir Kasim Ahmad yang hentam habis-habisan keledikawarasan linah ini.

Hadith-hadithnya juga pelik, seperti Allah memasukkan kakinya ke dalam neraka, dan Nabi Musa menumbuk mata malaikat maut sampai tersempul mata malaikat maut. Macam cerita Son Goku pulak.

Aku semakin memahami logika kekuasaan. Kekuasaan boleh menonron agama. Tak pelir Asyraf Wajdi tu, Jamil Khir yang jaga agama tu rosak sebab kemainan kekuasaan. Abu Hurairah lebih awal bersengama dengan penguasa. Berkat jasa baik regim Umayyah, maka hadith-hadith Bapak kucing ni sampai kepada kita.

Benz Ali
11 November 2015

Aku memang setuju pun JAKIM dihapuskan. Di Indonesia, Islam tetap wujud walaupun tiada JAKIM.

Orang Islam di Malaysia jadi bodoh sebab di Malaysia ada JAKIM.

Kalau aku jadi sultan, aku akan hapuskan JAKIM.

Benz Ali
13 November 2015

{ cara melawan pejabat zakat, YaPeim, institusi agama dan yang seumpama... }

Pejabat Zakat dah pening kepala bila duit dah kurang masuk dalam kantong mereka.

cara nak mengagjar institusi-institusi agama yang korup ni adalah dengan memotong saluran ekonomi mereka.

Kalau kau rasa nak berzakat, nak bersadaqah, nak ber-tu, nak ber-ini, cari terus mereka yang memerlukan.

kau boleh hubungi Region Of Love atau Buku Jalanan Chow Kit, kau tak perlu berikan duit pun tak apa,

kau tukarkan duit kau jadi barang-barang keperluan untuk mereka-mereka yang memerlukan,

tak lama lagi banjir akan melanda pantai timur,

elok duit kau tukarkan untuk beli barang makanan/keperluan untuk mereka.



Sebahagian dari status *facebook* Benz Ali yang menunjukkan kecelaruan pemikirannya.

Berdasarkan beberapa contoh status *facebook* dan tulisannya dalam buku *Antithesis* yang bersifat indie, kecelaruan pemikiran Benz Ali jelas kelihatan dengan mempromosi pemikiran liberal. Mengakui sering menekuni karya 'Ali Shari'ati dan pelbagai karya berkisar Komunisme dan Syiah, kecelaruan beliau semakin jelas melalui status beliau di akaun *facebook* (namun dianggap beliau sebagai keluasan berfikir kerana rajin membaca). Malah kegiatannya diperluaskan lagi melalui program-program jualan kecil-kecilan, sama seperti gerakan buku *indie* lain yang telah dijelaskan di atas. Berikut dinyatakan beberapa contoh program buku *indie* yang disertai oleh Benz Ali:



Sebahagian dari program seputar dunia buku *indie* yang disertai oleh Benz Ali.

3. Berdasarkan perjumpaan secara bersemuka

Satu pertemuan bersama Benz Ali telah diadakan pada 7 Mei 2014. Pertemuan ini bertujuan untuk mendapat pencerahan darinya sendiri serta merungkai beberapa persoalan yang ditimbulkan olehnya secara terbuka sama ada melalui laman sosial facebook, ceramah atau buku. Pertemuan ini juga sebagai *check and balance* dalam merungkai kemusykilan beliau terhadap bidang kuasa pihak berautoriti agama antaranya, kenyataan menghina fungsi institusi agama Islam yang dianggap beliau hanya mengurus jenayah Syariah seperti tangkapan khalwat (memecah pintu, mengopak pintu atau menangkap pesalah khalwat) dan beberapa kenyataan lain lagi.



Benz Ali
17 April 2014 · 🌐

2 berita mengejutkan awal pagi ni:-

1) karpal singh mati (?)

2) jais call aku, nak minta aku buat penjelasan, nak minta alamat nai hantar surat

*Masalahnya, I'm nomadic right now.

No home, no fix address.



Benz Ali
3 May 2014 · 🌐

akan jumpa jais 7.5 (siri 1)

semalam melepak dengan hafiz dan aizad (kawan dari seksyen 7), dah lama tak melepak.

banyak benda yang dibincang, antaranya tentang surat cinta dari jais. mereka tanya, akan pergi ke?

ya, akan pergi. dan akan menegaskan, bahawa Islam, agama yang hidup, bukan agama yang mati. jika ani sunnah wai jamaah itu adalah agama yang hidup, itulah agama saya. saya tidak boleh beragama dengan agama yang mati, agama yang corrupt, dan agama yang stagnan, yang cuma membicarakan keadaan bodoh tetap bodoh, keadaan busuk terus membusuk, agama saya, agama perlawanan.

sesapa sahaja, yang tauhidnya, tauhid melawan, bukan tauhid yang stagnan, itulah saudara semian saya.

saya ingat, selain jais akan bertanya kepada saya, saya pun, ada banyak benda nak tanya kepada mereka.

jika kamu (pembaca) ada apa - apa soalan nak diajukan, boleh kemukakan di sini, atau pm pun okay.

kamu semua adalah pembayar cukai, pembayar zakat dalam negara ini. jangan bikan mereka berkuasa sesuka hati, tanpa dicabar.



Benz Ali
6 May 2014 · 🌐

akan jumpa jais 7.5 (siri 2)

ada sesiapa nak ke jais esok? pukul 10 pagi, lebih ramai lebih meriah, di shah alam.

balik dengan adi tadi, dalam kereta berbalut, falsafah setan. setan ini, kuat, bila kita takut.

bila kita takut, setan makin kuat, hantu makin kuat, tapi, kalau kita kuat, setan pula akan takut.

itu je caranya, jangan takut dengan setan. setan kena dilawan, atau sekurang - kurangnya, jangan takut.

begitulah jais pun, makin kau takut pada jais, makin kuat dia tekan kau nak lawan dia, serupa macam nak lawan setan juga.

jangan takut.

jangan bagi dia kuat.

lawan.

tunjukkan pada dia, kau tak takut pada dia.

kau tak beriman pada setan. kau tak beriman pada jais.

kau cuma beriman kepada Tuhan.

dan orang yang beriman, tak takut dengan setan.

Tiga status *facebook* bertarikh 17 April 2014 serta 3 dan 6 Mei 2014 ditulis oleh Benz Ali (sebelum sesi pertemuan).



Benz Ali
Yesterday at 10:10pm · 🌐

semasa dengan jais tempohari, selain secara berterus terang, aku mengatakan, bahawa, aku tidak suka dengan jais, dan betapa hari ini, lebih ramai orang beriman dengan jabatan, dan bukan beriman dengan Tuhan (keimanan yang penuh kepura - puraan) aku mengatakan, jais, selain dari kerja kopak pintu, pecah pintu, skodeng orang buat projek, apa lagi yang jais lakukan?

aku menyebutkan tentang darwin yang mahu diharamkan bukunya dalam bahasa melayu, betapa teruknya orang - orang jabatan agama, makan gaji buta, cuma untuk tangkap orang buat projek, ini memalukan, siapa yang kerja jabatan agama patut malu.



Benz Ali
7 May 2014 · 🌐

berasa gembira dapat jumpa jais siang tadi 😊 dan baru balik dari program huudud di karangkraf.

*akan menulis siri khutbah alternatif. kasihan pada jais. mereka terlalu bergantung kepada wacana kekuasaan (serupa PAS) tapi tak ada crowd, dan takut pada budak jualan.

jangan takut jika kau beriman.

lawan totalitarian. lawan authority agama!

Dua status *facebook* ditulis oleh Benz Ali selepas sesi pertemuan, namun status bertarikh 10 Mei 2014 (sebelah kanan) telah dipadam dan hanya tinggal status bertarikh 7 Mei 2014 (sebelah kiri). Status tersebut bersifat manipulatif terhadap gambaran sebenar sesi dialog yang kebanyakan soalan dijawab oleh beliau secara tidak serius malah seringkali cuba tidak menjawab soalan yang diajukan.

Dalam pertemuan tersebut, Benz Ali kelihatan cuba menafikan serta memutar-belitkan isu tulisan dalam status *facebook*nya, antaranya menyatakan sama ada benar atau tidak status *facebook* itu bersumberkan darinya sendiri ataupun dari tulisan orang lain. Malah Benz Ali turut mempersoalkan kecermatan penulis yang menganggap pelbagai tulisan kontroversi tersebut sebagai benar-benar dari tulisannya sendiri. Namun setelah diasak dengan andaian isu yang lebih baru seperti ulasannya yang terkini, beliau berhujah bahawa tiada salahnya untuk berbicara secara *majaz* (kiasan atau metafora), bahkan beliau beralasan bahawa pendapat atau tulisannya di *facebook* dikeluarkan secara spontan semata-mata. Benz Ali mengharapkan agar semua pihak perlu memahami bahawa beliau sedang melalui proses kesedaran secara berperingkat dan mahu meninggalkan apa yang dianggap salah oleh pihak berautoriti.

Soal jawab dengan Benz Ali membuktikan bahawa terdapat kaitan antara kecelaruan pemikiran akidah yang alaminya dengan perakuan faktor masalah peribadinya. Beliau memperakui bahawa kefahaman yang dipegang ketika ini tidak mempunyai kaitan dengan apa yang dipelajari sebelum ini, tetapi ianya terbentuk hasil daripada pengaruh dan pergaulannya dengan anggota masyarakat di luar seperti dari kalangan golongan ateis, LGBT dan sebagainya lagi. Namun, beliau mendakwa mempunyai pendirian sendiri yang dirasakan tidak terpengaruh dengan mereka itu, lantaran masih memelihara apa yang dianggap prinsip ajaran Islam. Bahkan apabila dikritik kaedahnya dalam memahami al-Quran, Benz Ali mendakwa sedang mempelajari kaedah atau metode yang benar dalam memahami agama Islam.

Benz Ali merupakan salah satu sampel atau contoh gejala serangan pemikiran yang sedang dihadapi oleh generasi muda terhadap aspirasi perjuangan mereka dalam mencapai keadilan dan kesaksamaan sosial. Namun, akibat kegopohan dan kecuaiannya mereka dalam merujuk kepada panduan ilmu dan bimbingan ulama, maka cita-cita murni tersebut terperangkap dengan tawaran acuan berfikir fahaman sekular dan liberal. Ini terpahat dalam

ungkapan beliau yang sentiasa diulangi iaitu kritikan terhadap autoriti agama atau monopoli tafsiran agama oleh ulama atau institusi-institusi agama Islam. Pendirian beliau ini dilengkapi dengan satu lagi prinsip iaitu dakwaan tidak wujudnya kebenaran yang mutlak (relativisme). Maka dapat difahami bahawa inilah asas yang membentuk sikap beliau dalam membaca dan menceburi perbahasan falsafah, tanpa panduan daripada perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Secara dasarnya, Benz Ali merupakan seorang bekas pelajar jurusan agama yang memiliki kemahiran berhujah tetapi dangkal dan cetek mengenai asas akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Benz Ali menganggap tiada sebarang masalah untuk mendekati atau mempelajari tradisi ilmu Syiah dan menyatakan hasrat untuk melanjutkan pengajian ke Qum, Iran. Namun, hasil pertemuan masih menaruh harapan bahawa beliau berupaya disedarkan, namun terpaksa melalui jalan dan tempoh yang panjang dan berliku. Dari satu aspek lain, harapan ini kelihatan agak tipis atau mungkin dihampakan sedikit kerana Benz Ali telah 'pergi jauh' dalam pergaulan dan penyertaannya dalam komuniti pemikiran liberal serta buku *indie* dan sebagainya lagi. Beliau juga telah diberikan salinan sebuah risalah bertajuk *Asbāb al-Murtad* susunan Syeikh Umar al-Fatani dengan harapan beliau dapat mengawal kekeluparan dalam mengeluarkan kenyataan yang dapat membatalkan iman dan *syahadah*.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Generasi muda mempunyai peranan yang sangat besar terhadap kelangsungan jatuh bangunnya sesebuah agama, negara dan bangsa. Malaysia sebagai Negara Islam yang berpegang teguh dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah perlu merangka strategi yang berkesan dalam mendepani pelbagai isu antaranya berkaitan dengan masalah buku *indie*. Ini kerana, walaupun tiada data tentang jumlah tepat bilangan pendukung buku *indie* di Malaysia, tetapi kehadiran buku *indie* telah memberikan lebih banyak kesan negatif khususnya kepada umat Islam, termasuk menggalakkan perkembangan liberalisme di Malaysia secara lebih meluas. Jika masalah buku *indie* ini tidak ditangani segera, ia boleh menggugat keutuhan agama Islam sama ada dari aspek akidah, syariah dan akhlak.

Tanpa menafikan sumbangan buku *indie* kepada industri buku tempatan, sebagaimana dijelaskan di atas, lambakan bahan bacaan buku *indie* akan

menyebabkan runtuhnya nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan. Oleh itu, bagi menghadapi fenomena buku *indie* di Malaysia, di sini penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk perhatian dan tindakan pihak yang berkaitan, iaitu:

- a) Menubuhkan jawatankuasa atau unit khas yang bertindak mendepani ideologi serta isu-isu baru seperti buku *indie*, terutamanya melalui saluran media yang menjadi rujukan pantas kepada umat Islam di Malaysia.
- b) Menjalankan penyelidikan akademik yang sesuai, tepat dan strategik bagi menjelaskan, menjawab serta menyelesaikan isu-isu berkaitan buku *indie* di Malaysia.
- c) Mengadakan sesi penjelasan melalui taklimat, seminar, wacana, khutbah dan lain-lain mengenai buku *indie*, terutamanya kepada kakitangan institusi agama Islam sendiri dan golongan sasaran yang tepat.
- d) Mewujudkan portal atau *page* (halaman) khas bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh golongan buku *indie* dan juga untuk menjelaskan status sesuatu buku *indie* itu hitam atau putih kepada para pembaca.
- e) Mengenakan Perintah Larangan (PL) atau pengharaman terhadap buku *indie* yang didapati bercanggah dengan agama Islam yang berteraskan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.
- f) Membuat sebaran melalui media *mainstream* tentang bahaya buku *indie* agar seluruh umat Islam di Malaysia, terutamanya generasi muda, lebih berhati-hati dan berwaspada.
- g) Menyediakan alternatif lain, seperti mengangkat buku *indie* putih, kepada generasi muda, agar mereka tidak terikut-ikut dengan budaya kasar, lucu dan tidak beretika dalam penulisan buku *indie* hitam.
- h) Meneruskan *dakwah bil hal* kepada penulis muda yang bergiat dalam penulisan buku *indie* supaya lebih beretika sebagai seorang penulis Muslim dengan menyediakan medium yang sesuai kepada mereka.

RUJUKAN

- Adnan Hussein & Kamaliah Hj. Siarap. 2000. *Penggunaan Teknologi Komunikasi-Informasi Dikalangan Ahli Akademik di Malaysia*. Jurnal Komunikasi (Jilid 16). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alliance of Independent Authors (ALLi). *FAQ: About Self-Publishing & Indie Authors*. Dlm. allianceindependentauthors.org.
- Astro Awani. 2 Disember 2017. *Babi, laknat dan lucah, benarkah novel indie semakin kasar dan celupar?*. Dlm. <http://www.astroawani.com>.
- Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan, Biro Tatanegara. 2015. *Slide: Gerakan Indie di Malaysia*. Putrajaya: Biro Tatanegara (BTN).
- Benz Ali. 2014. *Antithesis*. Selangor: DuBook Press.
- Bernama. 12 Disember 2011. *Malaysia Perlukan 28,000 Judul Buku Setahun Jadi Negara Maju*. Dlm. <http://www.bernama.com>.
- BH Online. 25 April 2011. *Kerajaan Sasar Terbit 26,000 Judul Buku Setahun*. Dlm. www.bharian.com.my.
- DuBook Press. *Perihal Dubook Press*. Dlm. dubookpress.com.
- Encyclopædia Britannica. *Frankfurt School*. Dlm. <https://www.britannica.com>.
- Faisal Mustaffa. 19 Ogos 2015. *Sastera Indie (Part 2) Peranan Indie Dalam Masyarakat*. Dlm. kopitiamekonomi.com.
- Johnny Rogan. 1992. *Introduction: The Guinness Who's Who of Indie and New Wave Music*. Colin Larkin (Ed.). London: Guinness Publishing.
- Joyce M. Hawkins. 2011. *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Michael Agnes. 2003. *Webster's New World Compact Office Dictionary*. Canada: Wiley Publishing Inc.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Siti Nur Hidayah Kusnin. 2016. Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku *Indie* di Malaysia. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor. Dlm. http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf
- Perintah Larangan (PL) oleh Kementerian Dalam Negeri pada 19 Disember 2017. Rujuk <http://www.federalgazette.agc.gov.my>.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2012. *Laporan Tahunan 2011*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

- PTS. 22 September 2004. *Buku Terjemahan Dalam Membina Industri Penerbitan Tempatan*. Dlm. <https://pts.com.my>.
- Sinar Harian. 10 Oktober 2014. Xifu Naser. *Buddha Muslim Bernama Benz Ali*. Dlm. <http://www.sinarharian.com.my>.
- Sinar Harian. 19 Mac 2016. *DBP Bimbang Penulis Muda Terpengaruh Karya Indie*. Dlm. www.sinarharian.com.my.
- Utusan Online. 16 Ogos 2011. *Penerbitan Buku Baru Cecah 16,000 Judul - Muhyiddin*. Dlm. <http://www1.utusan.com.my>.
- Utusan Online. 7 Disember 2014. *Sastera Perdana, Indie, Popular: Kelangsungan Dalam Dunia Pasca Moden*. Dlm. www.utusan.com.my.
- Zarina Zainol & Zaiton Endot. 2006. *Sandaran Kajian Umum Mengenai Pembacaan Santai Di Kalangan Pelajar*. National Student Development Conference (NASDEC) 2006. Dlm. <http://eprints.utm.my/251>
- Zul Fikri Amir. 2 Mei 2015. *Buku Pop (baca: Indie) Yang Meresahkan Orang Lambak*. Dlm. <http://zulfikrizamir.com>.

HAPPINESS INDICATOR FROM ISLAMIC WORLDVIEW

Nurfaradilla Haron¹

Abdul Ghafar Ismail

Abstract

Secara umum, ulama adalah golongan yang mempunyai ilmu pengetahuan atau yang mempunyai pengetahuan.¹⁷ Secara spesifiknya, ulama merupakan golongan yang memiliki ilmu pengetahuan tentang ilmu kealaman dan ilmu agama yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Dengan penguasaan ilmu-ilmu ini menyebabkan ulama boleh menjelaskan pelbagai masalah yang timbul dengan dalil yang berasaskan kepada pengetahuan dan ketepatan yang dapat dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, pengetahuan yang mereka miliki dalam ilmu agama menjadi teras utama untuk menamakan mereka sebagai ulama.¹⁸ Jika merujuk kepada sejarah perkembangan Islam di alam Melayu, kita boleh melihat bagaimana ulama Melayu telah bertindak sebagai intelektual ummah kerana sebelum kedatangan kuasa penjajah Barat masyarakat alam Melayu (Nusantara) telahpun mempunyai tamadun material dan intelektual yang tinggi dan cemerlang.¹⁹ Mereka menyemai budaya ilmu ke dalam masyarakat Melayu yang mampu melahirkan manusia Melayu yang celik agama serta mampu bertindak mengikut perkiraan ilmunya serta menyebarkan ke dalam masyarakat dan berfungsi sebagai pemimpin masyarakat.²⁰ Syeikh Tahir merupakan seorang ulama dan intelektual Melayu yang berlatarbekangkan pendidikan agama,²¹ pemikir yang responsif dengan realiti semasa. Tradisi intelektual Melayu-Islam boleh dirujuk kepada golongan ulama²² kerana kedua-duanya mempunyai beberapa persamaan.²³ Peranan Syeikh Tahir sebagai seorang ulama dengan pengetahuan dan keilmuannya banyak dimanfaatkan untuk kepentingan masyarakat. Beliau

¹⁶ Rahimin Affandi Abd Rahim, "Batu Bersurat Terengganu: Penilaian Terhadap Konsep Kearifan Tempatan Melayu-Islam," Kertas kerja, Seminar Batu Bersurat Piagam Terengganu pada 25-26 Mac 2012 di Kompleks Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Kuala Terengganu, 2012).

¹⁷ lihat Rohi Baalbaki, *al-Mawrid Qamus 'Arabi Englizi* (Beirut: Dar al-'Ilmi al-Malayin, 1993), 745.

¹⁸ Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama' di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke 20* (Sintok: UUM Press, 2011), 11.

¹⁹ Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru* (Kuala Lumpur: APMUM, 2001), 27- 40.

²⁰ Shafie Abu Bakar, *Keilmuan Islam Dan Tradisi Pengajian Pondok*, dalam Budi Kencana (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1994), 112-116.

²¹ lihat Ismail Hamid, *Peradaban Melayu dan Islam* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985), 87.

²² Othman Md. Yatim et al., "Tradisi Intelektual," 74.

²³ Shukri Ahmad, "Pengaruh Pemikiran," 53.

sering diberi kepercayaan untuk membantu menyelesaikan masalah hukum dan persoalan dalam bidang agama.²⁴

Syeikh Tahir cuba menyelesaikan persoalan yang berlaku di tengah-tengah kelompok masyarakat berkenaan isu *khilafiyah*. Beliau cuba mengharmonikan kedudukan masyarakat dengan memberikan nafas baru kepada persoalan tersebut. Ini bertepatan dengan karakter seorang ulama yang kebiasaannya mereka bertindak dalam beberapa kapasiti yang khusus, sebagai pemikir, pendidik dan mengatur hubungan masyarakat agar menjadi lebih harmonis dan mengelakkan huru hara²⁵ kerana ulama Melayu silam adalah intelektual masyarakat. Mereka memikirkan masalah masyarakat dan mencadangkan cara penyelesaian kepada masalah tersebut²⁶ serta merancang kepada usaha-usaha yang berkesan untuk memperkenalkan agama Islam kepada masyarakat.²⁷ Mereka bukan sekadar mempunyai minda pemerolehan dan menganalisis, tetapi juga minda yang bersifat kritikal, imaginatif dan kreatif, juga bersifat keterlibatan dan berubah.²⁸

PEMIKIRAN HUKUM RESPONSIF

Syeikh Tahir mempunyai pemikiran hukum yang responsif terhadap realiti semasa. Beliau cuba untuk menangani isu yang berlaku dalam masyarakat berkaitan isu solat sunat *Qabliyyah* jumaat²⁹ kerana masyarakat pada ketika itu rata-ratanya terkeliru dan kurang memahami isu tersebut.³⁰ Ini merupakan sifat keprihatinan dan sikap kesungguhan beliau untuk memberi kefahaman kepada masyarakat terhadap permasalahan *khilafiyah* yang wujud dalam masyarakat pada ketika itu. Menurut beliau :

²⁴ Sheikh Tahir Jalaluddin Al-Falaki”, laman sesawang Jabatan Mufti Pulau Pinang, http://mufti.penang.gov.my/v1/pusat_falak/sheikh%20tahir%20jalaluddin.htm.

²⁵ Rahimin Affandi Abd Rahim, “Warisan Karya Ulama Melayu Islam dan Kaitannya dengan Pengajian Moral di Zaman Moden,” *Jurnal Usuluddin*, bil. 27, (2008), 169-189.

²⁶ Rahimin Affandi Abdul Rahim (Professor Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 14 Ogos 2012.

²⁷ Abdul Halim el-Muhammady, *Dakwah dan Kesannya dalam kehidupan Masyarakat Melayu Tradisional, dalam Dinamika Dakwah suatu Perspektif dari Zaman Awal Islam Hingga Kini* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1992), 173-184.

²⁸ Shukri Ahmad, “Pengaruh Pemikiran,” 29.

²⁹ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'ah* (Pulang Pinang: Zi United Press, 1953), 1.

³⁰ lihat al-Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari, *Risalah Penebas Bid'ah-bid'ah di Kepala Batas* (Pulau Pinang: Lembaga Persediaan Majlis Muzakarah Kampung Baharu, t.t), 22.

Adalah yang mengerakkan hamba kepada yang demikian ialah kewajipan menunaikan nasihat, kerana Allah dan Rasul-Nya dan bagi sekalian orang Islam, bagaimana yang telah warid di dalam hadis yang sahih dan harapkan mendapat pahala yang dijanjikan oleh Sahib al-Shari'ah SAW bagi orang yang menghidupkan sunahnya yang telah mati dan sesungguhnya tiadalah hamba menyengaja dengan karangan ini menzahirkan diri atau bermegah-megah.³¹

Syeikh Tahir responsif kepada persoalan hukum yang berlaku dalam masyarakat. Beliau mencadangkan penyelesaian kepada persoalan tersebut dengan mendatangkan dalil dan hujah yang konsisten untuk menyelesaikannya kerana peranan seorang ulama bertindak sebagai benteng terakhir ummah dan menjadi pakar rujuk masyarakat yang dilanda krisis kekeliruan.³² Ini adalah bukti bahawa tradisi intelektual Melayu bersifat dinamik dan responsif dengan keperluan zaman. Ianya juga menggambarkan beliau sebagai manusia rabbani yang mengaitkan hubungan manusia dengan alam, masyarakat dan Allah SWT. Begitu juga sebagai pemikir yang responsif terhadap realiti semasa³³ dan sebagai sarjana Melayu-Islam yang mampu bertindak sebagai intelektual ummah secara lebih kritikal ketika berhadapan dengan permasalahan masyarakat.³⁴ Ini bertepatan sebagaimana yang telah diamalkan oleh khalifah-khalifah Islam yang terdahulu. Mereka melaksanakan syariah Islam dengan cara yang dinamik dan responsif yang positif terhadap perkembangan dan perubahan masyarakat.³⁵ Bagaimana al-Qur'an juga memperingatkan supaya kita sentiasa tampil untuk saling memperingatkan dan menyelesaikan masalah yang ada dalam masyarakat.³⁶ Justeru itu, intelektual Melayu ini boleh dikatakan sebagai formula dan kepandaian manusia Melayu-Islam dalam mengatur kehidupan mereka untuk berhadapan dengan permasalahan agama, alam dan makhluk.³⁷

³¹ Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ini Huraian yang membakar Taman Persuraian Haji Bakar Pada menyatakan Hukum Dua Raka'at Qabliyah al-Jumaah* (Kaherah: al-Matba'ah al-Marbawiyah, 1932), 2.

³² Mohammad Redzuan Othman, *Pengaruh Timur Tengah dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu dalam Jendela Masa* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 254-256.

³³ Othman Md. Yatim et al., "Tradisi Intelektual," 74.

³⁴ Noor Naemah Abd Rahman et al., *Paradigma Tradisionalisme dan Kesannya Terhadap Proses Pengamalan Islam di Kelantan* dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Pemikiran Islam (Bangi: Jabatan Akidah dan Falsafah, UKM, 2004), 548.

³⁵ Faisal Othman, *Islam dan Perkembangan Masyarakat* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1997), 165.

³⁶ al-Quran, Surah Ibrahim 14 : 52.

³⁷ Rahimin Affandi Abd Rahim, "Batu Bersurat Terengganu: Penilaian Terhadap Konsep KearifanTempatan Melayu-Islam, Kertas kerja, Seminar Batu Bersurat Piagam Terengganu di Kompleks Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Kuala Terengganu, pada 25-26 Mac 2012).

Syeikh Tahir berpendapat bahawa setiap sesuatu yang dilakukan oleh manusia di dalam kehidupan seharian hendaklah didasarkan kepada ajaran al-Qur'an, al-Sunnah dan rasional akal manusia. Namun, dalam menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan fiqh, Syeikh Tahir telah menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber hukum yang paling utama³⁸ di samping pendapat para sahabat, tabi'in dan pendapat ulama-ulama yang muktabar.³⁹ Beliau konsisten menyeru supaya umat Islam kembali berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah tetapi pada masa yang sama tidak menolak pemodenan, sains dan teknologi, serta menerima falsafah Barat dengan memperkenalkan pemikiran rasional sebagai alat memperkukuhkan kebenaran agama Islam.⁴⁰

PEMIKIRAN *USUL* SYEIKH MUHAMMAD TAHIR JALALUDDIN

Syeikh Tahir seorang ulama yang banyak membicarakan tentang *usul al-fiqh*, cuma tiada buku khusus mengenai *usul al-fiqh* yang ditulis. Pemikiran *usul* beliau banyak dilontarkan di dalam tulisan-tulisan fiqh beliau. Berdasarkan fakta tersebut, pemikiran dan pengetahuan *usul al-fiqh* memang telah diketahui oleh sarjana Melayu ketika itu walaupun tidak dibukukan. Buktinya penulisan karya-karya fiqh Melayu mustahil dapat dilakukan tanpa pengetahuan ilmu *usul al-fiqh*. Beliau merupakan ulama yang terawal yang membicarakan dan menulis karya *khilafiyah*⁴¹ di Nusantara.⁴² Terdapat lontaran idea dan pandangan serta gaya penulisan *usul al-fiqh* yang perlu dianalisis kerana ianya warisan ilmu yang kaya dengan asas pemikiran dan paradigma ilmu adalah antara aspek-aspek yang dapat dikesan dalam penulisan ulama Melayu yang telah mengemukakan kaedah *usul al-fiqh* untuk menanggapi Islam sebagai *al-Din*.⁴³ Pada hakikatnya penulisan Syeikh Tahir dalam karya *Ta'yid Tadhkirah*

³⁸ Abdul Kadir Muhammad, "Sejarah Penulisan," 88.

³⁹ Muhammad Tahir Jalaluddin, "Ta'yid Tadhkirah," 11.

⁴⁰ Hashim Ismail, *Kaum Muda dan Pemikiran Progresif di Malaysia* ed. Hamzah Hamdani dalam *Islam di Malaysia dan Sastera Nusantara* (Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn Bhd, 2005), 59.

⁴¹ Karya *khilafiyah* ialah suatu penulisan fiqh yang mengandungi perbezaan pendapat dan pandangan tentang sumber-sumber hukum dalam masalah-masalah tertentu. Perbezaan itu boleh sahaja terjadi disebabkan perbezaan memberi keutamaan kepada sumber-sumber hukum yang diakui atau perbezaan dalam mentafsir sumber hukum yang sama atau perbezaan memberi keutamaan dalam menggunakan dalil daripada sumber hukum yang sama, lihat Abdul Kadir Muhammad, "Sejarah Penulisan," 82.

⁴² Mohamad Amin Abu Bakar, "Sumbangan Syeikh Tahir," 272.

⁴³ Rahimin Affandi Abd. Rahim, *Pengamalan Ilmu Usul al-Fiqh didalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisa, dalam Kesusasteraan dan Undang-Undang* ed. Muhammad Mokhtar Hassan (Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2003), 158 -179.

mempunyai kaitan dengan manhaj atau metode yang dikenali dengan ilmu *usul al-fiqh*. Beliau telah menetapkan beberapa usul sebagai sandaran dalam penulisan dalam mengeluarkan hukum.

Kitab *Ta'yid Tadhkirah* dan artikel-artikel yang ditulis oleh Syeikh Tahir yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia cenderung kepada ilmu *usul al-fiqh*. Penulisan beliau banyak menyatakan unsur-unsur dan kaedah-kaedah *usul al-fiqh* di dalam perbincangan ilmu. Antaranya dalam kaedah pengambilan nas sebagai metode utama sandaran hukum seperti '*Tidak boleh Qiyas jika terdapat Nas*' dan '*kaedah Dalil sebagai asas utama bagi hukum*'. Walaupun dilihat ringkas dan tidak mengikut skema ilmu *usul al-fiqh*, namun impak dan kesannya boleh didapati serta pengaruhnya boleh dikesan melalui penulisan kitab tersebut seperti istilah-istilah *usul al-fiqh* yang digunakan. Terdapat unsur-unsur penulisan klasik *usul al-fiqh* di dalam karya beliau. Semua ini boleh diklasifikasikan sebagai satu model paradigma keilmuan yang tinggi kerana ilmu *usul al-fiqh* tidak dibincangkan secara terarah pada ketika itu. Melalui analisis kitab *Ta'yid Tadhkirah*, Syeikh Tahir begitu teliti dalam memperkatakan tentang sesuatu hukum. Setiap sandaran sesuatu hukum perlu bersandarkan kepada nas al-Qur'an atau al-Sunnah.⁴⁴ Terdapat banyak tulisan yang menyatakan bahawa sumber pemikiran Syeikh Tahir dan sahabat beliau dalam gerakan Kaum Muda adalah berlandaskan kepada al-Qur'an. *Al-Imam* dikatakan majalah yang mengandungi seruan untuk pembaharuan fikiran, sikap serta penglibatan umat Islam di dalam ajaran Islam berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah serta kembali kepada amalan *berijtihad* dan mengelak daripada *taqlid buta*.⁴⁵ Menurut Syeikh Tahir, sumber melalui nas iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah mestilah diutamakan di dalam menerbitkan sesuatu hukum kerana ianya adalah asas bagi menanggapi sesuatu persoalan hukum. Menurut Syeikh Tahir:

Sesungguhnya hendaklah kita berpegang kepada sumber yang asal (al-Qur'an dan al-Sunnah) melalui Agama yang di Syariatkan oleh Allah melalui lisan Rasulullah, tidak ada sesuatu itu melainkan padanya ada hukum Allah yang terdiri dari shahih atau fasid atau haram atau halal atau sunnah atau bida'ah, kesemuanya ini tidak

⁴⁴ Lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 2.

⁴⁵ Abdullah @ Alwi Hassan, *Penyelidikan sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah dalam Dinamisme Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 22.

*dapat dibezakan melainkan dengan Nas yang menerangkan hukum Allah.*⁴⁶

Kenyataan tersebut menggambarkan paradigma keilmuan yang dinyatakan oleh Syeikh Tahir dalam pemikiran hukum iaitu sumber hukum yang utama berpandukan kepada sumber yang asal iaitu nas al-Qur'an dan melalui lisan Rasul-Nya iaitu al-Sunnah. Di dalam menentukan sesuatu hukum, Syeikh Tahir berpendapat bahawa nas mesti didahulukan di dalam sesuatu persoalan fiqh. Menurut Syeikh Tahir:

*'Telah tetap di dalam kaedah usul al-fiqh Sesungguhnya Qias dan al-Ijtihad kedua-duanya tidak sah (tidak boleh dijadikan sumber bagi sesuatu hukum) selagi mana terdapat nas didalam sesuatu permasalahan, dengan meninggalkan nas dan beramal dengan Qias'*⁴⁷

Menurut Syeikh Tahir:

*..jika diambil salah satu darinya (qias atau ijtihad) dan meninggalkan nas sesungguhnya tidak syak lagi telah berhukum dengan tidak mengikut nas, maka keadaan itu adalah terbalik.*⁴⁸

Menurut Syeikh Tahir:

*Sesuatu perkara yang tiada nas padanya, pada dasarnya ianya tidak di Syariatkan, apabila ianya tidak terdapat padanya kata-kata (pendapat) ulama'-ulama'.*⁴⁹

Kenyataan di atas menggambarkan pola utama pemikiran Syeikh Tahir yang utama adalah nas iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Justifikasi kepada keutuhan pemikiran beliau terhadap kaedah pengistinbatan hukum ialah dengan melihat kepada turutan dalil yang mesti dipatuhi melalui nas, iaitu apabila sabit nas, maka batal *qiyas* kerana kata-kata seseorang tidak boleh dijadikan hujah apabila bertentangan dengan firman Allah SWT dan Rasul-Nya. Ini kerana nas merupakan asas, manakala *qiyas* merupakan cabang.

⁴⁶ Muhammad Tahir Jalaluddin, "Ta'yid Tadhkirah," 40.

⁴⁷ Muhammad Tahir Jalaluddin, "Ta'yid Tadhkirah," 15. أن القياس والاجتهاد لا يصحان في مقابلة النص.

⁴⁸ Ibid.,

⁴⁹ Ibid., 26. ان ما لم يرد فيه النص أفلاصل فيه أنه غير مشروع

Kewujudan asas membatalkan cabang tetapi kewujudan cabang tidak boleh membatalkan perkara asas.⁵⁰ Hukum tidak akan ditanggapi selagi terdapat nas yang menyokong sesuatu permasalahan fiqh. Apabila tiada sumber yang utama, maka *qiyas* dan *ijtihad* akan menjadi sandaran kedua bagi menerbitkan hukum. Kenyataan ini juga memberi gambaran bahawa beliau menyokong konsep ber*ijtihad* dengan menggunakan akal selagi tidak terdapat nas dalam sesuatu persoalan. Ianya juga menggambarkan pemikiran *usul* beliau mengikut kepada hierarki hukum Islam yang telah disusun oleh Imam Shafi'i yang meletakkan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber utama seterusnya melihat kepada penggunaan *qiyas* dan *ijtihad* sumber yang seterusnya sebagai panduan hukum fiqh.

PENDEKATAN HUKUM ISLAM

Syeikh Tahir mempunyai pendirian dalam mempertahankan Islam daripada dipengaruhi oleh pandangan agama yang bertentangan dengan ajaran al-Quran dan al-Hadith serta pandangan agama yang menyeleweng daripada amalan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*.⁵¹ Pemikiran ini berdasarkan firman Allah Ta'ala yang merujuk kepada kewajipan berhukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT dan mengharamkan apa yang diharamkan serta menghalalkan apa yang diharamkan.⁵² Dalam merujuk kepada kitab al-Qur'an sebagai petunjuk yang perlu diikuti dan panduan bagi menilai sesuatu hukum Syeikh Tahir, menjadikan al-Qur'an sebagai sumber utama dalam menyokong hujah-hujah yang menyentuh persoalan kehidupan dan kemasyarakatan. Ini dapat dilihat di dalam beberapa perbahasan dan penulisan karya-karya, risalah dan artikel beliau dalam menghadapi persoalan-persoalan fiqh dan cabaran isu-isu sosial kerana beliau konsisten berpegang dan berhujah dengan ayat-ayat suci al-Quran.⁵³ Contohnya di dalam penulisan *Surat yang Terbuka kepada Segala Ulama'* :

⁵⁰ Basri Ibrahim et al., *Kaedah-kaedah Penting Usul Fiqh Berdasarkan Manhaj Ahli Hadis* (Selangor: al-Hidayah Publications, 2011), 51. Zakaria bin Ghulam Qadir al-Bakistani, *Taudih Usul al-Fiqh 'Ala Manahij ahl al-Hadis* (Sa'udi: Dar Ibn al-Jauzi, 2007), 88.

⁵¹ *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), h. 1113.

⁵² al-Quran, Surah al-Ahzab 33: 36

⁵³ Abdul Kadir Muhammad, "Sejarah Penulisan," 88.

أُدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بَالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ⁵⁴

Maksudnya: Serulah manusia ke jalan agama Tuhanmu dengan bijaksana dan berilah nasihat dengan baik.

Syeikh Tahir juga berhujah melalui ayat al-Quran jika terdapat isu-isu di dalam masyarakat melalui al-Quran dengan mendatangkan ayat:⁵⁵

فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا⁵⁶

Maksudnya: Jika kamu berselisih pandangan dalam suatu perkara maka kembalikanlah kepada Allah dan Rasul-Nya jika benar kamu beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, demikian itu adalah sebaik-baik penyelesaian.’

Di dalam ayat ini Allah SWT berfirman apabila terdapatnya perselisihan pendapat dalam kalangan kamu maka hendaklah merujuk kepada Allah SWT dan Rasul-Nya (al-Quran dan al-Sunnah) sebagai sumber rujukan utama bagi umat Islam. Selain menggunakan dalil daripada nas al-Quran dan hadith, dalam beberapa keadaan beliau turut menzahirkan kesarjanaan beliau dengan menyatakan beberapa kaedah usul yang dijadikan sebagai hujah. Dengan kata lain, manhaj yang menjadi panduan kepada pemikiran hukum Syeikh Tahir dalam kitab ini boleh diterjemahkan dengan melihat kepada beberapa unsur yang dinyatakan:

ELEMEN QAWAID AL-FIQHIYYAH

Antara unsur perbahasan ilmu usul yang dilontarkan di dalam penulisannya terdapat asas elemen *Qawaid al-Fiqhiyyah*.⁵⁷ Dalam catatan pengantar,

⁵⁴ Surah al-Isra', 16:125

⁵⁵ al-Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari, “*Risalah Penebas*,” 5.

⁵⁶ Surah al-Nissa' 4 : 59

⁵⁷ Perbahasan kaedah boleh dilihat dalam Jalal-Din Abd al-Rahman b. Abi Bakr al-Suyuti (*al-Asybah wa al-Naza'ir fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998).

Syeikh Tahir menyatakan antara objektif utama beliau menulis kitab tersebut ialah untuk kemaslahatan masyarakat atau kepentingan umum dan mengekang kesulitan besar (*Haraj 'Azim*) yang akan berlaku.⁵⁸ Kesulitan yang dinafikan oleh nusus al-syari'ah dan fiqhiyyah antaranya sesuatu yang membawa kepada kesulitan dan keresahan kepada masyarakat umum.⁵⁹ Menurut Syeikh Tahir;

*Masalah ini (kekeliruan dan keresahan dalam isu solat sunat Qabliyyah) akan menjadikan masyarakat di dalam Haraj 'Azim (kesulitan yang besar)*⁶⁰

Syeikh Tahir bimbang jika persoalan ini tidak diberi penerangan dan pentafsiran yang sewajarnya, masyarakat akan terkeliru dan membawa kesulitan besar kepada masyarakat. Terdapat banyak nas al-Qur'an yang menjelaskan bahawa Allah SWT berkehendakkan hamba-Nya berada dalam kemudahan dan tidak sesekali menghendaki hamba-Nya berada di dalam kesulitan.⁶¹ Bahkan di dalam kaedah fiqh telah dinyatakan bahawa syariat Islam menyeru kepada perkara yang mudah dan tidak menyulitkan umatnya⁶² dan dijadikan rujukan oleh umat Islam bagi menyelesaikan permasalahan hukum yang muncul dalam masyarakat.⁶³ Ini dapat difahami dengan merujuk kepada petikan kata-kata Syeikh Tahir yang menyatakan bahawa sesuatu perkara yang membawa kepada kesulitan atau kesusahan itu dinafikan oleh syariat Islam. Menurut Syeikh Tahir:

*Perkara-perkara yang membawa kepada kesusahan atau kesulitan (Haraj al-'Azim) itu dinafikan oleh Syariat Islam.*⁶⁴

*Sesuatu perkara yang membawa kepada kesusahan (kesulitan) yang dinafikan oleh Syariat Islam secara keseluruhannya.*⁶⁵

⁵⁸ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 1.

⁵⁹ Mohamad Khairul Anwar Osman et al., *Konsep Raf'u al-Haraj Wa al-Mashaqqah dan Permasalahan al-Tasahul*, Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh Sufi 2004 (Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM, 2004), 80.

⁶⁰ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 1.

⁶¹ al-Quran, Surah al-Baqarah 2:185.

⁶² 'Abd al-'Aziz Mohd 'Azam, *al-Qawaid al-Fiqhiyyah* (Ain al-Shams: Maktabah al-Risalah al-Dauliyyah, 1999), 22.

⁶³ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias, Aspek-Aspek Pemikiran Kritis dalam al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, *Jurnal Syariah*, j. 18, bil. 3, (2010), 528.

⁶⁴ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 27.

⁶⁵ Ibid., 16.

Dalam dua kenyataan di atas, Syeikh Tahir melihat bahawa Islam mengakui keterbatasan yang dihadapi oleh setiap muslim untuk mengamalkan agamanya dan manusia sememangnya tidak sempurna pada keupayaan dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Oleh itu, seorang muslim hanya wajib untuk berusaha sebaik yang ia mampu dan tidak melampaui batas serta berlawanan dengan prinsip syariat Islam yang mengekang segala perkara yang membawa kepada kesulitan dan kesusahan kepada umatnya.

ASAS KAEDAH USULIYYAH

Terdapat pelbagai kaedah usul yang jika diteliti dengan mendalam akan didapati bahawa sifat Islam adalah mudah dan anjal dalam menghadapi pelbagai situasi dan realiti.⁶⁶ Kaedah usul ini adalah suatu ilmu yang penting dalam memahami hukum syarak. Ia boleh dijadikan antara rujukan ketika berhadapan dengan persoalan dan permasalahan semasa yang memerlukan kepada suatu rumusan hukum yang khusus.⁶⁷ Syeikh Tahir banyak merujuk kepada kaedah *usul al-fiqh* di dalam memperkukuhkan sesuatu hujah bagi menyokong pendapatnya. Beliau menyerlahkan sesuatu dalil atau hujah dengan menyatakan bahawa ianya telah ditetapkan di dalam ilmu *usul al-fiqh* atau sesuatu kaedah itu dikutip daripada kaedah-kaedah *usul al-fiqh*. Beliau banyak menukikan beberapa kaedah yang hampir sama yang dikutip daripada kaedah *usul al-fiqh* walaupun dilihat sebagai suatu perbahasan ringkas tetapi cukup relevan mengikut konteks zamannya. Contoh lontaran idea beliau terhadap kaedah usul ialah:

‘Telah tetap di dalam kaedah usul al-fiqh sesungguhnya qiyas dan ijtihad kedua-duanya tidak sah (tidak boleh dijadikan sumber bagi sesuatu hukum) selagi mana terdapat nas di dalam sesuatu permasalahan hukum.’⁶⁸

Menurut Syeikh Tahir:

Sesuatu itu kekal dalam hukum asalnya selagi tidak ada dalil, hukum sembahyang sunat qabliyyah dan ba’diyyah jumaat itu adalah bid’ah

⁶⁶ Contoh kaedah-kaedah berkenaan boleh dilihat dalam Mukhtar Yahya & Fatchurrahman, *Dasar-dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami* (PT Al-Ma’arif: Bandung, 1993).

⁶⁷ lihat Imam Jalaluddin Abd al-Rahman al-Suyuthi, *Kaedah-kaedah Hukum Islam Mazhab Shafi’i* terjemahan Mardhiya Mukhtar (Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd, 2004).

⁶⁸ Muhammad Tahir Jalaluddin, “*Ta’yid Tadhkirah*,” 15.

kerana tidak terdapat dalil khusus menyatakannya sebagaimana terdapat dalil-dalil di dalam sembahyang sunat Rhawatib yang lain, ini adalah petunjuk yang nyata dan dalil yang jelas, ianya bukan mengikut kehendak (matlamat) Syarak.⁶⁹

Menurut Syeikh Tahir:

Sesuatu yang tiada nas padanya, maka pada asalnya ianya tidak disyariatkan.⁷⁰

Jika diperhatikan kenyataan Syeikh Tahir ini telah menggambarkan beberapa gambaran kaedah usul secara umum. Kaedah yang dinyatakan oleh Syeikh Tahir adalah kaedah yang diperselisihkan dalam kalangan ulama serta pecahan daripada kaedah yang masyhur iaitu *al-Asl fi al-‘Ashya’ al-Ibahah*. Beliau menyatakan apabila tidak terdapatnya sebarang dalil yang khusus untuk menyokong hujah solat sunat qabliyyah jumaat seperti solat-solat sunat yang lain, maka hukumnya kembali kepada hukum yang asal. Hukum bagi solat sunat tersebut tidak disyari’atkan dan ini adalah sebenarnya matlamat dan kehendak yang telah ditetapkan oleh syarak.

PENDEKATAN DALAM MEMAHAMI *QAWL AL-SAHABI*

Terdapat pemikiran beliau tentang *Qawl al-Sahabi*. *Qawl al-sahabi* adalah salah satu daripada dalil-dalil yang tidak disepakati dan merupakan salah satu sumber perundangan dalam Islam. Apa yang dimaksudkan dengan *qawl al-Sahabi* ialah pendapat sahabat Rasulullah SAW tentang masalah *ijtihad* sama ada yang diucapkan atau dilakukan oleh mereka.⁷¹ Sebelum kewafatan Rasulullah SAW para Sahabat tidak terlalu memerlukan kepada *ijtihad* secara bersendirian. Dalam tempoh tersebut, Rasulullah SAW merupakan sumber rujukan yang utama selain daripada kitab Allah Ta’ala. Syeikh Tahir telah membina ruang perbincangan *qawl al-sahabi* bersandarkan kepada ilmu *usul al-fiqh*. Dalam memahami pendapat sahabat, beliau berpendapat jika sesuatu perbuatan sahabat tidak disertai dengan dalil yang khusus terhadap sesuatu

⁶⁹ Ibid., 26.

⁷⁰ Ibid., 26.

⁷¹ Abdul Halim el-Muhammady, *Sumber Undang-Undang Islam dan Pandangan Orientalis* (Selangor: Budaya Ilmu Sdn.Bhd, 1994), 37-8.

per'ibadahan, maka ibadah tersebut merupakan *ijtihad* dan pendapat daripada mereka semata-mata dan tidak dijadikan hujah syarak. Ini kerana ulama usul telah bersepakat menyatakan bahawa pendapat sahabat yang dikemukakan berasaskan hasil *ijtihad* tidak dapat dijadikan hujjah dalam menetapkan hukum syarak. Baik pendapat itu berupa fatwa ataupun ketetapan hukum.⁷² Menurut Syeikh Tahir:

*Bahawa telah tetap dalam ilmu usul fiqh bahawa jika perbuatan sahabat tanpa disertakan dengan dalil khusus daripada Shar' i, maka ia adalah merupakan ijtihad dan pendapat Sahabat itu semata-mata. Namun begitu jika kita dapati perbuatan Sahabat melakukan sesuatu ibadah seperti solat sebelum Jumaat umpamanya dan perlakuan itu tiada dalil yang khusus yang menyokongnya, maka menurut Imam Asqalani, perbuatan Sahabat tersebut merupakan sunat mutlaq semata-mata dan bukannya sunat rawatib sebelum Jumaat. Amalan sunat mutlaq yang dilakukan oleh Sahabat merupakan merupakan sebesar-besar amalan yang menghampiri ke hadrat Allah selagi tiada terdapat nas yang yang menegahnya daripada mengerjakannya seperti melakukan solat pada waktu dimakruhkan.*⁷³

Syeikh Tahir dalam memperkukuhkan hujjah menyatakan bahawa amalan sahabat tidak dijadikan hujjah berdasarkan *ijtihad* mereka. Beliau mengutip pendapat Imam Asqalani perbuatan sahabat didalam ibadah selepas azan jumaat itu semata-mata merupakan sunat mutlaq dan bukannya sunat rawatib *qabliyyah* Jumaat. Amalan sunat mutlaq yang dilakukan oleh Sahabat merupakan merupakan sebesar-besar amalan yang mendekatkan diri kepada Allah selagi tiada terdapat nas yang yang melarang daripada mengerjakannya.

PERKARA YANG DIDIAMKAN OLEH SYARAK

Antara elemen Qawaid al-Fiqiyyah yang dapat dikesan didalam penulisan Syeikh Tahir ini adalah kaedah Maskut 'Anhu atau perkara yang didiamkan oleh syarak. Kaedah ini telah diperselisihkan dalam kalangan ulama serta *furu'* dari kaedah yang mashur iaitu *al-Asl fi al-'Ashya' al-Ibahah*.⁷⁴ Perkara yang didiamkan oleh syara adalah perkara yang dibahaskan didalam ilmu

⁷² Nazar Bakry, *Fiqh dan Ushul Fiqh* (Jakarta: PTRajaGrafindo Persada, 2003), 4:242.

⁷³ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 33.

⁷⁴ 'Abd al-'Aziz Mohd 'Azam, "*al-Qawaid*," 22.

usul. Menurut ulama' *usul* ianya bermaksud sesuatu yang berhubungkait dengan hukum yang disandarkan kepada syarak. Dengan kata lain sesuatu yang didiamkan oleh syara' itu adalah untuk mendapatkan hukum pada sesuatu masalah atau setiap hukum syarak yang tidak dinyatakan secara jelas.⁷⁵ Menurut Syeikh Tahir dalam menyatakan kaedah Maskut '*Anhu* :

*Apabila tiada ditentukan oleh Syara' bagi sesuatu perkara hukum yang khas dengan dia pada hal ada sebabnya dan ada illah hukumnya pada masa wahyu dan kemudiannya nescaya adalah yang demikian menunjukkan bahawasanya maksud syara' ialah mendiamkannya dengan sengaja dan bahawasanya yang demikian itu perkara yang dimaafkan tiada dituntut, maka tiada harus ditambah atas yang demikian atau dikurangkan daripadanya.*⁷⁶

Dalam membahaskan persoalan hukum solat sunat qabliyyah jumaat Syeikh Tahir berhujjah dengan mendatangkan satu kaedah dari kaedah al-Qawa'id al-Fiqiyyah bahawa apabila syarak mendiamkan sesuatu nas bagi hukum yang khusus boleh difahami tujuannya dan terdapat sebab dan 'illah hukum pada zaman Nabi dan selepasnya. Itu adalah dalil yang menunjukkan bahawa perkara yang didiamkan oleh syarak itu adalah secara sengaja dan perkara (dalam keadaan sengaja) itu dimaafkan oleh syarak. Oleh itu, hendaklah diterima amalan tersebut tanpa perlu ditambah dan dikurangkan perbahasannya. Syeikh Tahir berhujjah dan berpendapat apabila solat sunat qabliyyah jumaat tidak dinyatakan secara khusus berbanding solat sunat yang lain yang mana dalilnya dijelaskan secara khusus. Justifikasinya amalan tersebut dimaafkan (ma'fu 'anhu) oleh syarak. Maka ibadah tersebut (solat sunat qabliyyah jumaat) tidak dituntut untuk dilaksanakan. Beliau berpendapat ketiadaan nas khusus sebagai satu ibadah sunat menjadikan perkara tersebut tidak disunatkan. Walaupun perbahasan kaedah-kaedah usul yang dinyatakan kelihatan agak ringkas tetapi ia tetap menggambarkan corak pemikiran hukum beliau didalam hukum Islam. Kesemua perbahasan tersebut adalah lontaran idea Syeikh Tahir. Selain konsisten menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama dalam menetapkan hukum⁷⁷

⁷⁵ Musa Mustafa Musa Qadah, "al-Maskut 'Anhu 'Inda al-Usuliyyin" (Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Jordan, 2005), 23-24.

⁷⁶ Muhammad Tahir Jalaluddin, Ini Huraian," 25-26, lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 17.

⁷⁷ Abdul Rahman Abdullah, "Pemikiran Islam," 233.

beliau seterusnya meyandarkan pemikiran hukumnya kepada kaedah-kaedah usul untuk menerbitkan sesuatu hukum.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, secara dasarnya dapat dirumuskan karya penulisan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin didalam Ta'yīd Tadhkirat Muttabi' al-Sunnat fi al-Rad ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'at mempunyai kaitan rapat dengan metode atau manhaj pemikiran hukum Islam. Walaupun beliau tidak mengarang secara khusus didalam bidang hukum atau fatwa tetapi pemikiran hukum beliau pada hakikatnya wujud dan dapat dilihat didalam diri beliau. Kemahiran dan pemikiran intelektual beliau adalah manifestasi kepada keyakinan kuat kepada manhaj dan paradigma ilmiah yang menjadi panduan kepada setiap individu muslim dalam usaha berpegang kepada kebenaran dan hidayah ilahi. Justeru, manhaj ini turut menjadi pengukur yang paling tepat bagi mengenal pasti sarjana yang menggunakan akal rasional dalam pemikiran hukum. Hal ini boleh difahami, intipati idea dan pemikiran islah dan tajdid hukum Syeikh Tahir yang bersifat kekal, terkehadapan dan mendahului zamannya.

RUJUKAN

- Abd Jalil Borham (1996), *Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu*, dalam *Jurnal Syariah*, jil. 4, bil. 2.
- Abdul Halim el-Muhammady (1992), *Dakwah dan Kesannya dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Tradisional*, dalam *Dinamika Dakwah: Suatu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Abdul Halim El-Muhammady (2001), *Adab Berijtihad dan Berikhtilaf Mengikut Syari'at*, Kajang: Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
- _____ (1986), *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh: Perkembangan dan Masalah*, Kuala Lumpur: ABIM.
- _____ (1992), *Dakwah dan Kesannya dalam kehidupan Masyarakat Melayu Tradisional*, dalam *Dinamika Dakwah suatu Perspektif dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- _____ (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Abdul Rahman Abdullah (2010), *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia*, Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdullah (1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah dan Aliran*, Jakarta : Gema Insani.
- _____ (2001), *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur: Utusan Publication,
- _____ (1982), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (1992), *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia: Sejarah Dan Pemikiran: Jamaat Tabligh Dan Darul al- Arqam*, Kuala Lumpur : Penerbit Kintan.
- Abdul Kadir Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Ali (2001), *Pengambilkiraan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Hukum: Konsep, Pendekatan dan Batas dalam Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, c. 2, Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abu Bakar Hamzah (1991), *Al-Imam Its Role in Malay Society 1906-1908*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

- Ahmad Ghorab (1995), *Subverting Islam: The Role Of Orientalist Centres*, Kuala Lumpur : Open press Publication.
- Amin al-Jarumi (2010), *Usul Fiqh Prinsip-Prinsip Perundangan Islam*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UTM.
- Amir Mualim (2006), *Ijtihad dan Legilasi Muslim Kontemporer*, Yogyakarta: UII Press.
- Andrea Ata Ujan (2009), *Membangun Hukum Membela Keadilan Filsafat Hukum*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Asep Syamsul M. Romli (2000), *Demonologi Islam: Upaya Barat Membasmi Kekuatan Islam*, Jakarta: Gema Insani Press.
- Fadhlullah Jamil (2003), *Pengaruh Pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh terhadap Sheikh Tahir Jalaludin*, (edit) dalam Sohaimi Abdul Aziz, *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: USM.
- Faisal Othman (1997), *Islam dan Perkembangan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hashim Ismail (2005), *Kaum Muda dan Pemikiran Progresif di Malaysia* edit dalam Hamzah Hamdani *Islam di Malaysia dan Sastera Nusantara*, Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn Bhd
- Hashim Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Hashim Ismail (2005), *Kaum Muda dan Pemikiran Progresif di Malaysia* edit dalam Hamzah Hamdani *Islam di Malaysia dan Sastera Nusantara*, Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn. Bhd.
- Ismail Ibrahim et al. (1993), *Syeikh Tahir Jalaluddin* dalam Ismail Mat, *Ulama' Silam dalam Kenangan*, c. 2, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Tahir Jalaluddin (1953), *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'ah*, Pulau Pinang: Zi United Press.
-
- (1932), *Ini Huraian yang membakar Taman Persuraian Haji Bakar Pada menyatakan Hukum Dua Raka'at Qabliyah al-Jumaah*, Kaherah: al-Matba'ah al-Marbawiyah.
- Mohd Jamil Mukmin (2009), *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UITM.
- Mohammad Ilyas (2003), *Syeikh Tahir Jalaludin sebagai Model Contoh Integrasi Bidang Syariah dan Sains*, (edit) dalam Sohaimi Abdul Aziz, *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: USM.

- Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohammad Redzuan Othman (2001), *Pengaruh Timur Tengah dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu dalam Jendela Masa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Safie Abu Bakar (1994), *Keilmuan Islam Dan Tradisi Pengajian Pondok*, dalam Budi Kencana, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Sarim Mustajab (1996), *Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya dalam Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur Universiti Malaya. DS596.3 Mel
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (2010), *Transformasi Fikah Semasa*, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- _____ (1997), *Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan dalam Dinamisme Pengajian Syariah*, Penerbitan al-Bayan, Kuala Lumpur.
- _____ (1997), *Hukum Islam Semasa di Malaysia: Prospek dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohammad Kamil Ab. Majid (2000), *Tajdid Perspektif Sejarah Dan Masakini*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Fauzi Hamat (2009), *Asas-Asas Utama Dalam Pemikiran Islam*, edit dalam Abdul Karim Ali, *Islam Liberal Isu dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Persatuan Ulama' Malaysia.
- _____ et al. (2006), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*, c. 2, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam APIUM.
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias (2010), *Aspek-Aspek Pemikiran Kritis dalam al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Jurnal Syariah, Universiti Malaya.
- Mohammad Ilyas (2003), *Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai Model Contoh Integrasi Bidang Syariah dan Sains*, (edit) dalam Sohaimi Abdul Aziz, *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: USM.
- Mohd Sarim Mustajab (2003), *Sheikh Tahir Jalaludin al-Falaki: Pelopor Gerakan Pembaharuan Agama dan Perubahan Masyarakat*, (edit) dalam Sohaimi Abdul Aziz, *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: USM.
- Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Mohd Rosdi (2011), *Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin*, dalam Ilmuan Nusantara, Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn Bhd.

Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006), *Kebudayaan Melayu dan Islam Di Nusantara: Satu Analisa Pengkaedahan*, dalam *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

_____ et al. (2005), *Pemikiran Reformasi Melayu Semasa: Satu Analisis*, dalam *Bahasa dan Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

_____ (2000), *Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah*, edit dalam Paizah Ismail et al. *Fiqh Malaysia: Kearah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

_____ (2001), *Gerakan Tajdid Di Malaysia: Teori Dan Realiti*, et al. (ed), dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

_____ (2001), *Gerakan Tajdid di Malaysia: Teori Dan Realiti* (edit) dalam Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Ramli Awang (2012), *Pemikiran Islam Aliran & Gagasan*, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

Shafie Abu Bakar (1994), *Keilmuan Islam Dan Tradisi Pengajian Pondok*, dalam Budi Kencana, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Shahibudin Lamin (2006), *Pemikiran al-Kindi Pengaruh Terhadap Intelektual Muslim di Malaysia dan Indonesia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shukri Ahmad (2011), *Pengaruh Pemikiran Ulama' di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke 20*, Kedah: UUM Press.

Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari (t.t), *Risalah Penebas Bid'ah -bid'ah di Kepala Batas*, Pulau Pinang: Lembaga Persediaan Majlis Muzakarah Kampung Baharu.

William R. Roff (1975), *Nasionalisme Melayu*, terjemahan oleh Ahmad Boestamam, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Yusuf Qardhawi (2004), *Sanggahan Salah Tafsiran Islam*, (terj.) Abdul Rahman Rukaini, Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.

Zakaria Bin Ghulam Qadir al-Bakistani (2007), *Taudih Usul al-Fiqh 'Ala Manahij ahl al-Hadis*, Sa'udi: Dar Ibn al-Jauzi.

PENANGGULANGAN (PENCEGAHAN) EKSTREMISME MELALUI TEKNOLOGI INFORMASI¹

Siti Razmah binti Idris²

Abstrak

Ekstremisme bermaksud kefahaman, sikap dan perlakuan yang keterlaluan dan melampau berkaitan sesuatu doktrin, pegangan, pandangan dan aliran pemikiran. Ia berpunca daripada kegagalan untuk memahami kehendak sesuatu doktrin menurut neraca akal dan nilai kemanusiaan yang sebenar. Kecenderungan ini berupaya melahirkan sikap radikal dan perlakuan yang berunsur keganasan. Teknologi informasi merupakan satu kejayaan penciptaan akal manusia. Kepesatan dan kepantasan perkembangan dunia informasi membawa dunia kini berada dalam tangan setiap manusia walau di mana sahaja mereka berada. Segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab memanipulasi perkembangan ini untuk menabur propaganda dan diayah bagi menyemai fahaman songsang, merekrut ahli, merancang aktiviti dan mempromosi kegiatan berunsur keganasan sebagai kewajipan individu memenuhi kehendak dan tuntutan agama. Media siber dimanfaatkan seluas-luasnya oleh ekstremis sesuai dengan sifat siber itu sendiri yang interaktif, meluas, penuh informasi, kolektif, dan mudah. Sekiranya ekstremis hebat beraksi di pentas atas talian, maka sewajarnya kaedah menanganinya perlu menggunakan medium yang sama. Kehebatan dan keghairahan mereka meluaskan empayar perlu dipatahkan dengan hujah-hujah yang bernas, relevan dan mantap berpandukan nas al-Quran dan Hadith. Kaedah counter-narrative ini perlu bersifat positif dengan mempromosi kebaikan, menggalakkan keamanan dan saranan untuk mengekalkan keharmonian. Ia bukan sahaja sesuai dimainkan oleh mereka yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat seperti ulama dan umara, tetapi juga perlu diterajui oleh semua golongan yang mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat seperti ibu bapa, guru, penulis, penjawat awam, sukarelawan, pihak media, kalangan rakan sebaya dan sesiapa sahaja asalkan mereka memiliki kemahiran menggunakan teknologi informasi yang berasaskan komputer.

¹ Kertas Tema yang dibentangkan dalam Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Ke-42 bagi Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) pada 25 – 28 Oktober 2017.

² Ketua Penolong Pengarah, Unit Kajian Media, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Abstract

Extremism means extreme understanding, attitude, and behavior in connection with doctrines, views and thoughts. It stems from the failure to understand the purpose of a doctrine in accordance with a balanced reasoning and true human values. This tendency can create radical attitudes and acts of violence. Information technology is a product of human creative reasoning. Its rapid development brings the world into the hands of every human being no matter where they are. Unfortunately, a handful of irresponsible people manipulates these developments to sow propaganda and deviant understanding, recruit members, plan activities and promote violence as an individual's duty to meet religious demands. Cyber media is widely exploited by extremists due to its nature which are interactive, expansive, full of information, collective, and easy. If extremists are performing online, then it should with the same medium we outperform them. The enthusiasm to expand their empire must be broken with relevant and decisive arguments from the Quran and the Hadith. The counter-narrative method should be in positive tone by promoting goodness and peace and endeavor to maintain harmony. It is not only suitable for those who have positions in society such as ulama and umara, but also must be led by all those who have big influence in society such as parents, teachers, writers, civil servants, volunteers, media, peers and everyone provided that they have the ability and skill to use computer-based information technology.

PENDAHULUAN

Senario semasa berkaitan ekstremisme yang tercetus di negara-negara tertentu di dunia memberi impak yang cukup besar. Implikasinya bukan sahaja dirasai oleh rakyat negara terbabit, malahan bahang dan tempiasnya turut mempengaruhi dan meninggalkan kesan ke atas semua penduduk dunia. Pergolakan politik, perselisihan saudara dan penindasan etnik seolah-olah telah mencabar nilai dan kemanusiaan sejagat. Walau apapun alasannya, ia pasti menyentuh malah menyinggung hal ehwal politik, ekonomi, hak, kebebasan dan agama.

Fahaman ekstremisme yang wujud dan berkembang rentetan kesan dan pengaruh perubahan iklim kemanusiaan dunia memberi tamparan yang cukup membimbangkan. Ekstremisme kini menjadi masalah kepada hampir semua negara di dunia. Ancamannya tidak mengenal bangsa dan agama.

Paling menyedihkan apabila isu ekstremisme ini dikaitkan dengan fahaman politik dan agama. Agama Islam dikatakan sebagai mempromosi keganasan, kekerasan dan pembunuhan.

Perkembangan dan kemajuan dunia teknologi informasi sudah semakin jauh ke hadapan. Ia tidak wajar untuk disekat kerana kewujudannya amat diperlukan dalam semua sektor kehidupan. Dunia hari ini sentiasa menyaksikan teknologi informasi semakin dibangun, dipertingkat dan diperluaskan. Hasilnya, dunia kini sudah tiada lagi sempadan masa dan tempat. Cara hidup dan kehendak manusia turut berubah. Perubahan ini jika dilihat dari sudut negatif tidak dinafikan semakin meragut nilai dan jati diri makhluk bergelar manusia.

Suasana ini merupakan satu kelebihan bagi penganut dan pendukung sesuatu aliran dan fahaman tertentu termasuk juga yang bertentangan dengan norma dan nilai kemanusiaan dan agama untuk mereka menyebarkan ideologi, ajaran, dan doktrin melalui gerbang informasi. Penularan fahaman yang tidak sihat ini wajar disekat. Namun demikian, timbul pula persoalan sejauh mana sekatan boleh diambil bagi teknologi dan inovasi yang sengaja dibangunkan atas keperluan dan kehendak manusia itu sendiri.

EKSTREMISME

Ekstremisme berasal daripada kata dasar “**ekstrem**” iaitu keterlaluan dan melampau. **Ekstremisme** bermaksud faham, sikap, perlakuan yang keterlaluan dan melampau. **Ekstremis** pula bermaksud orang yang melampau (tuntutannya atau sikapnya), juga diertikan dengan pelampau.³

Ekstremisme wujud dalam sikap, pandangan, agama dan aliran pemikiran. Walau bagaimanapun, ekstremisme yang akan dikupas dalam perbincangan ini adalah berkaitan dengan salah faham ke atas hukum dan ajaran agama Islam. Sikap melampau dalam agama adalah berpunca daripada kegagalan untuk memahami ajaran Islam yang sebenar.

Ini bukanlah bermaksud ekstremis hanya wujud dalam kalangan penganut agama Islam, bahkan ia juga muncul dan menular dalam kalangan

³ Kamus Dewan Edisi Keempat.

penganut agama dan kepercayaan lain. Akan tetapi berkemungkinan ia tidak diberi perhatian dan tidak terlalu dipromosikan atas faktor-faktor yang diketahui umum. Sekiranya dilihat dari sudut perkembangan politik dunia, agama Islam sering dilabel secara tidak berasas, khususnya ekoran tragedi 11 September 2001. Kecenderungan ini juga melahirkan istilah yang sangat menyinggung umat Islam di dunia iaitu *Islamophobia*.

Fahaman politik dan agama yang cenderung kepada ekstrem dan radikal merupakan penyumbang kepada tindakan dan perlakuan yang berunsur keganasan. Ancaman keganasan seumpama ini mula mengancam keharmonian dan kestabilan negara. Bermula era konflik politik di negara-negara seperti Afghanistan, Iraq dan Syria dan menyaksikan kemunculan kumpulan-kumpulan seperti *al-Qaeda*, *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS) serta beberapa kumpulan lain, perkembangan fahaman sempit seperti ini sehingga kini amat membimbangkan.

Salah faham mengenai konsep jihad, penguasaan ilmu agama yang cetek, kegagalan memahami tasawur agama secara menyeluruh, jati diri yang tidak mantap dan kepesatan teknologi komunikasi merupakan punca utama fahaman radikal dan ekstrem ini mudah mendapat pengaruh.

Meskipun agama Islam membenarkan peperangan, tetapi peperangan yang diharuskan hanyalah untuk mempertahankan diri dan agama. Allah SWT telah memberi peringatan melalui firman-Nya :

“Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh”⁴

Keharusan berperang berpandukan ayat di atas ditegaskan lagi dengan amaran Allah SWT supaya tidak sekali-kali melakukan pencerobohan, keganasan dan peperangan. Firman-Nya lagi :

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi

⁴ Al-Baqarah : 190.

kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”⁵

Dalam firman-Nya yang lain yang bermaksud :

“Dan tolong menolonglah kalian dalam melaksanakan kebajikan dan takwa, dan jangan tolong menolong dalam dosa dan permusuhan”⁶

Rasullullah SAW sendiri tidak pernah mengajar umatnya untuk mengamalkan agama secara keterlaluan, berlebihan dan melampaui batas sehingga mengetepikan nilai kemanusiaan. Hadis Ibnu Abbas menyebut bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud :

“Hendaklah kamu menjauhkan diri daripada bersikap pelampau. Maka sesungguhnya umat sebelum kamu telah dibinasakan kerana bersikap melampau dalam agama.”⁷

Ternyata Islam amat menentang pemikiran dan fahaman yang cenderung kepada pelampau, berlebih-lebihan dan berbaur ekstrem. Sikap seperti inilah yang akan mewujudkan bibit-bibit perpecahan dan permusuhan dalam persaudaraan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan, kerajaan British telah mendefinisikan *Extremism* (Ekstrem) sebagai pertentangan ke atas nilai-nilai asas negara Britain seperti demokrasi, ketinggian prinsip undang-undang, kebebasan individu serta hormat-menghormati dan semangat toleransi di antara penganut agama dan kepercayaan. *Islamist Extremism* pula dikatakan sebagai satu ideologi yang menuduh barat menindas dan memerangi Islam.⁸

Dengan merujuk kepada keputusan Mahkamah Tinggi Britain pada Oktober 2016, Shakeel Begg, Imam Lewisham Islamic Centre telah mengemukakan saman kepada *BBC News* yang telah melabelkan beliau sebagai ekstremis berdasarkan rakaman ucapan-ucapan yang diberikan.

⁵ Al-Maidah : 87.

⁶ Al-Maidah : 2.

⁷ Hadis Riwayat Ahmad, Nasai, Ibn Majah dan Al-Hakim.

⁸ Casciani Dominic, Home Affairs Correspondent, 10 June 2014, How do you define Islamist Extremism. (Dilayari pada 27 September 2017 melalui <http://www.bbc.com/news/uk-27777892>).

Hakim Haddon Cave dalam keputusannya telah memberikan sepuluh perkara yang mendefinisikan *Islamic Extremism*.⁹ Antara yang dinyatakan ialah:

1. *For violent Islamic extremist, the “wrong kind” of Muslim includes moderate Sunni Muslims, all Shia Muslims, and many others who are “mete for the sword” and can be killed, and anyone who associates or collaborates” with them ...*
2. *The reduction of jihad (striving in God’s cause) to qital (armed combat).*
3. *Advocating armed fighting in defence of Islam (qital) as a universal individual religious obligation (fard al’ayn).*
4. *Any interpretation of Shari’a (i.e. religious law laid down by the Qur’an and the Sunna) that required breaking the ‘law of the land’.*
5. *The extreme Salafist Islamism doctrine that the precepts of the Muslim faith negate and supersede all other natural ties, such as those of family, kinship and nation.*
6. *The citing with approval the fatwa (legal opinion) of Islamic scholars who espouse extremist view.*
7. *Any teaching which, expressly or implicitly, encourages Muslim to engage in, or support, terrorism or violence in the name of Allah.*

Dr. Yusuf al-Qaradhawi pula telah menjelaskan dengan panjang lebar mengenai ciri-ciri Islam ekstremis.¹⁰ Antaranya yang diuraikan ialah seperti yang berikut:

1. Fanatik pada suatu pendapat dengan fanatisme yang keterlaluan, sehingga enggan menerima pendapat lain.
2. Menghukum wajib ke atas sesuatu yang tidak diwajibkan oleh Allah SWT.

⁹ Sila rujuk: <https://www.judiciary.gov.uk/wp-content/uploads/2016/10/shakeel-begg-v-bbc-judgment-final-20161028.pdf>.

¹⁰ Yusuf Al-Qaradawi, *Islamic Awakening Between Rejection and Extremism*. A New Edition Edited by Nancy Roberts. The International Institute of Islamic Thought. USA. 1427H/2006CE.

3. Sering bertindak dengan kekasaran dan kekerasan.
4. Buruk sangka.

Menurut Sheikh Dr. Mohammad bin Abdul Karim Al-Issa, Setiausaha Agung Muslim World League dalam program Syarahan Perdana Wasatiyyah 2017 pada 13 April 2017 di Kuala Lumpur, beliau menegaskan bahawa tiada dalam sejarah mana-mana negara Islam yang berpegang dengan ajaran Islam melakukan apa yang dilakukan oleh pelampau agama itu.¹¹

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 dan 22 Oktober 2014 telah membincangkan isu umat Islam Malaysia yang berjuang atas nama ISIS. Muzakarah berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau *Islamic State of Iraq and Levant* (ISIL) di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut hukum syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.

Oleh itu, Muzakarah menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.

Muzakarah turut menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL ini.

Ideologi Salafi Jihadi

Salafi Jihadi adalah istilah yang diberikan kepada kalangan umat Islam yang beraliran pemikiran seperti *Salafiyun* (iaitu kembali kepada al-Quran dan Sunnah, memurnikan akidah serta menolak bid'ah) dan golongan ini

¹¹ Melalui Kertas Kerja yang dibentangkan : Ancaman Liberalisme, Radikalisme dan Terorisme Dalam Dunia Islam: Pendekatan Wasatiyyah Sebagai Penyelesaian.

mempunyai matlamat dakwah untuk menegakkan Daulah Islam dengan menggunakan kaedah *jihad qital* (perang) serta tidak ragu-ragu mengkafirkan pemerintah Islam yang tidak menegakkan hukum syariah di dalam sesebuah negara.¹²

Pemberontakan ke atas pemerintah di Iraq dan Syria atas alasan penindasan kepada golongan Sunni, penindasan rejim Israel ke atas rakyat Palestine serta lain-lain penindasan ke atas etnik yang majoritinya beragama Islam merupakan dorongan kuat pengaruh ekstremisme terus tersebar. Dalam situasi penindasan seperti ini mereka menggunakan faktor agama dan menyempitkan konsep jihad untuk kepentingan dan mencapai cita-cita politik.

Kejayaan ideologi ini meresap masuk ke negara-negara yang bebas daripada tekanan seperti yang dinyatakan adalah berlandaskan kefahaman bahawa kerajaan yang ada gagal memelihara agama dan melaksanakan hukum Islam secara total. Umat Islam dikatakan telah tertindas dalam pelbagai aspek.

Pertubuhan yang bercirikan ekstremis seperti ISIS ternyata membawa agenda, ideologi dan mempromosi keganasan dan jelas bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai kemanusiaan sejagat. Fahaman seperti ini telah memberi imej dan pandangan yang buruk kepada agama Islam malahan telah mencemarkan kesucian agama Islam itu sendiri. Apabila agama Islam telah dilabel dengan pelbagai tuduhan yang tidak berasas, umat Islam semakin dipandang serong, amalan berkaitan agama mula diperlekehkan dan di negara-negara tertentu, umat Islam telah menerima pelbagai tekanan sehingga keberadaan mereka tidak diiktiraf dan ditolak sama sekali.

Negara Malaysia turut menerima tempiasnya. Keadaan ini semakin serius apabila laporan yang mendedahkan bahawa penglibatan rakyat Malaysia dalam perjuangan sia-sia ini menunjukkan statistik yang sangat membimbangkan. Antara laporan yang pernah didedahkan ialah pada 16 Julai 2016 Bahagian Counter Terrorism, Polis DiRaja Malaysia melaporkan jumlah

¹² Rujuk : Zulkarnain Haron, Nordin Hussin. Islam di Malaysia : Penilaian semula fahaman salafi jihadi dan interpretasi jihad oleh Al Jama'ah Islamiyah. Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi (PPSPS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. (Dilayari melalui : GEOGRAFIA Online Malaysia Journal Society dan Space 9 issue 1 (126-137)@2013, ISSN 2180-2491.

yang ditahan kerana terlibat dengan kegiatan ini semakin meningkat. Pada tahun 2014 sebanyak 59 tangkapan telah dibuat dan jumlah ini meningkat kepada 82 tangkapan pada tahun 2015.

Sejak tahun 2013 sehingga Oktober 2016 seramai 257 suspek telah ditahan kerana terbabit dengan kegiatan militan.¹³ Daripada tangkapan yang dibuat, didapati rakyat tempatan adalah jumlah tertinggi iaitu seramai **186 orang**.

Dilaporkan juga seramai 16 orang kanak-kanak adalah antara 61 rakyat Malaysia yang masih berada di Syria kerana terbabit dengan IS. Sehingga 13 November 2016, seramai 54 orang telah disabitkan kesalahan. Daripada jumlah ini seramai 48 orang adalah daripada kalangan belia.

Menurut laporan Kertas Putih yang dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Kesebelas pada 26 November 2014, Ahmad Tarmimi Maliki (26 tahun) merupakan rakyat Malaysia pertama yang terlibat dengan pengeboman berani mati di Iraq. Peristiwa yang berlaku pada tahun 2013 ini menyaksikan Ahmad Tarmimi merempuh ibu pejabat pasukan keselamatan Iraq di wilayah Anbar dengan SUV yang mengandungi bahan letupan. Akibatnya seramai 25 orang tentera elit Iraq terbunuh. Ekoran itu, kerajaan Malaysia telah menyatakan pendirian untuk menolak ideologi kumpulan militan IS.

Ringkasnya, berdasarkan beberapa penjelasan yang diberikan di atas, antara ciri-ciri ekstremisme agama bolehlah disenaraikan seperti yang berikut:

1. Berpegang kepada fahaman takfiri.
2. Mendakwa diri sahaja yang benar dan menyimpan persepsi buruk kepada orang lain.
3. Taksud kepada pandangan sendiri sehingga berjihad dan mengeluarkan fatwa berdasarkan pemikiran sendiri tanpa pimpinan ilmu dan tanpa merujuk kepada pandangan pakar.

¹³ Berita Harian, 8 November 2016.

4. Jauh dari sifat diplomasi, berhemah dan bertolak ansur dalam segala tindakan serta pergaulan.
5. Mementingkan kehendak dan keperluan sendiri sehingga menggugurkan hak orang lain meskipun sesama Muslim sendiri.
6. Menghalalkan darah sesiapa yang tidak sealiran.
7. Menunjukkan ciri-ciri kekerasan, keganasan dan radikal dalam berdakwah.
8. Menolak demokrasi.
9. Menolak perlembagaan sekular.
10. Umat Islam yang cenderung kepada sekularisme dilabel murtad dan wajib diperangi.
11. Non-Muslim sebagai kafir harbi dan wajib dibunuh.

TEKNOLOGI INFORMASI

Teknologi Informasi (*Information Technology/IT*) merupakan satu aplikasi komputer yang digunakan untuk menyimpan, mengkaji, mengumpul, menghantar dan memanipulasi data atau maklumat.¹⁴

Dewan Bahasa dan Pustaka memberikan maksud Teknologi Informasi sebagai teknologi yang berkaitan dengan pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan dan penyebaran maklumat secara elektronik.¹⁵

Teknologi informasi (IT) menjadi satu kemestian dalam kepesatan perkembangan dunia hari ini. Informasi merujuk kepada fakta dan pendapat yang disediakan dan diterima dalam kehidupan seharian. Informasi diperoleh daripada media masa, pusat data elektronik, segala bentuk hasil pemerhatian dunia sekeliling, perbincangan dan tindakan seharian. Salah satu pencapaian terhebat dalam teknologi moden ialah penciptaan komputer. Sistem informasi berasaskan komputer memberi kesan kepada struktur dan gaya pengurusan

¹⁴ Wikipedia, The Free Encyclopedia. (https://en.wikipedia.org/wiki/Information_technology).

¹⁵ Kamus Pelajar Edisi Kedua.

sesebuah organisasi. IT semakin mengurangkan fungsi tenaga manusia. Di peringkat awal ia mula menggantikan tugas-tugas rutin yang mudah dan secara perlahan-lahan ia mula diperluaskan kepada fungsi yang lebih besar seperti pengurusan dan bidang separa profesional.¹⁶

Pelbagai istilah mula muncul dan digunakan bagi menerbitkan fahaman dan pengertian berbeza tetapi masih mempunyai kaitan dan berlegar dalam dunia penggunaan komputer. Ia membawa bersama istilah-istilah lain seperti 'internet' dan 'siber'. Perkataan siber juga membawa bersama kepada istilah lain yang berkaitan seperti media atau lebih fokus kepada isu ini, iaitu Media Baharu.

Menurut Kamus Dewan, Media ditakrifkan sebagai alat atau perantara dalam komuniti atau dalam perhubungan seperti radio, televisyen dan akhbar. Media baharu, masih belum mempunyai pengertiannya yang khusus meskipun telah lama digunakan.

Dennis Mc Quail dalam bukunya *Mass Communication Theory (2010)* menyatakan media baharu bukanlah satu yang terasing bahkan (mempunyai ciri-ciri yang sama dengan teknologi dalam bidang komunikasi.) Selain sifatnya yang baharu, media baharu (bergerak menggunakan teknologi digital dan boleh diakses secara meluas.) Media baharu sangat berbeza dan agak sukar untuk diberikan definisi yang tepat. Penggunaannya semakin meluas dan memberi kesan yang amat ketara kepada media tradisional.¹⁷

Dennis Mc Quail telah menyenaraikan lima ciri-ciri utama media baharu iaitu :

1. Komunikasi interpersonal.
2. Interaktif.
3. Berinformasi.
4. Kolektif.
5. Meluas dan ada di mana-mana.

¹⁶ Information Technology In Our Day To Day Life, <http://www.gdtopics.com/essay-topics-for-information-technology.php>. Dilayari pada 28 September 2017.

¹⁷ Dennis Mc Quail. *Mass Communication Theory*. 6th Edition. SAGE Publication Ltd. London 2010.

Alam Siber¹⁸

Telah disebutkan tadi bahawa perbincangan mengenai teknologi informasi membawa bersama beberapa istilah lain yang berkaitan iaitu ‘siber’. Sekiranya siber itu adalah yang berkaitan dengan komputer dan internet, maka alam siber merupakan satu ruang yang menyeluruh dan segenap yang disediakan melalui teknologi komputer dan internet. Ia adalah ruang atas talian di mana masyarakat siber (netizen) bersosialisasi, bercerita, bertukar pandangan dan berkongsi rasa di laman web, laman sosial dan blog. Laman sosial yang popular adalah seperti *Facebook*, *Twitter*, *YouTube*, *WhatsApp*, *Telegram*, *Line*, *Viber*, *WeChat* dan pelbagai lagi.

Netizen adalah penghuni kepada alam siber. (Netizen bertanggungjawab memberi sumbangan untuk mengembang dan menggalakkan pertumbuhan internet.) Kajian yang pernah dilakukan pada tahun 2009 menunjukkan bahawa sebanyak 50% pengguna internet adalah untuk mendapatkan hiburan, 46.8% untuk bersosial dan (77% untuk mendapatkan informasi.)

Diayah di alam siber adalah merujuk kepada penyiaran dan penyebaran sesuatu fahaman, ajaran, ideologi atau propaganda melalui internet. Penyebaran fahaman dan ajaran berlaku melalui media baharu seperti laman web, laman sosial dan blog untuk mendapatkan sokongan dan meraih kepercayaan netizen.

Dari sudut positif alam siber yang dijana melalui teknologi informasi menyediakan ruang terpantas sebagai sumber ilmu dan maklumat dalam semua aspek. Dunia tanpa sempadan, maklumat dihujung jari yang merentas sempadan masa dan fizikal memberi gambaran bahawa dunia kita telah berada dalam tapak tangan masing-masing. Alam siber memberikan ruang, peluang dan kemudahan yang amat mudah serta medan komunikasi antara beberapa pihak secara pantas.

Dalam mana-mana perbincangan mengenai masalah sosial biasanya akan menyenaraikan alam siber sebagai punca kepada kejatuhan moral dan akhlak remaja, sebab kepada perlakuan jenayah dan dalang kepada penularan

¹⁸ Siti Razmah Idris, Diayah Di Alam Siber : Ancaman Kepada Kesejahteraan Gaya Hidup Muslim, dibentangkan pada 18 Oktober 2016 dalam Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

budaya negatif dalam masyarakat. Tanyalah apa sahaja melalui alam siber, dalam sekelip mata semua maklumat berkaitan boleh diperolehi, dalam pelbagai kaedah sama ada melalui rencana ilmiah, pengalaman individu, forum interaktif atau rakaman video semuanya lengkap tersedia.

Pada asalnya alam siber merupakan platform yang amat selesa, sesuai dan selamat. Keselesaan, kesesuaian dan keselamatan yang ‘dijanjikan’ inilah merupakan peluang terbaik bagi benih-benih diayah dan propaganda ditanam, disiram, dibaja dan disuburkan oleh pihak yang tidak bertanggung jawab. Justeru, kumpulan-kumpulan pelampau politik, agama dan kaum menggunakan internet dan alam siber untuk melancarkan propaganda, serangan pemikiran dan ideologi masing-masing.

Serangan pemikiran meskipun tidak menggunakan kekuatan fizikal seperti kekerasan dan alat senjata bahkan berlangsung secara tidak disedari, tetapi memberi natijah yang cukup membimbangkan. Ia berupaya menembusi kewarasan akal manusia dan seterusnya memberi kesan kepada tindak tanduk dan perlakuan seseorang.

PENYEBARAN EKSTREMISME MELALUI TEKNOLOGI INFORMASI

Pada tahun 2012, statistik menunjukkan bahawa dalam kalangan penduduk benua di dunia, benua Asia adalah yang tertinggi sebagai pengguna internet, iaitu sebanyak 44.8%. Angka ini meningkat kepada 45.7% pada tahun 2014. Ia terus melonjak yang mana sehingga 30 Jun 2017 mencatatkan sebanyak 49.7%.¹⁹

Pada tahun 2016 pernah dilaporkan bahawa lebih daripada 10 laman web masih aktif mempromosikan kumpulan ekstremis militan *Daesh* yang mudah diakses dan masih belum disekat. Laman-laman ini menggunakan Bahasa Melayu, Bahasa Indonesia dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan boleh dilayari dengan mudah oleh pengguna internet. Beberapa penerbitan berbaur propaganda juga dimuat naik yang mengajak umat Islam untuk berjihad.²⁰

¹⁹ Internet World Stats – www.internetworldstat.com/stats.htm. Dilayari pada 30 September 2017.

²⁰ Utusan Malaysia : 15 September 2016.

Daesh adalah singkatan daripada *al-Dawla al-Islamiya al-Iraq wal-Sham*. Dari segi bahasa *Daesh* bermaksud kehancuran, kemusnahan. Ia juga ditakrif sebagai : Meremuk-remuk dengan kaki (memijak) atau mencetus perbalahan. Istilah *Daesh* ini amat tidak disenangi oleh kumpulan ini kerana dikatakan ‘berbeza dengan matlamatnya yang sebenar’.

Daesh adalah ‘panggilan hormat’ untuk kumpulan militan yang berpusat di Syria dan Iraq. Mereka tidak layak untuk dilabel sebagai Islam (seperti yang mereka laungkan) atas sebab yang amat nyata – tiada langsung wujud ciri-ciri sebuah kumpulan bersendikan agama Islam yang suci.

Internet merupakan medium yang paling efektif untuk golongan ekstremis menyebarkan propaganda. Ini berkait rapat dengan sifat internet itu sendiri yang memiliki dan menyediakan pelbagai ruang untuk sesiapa sahaja memuat naik bahan untuk dikongsi. Bahan-bahan berupa kenyataan dan rakaman video dimuat naik dalam forum-forum interaktif dan laman-laman sosial. Ruang-ruang seperti ini menjadi persinggahan yang amat popular dan mudah oleh pelbagai kategori golongan sasar. Iklan, kempen dan propaganda boleh disalur, disambung dan dipindahkan dengan amat mudah ke beberapa rangkaian dan platform yang lain. Paling menarik, ia diatur dalam pelbagai bahasa. Faktor ini jelas memudahkan tugas menyebarkan propaganda dengan lebih luas merentasi sempadan bahasa dan bangsa.

Lima ciri media baharu yang disenaraikan oleh Dennis Mc Quail seperti yang dinyatakan di atas boleh dianggap merupakan faktor utama kecenderungan golongan ekstremis menggunakan saluran teknologi informasi untuk melebarkan pengaruh, memancing mangsa dan menanam diayah palsu.

Menurut satu kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri, Malaysia menunjukkan kemunculan secara agresif kumpulan *Daesh* secara atas talian adalah menerusi platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Telegram*. Penggunaan secara meluas platform ini bukan sahaja banyak membantu mereka meraih sokongan, tetapi juga sebagai wadah untuk melaksanakan perang saraf khususnya ke atas kumpulan-kumpulan dan golongan sasar tertentu bagi menyebarkan propaganda, menanam fahaman radikalisme serta merekrut ahli.²¹

²¹ Jasmine Jaawhar. Terrorists’s Use of The Internet: The Case of *Daesh*. Research by Southeast Asia Regional Centre for Counter Terrorism (SEARCCT), Ministry of Foreign Affairs, Malaysia.

Ini menunjukkan platform media sosial adalah antara platform yang amat sesuai, santai dan mesra pengguna dalam konteks untuk berkongsi pandangan dan menanam ideologi. Platform sebegini biasanya dipelopori oleh golongan remaja dan belia yang mempunyai minat dan potensi untuk meluaskan jaringan kenalan, menyuarakan pandangan dan mencari pengaruh. Mesej boleh disampai dan diberi respon secara spontan. Dalam beberapa tahun kebelakangan, statistik menunjukkan pengguna internet yang paling tinggi jumlahnya adalah dari kalangan pengguna yang berusia 18 hingga 34 tahun yang menyumbang sebanyak 64%.

Sebagai contoh kes tiga pelajar perempuan British, Shamina Begum (15 tahun), Kadiza Sultana (16 tahun) dan Amira Abase (15 tahun) telah migrasi ke Syria untuk menyertai *Daesh* pada Februari 2015 setelah terpengaruh dengan media sosial *Tumblr*.

Dalam konteks Malaysia, pada pertengahan November 2014 seorang pelajar wanita Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Lembah Klang berusia 27 tahun, telah terpengaruh untuk menyertai *Daesh* di Syria selepas menonton video propaganda kumpulan tersebut di Youtube dan seterusnya berinteraksi melalui *Facebook*. Walau bagaimanapun cubaannya gagal kerana telah ditangkap oleh PDRM di KLIA, Sepang sebelum berlepas.

Daesh dikatakan menggunakan *Dark Web* untuk merancang dan melaksanakan aktiviti berkaitan keganasan, menyebarkan propaganda, melakukan urusniaga senjata dan mengatur serangan. *Dark Web* merupakan sebahagian *Deep Web* yang hanya boleh diakses menggunakan enjin carian yang khusus. Sebanyak 57% laman web melalui *Dark Web* didalangi oleh kandungan yang menyalahi undang-undang seperti aktiviti wang haram, jualbeli dadah, penyeludupan senjata haram, keganasan dan pelbagai lagi.²²

Dark Web merupakan satu terma yang merujuk kepada himpunan laman web yang tidak mampu diakses menggunakan kaedah biasa. Ia hanya boleh diakses menggunakan *TOR (The Onion Router)* atau *I2P (Invincible Internet Protocol)*.²³ Gambarajah di bawah mungkin boleh memberikan gambaran kedudukan Deep Web dan Dark Web dalam dunia internet.

²² Gabriel Weinmann. Terrorist Migration to the Dark Web, Vol. 10 No. 3 (2016). <http://www.terrorismanalysts.com/pt/index.php/pot/article/view/513/html>. Dilayari pada 11 Oktober 2017..

²³ Matt Egan. What is the Dark Web, What is the Deep Web, and How Can You Access it. 21 September 2017. <http://www.techadvisor.co.uk/how-to/internet/what-is-dark-web-what-is-deep-web-how-can-you-access-it-3593569/>. (Dilayari pada 1 Oktober 2017).

<i>Surface Web</i>	- <i>regular search</i>	D	↓
	- <i>known web address</i>	E	
-----		E	
<i>Deep Web</i>	- <i>not indexed by search engine</i>	P	
		E	
-----		S	
<i>Dark Web</i>	- <i>access through specialized browsers</i>	T	

Media sosial juga adalah strategi *Daesh* yang dipanggil ‘*double- edge –sword*’ yang membawa maksud media sosial digunakan untuk merekrut dan menakutkan musuh. Mereka menggunakan aplikasi media sosial *Facebook* sebagai *gateway* ke laman ekstremis dan radikal. United Nation (UN) telah menganggarkan seramai 12,000 orang dari lebih kurang 50 buah negara berlainan telah berhijrah ke Syria untuk menyertai pelbagai kumpulan pemberontak termasuk *Daesh*. Satu statistik yang dikeluarkan oleh *US National Counterterrorism Center* pula menunjukkan seramai 20,000 orang pengganas asing berada di daerah jajahan *Daesh* termasuk 550 orang wanita. Dilaporkan juga seramai lebih kurang 100 orang rakyat Malaysia yang telah dikenal pasti sebagai pengganas asing menyertai *Daesh* di Syria dan Iraq.²⁴

Laporan tersebut juga mengatakan bahawa pada November 2015, penyedia aplikasi *Telegram* telah menyekat 78 saluran menyebarkan propaganda yang dikendalikan oleh *Daesh*. Pada Ogos 2016, Pegawai Penyiasat *French Anti-Terrorism* menyatakan kumpulan *Daesh* telah berkomunikasi melalui pesanan ringkas *encrypted Telegram* untuk merancang penyembelihan kejam paderi Saint-Étienne-du-Rouvray, Normandy, Perancis dan merakamkan ke dalam video.

Kejadian pengeboman kelab malam *Movida*, di Puchong Selangor, pada Julai 2016 juga didapati dirancang melalui komunikasi sosial *Telegram*. Mereka berjaya merancang dan memperolehi bahan letupan dari Sri Kembangan, Selangor melalui suspek yang masih bebas.

²⁴ Sumber maklumat diperolehi daripada Polis DiRaja Malaysia diterima pada 16 Oktober 2017.

PENCEGAHAN EKTREMISME MELALUI TEKNOLOGI INFORMASI

Ekstremisme perlu disekat kerana ancamannya merosakkan minda generasi, memecahbelahkan masyarakat, memutuskan hubungan kekeluargaan, menjatuhkan ekonomi negara, memusnahkan peradaban dan menggugat keharmonian negara. Faham ekstremisme yang membawa kepada kegiatan keganasan tidak boleh dipandang ringan. Ia umpama api di dalam sekam. Luarannya tidak kelihatan api yang membakar meskipun bahangnya masih boleh terasa. Sifat bahang api yang sedemikian kadangkala tidak diendahkan. Tanpa sedar, ia terus menerus membakar dan mampu membawa kemusnahan dalam sekelip mata. Apabila telah berlaku kemusnahan dan kerosakan, tidak wajar lagi sesiapa menoleh kebelakang untuk mencari punca dan dalangnya.

Kebijaksanaan dan kemahiran pendukung ideologi ini memanipulasi teknologi informasi perlu dicemburui demi kemaslahatan generasi, negara dan agama. Gerakan yang dirancang melalui saluran maya perlu diberi perhatian khusus. Sekiranya mereka aktif bersosialisasi di alam maya sambil menusuk jarum halus yang penuh bisa, langkah pencegahan juga perlu menggunakan medium yang sama.

Bergerak menerusi alam maya merupakan modus operandi dalam gerakan mereka. Mereka merekrut ahli, merancang aktiviti keganasan serta menyampai dan menyebarkan maklumat serta melatih anggota.

ALAM MAYA VS ALAM MAYA

Menurut monograf yang dihasilkan oleh Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT) Kementerian Luar Negeri Malaysia²⁵, adalah perlu mengenalpasti individu yang benar-benar berkelayakan untuk menangkis pandangan dan melakukan serangan balas dalam bentuk menolak propaganda sempit ini. Individu yang dimaksudkan perlu terdiri daripada mereka yang mempunyai pengaruh, berkarisma dan mempunyai karektor yang mudah menarik minat audien. Mereka juga perlu seorang yang versatile dan fasih berbahasa Arab. Paling utama mereka perlu mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang-bidang ilmu yang berkaitan dengan isu yang menjadi pokok perbincangan.

²⁵ Rujuk Nota Kaki No. 20.

Ciri-ciri yang dinyatakan di atas perlu bagi memastikan hujahan balas mampu mematahkan isu agama yang dimanipulasi oleh ekstremis seperti isu jihad, hijrah dan sebagainya. Hujahan balas perlu bersandarkan kepada nas al-Quran dan Hadith supaya mesej balas mempunyai kredibiliti dan sukar untuk dipatahkan.

Monograf tersebut juga menyarankan supaya mesej dan hujahan balas dihasilkan melalui pelbagai bentuk seperti video, sesi perbincangan, perdebatan dan sebagainya sepertimana platform yang sama digunakan oleh pihak lawan.

Pada September 2014, di peringkat dunia, **GLOBAL COALITION TO COUNTER IS (GCCCI)** telah dibentuk yang disertai lebih daripada 60 negara termasuklah Australia, Canada, Egypt, Germany, Malaysia, UAE dan United Kingdom. Antara usaha yang dilakukan ialah mendedah dan menyebarkan kepalsuan propaganda dan ideologi IS, mempromosi pemikiran positif dan menyokong aspirasi masa hadapan yang stabil dan bermaruah.

AMERIKA SYARIKAT :

Pada tahun 2011, Amerika Syarikat telah membentuk **CENTER FOR STRATEGIC COUNTERTERRORISM COMMUNICATION (CSCC)** dengan penubuhan pasukan DOT (*Digital Outreach Team*). Antara langkah yang dijalankan ialah menangkis propaganda ekstremis secara atas talian melalui media sosial serta membangunkan **THINK AGAIN TURN AWAY** iaitu kempen bagi membanteras ekstremis melalui kritikan-kritikan kepada *Daesh* melalui YouTube, Twitter, FB dan sebagainya.

Pada 7 September 2016, satu inisiatif telah dibangunkan di Amerika Syarikat oleh beberapa syarikat berasaskan teknologi bersama *Countering Violent Extremism (CVE)* dibawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Amerika Syarikat dalam usaha untuk menangani ekstremis khususnya IS secara atas talian. Inisiatif ini mengandungi tiga fasa²⁶:

²⁶ Dana Hadra, What tech companies can do to counter violent extremism. Tuesday, September 13, 2016. Brookings Report. Dilayari melalui : <http://www.brookings.edu/blog/markaz/2016/09/13/what-tech-companies-can-do-to-counter-violent-extremism/> pada 4 Oktober 2017.

- (i) Fasa penyelidikan – memahami taktik pengrekrutan IS secara atas talian. Mengenal pasti terma yang digunakan bagi meraih simpati golongan sasar.
- (ii) Fasa membuat kenyataan atas talian – mempengaruhi golongan sasar iaitu pihak yang mula menunjukkan reaksi positif ke atas persoalan dan isu yang dibangkitkan oleh IS.
- (iii) Fasa menyediakan rakaman video – Golongan sasar yang memilih untuk terus mengikuti fasa kedua yang dimaksudkan, mereka akan di sambung dan dibawa kepada saluran YouTube dengan pengisian ucapan dan penjelasan daripada individu tertentu seperti penulis dan pemimpin (Imam) yang berpengaruh dan mereka yang mempunyai kredibiliti untuk menjawab persoalan-persoalan yang berlegar dalam kalangan mereka yang mula bersimpati dengan perjuangan IS.

Untuk jangka masa panjang, projek ini akan dikembangkan dengan tidak hanya fokus kepada kumpulan, bahasa atau ideologi tertentu malah lebih luas daripada itu. Fasa kedua di atas juga bakal dikembangkan bukan hanya terhad kepada kumpulan ekstremis Islam, tetapi diperluaskan kepada beberapa kumpulan ekstremis lain yang bergerak aktif di sebelah utara Amerika. Ia akan diperluaskan bukan hanya menjurus kepada menolak propaganda IS tetapi juga mengupas isu yang boleh membantu menolak propaganda yang tidak sihat seperti isu perlunya kesejahteraan minda, nilai perasaan dan isu-isu sosial.

Program ini juga dikatakan tidak sekali-kali berhasrat untuk mengutuk mereka yang bersimpati dengan perjuangan IS, tetapi sebagai satu langkah untuk memahami keperluan mereka yang terjebak dan secara perlahan-lahan menarik mereka keluar menuju ke jalan yang benar.

UNITED KINGDOM :

Pada 2015 kerajaan Britain telah mewujudkan **UK AGAINST DAESH** iaitu satu akaun *Twitter* untuk memberi informasi kepada masyarakat mengenai usaha-usaha untuk memerangi *Daesh*. Antaranya seperti memaparkan kejayaan memusnahkan kubu *Daesh*, kejayaan menahan dan menangkap individu yang terlibat serta kejayaan membuat pendakwaan kepada pesalah sehingga dijatuhkan hukuman.

ARAB SAUDI :

Pada Julai 2015, Arab Saudi telah menubuhkan **SAWAB CENTER** hasil kolaborasi pembentukan GCCI. Antara tindakan yang dilaksanakan ialah menggunakan akaun media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* bagi melancarkan serangan balas ke atas propaganda IS, mendedahkan cara IS merekrut ahli melalui media sosial serta memperjuangkan idea yang memberi penekanan kepada konsep toleransi dan menolak idea pelampau secara atlas talian.

MALAYSIA :

Kerajaan Malaysia telah mengarahkan supaya kerja perisikan perlu ditingkatkan dan dilipat gandakan terutamanya menerusi media sosial. Pemantauan secara berterusan di laman media sosial seperti *Facebook* dan *Telegram* adalah penting kerana ianya adalah alat mereka untuk merekrut, terutama menyasarkan generasi muda iaitu pengguna utama media sosial.

Tidak dinafikan bahawa pihak berkuasa menghadapi sedikit kesulitan untuk mengawal dan menyekat kerana sentiasa wujud alternatif lain untuk mereka bergerak dan berhubung. Walaubagaimana pun semua pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), *International Criminal Police Organization* (INTERPOL), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Jabatan Forensik Digital PDRM dan syarikat media sosial sentiasa bekerjasama bagi mengesan sesiapa yang terlibat dengan *Daesh* melalui media sosial.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi pihak Kerajaan Malaysia juga menggunakan kaedah alam maya bagi menerbitkan kempen-kempen anti keganasan dan ekstremis melalui platform *Facebook*. Mesej-mesej dalam bentuk kata-kata nasihat yang diolah dalam bentuk puisi, petikan ayat-ayat suci al-Quran, kata-kata ulama, kisah-kisah tauladan, doa-doa pilihan dan poster-poster serta rakaman video dimuat naik yang menyelitkan mesej menolak ekstremis dan keganasan. Langkah ini dibuat secara bersepadu bersama Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri bagi memastikan mesej yang disampaikan dapat disebar luas.

Satu artikel yang dikeluarkan oleh S. Rajaratnam School of International Studies mengesyorkan bahawa langkah efektif yang boleh diambil dalam menangani ancaman ekstremis melalui medium internet adalah menerusi mesej balas ke atas mesej-mesej berbau ekstremis dengan penekanan ke atas tiga elemen. Tiga elemen yang dimaksudkan ialah mesej yang digunakan, cara mesej disampaikan dan penyampai mesej. Mesej yang disampaikan perlu bersifat positif dengan mempromosi keamanan (menolak keganasan). Mesej perlu kreatif sehingga mampu memberi kesan kepada netizen. Penyampai mesej pula perlu terdiri dari kalangan mereka yang mempunyai kredibiliti seperti pemimpin masyarakat, alim ulama juga dalam kalangan mereka yang pernah menjadi mangsa tindakan ekstremis bagi memberikan gambaran dan kesan buruk ancaman ekstremis kepada masyarakat.²⁷

KAWAL SELIA

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) selaku badan kawal selia sektor komunikasi dan multimedia di Malaysia memainkan peranan dan memberikan sokongan kepada badan berwajib seperti pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam menangani permasalahan ini. Beberapa langkah diambil seperti:²⁸

- (i) Menyalurkan maklumat, aduan serta laporan yang diterima daripada masyarakat awam kepada PDRM untuk tindakan susulan di bawah Akta yang berkaitan.
- (ii) Melaksanakan tindakan sekatan ke atas laman sesawang yang menyebarkan ideologi ekstremis/penganas berdasarkan input dan maklumbalas daripada PDRM.
- (iii) Mengemukakan laporan kepada penyedia platform media sosial seperti *You Tube, Facebook, Twitter* dan lain-lain yang berkaitan bagi tujuan pengalihan kandungan yang menyebarkan ideologi ekstremis/penganas.

²⁷ RSIS Commentary No. 218 – 6 November 2014. Online Extremism : Challenges and Counter Measures by Navhat Nuraniyah.

²⁸ Sumber maklumat diperolehi daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) diterima pada 6 Oktober 2017.

- (iv) Menyediakan bantuan dan khidmat forensik digital bagi siasatan dan pendakwaan kes berkaitan ekstremisme dan keganasan.
- (v) Mengawal selia melalui medium penyiaran TV dan Radio bebas ke udara (*Free To Air*) melalui penguatkuasaan Syarat Khas Pemegang Lesen – Kehendak 11 : Kandungan Terlarang yang memperuntukan : ‘Tidak menyiarkan kandungan yang menyebarkan agama-agama lain selain dari agama Islam yang telah diluluskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- (vi) Menyediakan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia
 - Bahagian 4 : Kandungan Penyiaran Keagamaan : Kesemua rancangan berkaitan agama Islam mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran dari pihak berkuasa agama yang relevan sebelum ianya disiarkan, manakala bagi agama lain, nasihat dari pihak berkuasa agama yang berkenaan mestilah diperoleh terlebih dahulu berhubung dengan penerbitan kandungan yang berkaitan dengannya.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Setiap individu warga negara sewajarnya turut meletakkan tanggungjawab untuk mencegah dan menangani ancaman ekstremisme melalui peranan masing-masing khususnya menerusi alam siber. Banyak peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa, guru, penjawat awam, swasta, pelajar, penulis, pihak media, pemimpin masyarakat atau sesiapa sahaja. Rata-rata mereka pastinya mempunyai akaun media sosial sama ada *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan sebagainya.

Satu laporan tahun 2015 pernah menyenaraikan bahawa antara saluran media yang banyak mempengaruhi sebaran IS adalah *Facebook*: 50.4%, *You Tube*: 35% dan *Blog*: 22.8%. Kedudukan angka ini sangat membimbangkan. Celik IT yang dimiliki oleh semua pihak sewajarnya disalurkan bagi mendidik generasi untuk menolak ancaman ini melalui komentar, kata nasihat atau apa sahaja penceritaan yang boleh membantu menolak keganasan dan mempromosi keamanan.

Kecenderungan para remaja dan belia melepaskan tekanan, berkongsi pandangan malahan meluahkan perasaan adalah menerusi alam siber. Di alam

yang identiti masing-masing tidak diperlihatkan menjadikan mereka mudah untuk bercerita dan meluahkan apa sahaja masalah yang menimpa. Reaksi balas dan komentar yang diterima mampu meninggalkan kesan yang mendalam khususnya bagi mereka yang berada di bawah tekanan. Sewajarnya situasi ini digunakan oleh masyarakat yang bertanggungjawab untuk menyelitkan mesej-mesej yang memberi kebaikan, kerana dalam keadaan inilah rangkaian pendukung ekstremis mengambil ruang dan peluang untuk memainkan peranan dengan menyelitkan jarum propaganda yang sama sekali tidak menguntungkan.

Pada 3 Oktober 2017, dalam Majlis Pelancaran Program Kesedaran Keselamatan Siber Sektor Awam, YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara Malaysia telah mengisytiharkan bulan Oktober sebagai Bulan Kesedaran Keselamatan Siber Sektor Awam 2017. Dalam majlis ini turut dilancarkan buku Garis Panduan 10 Langkah Mudah Kesedaran Keselamatan Siber.

Antara 10 langkah yang disarankan, Langkah 4 hingga Langkah 9 boleh diaplikasikan sebagai langkah pencegahan pengaruh ekstremisme melalui siber. Langkah 4 hingga Langkah 9 yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

- Langkah 4 : Elak Terpedaya.
- Langkah 5 : Beretika Menggunakan Media Sosial.
- Langkah 6 : Waspada Jenayah Siber
- Langkah 7 : Fikir Sebelum Klik.
- Langkah 8 : Laporkan.
- Langkah 9 : Ambil Tahu.

Di bawah langkah-langkah yang disenaraikan terdapat beberapa panduan berupa senarai semak yang wajar diberikan perhatian seperti yang berikut:

- (i) Elakkan daripada terus mempercayai kandungan laman web, blog dan e-mel yang diragui atau daripada orang yang tak dikenali.

- (ii) Semak dan rujuk kepada sumber-sumber yang sahih.
- (iii) Kenalpasti rakan media sosial anda.
- (iv) Elakkan daripada melayari laman web dan blog yang berunsur lucu, fitnah, hasutan, skim cepat kaya dan ideologi keganasan.
- (v) Jangan mudah terpedaya dengan tawaran atau maklumat daripada individu yang tidak dikenali yang menghubungi anda melalui e-mel atau media sosial.
- (vi) Jangan klik pada e-mel, pautan atau lampiran yang mencurigakan (termasuk orang yang tidak dikenali). Padamkan e-mel tersebut.
- (vii) Laporkan kepada pihak berkuasa sekiranya berlaku sebarang insiden jenayah siber seperti penipuan internet.
- (viii) Peka dengan trend ancaman siber terkini.
- (ix) Peka, fahami dan waspada mengenai kesan-kesan negatif akibat penyalahgunaan internet.

Secara ringkas, semua Negara termasuk negara Malaysia mengamalkan kaedah 5D dalam menangani ancaman ekstremis iaitu *Deter*, *Deny*, *Detect*, *Delay* dan *Defend*.

KESIMPULAN

Dunia teknologi informasi yang semakin berkembang sudah pasti membawa kesan yang buruk sekiranya tidak diurus dan dimanfaatkan dengan baik. Kecanggihannya telah dimanipulasi oleh pihak-pihak tertentu untuk menabur diayah, menanam propaganda dan menyebarkan agenda jahat yang boleh mengancam keselamatan dan keharmonian ummah. Pengaruh penyebaran fahaman dan aliran pemikiran ekstremis dalam dunia siber perlu dibendung secara lebih fokus dan terancang. Pengaruhnya mungkin tidak mampu dilihat dengan mata kasar dan dalam masa yang singkat, tetapi kesannya mampu meninggalkan kehancuran yang akan mengambil masa terlalu lama untuk dipulihkan.

Mencegah sesuatu yang bersifat abstrak ini memerlukan peranan semua pihak. Sewajarnya umat Islam perlu melengkapkan diri dengan pelbagai cabang ilmu berkaitan invensi dan kecanggihan teknologi komputer serta internet supaya menjadi medium dakwah yang paling berkesan sesuai dengan peranan dan bidang masing-masing.

PENGGUNAAN KANTA LEKAP BERCORAK: SATU ANALISIS DARI SUDUT SYARAK

Taqwa binti Zabidi

Abstrak

Pada masa kini, kanta lekap bukan sahaja digunakan untuk tujuan rawatan bagi menggantikan fungsi kaca mata, tetapi ia juga digunakan bertujuan untuk menyerlahkan penampilan imej dan kecantikan diri. Ia menjadi trend dan tuntutan fesyen masa kini di mana kanta lekap merupakan aksesori yang mudah dan ringkas tetapi dapat menghasilkan satu penampilan berbeza. Beberapa perkara diperhalusi dari sudut syarak, iaitu adakah pemakaiannya mengubah ciptaan Allah, adakah ia merupakan perhiasan yang dibenarkan dan adakah ia selamat digunakan. Bagi mengupas persoalan ini, kajian perpustakaan dan temu bual bertulis dijalankan. Berdasarkan penelitian dari sudut hukum, penggunaan kanta lekap bercorak atau berwarna diharuskan dalam Islam dengan mengambil kira asal hukum perhiasan adalah harus. Namun, keharusannya terikat dengan beberapa syarat yang ditetapkan agar batasan akhlak tetap terus dipelihara.

Abstract

Nowadays, contact lenses are not only used for therapeutic and corrective purposes for glasses' replacement, but also for the purpose of enhancing the appearance of self-image and beauty. It becomes current trend and fashion in a way that the contact lenses are regarded as the simple and natty accessories, yet bring out different look. In this regard, there are three aspects that require shariah delineation i.e. whether the application changes God's creation, the permissibility of its adornment characteristic and its safety. In order to explore these issues, a qualitative content analysis and an interview have been conducted. Based on the Islamic jurisprudence, its application is permitted by taking into account that the primary ruling of adornment is permissible. However, it is bound by few conditions to keep on safeguarding the highness of morality.

Inovasi Kanta Lekap

Penciptaan kanta lekap telah melalui satu evolusi yang berkembang dari semasa ke semasa. Kanta lekap pertama yang diperbuat daripada kaca

dihasilkan pada tahun 1887 setelah 50 tahun ia mula direka.¹ Dalam tempoh satu abad, pelbagai inovasi ditemui seperti pembuatan kanta lekak daripada bahan plastik, bersifat lembut dan mengikut saiz iris mata. Sehingga pada kurun ke-21, kualitinya diperkemarkan dengan menggunakan silikon hidrogel.²

Kanta lekak atau juga disebut sebagai kanta sentuh pada asalnya berfungsi sebagai alternatif kepada penggunaan kaca mata. Beberapa kelebihan penggunaan kanta lekak adalah untuk membantu:

1. meningkatkan tahap penglihatan si pemakai yang mengalami masalah *myopia* (rabun);
2. memberikan keselesaan untuk bergerak bebas terutama semasa melakukan aktiviti lasak atau bersukan;
3. mengatasi masalah kesihatan mata untuk tujuan terapeutik seperti menghilangkan rasa sakit, menghindari fotofobia dan merawat masalah mata malas pada kanak-kanak; dan
4. menutup cela untuk tujuan kosmetik seperti anak mata yang kecil dan kesan trauma dan ulser pada anak mata.

Pada masa kini, kanta lekak bukan sahaja digunakan untuk tujuan seperti yang disebutkan, tetapi ia juga digunakan bertujuan untuk menyerlahkan penampilan imej dan kecantikan diri. Daripada kajian yang dijalankan oleh Norhani Mohidin dan Bakyah Lorenza Zaimura daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, mereka mendapati sebanyak 79.5% daripada respondannya memilih untuk memakai kanta sentuh atas faktor kecantikan dan keselesaan dan sebanyak 86% daripadanya adalah wanita.³

Kanta lekak terbahagi kepada dua iaitu kanta lekak perubatan dan kanta lekak perhiasan. Kanta lekak perubatan adalah kanta yang digunakan untuk


¹ J.R. Wheeler, 'History of Ophthalmology through the Ages', *British Journal of Ophthalmology*, 30(59)1946): 264-275, hlm. 274

² Key JE, 'Development of Contact Lenses and Their Worldwide Use', *Eye Contact Lens*, 33(6Pt2)(2007), 362-363

³ Norhani Mohidin dan Bakyah Lorenza Zaimuri, 'Survei Penjagaan Kanta Sentuh di Kalangan Pemakai di Kuala Lumpur', *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 10(1)(2012): 41-48, hlm. 43

tujuan rawatan mata sama ada dihiasi dengan pelbagai corak atau tidak. Berdasarkan Akta Optik 1991, ia juga disebut sebagai kanta mata dengan merujuk kepada “kanta yang digunakan untuk membetulkan, memulihkan atau meringankan apa-apa keabnormalan refraktif atau kecacatan optik pada penglihatan.”⁴

Manakala kanta lekap perhiasan adalah kanta yang tidak mempunyai kuasa refraksi dan dihiasi dengan warna atau corak yang pelbagai seperti permata, mata kucing, bola sepak dan sebagainya. Merujuk kepada Perintah Peranti Perubatan (Perisytiharan) 2017, kanta lekap ini disebut sebagai kanta lekap tanpa pembetulan (*non-corrective contact lens*). Ia bermaksud “kanta lekap yang tidak digunakan untuk membetulkan, memulihkan atau meringankan apa-apa keabnormalan refraktif atau kecacatan optik pada penglihatan.”⁵ Dalam arus media perdana, kanta lekap ini turut disebut sebagai kanta lekap kosmetik. Ini kerana fungsinya menambah kecantikan pada mata lebih bersifat kosmetik. Namun begitu istilah ini juga digunakan dalam arena perubatan yang merujuk kepada prosedur perubatan bertujuan untuk memperbaiki penampilan yang berkait dengan pembetulan kecacatan. Oleh yang demikian, untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, penulisan ini menggunakan istilah kanta lekap perhiasan bagi maksud yang disebutkan.



Rajah 1: Jenis-Jenis Kanta Lekap Mengikut Fungsi Penggunaannya

Isu dan Masalah

Perbincangan ilmiah berkaitan penggunaan kanta lekap dari sudut syarak tidak dibincangkan secara mendalam. Ia berkemungkinan kerana implikasi penggunaannya terhadap amalan harian dalam kehidupan seseorang

⁴ Akta Optik 1991, P.U. (A) 159/2006, hlm. 4

⁵ Warta Kerajaan Persekutuan, *Perintah Peranti Perubatan (Perisytiharan)* 2017, P.U. (A) 339, 7 November 2017, hlm. 2

Islam kurang rumit. Namun, ia menimbulkan pertanyaan orang awam bagaimanakah Islam melihat trend penggunaan kanta lekak untuk perhiasan, sehingga beberapa keputusan fatwa di peringkat antarabangsa telah pun dikeluarkan. Secara umumnya setiap rawatan yang membantu mengurangkan atau menghilangkan kesakitan adalah harus selagi mana ia tidak bertentangan dengan syarak. Maka, begitulah juga hukum ini terpakai terhadap penggunaan kanta lekak perubatan memandangkan ia dapat membantu mengatasi masalah kesihatan mata. Dari aspek bahan buatan, tiada unsur yang meragukan atau najis kerana kanta lekak terkini dihasilkan daripada rantaian polimer yang disebut sebagai hidrogel atau juga daripada silikon hidrogel.⁶

Namun begitu, apa yang menjadi perbincangan dalam penulisan ini ialah penggunaan kanta lekak bercorak atau berwarna sama ada dari jenis perubatan atau perhiasan. Ia menjadi trend dan tuntutan fesyen masa kini di mana kanta lekak merupakan aksesori yang mudah dan ringkas tetapi menghasilkan satu penampilan berbeza. Persoalannya adakah pemakaian kanta lekak yang bercorak sama ada untuk tujuan perubatan dan perhiasan dibenarkan di sisi syarak? Bagi membincangkan isu ini, kajian ini akan mengupas persoalan-persoalan berikut:

- a. Adakah pemakaian kanta lekak mengubah ciptaan Allah?
- b. Adakah ia termasuk dalam perhiasan yang dibenarkan dalam Islam; dan
- c. Adakah penggunaannya mempunyai risiko kepada kesihatan pengguna?

Maklumat dikumpulkan melalui bahan rujukan dalam kitab-kitab fiqh berkaitan topik yang dikupas. Selain itu, maklumat daripada penulisan perubatan, peruntukan undang-undang yang berkaitan dan isu-isu masa kini turut diteliti untuk mendapatkan satu gambaran yang jelas dan hasil penyelidikan yang menyeluruh. Temu bual bertulis dan bersemuka dijalankan bersama Puan Norazizah binti Ismail, Setiausaha Majlis Optik Malaysia (MOM), Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mendapatkan maklumat

⁶ Paul C. Nicolson dan Jürgen Vogt, 'Soft Contact Lens Polymers: An Evolution', *Biomaterials*, 22 (24) (2001), 3273-3283, hlm. 3274

terperinci mengenai penggunaan kanta lekap dari sudut perubahan dan undang-undang.

Konsep Mengubah Ciptaan Allah dan Kaitannya dengan Pemakaian Kanta Lekap

Bioteknologi moden pada hari ini menyumbang kepada pelbagai penemuan baharu sehingga sebahagiannya dapat mengubah kejadian asal untuk kemudahan manusia. Namun, dari sudut fiqh, ia perlu difahami agar tidak menyalahi larangan mengubah ciptaan Allah yang telah jelas dinyatakan dalam al-Quran seperti yang berikut:

وَلَا ضَلَّتْهُمْ وَلَا مَنِيَّتْهُمْ وَلَا مَرَنَتْهُمْ فَلْيَبْكُنْ إِذَا بَكَ الْأَنْعَامِ
وَلَا مَرَنَتْهُمْ فَلْيَغَيِّرْ بَ خَلْقِ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِنْ دُونِ
اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُبِينًا⁷

Maksudnya: Dan demi sungguh, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah. Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang dita'ati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata.⁸

Terdapat beberapa pandangan tentang maksud perkataan *khalqa Allah* pada ayat ini. Ia lebih jelas apabila difahami melalui hadith berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ لَعَنَ اللَّهُ الْوَاشِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالنَّامِصَاتِ
وَالْمُتَمَصَّاتِ وَالْمُتَقَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيَّرَاتِ خَلَقَ اللَّهُ. قَالَ فَبَلَغَ
ذَلِكَ امْرَأَةً مِنْ بَنِي أَسَدٍ يُقَالُ لَهَا أُمُّ يَعْقُوبَ وَكَانَتْ تَقْرَأُ الْقُرْآنَ فَآتَتْهُ

⁷ Surah al-Nisa', 4: 119

⁸ Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini adalah berdasarkan karya Abdullah Basmeih, 2013, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur, Darul Fikir, cet. 21.

فَقَالَتْ مَا حَدِيثٌ بَلَغَنِي عَنْكَ أَنَّكَ لَعَنْتَ الْوَاشِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ
وَالْمُتَمَصِّصَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيَّرَاتِ خَلَقَ اللَّهُ فَقَالَ عَبْدُ
اللَّهِ وَمَا لِي لَا أَلْعَنُ مَنْ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- وَهُوَ
فِي كِتَابِ اللَّهِ فَقَالَتِ الْمَرْأَةُ لَقَدْ قَرَأْتُ مَا بَيْنَ لَوْحِي الْمُصْحَفِ فَمَا
وَجَدْتُهُ. فَقَالَ لَنْ كُنْتَ قَرَأْتِيهِ لَقَدْ وَجَدْتِيهِ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ (وَمَا آتَاكُمْ
الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا) ...⁹

Maksudnya: Abdullah berkata: “Allah melaknat wanita yang mencacah tatu dan yang minta dicacah tatu, wanita yang mencabut bulu di wajah dan yang minta dicabut bulu pada wajah dan wanita yang menjarangkan gigi untuk kecantikan, mengubah ciptaan Allah. Katanya lagi perkara itu disampaikan kepada seorang wanita dari Bani Asad oleh Umm Ya’qub dan dia sedang membaca al-Quran. Maka wanita tersebut bertemu Abdullah dan berkata, “Aku mendapat tahu bahawa engkau melaknat wanita yang mencacah tatu dan yang minta dicacah tatu, wanita yang mencabut bulu di wajah dan yang minta dicabut bulu pada wajah dan wanita yang menjarangkan gigi untuk kecantikan, mengubah ciptaan Allah.” Abdullah berkata, “Siapakah aku untuk tidak melaknat orang yang Rasulullah SAW laknati sedangkan ia tercatat dalam al-Quran.” Wanita itu berkata, “Aku telah membaca semua kandungan mushaf daripada muka depan hingga belakang (iaitu keseluruhan al-Quran) tetapi aku tidak menemuinya.” Katanya, “Jika kamu membaca al-Quran, kamu akan menjumpai firman Allah SWT, {dan apa yang disampaikan oleh Rasul maka ambillah, dan apa yang dihalangi kamu daripadanya, maka berhentilah}...”¹⁰

⁹ Muslim Ibn al-Hajjaj, 1991, *Sahih Muslim*, Muhammad Fuad Abd Al-Baqi (pytg.), Bab *Tahrim Fi'l al-Wasilah wa al-Mustawasilah, wa al-Washimah wa al-Mustawshimah, wa al-Namisah wa al-Mutanammissah, wa al-Mutafallijat wa al-Mughayyirat Khalq Allah*, No. hadith: 2125, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jld. 3, hlm. 1678. Kitab *al-Libas wa al-Zinah, Bab Tahrim Fi'l al-Wasilah wa al-Mustawasilah, wa al-Washimah wa al-Mustawshimah, wa al-Namisah wa al-Mutanammissah, wa al-Mutafallijat wa al-Mughayyirat Khalq Allah*

¹⁰ Semua terjemahan hadith adalah merupakan terjemahan oleh penulis.

Walau bagaimanapun, pengubahan ciptaan Allah ini adalah perubahan kekal. Menurut al-Qurtubi, perubahan sementara yang tidak kekal seperti memakai celak atau hiasan bagi wanita, menurut ulama, adalah diharuskan.¹¹

Penggunaan kanta lekap atau juga disebut sebagai kanta sentuh adalah sesuatu yang sementara. Pemakaiannya tidak boleh melebihi tempoh tertentu bergantung kepada jenis kanta sentuh yang digunakan. Lazimnya kanta lekap hanya boleh digunakan dalam tempoh 8 jam. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh mengundang penyakit mata yang serius atau kebutaan.

Perhiasan yang Dibenarkan dalam Islam dan Kaitannya dengan Kanta Lekap Bercorak dan Berwarna

Seperti yang dijelaskan, kanta lekap bercorak dan berwarna meliputi kanta lekap perubatan dan perhiasan. Ini bermakna fungsi pada kanta lekap perubatan yang bercorak meliputi aspek perubatan dan perhiasan. Manakala kanta lekap perhiasan berfungsi untuk perhiasan semata-mata. Tanpa menolak kepentingan fungsi perubatan (terutama pada kanta lekap jenis pertama), perbincangan selanjutnya akan tertumpu kepada elemen corak dan warna. Untuk meneliti perkara ini, kupasan terhadap perhiasan dan *tabarruj* dalam Islam akan diberi tumpuan.

Asal hukum berhias adalah *istihbab* iaitu harus berdasarkan firman Allah yang tidak melarang seseorang untuk berhias diri:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ ...¹²

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): “Siapakah yang mengharamkan perhiasan Allah yang dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya?”

Begitu juga perhiasan yang baik turut dianjurkan tatkala pergi ke masjid.

يَبْنَىءَ آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ ...¹³

¹¹ Muhammad Ibn Ahmad Al-Qurtubi, 2003, *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Hisham Samir al-Bukhari (pytg.), jil. 5, Riyadh, Dar 'Alim al-Kutub, hlm. 393

¹² Surah al-A'raf, 7: 32

¹³ Surah al-A'raf, 7: 31

Maksudnya: Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang)...

Pakaian yang elok juga amat digalakkan untuk dipakai kerana Allah SWT menyukai sesuatu yang cantik seperti yang dinyatakan dalam hadith berikut:

وَلَمَّا رُوِيَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ”لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ الرَّجُلَ مَتَا يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثَوْبُهُ حَسَنًا، وَنَعْلُهُ حَسَنَةً قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ: إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ، الْكِبَرُ بَطْرُ الْحَقِّ، وَغَمَطُ النَّاسِ.“¹⁴

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Abdullah Ibn Mas’ud, Rasulullah SAW bersabda: “Tidak masuk syurga seseorang yang mempunyai rasa angkuh walau sebesar zarah”. Seorang lelaki berkata, “Wahai Rasulullah sesungguhnya ada seorang lelaki daripada kami yang suka pakaian yang baik dan kasut yang baik”. Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya Allah itu cantik dan suka kepada kecantikan. Rasa angkuh itu menolak kebenaran dan memandang rendah pada manusia.”

Al-Qurtubi menyatakan perhiasan terbahagi kepada dua iaitu perhiasan semulajadi seperti muka dan perhiasan yang diperoleh seperti pakaian, cincin, gelang dan celak.¹⁵ Perhiasan diri yang diperoleh ini diharuskan pada waktu-waktu tertentu seperti ketika berziarah, pada hari Jumaat dan hari perayaan, atau berhias untuk pasangan dan sebagainya.¹⁶ Pun begitu, berhias diri dilarang dalam keadaan-keadaan tertentu contohnya berhias diri menyerupai jantina yang lain, berhias bagi perempuan dalam iddah atau

¹⁴ Muslim Ibn al-Hajjaj, Bab *Tahrim al-Kibr wa Bayanuh Kitab al-Iman*, No. hadith 147, jil. 1. Hlm. 93; ‘Abdul Rahman ibn al-Sa’adi, 1423H, *Bahjah Qulub al-Abrar wa Qurrah ‘Uyun al-Akhbar fi Sharh Jawami’ al-Akhbar*, Arab Saudi, Wizarah al-Shu’un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da’wah wa al-Irshad, jil. 1, hlm. 148

¹⁵ Muhammad Ibn Ahmad Al-Qurtubi, hlm. 393

¹⁶ Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi, 1405H, *Raudhah al-Talibin wa ‘Umdah al-Muftin*, Zuhayr al-Shawish (pytg.), Beirut, al-Maktab al-Islami, jil. 2, hlm. 45 dan 76; Muhammad al-Zuhayli, 2015, *Al-Mu’amad fi al-Fiqh al-Shafi’e*, ed. 5, Damsiyq, Dar al-Qalam, jil. 1, hlm. 562; Al-Sayyid Sabiq, 2003, *Fiqh al-Sunnah*, Mesir, al-Fath li al-‘Alam al-‘Arabiyy, hlm. 613

berhias bagi perempuan untuk orang selain daripada suaminya.¹⁷ Larangan berhias dalam keadaan ketiga ini mempunyai perkaitan dengan pemakaian kanta lekap yang bercorak atau berwarna kerana ia terdedah kepada unsur berhias di khalayak awam.

Berhias untuk *ajanib* adalah dilarang. Perbuatan menzahirkan atau menunjukkan perhiasan diri disebut sebagai *tabarruj*.¹⁸ Konsep *tabarruj* merangkumi dua aspek iaitu menzahirkan aurat dan menzahirkan aksesori atau dandanan yang dikenakan sama ada pada anggota tubuh yang wajib ditutup atau yang tidak wajib ditutup seperti muka dan tangan bagi wanita. Terdapat pelbagai pandangan mengenai maksud *tabarruj* yang dipetik daripada surah al-Ahzab, ayat 33 seperti yang berikut:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى ...

Maksudnya: Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang Jahiliyah zaman dahulu;...

Ibn Kathir menukilkan pandangan tiga orang *tabi'in* iaitu Mujahid, Qatadah dan Muqatil untuk memahami maksud *tabarruj*. Mujahid berpandangan *tabarruj* adalah perempuan yang berjalan di hadapan kaum lelaki. Qatadah memperincikan ia merujuk kepada perempuan yang berjalan dengan berlenggang-lenggok. Manakala Muqatil pula berpandangan ia merujuk kepada perempuan yang meletakkan selendang di atas kepala tanpa mengikatnya lalu memperlihatkan perhiasan rantai, anting-anting dan juga tengkuk.¹⁹ Ibn Manzur menyatakan *tabarruj* berasal daripada perkataan baraja yang bermaksud, i) sesuatu yang terdedah di antara dua penghadang; dan ii) mata yang luas. *Al-tabarruj* pula merujuk kepada perbuatan menzahirkan perhiasan diri di kalangan perempuan.²⁰ Ia juga definisi yang diberikan oleh al-Razi dalam kitabnya, *Mukhtar al-Sihah*.²¹

¹⁷ Muhammad al-Zuhayli, hlm. 257. Lampiran 6; Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi, 1405H, jil. 2, hlm. 263

¹⁸ Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait, Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, jld. 10, hlm. 61

¹⁹ Isma'il Ibn 'Umar Ibn Kathir, 1999, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Sami Ibn Muhammad Salamah (pytg.), Riyadh, Dar Tayyibah li al-Nahsr wa al-Tawzi', ed. 2, jil. 6, hlm. 410

²⁰ Muhammad Ibn Mukram Ibn Manzur, t.t., *Lisan al-'Arab*, Beirut, Dar Sadir, jil. 2, hlm. 211

²¹ Muhammad Ibn Abu Bakar al-Razi, 1995, *Mukhtar al-Sihah*, Muhammad Khatir (pytg.), Beirut, Maktabah Lubnan Nashirun, hlm. 73.

Apa yang jelas daripada larangan *tabarruj* ialah apabila sesuatu perhiasan diperlihatkan bukan pada keadaan yang sesuai. Terdapat banyak hadith dengan matan yang hampir sama menyatakan bahawa menzahirkan perhiasan bukan pada tempatnya adalah satu perbuatan yang tidak disukai.

عن ابن مسعود رضي الله عنه: أن نبي الله صلى الله عليه وسلم كان يكره عشرة خصال: الصفرة يعني الخلق وتغيير الشيب وجر الإزار والتختم بالذهب وعقد التمام والرقى إلا بالمعوذات والضرب بالكعاب والتبرج بالزينة لغير محلها وعزل الماء لغير حلة وفساد الصبي غير محرّمه.²²

Maksudnya: Daripada Ibn Mas'ud RA menyatakan: Sesungguhnya Nabi SAW tidak menyukai 10 perbuatan iaitu mewarnakan kuning –iaitu menggunakan za'faran- mewarnakan uban, melabuhkan kain, memakai cincin emas, memakai azimat, membaca ruqyah selain dengan *ta'awwuz*, bermain dadu, menzahirkan perhiasan bukan pada tempatnya, ...

Menurut al-Tahawi, apa yang dapat difahami daripada petikan hadith 'menzahirkan perhiasan bukan pada tempatnya' ialah menunjukkan perhiasan diri kepada selain ahli keluarga seperti yang dinyatakan dalam firman Allah seperti berikut:²³

وَلَا يَدِينُ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءَ بُعُولَتِهِنَّ
أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءَ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي
أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَنُهُنَّ أَوِ التَّبِيعِينَ غَيْرَ أُولِي الإِرْبَةِ مِنَ
الرِّجَالِ أَوْ الْطِفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ...²⁴

²² Muhammad Ibn Abdullah al-Hakim al-Naisaburi, 1990, *al-Mustadrak 'ala al-Sohihain li al-Hakim Ma' al-Ta'liqat al-Zahabi fi al-Takhlis*, Mustafa Abdul Qadir 'Ata (pytg.), Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 4, hlm. 216, no. hadith 7418. Hadith dengan isnad yang sahih. Al-Zahabi juga menyatakan hadith ini sahih.

²³ Ahmad Ibn Muhammad al-Tahawi, 1987, *Sharh Mushkil al-Athar*, Shu'aib al-Arna'ut (pytg.), Lubnan, Mu'assasah al-Risalah, jil. 9, hlm. 317

²⁴ Surah al-Nur, 24: 31

Maksudnya: ...dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mertua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka atau anak bagi saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang lelaki yang telah tua dan tidak keinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan;...

Perbahasan dan kupasan yang lebih panjang dibuat oleh Sofiah dan Maziah, pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Mereka merumuskan bahawa tabarru adalah “wanita yang memperagakan kecantikan seluruh badan, pakaian dan perhiasan yang dipakai, berjalan dengan patah lenggang yang mempersona dan menggiurkan di hadapan khalayak dengan tujuan menarik perhatian dan merangsang keinginan syahwat kaum lelaki.”²⁵ Jika tafsiran ini menjadi rujukan, konteksnya luas dan tidak secara langsung mengikat perbuatan memakai kanta lekap bercorak atau berwarna sebagai satu perbuatan tabarruj. Ini kerana tujuan ia dipakai adalah bergantung kepada si pemakai dan ia tidak dapat dinilai daripada pandangan orang lain. Tetapi, ia tidak menolak hakikat bahawa trend pemakaiannya terdedah kepada perhiasan di hadapan ajnabi. Untuk meneliti lebih dalam mengenai konsep perhiasan dalam Islam, perbandingan dibuat dengan hukum memakai celak, pewarna rambut dan solekan wajah.

Kanta Lekap dan Celak

Dalam perbincangan ini, hukum pemakaian celak boleh diteliti kerana penggunaannya mirip kepada pemakaian kanta lekap. Celak dan kanta lekap digunakan pada mata, iaitu anggota tubuh yang tidak wajib ditutup. Berdasarkan hadith berikut, celak mempunyai keperluan kesihatan iaitu memperbaiki penglihatan dan menumbuhkan bulu mata. Begitu juga dengan kanta lekap, perubatan yang pada asalnya adalah alternatif kepada pengguna kaca mata untuk membantu masalah myopia.

²⁵ Sofiah Samsudin dan Maziah Mahmud, 2013, “Ikhtilat dan Tabarruj: Kajian Terhadap Prinsip dan Disiplin Surah al-Nur dan al-Ahzab” dalam Prosiding Quran Melonjak Transformasi Ummah, Nilai, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, hlm. 373

عن ابن عباس أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: اكتحلوا بالإثمد فإنه
يجلوا البصر وينبت الشعر.²⁶

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas meriwayatkan sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda bahawa, “Bercelaklah dengan ithmid. Sesungguhnya ia menjelaskan penglihatan dan menumbuhkan bulu mata.”

Walaupun begitu, pemakaian celak secara tidak langsung memberikan sentuhan yang menawan. Dalam kaedah tatarias, penataan pada mata adalah kawasan paling penting untuk membiaskan keindahan wajah.²⁷ Begitu juga dengan kanta lekak bercorak yang ‘mencetuskan riasan mata yang lebih berdimensi’.²⁸

Persoalannya, adakah hukum memakai kanta lekak perubatan atau perhiasan yang bercorak boleh diqiaskan kepada hukum memakai celak? *I’llah* pada keharusan memakai celak terletak pada fungsi menjelaskan penglihatan seperti yang disebutkan dalam hadith yang dinyatakan sebelum ini. Ia dapat diteliti melalui lafaz *فأنه* yang mengisyaratkan sebab sesuatu hukum. Sifat *i’llah* ini jelas (*zahir*) dan tidak berubah-ubah (*mundabit*). Walau bagaimanapun, sifat ini tidak wujud bagi kanta lekak perhiasan dan bercorak kerana ia tidak mempunyai kuasa refraksi yang membantu masalah rabun. Maka qias pada pemakaian celak adalah terbatal.

Celak sering digunakan untuk dua tujuan iaitu kesihatan dan perhiasan diri.²⁹ Namun begitu, qiyas hukum keharusan pemakaian celak ke atas kanta lekak dari sudut perhiasan tidak mempunyai sandaran nas yang jelas. Malah, para ulama seperti Soleh al-Munajjid dan Abdul Aziz Ibn Baz serta fatwa yang dikeluarkan oleh Fatawa al-Lujnah al-Da’imah menyatakan bahawa pemakaian celak adalah diharuskan bagi lelaki dan wanita tetapi ia dilarang dipakai oleh wanita di hadapan orang yang bukan mahramnya.³⁰ Atiyyah

²⁶ Muhammad ibn Isa Al-Tirmizi (t.th.), *Al-Jami’ al-Sahih Sunan al-Tirmizi*, Ahmad Muhammad Shakir dan lain-lain (pytg.), Bab Ma Ja’a fi al-Ikhtilaf, Kitab al-Libas, no. hadith 1757, Beirut, Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, jil. 4, hlm. 301. Hadith sahih.

²⁷ ‘Minimalis, Santai Trend Solekan 2015’, *Kosmo*, 6 Januari 2015, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=0106&pub=Kosmo&sec=Stailo&pg=st_03.htm

²⁸ Nor Faizah Mohamed, ‘Kanta Lekak Kalis Mendapan’, *Harian Metro*, 22 Januari 2015, <http://www.hmetro.com.my/node/25390>

²⁹ ‘Atiyyah Saqar (t.th.), *Ahsan al-Kalam fi al-Fatwa wa al-Ahkam*, Kaherah, Maktabah Wahbah, jil. 5, hlm. 155

Saqar pula menjelaskan celak adalah perhiasan diri yang dimaafkan kerana ia dipakai pada mata sedangkan mata adalah organ pada wajah yang tidak wajib ditutup. Tetapi pemakaiannya tidak boleh berlebih-lebihan sehingga boleh menarik perhatian orang dan tidak menimbulkan fitnah.³¹

Kanta Lepak dan Pewarna Rambut

Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa pemakaian kanta lekap berwarna diharuskan sepertimana harusnya hukum mewarna rambut. Fatwa Dar al-Ifta al-Misriyyah sebagai contoh mengambil pendekatan ini dengan mengambil kira konteks warna yang terdapat pada kanta lekap dan pewarna rambut.³² Selain sifatnya yang tidak mengubah ciptaan Allah SWT, persamaan konteks warna yang dibenarkan bagi pewarna rambut menjadikan kanta lekap berwarna sebagai perhiasan diri yang dibenarkan.³³

Fatwa ini membandingkan penggunaan kanta lekap dengan perbuatan mewarna rambut walaupun terdapat perbezaan antara keduanya.³⁴ Hukum mewarna rambut itu harus, tetapi rambut adalah anggota tubuh perempuan yang wajib ditutup daripada dilihat oleh lelaki ajnabi. Kepatuhan kepada kewajipan menutup aurat menghalang perbuatan berhias di hadapan lelaki ajnabi. Manakala memakai kanta lekap bercorak dan bewarna itu adalah pada mata iaitu anggota yang tidak wajib ditutup. Ia boleh menyebabkan seseorang itu berhias, secara tidak langsung, di hadapan lelaki ajnabi.

Kanta Lepak dan Riasan Wajah

Riasan wajah adalah termasuk dalam perhiasan diri. Apabila ditanya kepada Sheikh Ali Jum'ah, beliau menyatakan bahawa hukum bersolek bergantung kepada sama ada ia boleh menarik perhatian orang lain atau tidak. Ia adalah dilarang sekiranya jelas kelihatan.³⁵ Riasan yang amat nipis untuk menutup

³⁰ Soleh al-Munajjid, 2005, 'Hal Yajuz Laha Wadha'a al-Kuhl 'Inda Khuruj min al-Manzil', *Al-Islam Su'al wa Jawab*, No. Fatwa 67897, <https://islamqa.info/ar/67897>. Dilayari pada 20 Januari 2017; Al-Lujnah al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta', *Fatawa al-Lujnah al-Da'imah*, jil. 17, hlm. 128, Abdul Aziz ibn Abdullah ibn Baz, *Majmu' al-Fatawa al-'Allamah Abdul Aziz Ibn Baz*, Muhammad ibn Sa'd al-Shuwai'ar (pytg.), jil. 10, hlm. 58

³¹ 'Atiyyah Saqar, hlm. 155

³² 'Ali Jum'ah, 2010, *Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, Kaherah, Dar al-Ifta al-Misriyyah, jil. 30, hlm. 291

³³ 'Ali Jum'ah, 2010, hlm. 292

³⁴ 'Ali Jum'ah, 2010, hlm. 292

³⁵ 'Ali Jum'ah, 2006, *Al-Kalam al-Tayyib Fatawa 'Asriyyah*, Mesir, Darussalam, hlm. 380. Lampiran 16.

cela dan tidak kelihatan secara jelas adalah dibenarkan.³⁶ Ini kerana ia tidak menarik perhatian orang dan tidak dianggap *bertabarruj* secara jahiliyyah. Perkara ini secara tidak langsung berkait dengan pemakaian kanta lekup bercorak. Ini kerana lazimnya pemakaian kanta lekup bercorak khususnya bagi jenis perhiasan adalah untuk mendapatkan penampilan berbeza atau yang luar biasa.³⁷ Penampilan luar biasa ini akan secara tidak langsung menarik perhatian orang yang memandang.

Ayat 31 dalam surah an-Nur telah memperingatkan bahawa mempamerkan perhiasan diri kepada ajnabi adalah dilarang. Larangan ini selari dengan tuntutan untuk tidak *bertabarruj* atau berhias secara berlebihan. Justeru, dapat diandaikan bahawa pemakaian kanta lekup perhiasan tidak boleh dipakai untuk tujuan kecantikan kerana ia mampu menarik perhatian ajnabi dengan warna dan coraknya yang tersendiri.

Penggunaan kanta lekup bercorak atau berwarna terkait dengan hukum syarak dalam aspek perhiasan. Ia tidak boleh diqiaskan kepada hukum memakai celak atas sebab tiada sandaran hukum yang jelas. Ia juga tidak sesuai disamakan dengan hukum pewarna rambut kerana ia melibatkan anggota yang tidak wajib ditutup yang seterusnya boleh menggalakkan perhiasan di khalayak awam. Jika dibandingkan dengan hukum riasan wajah, hukumnya terbahagi kepada dua iaitu harus sekiranya tidak jelas menarik perhatian orang lain dan tidak diharuskan jika ia ketara menarik perhatian orang lain.

Kesimpulannya, hukum asal berhias adalah harus. Tiada nas yang jelas dengan pandangan hukum yang tuntas menetapkan ia sebagai satu perhiasan yang dilarang. Isu menzahirkan perhiasan di hadapan ajnabi adalah jelas tetapi tujuan si pemakai untuk menarik perhatian orang lain adalah sukar untuk dinilai. Tambahan pula, tahap tarikan itu berbeza dari seorang kepada seorang yang lain. Sesetengah orang mungkin tertarik dengan warna biru, tetapi tidak bagi orang yang lain. Warna-warna yang janggal dan corak iris yang aneh sudah pasti menarik perhatian orang yang melihat. Tetapi warna iris yang lazim di kalangan sekelompok masyarakat mungkin tidak menarik

³⁶ 'Ali Jum'ah, 2006, hlm. 385

³⁷ B J Connell A Tullo, P B Morgan and M Armstrong, 'Pseudomonas Aeruginosa Microbial Keratitis Secondary to Cosmetic Coloured Contact Lens Wear', *British Journal of Ophthalmology*, 88 (2004) 1595-1607, doi: 10.1136/bjo.2004.049387, hlm. 1603

perhatian orang yang memandang. Ia sangat subjektif untuk dinilai dan diukur dalam penentuan sesuatu hukum yang memerlukan satu prinsip yang jelas dan tepat. Kepelbagaian corak dan warna, tahap tarikan kepada seseorang dan niat untuk menarik perhatian orang lain menyebabkan penjelasan hukum syarak bergantung kepada keadaan (wad').

Tahap Keselamatan Penggunaan Kanta Lekap Bercorak

Penggunaan kanta lekap yang didaftarkan di bawah Akta 737 adalah selamat untuk digunakan.³⁸ Menurut Nor Azizah, Setiausaha Majlis Optik Malaysia, beberapa tapisan keselamatan dijalankan untuk memastikan kanta lekap yang selamat sahaja boleh diimport dan dipasarkan di dalam negara. Hanya kanta lekap yang mempunyai bukti yang cukup dan memuaskan akan didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.

Terdahulu, kanta lekap perhiasan tidak tertakluk di bawah Akta 737. Kebanyakan pengguna kanta lekap perhiasan mengalami masalah mata yang teruk seperti yang direkodkan dalam kajian Shwetambari Singh dan lain-lain di India dan Thomas L Steinemann dan lain-lain di Amerika Syarikat.³⁹ Kajian di Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati bilangan kes pesakit mendapat ulser kornea meningkat pada tahun 2013. Namun, bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah mewartakan kanta lekap perhiasan sebagai peranti perubatan pada 7 November 2017 melalui Akta 737 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Tahun	2007	2008	2010	2011	2013
Bilangan pesakit mendapat kornea ulser	103	99	64	57	109

Jadual 1: Bilangan Pesakit Mendapat Ulser Kornea⁴⁰

³⁸ Nor Azizah Ismail, Temu bual bertulis, 17 November 2016

³⁹ Shwetambari Singh., Dipali Satani, Amit Patel, Ravinder Vhankade, 'Colored Cosmetic Contact Lenses: An Unsafe Trend in the Younger Generation', *Cornea*, Julai 2012 (31)(7): 777-779; Steinemann T.L., Melissa Fletcher, Andrea E Bonny, Hamlin D., Zloty P., Besson M., Walter K. dan Mike Gagnon, 'Over-the-counter Decorative Contact Lenses: Cosmetic or Medical Devices? A Case Series', *Eye Contact Lens*, September 2005 (31)(5): 194-200

⁴⁰ Nor Azizah Ismail, 17 November 2016

Corak pada kanta lekak tidak dapat dipastikan sama ada boleh meninggalkan apa-apa kesan pada mata kerana ia tidak didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.⁴¹ Tsukiyama J. dan lain-lain menyatakan kanta lekak berwarna mempunyai perbezaan bentuk dan kesesuaian saiz berbanding kanta lekak polos.⁴² Keluasan pandangan juga menyempit sebanyak 5 hingga 20 darjah.⁴³ Kanta lekak kosmetik yang mempunyai corak seperti mata kucing boleh mengganggu pandangan terutama dari aspek ketajaman pandangan dan kepekaan kontras warna. Bagi sesetengah pengguna, ia menghalang aktiviti yang memerlukan pandangan yang jelas seperti ketika memandu.⁴⁴ Menurut Haliza Abdul Mutalib, dari Jabatan Optometri, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), selain risiko yang disebutkan, kanta lekak berwarna juga tidak sesuai digunakan ketika menjalankan kerja-kerja yang memerlukan penelitian seperti penggunaan komputer atau pemasangan komponen-komponen kecil di kilang-kilang.⁴⁵ Penggunaan kanta lekak jenis ini secara tidak langsung tersasar daripada fungsi sebenar kanta lekak iaitu untuk membetulkan pandangan yang kabur.

Secara umumnya, penggunaan sebarang jenis kanta lekak mempunyai risiko yang berpunca daripada dua perkara iaitu pemilihan kanta lekak dan penjagaan pemakaiannya. Sebelum pembelian dibuat, pemeriksaan mata perlu dijalankan untuk mendapatkan saiz mata yang betul. Saiz yang tidak tepat iaitu terlampau ketat boleh menyebabkan mata mendapat kurang oksigen sepanjang pemakaiannya.⁴⁶ Jika hal ini dibiarkan berterusan, ia boleh menyebabkan kornea terdedah kepada jangkitan yang boleh mengakibatkan kebutaan kekal.

⁴¹ Nor Azizah Ismail, 17 November 2016

⁴² Tsukiyama J., Miyamoto Y., Fukuda M., Miura H., Tsuchiya J., Shimomura Y., 'The Effect on the Shape of the Color Soft Contact Lens Caused by Pigments', *Nippon Ganka Gakkai Zasshi*, Oktober 2014, 118 (10): 817-825

⁴³ Micheal S. Insler, Clifford Hendricks dan Donna M. George, 'Visual Field Constriction Caused by Colored Contact Lenses', *The Contact Lens Association of Ophthalmologists Journal*, Januari 1988 (24) (1): 29-32

⁴⁴ Christoph Spraul, Heinrich J.G. Roth, Sabine E. Baumert dan Gerhad K. Lang, 'Influence of Special Effect Soft Lenses on Visual Function', *Der Ophthalmologe*, January 1999 (96)(1): 30-33 Color Soft Contact Lens Caused by Pigments', *Nippon Ganka Gakkai Zasshi*, Oktober 2014, 118 (10): 817-825

⁴⁴ Micheal S. Insler, Clifford Hendricks dan Donna M. George, 29-32

⁴⁴ Christoph Spraul, Heinrich J.G. Roth, Sabine E. Baumert dan Gerhad K. Lang, 30-33

⁴⁵ Haliza Abdul Mutalib, 'Kanta Sentuh Warna Penyebab Kebutaan', Utusan Online, 18 April 2014, http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0418&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kesihatan&pg=kn_02.htm

⁴⁶ Nor Azizah Ismail, 17 November 2016

Risiko kedua adalah berpunca daripada penjagaan kanta lekak yang tidak betul. Satu tinjauan dijalankan oleh Haliza Abdul Mutalib dan lain-lain menunjukkan infeksi *Acanthamoeba* spp. bermula daripada penjagaan kanta sentuh dan bekas kanta sentuh yang salah.⁴⁷ Protozoa *Acanthamoeba* boleh menyebabkan infeksi mata dan sistem saraf pusat di mana ia boleh menyebabkan sindrom klinikal ketara bagi pengguna kanta lekak iaitu keratitis *Acanthamoeba*. Walaupun ia boleh berlaku pada mereka yang tidak memakai kanta lekak, 85% pesakit yang mengalami masalah ini adalah di kalangan pemakai kanta lekak.⁴⁸ Madhavendra Bhandari juga menyatakan penjagaan yang tidak sempurna menjadi punca sebahagian pemakai di Kuala Lumpur dan Sabah mengidap *microbial keratitis*.⁴⁹

Norhani pula menyatakan sebahagian pemakai kanta lekak mempunyai kurang pengetahuan mengenai risiko dan bahaya ke atas mata mereka kerana ketidakpatuhan pada arahan optometris atau juruoptik.⁵⁰ Noor Maziah menyenaraikan secara umum antara punca yang menyumbang kepada komplikasi kanta lekak ialah:⁵¹

- a. Memakai kanta lekak melebihi tempoh yang ditetapkan;
- b. Tidur tanpa menanggalkan kanta lekak;
- c. Tidak menggunakan sistem larutan pencuci, rendaman dan bilasan yang betul;
- d. Tidak mengetahui teknik pemakaian kanta lekak yang betul;
- e. Berkongsi kanta lekak dengan orang lain;
- f. Menggunakan kanta lekak melebihi tempoh tarikh luput;

⁴⁷ Haliza Abdul Mutalib, Saleha Abdul Majid, Mohamed Kamel Abdul Ghani, Anisah Nordin, Yusof bin Suboh, Norhayati Moktar, *Punca Infeksi Acanthamoeba spp. Di Kalangan Pemakai Kanta Sentuh di Kuala Lumpur, Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 3 (2) 2005: 9-17, hlm. 14

⁴⁸ C. F. Radford, A. S. Bacon, J.K.G. Dart, D.C. Minassian, 'Risk Factors for *Acanthamoeba* Keratitis in Contact Lens Users: A Case-Control Study', *British Medical Journal*, 310 (1995), 1567-1570.

⁴⁹ Madhavendra Bhandari, 'Habits of Contact Lens Wearers Toward Lens Care in Malaysia', *Med J Malaysia*, 67 (3)(June 2012), 274-277, hlm. 276

⁵⁰ Norhani Mohidin dan Bakyah Lorenza Zaimuri, hlm. 42.

⁵¹ Noor Maziah Mohd Zain, 2015, *Bahaya Menggunakan Kanta Lekak Daripada Pengamal tidak Bertauliah*, Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia, www.myhealth.gov.my/bahaya-menggunakan-kanta-lekak-dari-pengamal-tidak-bertauliah. Dilayari pada 15 November 2016.

- g. Masih menggunakannya walaupun mengalami simptom mata merah;
- h. Tidak selesa dan kabur penglihatan; dan
- i. Tidak melakukan pemeriksaan secara berkala.

Sebahagian pemakai kanta lekak tidak membuat janji temu susulan (*aftercare visit*) walaupun ia penting sebagai langkah awal untuk mengenal pasti sekiranya ada sebarang kesan buruk pada penglihatan.⁵²

Kajian-kajian ini dijalankan di kalangan pemakai yang mendapat konsultasi optometris atau sekurang-kurangnya pemakai yang bertemu dengan juru optik. Risiko bahaya penggunaannya tanpa konsultasi pengamal kanta lekak dianggarkan lebih tinggi di kalangan pemakai kanta lekak perhiasan kerana ia dijual secara atas talian, di kedai-kedai kosmetik atau di pasar malam tanpa bimbingan pengamal yang bertaualiah.⁵³ Sikap pemakai yang membeli kanta lekak melalui penjual yang tidak bertaualiah atau memesan terus dari internet boleh mengundang bahaya.⁵⁴ Hakikatnya, konsultasi pengamal kanta lekak adalah suatu keperluan sebagai langkah awal untuk mengelakkan masalah infeksi.⁵⁵ Dengan wujudnya perintah terbaru yang telah diwartakan iaitu penetapan kanta lekak perhiasan sebagai peranti perubatan, setiap pembeli hendaklah merujuk kepada pengamal yang bertaualiah untuk mendapatkannya. Ia diharap dapat membendung risiko penggunaan kanta lekak tanpa konsultasi.

Apabila ditanya pandangan Majlis Optik Malaysia mengenai kewajaran penggunaan kanta lekak kosmetik (terma yang digunakan dalam temubual bertulis), Nor Azizah menjawab:

“MOM berpendapat penggunaan kanta lekak bercorak untuk menutup cela pada mata adalah dibolehkan untuk meningkatkan keyakinan diri individu tersebut. Walau bagaimanapun, jika kanta lekak bercorak digunakan untuk tujuan menukar warna mata tanpa ada tujuan lain, MOM tidak menggalakkan.”⁵⁶

⁵² Madhavendra Bhandari, hlm. 276

⁵³ Nor Azizah Ismail, 17 November 2016

⁵⁴ Norhani Mohidin dan Bakyah Lorenza Zaimuri, hlm. 42.

⁵⁵ Haliza Abdul Mutalib, Saleha Abdul Majid, Mohamed Kamel Abdul Ghani, Anisah Nordin, Yusof bin Suboh, Norhayati Moktar, hlm. 11

⁵⁶ Nor Azizah Ismail, 17 November 2016

Dari perspektif Islam, keselamatan pengguna adalah amat penting agar tidak mendatangkan mudarat. Allah SWT mengingatkan:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

57 ﴿١٩٥﴾

Maksudnya: Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Rasulullah SAW juga mengingatkan bahawa:

لا ضرر ولا ضرار.⁵⁸

Maksudnya: “Tidak memberi kemudatan dan tidak memudatkan (orang lain).”

Sekiranya terdapat pertembungan antara kebaikan dan keburukan dalam menggunakan kanta lekup, sebaiknya perkara yang boleh menimbulkan keburukan ditinggalkan berdasarkan kaedah fiqh berikut:

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya: Mengelakkan kerosakan lebih utama daripada mendapatkan kebaikan.

Fatwa Luar Negara dan Dalam Negara Berkaitan Pemakaian Kanta Lekup

Terdapat beberapa fatwa yang telah dikeluarkan berkaitan hukum memakai kanta lekup bercorak atau berwarna di dalam dan di luar negara. Sebahagiannya berpandangan bahawa kanta lekup bercorak adalah perhiasan yang dibenarkan seperti pandangan Sheikh ‘Ali Jum’ah, Sheikh Ibn ‘Uthaimin, pandangan soal jawab dalam laman Islam Web dan juga fatwa yang dikeluarkan oleh Sahibus

⁵⁷ Surah al-Baqarah, 2: 195

⁵⁸ Malik Ibn Anas, *Al-Muwatta’*, 2004, Muhammad Mustafa al-A’dzami (pytg.), *Kitab al-Aqdhiyah, Bab al-Qadha’ fi al-Marfiq*, No. hadith 2758, t.tp., Muassasah Zayad Ibn Sultan, jil. 4, hlm. 1078.

Samahah Datuk Dr. Zulkifli al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan.⁵⁹ Begitu juga dengan Sheikh Saleh al-Fawzan yang berpandangan tiada halangan untuk menggunakan kanta lekup atas sebab keperluan.

Sheikh Saleh al-Munajjid pula memfokuskan hukum penggunaannya atas hukum perhiasan. Hukumnya adalah harus jika dipakai untuk suami, tetapi jika untuk tujuan lain, ia hendaklah menepati perkara-perkara berikut:⁶⁰

- i. tidak menimbulkan fitnah;
- ii. tidak memudaratkan;
- iii. tidak menipu seperti seorang perempuan mengenakan kanta lekup untuk mengaburi pandangan lelaki yang ingin bertunang dengannya; dan
- iv. tidak membazir.

Syarat-syarat ini juga disebutkan oleh Sheikh Saleh al-Fawzan, Sheikh Ibn ‘Uthaymin dan Datuk Dr. Zulkifli al-Bakri. Sekiranya tidak menepati syarat-syarat ini, ia adalah dilarang. Sheikh Yusuf Al-Qaradawi pula menegaskan bahawa isunya bukan pada sebab usaha mencantikkan diri atau prosedur pelaksanaannya. Tetapi pemakaian kanta lekup adalah termasuk dalam unsur pembaziran dan berlebih-lebihan.⁶¹

Sheikh Ibn ‘Uthaymin menambah, pemakaiannya tidak dibenarkan sekiranya ia menyerupai mata haiwan kerana ia merendahkan martabat manusia kepada kehinaan. Ini dapat diperhatikan dalam perumpamaan-perumpamaan dalam al-Quran apabila meletakkan perbandingan antara manusia dan haiwan. Beliau juga menegaskan dalam tiga fatwa yang berbeza bahawa seseorang itu perlulah dirujuk kepada doktor sebelum

⁵⁹ ‘Ali Jum’ah, 2010, hlm. 291 – 292; Muhammad Ibn Solah al-‘Uthaymin, 2006, *Fatawa Nur ‘ala al-Darb*, Arab Saudi, Mu’assasah al-Sheikh Muhammad bn Soleh bn al-‘Uthaymin al-Khayriah, p. 78-81; Syed Husaini Syed Hassan, 2016, ‘Hukum Memakai Kanta Lekap (Contact Lens) Berwarna’, *Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, Irsyad al-Fatwa 144, <http://www.muftiwp.gov.my>. Dilayari pada 15 Januari 2017.

⁶⁰ Soleh al-Munajjid, 2000, ‘Isti’mal al-‘Adasat al Mulawwanah’, *Al-Islam Su’al wa Jawab*, No. Fatwa 926, <https://islamqa.info/ar/926>. Dilayari pada 20 Januari 2017.

⁶¹ Yusuf Al-Qaradawi, Mawqi’ al-Sheikh Yusuf al-Qaradawi, 2009, *Al-Mushkilah Laisat bi’amaliyyat al-Tajmil wa Lakin fi al-Ghuluww wa al-Mubalaghah*, <http://www.qaradawi.net/new/Articles-4970>. Dilayari pada 3 Februari 2017.

menggunakannya. Sekiranya terdapat kesan sama ada dalam jangka pendek atau jangka panjang, penggunaannya adalah dilarang.⁶²

Sheikh Saleh al-Fawzan, Sheikh Ibn ‘Uthaymin dan Datuk Dr. Zulkifli al-Bakri akhirnya menyimpulkan bahawa meninggalkan perbuatan memakai kanta lekap untuk tujuan kecantikan adalah lebih baik. Ini kerana ia menyebabkan pembaziran dan menyusahkan.⁶³ Sheikh Ali Jum’ah juga menyatakan bahawa penggunaannya untuk kecantikan adalah ditegah.⁶⁴ Saranan yang sama diberikan melalui laman web Jabatan Mufti Selangor dalam kolum soal jawab, penggunaan kanta lekap adalah dilarang jika ia bertujuan untuk kelihatan cantik dan mendapat pujian.⁶⁵

KESIMPULAN

Jadual 2 merumuskan jenis kanta lekap, hujah dan rumusan. Kanta lekap dibahagikan kepada tiga, iaitu: i) kanta lekap perubatan tidak bercorak, ii) kanta lekap perubatan bercorak, dan iii) kanta lekap perhiasan dan bercorak. Ketiga-tiga jenis kanta lekap sama ada yang berfungsi untuk tujuan terapeutic atau perhiasan tidak mengubah ciptaan Allah SWT kerana perubahannya bersifat sementara.

Hukum penggunaan kanta lekap perubatan tidak bercorak tidak dibahaskan kerana telah jelas keharusan rawatan dalam Islam. Ia merupakan suatu kehendak (حاجة) sebagai alternatif kepada kaca mata. Penggunaan kanta lekap perubatan bercorak pula meliputi dua aspek iaitu rawatan dan perhiasan. Ia juga merupakan suatu kehendak (حاجة). Keutamaan diberikan kepada aspek rawatan dan kanta lekap tanpa corak adalah alternatif terbaik. Sekiranya digunakan untuk tujuan perhiasan, seseorang itu perlu mengetahui batas perhiasan agar tidak berlebih-lebihan. Dari aspek keselamatan, ia dikawal oleh perundangan tetapi kesedaran pengguna dan disiplin diri dalam penjaan kanta amat perlu dititikberatkan.

Kanta lekap perhiasan pula adalah bersifat pelengkap untuk kecantikan (تَحْسِينِيَّة). Dengan mengambil kira perhiasan adalah dibenarkan dalam Islam

⁶² Muhammad ibn Solah al-‘Uthaymin, hlm. 79, 81.

⁶³ Muhammad Ibn Solah al-‘Uthaymin, hlm. 81; Soleh al-Munajjid, 2000, No. Fatwa 926.

⁶⁴ ‘Ali Jum’ah, 2010, jil. 27, hlm. 352.

⁶⁵ Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (t.t.), *Ibadat*, <http://www.muftiselangor.gov.my/soal-jawab-personalisation/ibadat#faqnoanchor>. Dilayari pada 15 Februari 2017.

dan ketiadaan nas yang spesifik melarang penggunaannya, ia diharuskan di samping menjaga batas-batas perhiasan. Beberapa kajian menunjukkan terdapat kesan sampingan terhadap kualiti pandangan kesan corak pada kanta. Dengan termaktubnya perintah undang-undang terbaru yang mengklasifikasinya sebagai peranti perubatan, diharap kawalan dapat dijalankan agar ia tidak sewenang-wenangnya diperoleh tanpa konsultasi para pengamal. Selain itu, kesedaran pengguna di Malaysia terhadap penjagaan kanta masih rendah.

Dalam memelihara objektif pensyariatan, prinsip penjagaan diri iaitu kesihatan, maruah dan harta perlu diutamakan. Pengguna kanta lekup perhiasan boleh terdedah kepada perlakuan berhias secara berlebihan justeru menjauhkan keutamaan prinsip tahsiniyyah yang memartabatkan akhlak seorang Islam. Penyerupaan mata haiwan, mengaburi pandangan bakal pasangan yang sah atau ahli keluarganya, pembaziran dalam perbelanjaan dan keengganan mendapatkan konsultasi juru optik atau optometris perlu dielakkan agar ia tidak mendatangkan kesan buruk dalam menggunakannya.

Kanta Lekap	Hujah	Rumusan/ Kesimpulan
Kanta Lekap Perubatan Tanpa Corak	- Tidak dibahaskan	(Harus)
Kanta Lekap Perubatan Bercorak	- Ia adalah suatu kehendak (حاجة). - Tidak mengubah ciptaan Allah. - Mempunyai ciri perhiasan di samping kegunaannya untuk merawat. - Produk tertakluk di bawah kawalan Akta 737. - Kesedaran penjagaan kanta oleh pengguna adalah perlu.	- Harus - Lebih utama memilih kanta lekup perubatan tanpa corak. - Mengelakkan daripada berhias bukan pada tempatnya.

Kanta Lepak Perhiasan	- Ia bersifat sebagai pelengkap (تحسينية). - Tidak mengubah ciptaan Allah. - Berfungsi untuk perhiasan tanpa tujuan rawatan. - Produk tertakluk di bawah kawalan Akta 737. - Kesedaran penjagaan kanta oleh pengguna adalah perlu.	- Lebih utama meninggalkan pemakaian kanta lekap perhiasan. - Mempunyai risiko kesihatan mata tanpa konsultasi pengamal kanta lekap. - Mengelakkan daripada berhias bukan pada tempatnya.
------------------------------	--	---

Jadual 2: Jenis-Jenis Kanta Lepak, Hujah dan Rumusan

RUJUKAN

- Abdul Aziz Ibn Abdullah ibn Baz, *Majmu' al-Fatawa al-'Allamah Abdul Aziz Ibn Baz*, Muhammad ibn Sa'd al-Shuwa'ar (pytg.), jil. 10
- Akta Optik 1991, P.U. (A) 159/2006
- Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737)
- Ahmad Ibn Muhammad al-Tahawi, 1987, *Sharh Mushkil al-Athar*, Shu'aib al-Arna'ut (pytg.), Lubnan, Mu'assasah al-Risalah
- Al-Lujnah al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta', jil. 17, (t.t.), *Fatawa al-Lujnah al-Da'imah*
- Al-Sayyid Sabiq, 2003, *Fiqh al-Sunnah*, Mesir, al-Fath li al-'Alam al-'Arabiyy
- 'Abdul Rahman ibn al-Sa'adi, 1423H, *Bahjah al-Qulub al-Abrar wa Qurrah 'Uyun al-Akhbar fi Sharh Jawami' al-Akhbar*, jil. 1, Arab Saudi, Wizarah al-Shu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irshad
- 'Ali Jum'ah, 2006, *Al-Kalam al-Tayyib Fatawa 'Asriyyah*, Mesir, Darussalam
- _____, 2010, *Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, jil. 30, Kaherah, Dar al-Ifta al-Misriyyah
- 'Atiyyah Saqar (t.th.), *Ahsan al-Kalam fi al-Fatwa wa al-Ahkam*, jil. 5, Kaherah, Maktabah Wahbah
- B J Connell A Tullo, P B Morgan and M Armstrong, 'Pseudomonas aeruginosa Microbial Keratitis Secondary to Cosmetic Coloured Contact Lens Wear', *British Journal of Ophthalmology*, 88 (2004) 1595-1607, doi: 10.1136/bjo.2004.049387
- Christoph Spraul, Heinrich J.G. Roth, Sabine E. Baumert dan Gerhad K. Lang, 'Influence of Special Effect Soft Lenses on Visual Function', *Der Ophthalmologe*, January 1999 (96) (1): 30-33 Color Soft Contact Lens Caused by Pigments', *Nippon Ganka Gakkai Zasshi*, Oktober 2014, 118 (10): 817-825
- C. F. Radford, A. S. Bacon, J.K.G. Dart, D.C. Minassian, 'Risk Factors for Acanthamoeba Keratitis in Contact Lens Users: A Case-Control Study', *British Medical Journal*, 310 (1995), 1567-1570
- Haliza Abdul Mutalib, Saleha Abdul Majid, Mohamed Kamel Abdul Ghani, Anisah Nordin, Yusof bin Suboh, Norhayati Moktar, *Punca Infeksi Acanthamoeba spp. Di Kalangan Pemakai Kanta Sentuh di Kuala Lumpur*, *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 3 (2) 2005: 9-17
- Isma'il Ibn 'Umar Ibn Kathir, 1999, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Sami Ibn Muhammad Salamah (pytg.), ed. 2, jil. 6, Riyadh, Dar al-Tayyibah li al-Nahsr wa al-Tawzi'

- J.R. Wheeler, 'History of Ophthalmology through the Ages', *British Journal of Ophthalmology*, 30(59)1946): 264-275
- Key JE, 'Development of Contact Lenses and Their Worldwide Use', *Eye Contact Lens*, 33(6Pt2)(2007), 362-363
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (t.t.), Ibadat, <http://www.muftiselangor.gov.my/soal-jawab-personalisation/ibadat#faqnoanchor>
- Malik Ibn Anas, al-Muwatta', 2004, Muhammad Mustafa al-A'dzami (pytg.), t.tp., Muassasah Zayad Ibn Sultan
- Madhavendra Bhandari, 'Habits of Contact Lens Wearers Toward Lens Care in Malaysia', *Med J Malaysia*, 67 (3)(June 2012), 274-277, hlm. 276Minimalis, Santai Trend Solekan 2015, *Kosmo*, 6 Januari 2015, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=0106&pub=Kosmo&sec=Stailo&pg=st_03.htm
- Micheal S. Insler, Clifford Hendricks dan Donna M. George, 'Visual Field Constriction Caused by Colored Contact Lenses', *The Contact Lens Association of Ophthalmologists Journal*, Januari 1988 (24)(1): 29-32
- 'Minimalis, Santai Trend Solekan 2015', *Kosmo*, 6 Januari 2015, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=0106&pub=Kosmo&sec=Stailo&pg=st_03.htm
- Muhammad al-Zuhayli, 2015, *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'e*, ed. 5, Damsyiq, Dar al-Qalam
- Muhammad Ibn Abu Bakar al-Razi, 1995, Muhammad Khatir (pytg.), *Mukhtar al-Sihah*, Beirut, Maktabah Lubnan Nashirun
- Muhammad Ibn Ahmad Al-Qurtubi, 2003, *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Hisham Samir al-Bukhari (pytg.), jil. 5, Riyadh, Dar 'Alim al-Kutub
- Muhammad Ibn Abdullah al-Hakim al-Naisaburi, 1990, *al-Mustadrak 'ala al-Sohihain li al-Hakim Ma' al-Ta'liqat al-Zahabi fi al-Takhlis*, Mustafa Abdul Qadir 'Ata (pytg.), jil. 4, Beirut, Dar al-Kuutb al-'Ilmiyyah
- Muhammad Ibn Isa Al-Tirmizi (t.th.), *Al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmizi*, Ahmad Muhammad Shakir dan lain-lain (pytg.), jil. 4, Beirut, Bayt al-Afkar al-Dawliyyah
- Muhammad Ibn Mukram Ibn Manzur, t.t., *Lisan al-'Arab*, jil. 2, Beirut, Dar Sadir
- Muhammad Ibn Solah al-'Uthaymin, 2006, *Fatawa Nur 'ala al-Darb*, Arab Saudi, Mu'assasah al-Sheikh Muhammad ibn Soleh ibn al-'Uthaymin al-Khayriah
- Muslim Ibn Al-Hajjaj, 1991, *Sahih Muslim*, Muhammad Fuad Abd Al-Baqi (pytg.), jld. 3, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Noor Maziah Mohd Zain, *Bahaya Menggunakan Kanta Lekap Daripada Pengamal tidak Bertauliah*, Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia, <www.myhealth.gov.my>

gov.my/bahaya-menggunakan-kanta-lekap-dari-pengamal-tidak-bertauliah> 17
Disember 2015. Dilayari pada 15 November 2016

Nor Azizah Ismail, Temubual bertulis, 17 November 2016

Nor Faizah Mohamed, 'Kanta Lekap Kalis Mendapan', *Harian Metro*, 22 Januari 2015, <http://www.hmetro.com.my/node/25390>

Norhani Mohidin dan Bakyah Lorenza Zaimuri, 'Survei Penjagaan Kanta Sentuh di Kalangan Pemakai di Kuala Lumpur', *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 10(1)(2012): 41-48

Paul C. Nicolson dan Jürgen Vogt, 'Soft Contact Lens Polymers: An Evolution', *Biomaterials*, 22 (24)(2001): 3273-3283

Saleh al-Munajjid, 2000, 'Isti'mal al-'Adasat al-Mulawwanah', *Al-Islam Su'al wa Jawab*, No. Fatwa 926, <https://islamqa.info/ar/926>

_____, 2005, 'Hal Yajuz Laha Wadha'a al-Kuhl 'Inda Khuruj min al-Manzil', *Al-Islam Su'al wa Jawab*, No. Fatwa 67897, <https://islamqa.info/ar/67897>

Shwetambari Singh., Dipali Satani, Amit Patel, Ravinder Vhankade, 'Colored Cosmetic Contact Lenses: An Unsafe Trend in the Younger Generation', *Cornea*, Julai 2012 (31) (7): 777-779

Steinemann T.L., Melissa Fletcher, Andrea E Bonny, Hamlin D., Zloty P., Besson M., Walter K. dan Mike Gagnon, 'Over-the-counter Decorative Contact Lenses: Cosmetic or Medical Devices? A Case Series', *Eye Contact Lens*, September 2005 (31)(5): 194-200

Syed Husaini Syed Hassan, 2016, 'Hukum Memakai Kanta Lekap (Contact Lens) Berwarna', *Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, Irsyad al-Fatwa 144, <http://www.muftiwp.gov.my>

Tsukiyama J., Miyamoto Y., Fukuda M., Miura H., Tsuchiya J., Shimomura Y., 'The Effect on the Shape of the Color Soft Contact Lens Caused by Pigments', *Nippon Ganka Gakkai Zasshi*, Oktober 2014, 118 (10): 817-825

Warta Kerajaan Persekutuan, *Perintah Peranti Perubatan (Perisytiharan)* 2017, P.U. (A) 339, 7 November 2017

Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, jld. 10, Kuwait, Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah

Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi, 1405H, *Raudhah al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*, Zuhayr al-Shawish (pytg.), Beirut, al-Maktab al-Islami

Yusuf Al-Qaradawi, Mawqi' al-Sheikh Yusuf al-Qaradawi, 2009, *Al-Mushkilah Laisat bi'amaliyyat al-Tajmil wa Lakin fi al-Ghuluww wa al-Mubalaghah*, <http://www.qaradawi.net/new/Articles-4>

PERKONGSIAN SUSU IBU: KAEDAH PENYUSUAN BAGI MENSABITKAN PENASABAN ANAK SUSUAN

**Nurulashiqin binti Mahmud Zuhudi,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jakim**

Abstrak

Kesedaran masyarakat pada hari ini menyaksikan perkembangan positif terhadap perkongsian susu ibu. Melalui kesedaran perihal kepentingan susu ibu, semakin ramai ibu yang berusaha untuk memberikan susu ibu kepada anak-anak mereka seawal kelahiran. Namun, ada segelintir ibu yang tidak bernasib baik dalam hal ini, disebabkan masalah kesihatan si ibu mahupun si anak. Justeru, kajian ini disediakan bagi mengenal pasti bagaimana seseorang ibu itu boleh mendapatkan bantuan pihak kedua bagi membolehkan bayinya memperoleh khasiat susu ibu. Alternatif yang ada pada hari ini, sama ada mencari seorang ibu susuan secara langsung, mendapatkan derma susu ibu daripada para ibu yang mempunyai lebihan susu ibu atau membeli susu ibu daripada pihak ketiga. Alternatif yang ada ini, mempunyai impak yang tersendiri daripada pelbagai aspek. Namun kajian ini mengkhusus kepada aspek hukum pensabitan nasab anak susuan sekiranya seseorang bayi itu memperoleh susu ibu selain daripada ibu kandungnya. Pandangan para ulama berkaitan perkara tersebut dan implikasinya yang tersendiri.

Abstract

The awareness of milk sharing among our community today was high and positively. This is due to mothers intention and efforts to breastfeed their infants especially recommendation to breastfeed exclusively for 6 months. Some women producing more milk than their infant needs and may accumulate stored milk, whereas others have the difficulty making enough milk, and some mothers and children experience medical complications that interfere with milk production or breastfeeding. This research was carried out to find out the issues among our community in Malaysia. Today's alternative is whether to seek a mother who can donor directly their milk or get the donation from mothers who have excess breastmilk or to buy breastfeeding from a third party which is all of its have their own implications. The primary objective of this study is to describe the issues from the Islamic perspectives and their implications.

PENDAHULUAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan UNICEF pada tahun 2003¹ telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa semua bayi perlu diberi susu ibu sahaja sejak lahir sehingga berumur 6 bulan dan meneruskannya sehingga berusia 2 tahun. Selepas itu, bayi akan disusuli dengan makanan pelengkap bermula dari umur 6 bulan ke atas. Setiap ibu perlu sedar bahawa mereka bertanggungjawab untuk menyusukan bayi mereka sendiri. Namun, pada keadaan tertentu apabila bayi tidak berupaya, tidak boleh atau tidak dibenarkan mendapat susu ibu mereka atas alasan kesihatan si ibu mahupun bayi berkenaan, terdapat pilihan tertentu yang boleh diusahakan bagi memastikan si bayi memperoleh khasiat susu ibu. Pilihan tersebut perlulah mengikut turutan seperti berikut:

- i. Susu ibu daripada ibu susuan yang sihat.
- ii. Susu ibu dari Bank Susu.
- iii. Susu gantian (pilihan terakhir).

Ini merupakan satu kenyataan yang boleh diambil daripada aspek positif bahawa pentingnya seseorang bayi memperoleh khasiat susu ibu seawal kelahiran. Islam juga mengiktiraf akan kepentingan tersebut tetapi pada masa yang sama pertimbangan daripada aspek hukum, kaedah pensabitan anak susuan dan kesan lain yang terlibat turut diambil kira. Kajian ini juga hanya mengkhusus di Malaysia sahaja dengan mengambil kira amalan, keperluan dan kehendak setempat.

Dalil Yang Menyokong Penyusuan Ibu

Allah SWT secara jelas dalam al-Quran telah menyentuh mengenai isu penyusuan susu ibu kepada bayi-bayi. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam amat menggalakkan amalan ini dilaksanakan oleh para ibu. Firman Allah tersebut adalah seperti berikut:

﴿وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ...﴾²

سورة البقرة، 2: 233

¹ http://www.who.int/nutrition/topics/global_strategy/en/

² Surah Al-Baqarah, 2: 233

Maksudnya: “Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang menyempurnakan penyusuan itu;...”

Surah al-Baqarah, 2: 233

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا عَلَى وَهْنٍ وَفَصَّلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ
أَشْكُرَ لِي وَلِوَلَدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾

سورة لقمان، 31: 14

Maksudnya: Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan atas kelemahan dan menceraikan susunya dalam masa dua tahun; bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu; dan kepada Akulah tempat kembalimu.

Surah Luqman, 31:14

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَدَيْهِ إِحْسَنًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا وَحَمَلُهُ
وَفَصَّلَهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا...⁴

سورة الأحقاف، 46: 15

Maksudnya: Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungkannya dan telah melahirkannya dengan bersusah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan...

Surah al-Ahqaf, 46:15

Keputusan Fatwa Yang Berkaitan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang berlangsung pada 15-17 November 2011⁵ telah membincangkan mengenai perkara ini dan memutuskan pernyataan seperti yang berikut:

³ Surah Luqman, 31: 14

⁴ Surah al-Ahqaf, 46: 15

⁵ Hukum Penubuhan Bank Susu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang berlangsung pada 15-17 November 2011

*“Muzakarah juga memutuskan bahawa bagi memenuhi keperluan bayi pra-matang yang memerlukan rawatan, juga ibu yang mempunyai kekurangan susu atau mempunyai penyakit kronik/berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi, adalah **harus** bagi ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi serta penderma perlu mengenali antara satu sama lain.”*

Berdasarkan keputusan muzakarah tersebut, **jelas menurut aspek hukum mengenai keharusan mendermakan susu seorang ibu kepada bayi-bayi yang memerlukan.** Justeru, tidak timbul persoalan pokok mengenai hukum dalam pelaksanaan perkongsian atau pendermaan susu ibu. Kajian ini akan menjuruskan pandangan-pandangan ulama berkaitan bagaimana seseorang bayi itu boleh disabitkan dengan istilah ‘anak susuan dan mempunyai ibu susuan’.

ISU DAN MASALAH

Pelbagai persoalan telah timbul dalam usaha merungkaikan permasalahan berkaitan perkongsian atau pendermaan susu ibu. Isu-isu yang timbul adalah seperti yang berikut:

- i. Penentuan jatuh sabit hukum anak susuan, adakah dengan lima kali penyusuan atau lima kali kenyang?
- ii. Atau, adakah penentuan jatuh sabit hukum anak susuan dengan lima kali perahan tanpa menimbulkan persoalan lima kali penyusuan atau isu lima kali kenyang?

Terminologi

Kenyang⁶ berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat bermaksud hilang sama sekali rasa lapar (kerana sudah makan dgnukupnya), sudah banyak (puas) makan, sudah berisi makanan dgnukupnya (berkenaan perut); 2. sudah penuh (berisi atau menyerap sesuatu); 3. (kiasan) selalu (banyak) mendapat atau mengalami sesuatu, puas (kerana banyak mendapat sesuatu).

⁶ <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kenyang>

Manakala **perahan**⁷ berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat bermaksud memerah memicit dll untuk mengeluarkan air (susu dll), memeras.

DALIL DAN HUJAH

Bagi mensabitkan seseorang bayi itu sebagai anak susuan, terdapat dua kategori pandangan mengenai perkara tersebut iaitu pensabitan anak susuan berdasarkan konsep bilangan penyusuan dan konsep perahan. Penjelasan tersebut adalah sebagaimana dalil-dalil yang telah dibahaskan oleh alim ulama seperti hujah-hujah yang berkenaan.

Dalil Dan Hujah Yang Menyokong Pensabitan Anak Susuan Menggunakan Konsep Bilangan Penyusuan

Ulama mazhab Maliki dan Hanafi berpendapat bahawa mereka tidak bersetuju dengan konsep bilangan penyusuan, akan tetapi mereka cenderung untuk mengatakan bahawa setiap susu yang masuk ke kerongkong bayi, sedikit atau banyak disebut sebagai rodho'ah walaupun hanya sedikit sahaja dan menyebabkan sabitnya anak susuan berlaku secara mutlak.⁸

Pegangan Imam Malik ini adalah bersandarkan kepada dalil daripada surah an-Nisa' ayat 23:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ
وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمُ الَّتِي أَرْضَعْنَكُمْ
وَأَخَوَاتُكُم مِّنَ الرِّضَاعَةِ وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ وَرَبِّبَاتُكُمْ
الَّتِي فِي حُجُورِكُم مِّن نِّسَائِكُمُ الَّتِي دَخَلْتُم بِهِنَّ فَإِن لَّمْ تَكُونُوا
دَخَلْتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ
مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَن تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ
إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا⁹

⁷ <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=perahan>

⁸ Syaikh Abdul Rahman Al-Jazairi, *al-fiqh ala' al-madzahib al-arba'ah*, juz al- al-arba'ah, m/s : 227-228

⁹ Surah an-Nisa', 23

Maksudnya: *Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemuliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

Ayat ini menjelaskan pengharaman perkahwinan antara ibu-ibu dengan anak susuan tanpa menyebutkan batasan susuan, baik sedikit mahupun banyak.¹⁰

Menurut Jumhur ulama mazhab Syafi'e pula, syarat susu haruslah sesuai dengan kadar dan bentuknya. Ia harus sampai lima kali penyusuan secara sempurna.¹¹ Misalnya jika seorang bayi hanya menghisap sekali sahaja lalu berpaling, maka ini tidak dikatakan atau menelan di dalam mulutnya sahaja, atau bertukar-tukar daripada satu payudara ke payudara yang lain. Namun, jika ia berhenti dan menyusu daripada seorang sahaja, maka ia dinamakan *rodho 'ah*, walaupun hanya sekali hisapan sahaja. Begitu juga jika anak itu hanya menyusu sekali sahaja dan tidak mengulangnya. Manakala jika penyusuan terheniti kerana sesuatu, kemudian anak itu segera menyambung penyusuan, ia dikira sebagai satu kali penyusuan.

Ulama Syafi'e dan Hanbali sepakat dalam menentukan bilangan penyusuan ini dengan bersandarkan kepada dalil riwayat Imam at-Tirmizi yang berikut:

¹⁰ *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyah*, juz' 22, Penerbit : Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait Cetakan : Kedua, Tahun terbit : 1983, m/s : 244

¹¹ Syaikh Abdul Rahman Al-Jazairi, *al-fiqh ala' al-madzahib al-arba'ah*, juz al- al-arba'ah, m/s : 226-228

وَقَالَتْ عَائِشَةُ أُنْزِلَ فِي الْقُرْآنِ عَشْرُ رَضَعَاتٍ مَعْلُومَاتٍ فَنُسِخَ مِنْ ذَلِكَ
خَمْسٌ وَصَارَ إِلَى خَمْسِ رَضَعَاتٍ مَعْلُومَاتٍ فَتَوَفَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْأَمْرُ عَلَى ذَلِكَ

رواه الترمذي

Maksudnya: Aisyah berkata, “Diturunkan dalam al-Quran sepuluh kali penyusuan, dinasakhkan lima kali yang diketahui dan ia menjadi lima kali penyusuan yang diketahui sehinggalah wafat Rasulullah SAW, dan perkara tersebut kekal sebegitu (dibaca dengan lima kali penyusuan yang diketahui)”.

Hadith riwayat Al-Tirmizi

Berdasarkan hadith ini, dapat difahami bahawa al-Quran menetapkan sebanyak sepuluh kali penyusuan untuk mensabitkan hukum anak susuan, yang kemudiannya dinasakhkan kepada lima kali penyusuan sahaja. Dan hukum ini kekal sehinggalah kewafatan Baginda SAW.

Ulama mazhab Syafi'e dan Hanbali turut bersepakat menyatakan bahawa hisapan tersebut mestilah hisapan lima kali yang terpisah-pisah antara satu dengan satu kemudiannya. Penentuan lima hisapan ini dikembalikan kepada hukum adat atau kebiasaannya, dan mereka turut bersepakat untuk tidak mensyaratkan bahawa air susu itu harus mengenyangkan, asalkan sudah sampai ke perut bayi yang berkenaan.¹²

Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

“لَا تُحَرِّمُ الْمَصَّةَ وَالْمَصَّتَانِ”

Maksudnya: *Tidak diharamkan susuan dengan sekali ataupun dua kali susuan.*

Ini bermaksud bahawa hisapan yang sedikit tidak menjadikan seseorang bayi itu sabit anak susuan.¹³

¹² Al-Wabbah Al-Zuhaili, *al fiqh al islami wa adillatuhu*, juz 10, m/s 7284

¹³ Muhammad bin Isma'il al-Shan'ani, *Subulu al-Salam Syarah Bulughu al-Maram*, Juz. 3, m/s : 579-582

Dalil Dan Hujah Yang Menyokong Pensabitan Anak Susuan Menggunakan Konsep Perahan

Dalam kitab *Matla'al-Badrain* karangan Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, berpandangan bahawa sekiranya diperah susu sekali, tetapi dituangkan ke dalam mulut kanak-kanak itu sebanyak lima kali, atau sebaliknya, ia dianggap sekali susuan sahaja.¹⁴

Penjelasan dalam kitab *al-Mu'tamad* pula menyatakan bahawa apabila air susu itu diperah sebanyak sekali, lalu diminumkan sebanyak lima kali, atau susu ibu diperah sebanyak lima kali lalu diminumkan sebanyak sekali, semua ini dihitug sebagai sekali susuan.¹⁵

Konsep perahan susu turut dibincangkan dalam kitab *al-Muhazzab*. Perbahasan mengenai susu yang banyak diperah dalam satu masa, kemudian disuapkan dalam lima waktu yang tertentu, ianya dikira sebagai satu kali susuan.¹⁶ Begitu juga, sekiranya diperah lima kali dan disuapkan sekali gus, dikira sebagai sekali penyusuan.

Begitu juga dalam kitab *Mughni Muhtaj*, menyatakan bahawa penentuan hukum anak susuan adalah berdasarkan bilangan perahan susu ibu bukan tertakluk kepada bilangan penyusuan.¹⁷

Penerangan dalam keempat-empat kitab ini dapat disimpulkan dengan ringkas melalui situasi berikut:

Contohnya, 1 kali perahan susu ibu dianggarkan boleh digunakan untuk tujuan penyusuan bayi bayi yang memerlukan untuk 5 hingga 10 kali penyusuan. Ini adalah dikira sebagai **sekali kenyang**. Bagi tujuan mensabitkan lima kali kenyang, memerlukan lima kali perahan yang berbeza. Ia dapat diringkaskan melalui gambaran berikut:

1 perahan @ 05 hingga 10 kali penyusuan = 1 perahan @ 1 kali kenyang
 5 perahan @ 25 hingga 50 kali penyusuan = 5 perahan @ 5 kali kenyang
 ** Bilangan kali penyusuan adalah anggaran sahaja

¹⁴ Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, *Matla'al-Badrain*, Jilid 3, m/s:191

¹⁵ Dr.Muhammad Az-Zuhaili, *al-Mu'tamad Fi Fiqh al-Syafie*, Juzu' ar-Rabi', m/s:323

¹⁶ Abi Ishak Ibrahim Bin Ali Bin Yusof, *al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam As-Syafie*, Juzu' Salis, m/s:143-144

¹⁷ Imam Abi Zakariyya Yahya ibn Sarf al-Nawawy al-Syafi'i, *Mughni Muhtaj Ila Ma'rifati Alfadzi Minhaj, Kitab ar-Rada'*, m/s 545

Melalui kaedah ini, adalah boleh mengelakkan jatuhnya sabit hukum anak susuan. Contohnya situasi di mana seseorang bayi yang perlu mendapatkan rawatan dalam tempoh yang panjang di hospital, akan diberikan maksimum 4 kali perahan yang berbeza daripada seorang penderma, sebelum dipindahkan kepada penderma yang berikutnya.

PERBANDINGAN ANTARA KONSEP BILANGAN PENYUSUAN DENGAN KONSEP PERAHAN

Berdasarkan penghujahan yang telah diberikan, menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang amat ketara dalam pensabitan anak susuan. Secara lebih jelas, jadual di bawah menunjukkan perbandingan antara konsep bilangan penyusuan dengan konsep perahan. Turut ditunjukkan adalah implikasi antara keduanya jika diaplikasikan di Malaysia.

Perbezaan Konsep Bilangan Perahan dengan Bilangan Penyusuan		
Bil.	Bilangan Penyusuan	Konsep Bilangan Perahan
1	1 kali penyusuan = 1 kali 5 kali penyusuan = sabit anak susuan	1 – 4 kali perahan = tidak sabit 5 kali perahan = sabit anak susuan
2	Pendapat jumhur ulama yang digunapakai secara meluas	Satu qawl dalam mazhab shafie dan tidak digunapakai secara meluas.
3	Syarat sabit anak susuan ialah susu mestilah sampai ke perut tanpa mengambil kira kuantiti susu walaupun seteguk dan tidak mengambilkira isu kenyang	Syarat sabit anak susuan ialah habis penyusuan perahan yang kelima tanpa mengambil kira bilangan penyusuan
4	Tidak menimbulkan kekeliruan dikalangan masyarakat	Boleh menimbulkan kekeliruan dikalangan masyarakat
5	Mudah dan cepat untuk sabit anak susuan	Sukar dan lambat untuk sabit anak susuan.

6	Perlu diwujudkan satu kaedah pengawalan nasab di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang memerlukan masa dan sumber kewangan	Terjaga nasab daripada sudut maqasid (objektif syarak) kerana sukarnya pensabitan anak susuan
---	--	---

KESIMPULAN

Berdasarkan keterangan, dalil dan hujah yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa:

- a) Pandangan ulama mazhab Maliki dan Hanafi adalah lebih umum dan tidak khusus bagi isu pensabitan anak susuan. Sekiranya pandangan ini diguna pakai dalam konteks di Malaysia dikhuatiri akan menimbulkan kesulitan pada banyak peringkat terutama dalam isu penasaban anak susuan, pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya.
- b) Manakala pendapat ulama mazhab Syafi'e dan Hanbali adalah lebih terperinci dan khusus dalam isu ini demi memelihara kemaslahatan ummah. Sekiranya pandangan ini diambil kira dalam konteks pentadbiran di Malaysia, insya-Allah nasab keturunan lebih terjamin.
- c) Konsep pensabitan anak susuan mengguna pakai kaedah perahan merupakan perbahasan dalam kitab fiqh Mazhab Syafie tetapi perkara tersebut tidak dijadikan kelaziman di Malaysia dalam permasalahan pensabitan anak susuan. Positifnya, pandangan ini mampu untuk mengelakkan jatuhnya pensabitan hukum anak susuan.

RUJUKAN

Abi Ishak Ibrahim Bin Ali Bin Yusof, *al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam As-Syafie*, Juzu' Salis, m/s:143-144

Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyah, juz' 22, Penerbit : Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait Cetakan : Kedua, Tahun terbit : 1983, m/s : 244

Al-Nawawi, m/s: 66.

Al-Wahbah Al-Zuhaili, *al-fiqh al islami wa adillatuhu*, juz 10, m/s 7284

Dr.Muhammad Az-Zuhaili, *al-Mu'tamad Fi Fiqh al-Syafie*, Juzu' ar-Rabi', m/s:323

Hukum Penubuhan Bank Susu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang berlangsung pada 15-17 November 2011

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kenyang>

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=perahan>

http://www.who.int/nutrition/topics/global_strategy/en/

<https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/>

Imam Abi Zakariyya Yahya ibn Sarf al-Nawawy al-Syafi'i, *Mughni Muhtaj Ila Ma'rifati Alfadzi Minhaj, Kitab ar-Rada'*, m/s 545

Muhammad bin Isma'il al-Shan'ani, *Subulu al-Salam Syarah Bulughu al-Maram*, Juz. 3, m/s : 579-582

Shahih Muslim, *Bab al-Tahrim Bi Khamsa al-Rodo'ah*, m/s : 271

Syaikh Abdul Rahman Al-Jazairi, *al-fiqh ala' al-madzahib al-arba'ah, juz al- al-arba'ah*, m/s : 227-228

Syaikh Abdul Rahman Al-Jazairi, *al-fiqh ala' al-madzahib al-arba'ah, juz al- al-arba'ah*, m/s : 226-228

Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, *Matla'al-Badrain*, Jilid 3, m/s:191

TAREKAT NAQSHABANDIYYAH KHALIDIYYAH DAN MANHAJ PENGAMALANNYA DI MALAYSIA: SUATU ANALISIS

Mohd Haidhar Kamarzaman¹

Abstrak

Tarekat merupakan salah satu amalan kerohanian yang melibatkan berbagai elemen dalam membentuk peribadi sahsiah mukmin dan mempunyai matlamat untuk mendekatkan diri terhadap Allah SWT. Oleh kerana itulah tarekat mempunyai kaedah-kaedah dan amalan-amalan yang tertentu dalam mengamalkan disiplin kerohanian. Ianya bukan hanya melibatkan situasi teoritikal sahaja tetapi bersifat praktikal yang perlu dilaksanakan bagi mereka yang telah redha dan bersedia untuk menempuh jalan tasawwuf. Walau bagaimanapun, tarekat ini mestilah sesuatu yang menepati landasan syariat yang telah digariskan oleh Allah iaitu syariat Islam kerana tarekat yang tidak berlandaskan syariat bermaksud tarekat tersebut merupakan tarekat yang sesat. Oleh kerana itu perlulah setiap tarekat dinilai amalannya supaya dapat dikenal pasti ianya bukan sesuatu yang bercanggahan dengan ajaran syariat Islam dan sesuai diamalkan menurut pandangan syarak. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan mengenai metodologi atau manhaj amalan Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia. Kajian ini menggunakan metode analisis kandungan dan pensejarahan di mana bahan-bahan yang berkaitan telah dirujuk dan dianalisis. Hasil kajian mendapati Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah mempunyai amalan-amalan yang ditetapkan dan telah pun diaplikasi kepada mereka yang berusaha untuk mencapai tingkatan tasawuf yang dikehendaki antaranya seperti baiah, *talqin*, tawajuh, zikir dan *khatam khawajakan*. Kesemua amalan ini ada asasnya yang diambil daripada dalil al-Quran, Hadith mahupun pendapat para ulama.

Abstract

Tarekat is a spiritual practice that involves various elements in shaping the personality of the believer and has a purpose to get closer to Allah. Therefore, the tarekat has certain rules and practices in practicing spiritual discipline.

¹ Pensyarah, Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi, Tel: 013-2001920, E-mail: haidhar@ukm.edu.my

It does not involve only theoretical but practical situations that need to be implemented for those who have been well prepared and willing to take the path of tasawwuf. However, this order must be something that conforms to the rules of the Islamic law which is outlined by Allah, the Islamic law, because the tarekat which is not based on syariah is a misguided tarekat. Therefore, it is necessary that one of the tarekat assessed his practice in order to recognize it is not something that contradicts to the teachings of Islam and is in line with the syariah. This research aims to study the methodology or practice of the Naqsyabandiyyah Khalidiyyah in Malaysia. This study uses historical and content analysis method in which the relevant materials have been referred to and analyzed. The findings show that the Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah has the prescribed practices and has been applied to those who strive to achieve the desired tasawwuf level such as baiah, talqin, tawajuh, zikr and khatam khwajakan. These practices are fundamentally based on the Qur'anic verses, the hadiths and the opinions of the scholars.

Kata Kunci: Tarekat, Naqsyabandiyyah, Khalidiyyah, Tasawwuf, Salik

Definisi Tarekat

Tarekat dari segi bahasa bermaksud jalan, cara, kedudukan, keyakinan, agama dan lain-lain. Ianya berasal daripada kalimah arab yang merupakan kata terbitan daripada *Taraqa*. Isitlah tarekat banyak disebutkan oleh di dalam al-Quran dengan makna yang berbeza antaranya:

وَلَقَدْ أَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِي فَاصْرِبْ لَهُمْ طَرِيقًا فِي الْبَحْرِ يَبَسًا لَا تَخَافُ دَرْكًا وَلَا نَخَشَىٰ ۚ

Dan demi sesungguhnya! Kami telah wahyukan kepada Nabi Musa: "Hendaklah Engkau membawa hamba-hamba-Ku (kaummu) keluar mengembara pada waktu malam, kemudian pukul air laut dengan tongkatmu, untuk mengadakan jalan yang kering bagi mereka di laut itu; janganlah engkau menaruh bimbang daripada ditangkap oleh musuh, dan jangan pula engkau takut tenggelam."

² Surah Taha, 20:77

نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ إِذْ يَقُولُ أَمْثَلُهُمْ طَرِيقَةً إِن لِّبِئْسَ إِلَّا يَوْمًا ﴿١٠٤﴾³

Kami lebih mengetahui akan kadar masa yang mereka katakan itu, manakala orang yang lebih tepat pendapatnya di antara mereka berkata pula: "Tiadalah kamu tinggal melainkan satu masa yang amat singkat".

Sungguhpun perkataan tarekat dalam al-Quran mempunyai makna yang banyak dan berbeza, tetapi ianya bukan semuanya bertepatan dengan apa yang dikehendaki oleh tarekat tasawuf. Oleh kerana itu al-Jurjani telah menjelaskan definisi bagi tarekat tasawuf sebagai jalan kerohanian yang khusus bagi mereka yang berjalan menuju kepada Allah dan mengharungi berbagai rintangan dan peningkatan kerohanian dalam berbagai-bagai maqam.⁵ Manakala Syeikh Najm al-Din mendefinisikan tarekat dengan katanya, tarekat adalah taqwa dan penghampiran diri kepada Allah yang tentunya menempuh rintangan dan maqam.⁷

Sejarah Perkembangan Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah Di Malaysia

Tarekat Naqsyabandi diasaskan oleh Muhammad bin Baha al-Din al-Bukhara yang lebih dikenali dengan Baha al-Din Muhammad bin Muhammad al-Husaini al-Hasani al-Uwaysi al-Bukhara iaitu dengan panggilan Syah Naqsyaband.⁸ Kalimah Naqsyabandi berasal dari Parsi yang menggabungkan dua perkataan *Naqsy* (lukisan) dan *Band* (ikatan).¹⁰ Syah bermaksud pemimpin kerohanian dan ianya dinisbahkan kepada beliau kerana jasa-jasa beliau dalam mendidik anak muridnya dalam ilmu kerohanian.¹²

Walaupun dapat dilihat bahawa pengasas kepada tarekat dinisbahkan kepada Muhammad bin Baha al-Din, tetapi hakikatnya susur galur tarekat ini adalah daripada Rasulullah SAW kepada Saidina Abu Bakar RA dan dahulunya digelar sebagai Siddiqiyyah kerana Saidina Abu Bakar

³ Surah Taha, 20:104

⁵ Al-Jurjani, Ali bin Muhammad bin Ali, 1985, *Al-Ta'rifāt*, Beirut, Dar al-Kitab al-Arabi, hlm, 183

⁷ Al-Hassan, Abu Abdullah Muhammad bin Ali, t.th, *Khātim al-Awliyā'*, Beirut, al-Khathulikiyyah, hlm, 475

⁸ Al-Kurdi, Muhammad Najm al-Din Amin, 1368, *Tanwīr al-Qulūb Fi Mu'āmalat 'Allam al-Ghuyūb*, Mesir, Maktabah Shahirah, hlm. 515

¹⁰ Al-Kurdi, Muhammad Najm al-Din Amin, 1368, hlm. 539

¹² Houtsma, Martinus T, 1987, *E, J, Brill's First Encyclopaedia of Islam: 1913 - 1936*, vol. 9, Brill, hlm. 841

menduduki tempat pertama dalam susur galurnya sesudah Rasulullah SAW dan merupakan pengganti Baginda. Ianya dapat disimpulkan seperti mazhab Hanafiyyah yang dinisbahkan pada Imam Hanafi, Malikiyyah pada Imam Malik, Ash'ariyyah pada Imam Ash'ari yang menjadi pelopor pada alirannya. Tetapi hakikatnya ilmu itu semua bersanad bertemu sehingga ke Rasulullah SAW dan Muhammad bin Baha al-Din merupakan pelopor utamanya sehingga ianya dinisbahkan pada beliau. Jika dilihat daripada sejarah perkembangannya, tarekat ini bukan bermula dengan nama Naqsyaband, tetapi sebagai berikut:¹⁴

1. Siddiqiyyah- bermula daripada zaman Saidina Abu Bakr hingga Syeikh Taifur Abu Yazid bin Isa al-Bistami
2. Taifuriyyah- bermula dari Syeikh Taifur hingga Abd al-Khalid al-Gujdawani
3. Khawajakaniyyah- bermula daripada zaman Abd al-Khalid hingga ke zaman Muhammad Baha al-Din al-Husaini al-Hasani
4. Naqsyabandiyyah- bermula daripada Muhammad Baha al-Din hingga Ubaid Allah al-Ahrar
5. Ahrariyyah- bermula daripada Ubaid Allah al-Ahrar hingga Ahmad Farukhi
6. Mujaddidiyyah- bermula daripada Ahmad Farukhi hingga Khalid al-Kurdi
7. Khalidiyyah- bermula daripada zaman Syeikh Khalid al-Kurdi hingga ke hari ini.

Bermula daripada Naqsyabandiyyah Khalidiyyah inilah berterusannya ajaran tarekat ini serta reformasi-reformasi dan beberapa pembaharuan yang merupakan perkembangan terakhir dalam Naqsyabandiyyah. Oleh kerana itu Syeikh Khalid terus dihubungkan dengan Tarekat Naqsyabandiyyah sehingga tarekat tersebut lebih dikenali dengan Naqsyabandiyyah Khalidiyyah.

¹⁴ Al-Kurdi, Muhammad Najm al-Din Amin, 1368, hlm. 515

Semenjak diasaskan tarekat ini, ianya berkembang sehingga menuju ke bahagian barat seperti negeri-negeri Soviet Union melalui Turki dan Turkestan.¹⁶ Ia juga berpecah menuju ke Balkan, Macedonia, Kosovo dan Albania selain di Asia Tengah seperti Parsi dan Afghanistan.¹⁸ Selain itu ia juga malah berkembang pesat menuju ke negara-negara Mesir, India, China dan beberapa daerah Nusantara yang lain termasuk di Alam Melayu sendiri.²⁰ Perkembangannya merentasi masa bermula daripada pengasasannya sehinggalah ke hari ini dan kesemuanya berkembang dengan baik.

Naqsyabandiyyah berkembang ke Nusantara agak lambat sedikit daripada negara-negara yang lain. Ianya mula berpecah mengalir ke Nusantara hanya sekitar abad ke-18 iaitu bermula di Minangkabau.²² Corak penerimaan masyarakat Nusantara terhadap tarekat ini berbeza sedikit dengan corak penerimaannya oleh masyarakat yang lain. Ianya berlaku kerana bagi masyarakat kepulauan Nusantara ini, golongan pemerintah memainkan peranan yang sangat penting dalam bertanggungjawab terhadap penyebaran dan pengajaran dalam tarekat ini. Ianya perlu kepada penglibatan mereka untuk memudahkan penglibatan masyarakat umum yang lain.²⁴ Antara tokoh pertama yang menjadi penyebar dan pengembang aliran tasawuf Naqsyabandiyyah ini ialah Syeikh Ismail al-Minangkabawi iaitu seorang tokoh ulama tasawuf dan tokoh agama di sana.²⁵

Pada abad ke-19 Masehi, penyebaran Tarekat Naqsyabandiyyah di negeri-negeri Melayu bermula di Pulau Penyengat, Riau iaitu pada ketika Yang Di Pertuan Muda Raja Ali menjadi pemerintah sekitar tahun 1845 Masehi.²⁷ Menurut pandangan Hooker, beliau berpendapat bahawa Yang Di Pertuan Muda Raja Ali merupakan murid kepada Syeikh Ismail al-Minangkabawi yang mendidik Raja Ali sehingga mampu membimbing tarekat Naqsyabandi

¹⁶ Abu Hassan Sham, 1980, 'Tariqat Naqsyabandiyyah dan Peranannya dalam Kerajaan Melayu Riau Sehingga Awal Abad Ke-20', dlm *Tamadun Islam Malaysia*, Kuala Lumpur, Percetakan United Selangor Sdn. Bhd., hlm. 80

¹⁸ Kabbani, Syeikh Muhammad Hisham, 1995, *The Naqsyabandi Sufi Way, History and Guidebook of The Saint of The Golden Chain*, Chicagi, KAZI Publication, hlm

²⁰ Staddart, William, 1975, *Sufism, The Mystical Doctrines and Methods of Islam*, Northamptonshire, Thorsons Publishers, hlm. 60

²² Dobbin, Christine, 1983, *Islamic Revivalism In A Changing Peasant Economy Central Sumatera 17-84-1847*, London, Cruzon Press Ltd, hlm. 121

²⁴ Van Bruinessen, Martin, 1992, *Tarekat Naqsyabandiyyah di Indonesia, Geografis dan Sosiologis*, Bandung, Mizan, hlm. 172

²⁵ Hawasy Abdullah, 1980, *Pengembangan Ilmu Tasawwuf dan Tokoh-Tokohnya di Nusantara*, Surabaya, al-Ikhlās, hlm. 172

serta layak di anugerahkan dengan gelaran Syeikh Murshid dalam tarekat ini. Selain beliau, Raja Abdullah iaitu Engku Haji Muda juga merupakan murid Syeikh Ismail al-Minangkabawi. Beliau juga adalah seorang Syeikh Murshid sehinggalah amalan-amalan tarekat terus dipraktikkan di bawah naungan pemerintah.²⁹

Menurut Wan Muhd Saghir pula, Raja Ali, Raja Abdullah dan Raja Mohammad Yusof merupakan pemimpin-pemimpin kerohanian di Pulau Penyengat yang merupakan tokoh-tokoh pengajar dan pengembang tarekat Naqsyabandi di wilayah-wilayah sekitarnya dan hasil daripada usaha mereka ini Naqsyabandi tersebar hingga ke wilayah-wilayah sekitar Minangkabau, Sumatera Bara, Bengkulu, Jambi dan Riau.³⁰ Setelah itu penyebarannya berkurangan kerana tiada pemimpin yang menggalakkan tarekat ini terus berkembang. Manakala di Sumatera Utara pula salasilah tarekat Naqsyabandi datang terus melalui Mekah yang disebarkan oleh pelopornya iaitu Syeikh Abdul Wahab Rokan. Menurut al-Attas, beliau menerima tarekat Naqsyabandiyyah daripada Syeikh Sulaiman Zuhdi di Mekah dan pernah menjalani *suluk* atau riadah dalam tarekat ini selama enam tahun.³² Akhirnya pada tahun 1882 Syeikh Abdul Wahab Rokan mendirikan pusat pengajian tarekat Naqsyabandiyyah di Sumatera Utara.³⁴ Salasilah Syeikh Abdul Wahab Rokan menunjukkan bahawa beliau mengambil tarekat ini daripada susur galur mengikut rantai guru daripada Syeikh Sulaiman Zuhdi, Syeikh Sulaiman al-Quraimi dan seterusnya Syeikh Abdullah Affandi yang merupakan anak murid kepada Syeikh Khalid al-Kurdi.³⁵ Oleh kerana itu salasilah tarekat Naqsyabandiyyah yang datang ke Nusantara ini merupakan salasilah daripada Naqsyabandiyyah Khalidiyyah.

Daripada Syeikh Abdul Wahab Rokan inilah berkembangnya tarekat Naqsyabandiyyah ke Malaysia kerana beliau telah melantik pembantunya sebagai khalifah dalam memimpin masyarakat melaksanakan amalan-amalan

²⁷ Hawasy Abdullah, 1980, hlm. 172

²⁹ Van Bruinessen, Martin, 1992, 119

³⁰ Wan Muhd Saghir Abdullah, 1985, *Syeikh Ismail al-Minangkabawi Penyair Thariqat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah*, Indonesia,: Ramadhani, hlm., 6

³² Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1963, *Some Aspect of Sufisme As Understood and Practise Among The Malays*, Singapore,: Malaysian Sociological Research Institute Ltd, hlm., 63

³⁴ H, A, Fuad Said, 1990, *Syeikh Abdul Wahab Tuan Guru Babussalam*, Medan, Pustaka Babussalam, hlm. 15

³⁵ Jahid Haji Sidek, 1989, *Ajaran-Ajaran Tariqah Naqsyabandiyyah al-Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi*, Kuala Lumpur, Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd., hlm. 217

tarekat ini. Menurut H. A. Fuad Said beberapa khalifah telah dilantik sekitar wilayah ini antaranya 63 orang di Riau, 42 orang di Sumatera Utara, 8 orang di Semenanjung Malaysia, 4 orang di Sumatera Barat, 2 orang di Jawa Barat dan seorang di Aceh dan China.³⁶ Daripada pertapakan khalifah-khalifah di Malaysia inilah berkembangnya tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia. Antara pusat-pusat terkemuka yang mengamalkan tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia adalah di Batu Pahat Johor yang dipimpin oleh Syeikh Umar al-Khalidi bin Haji Muhammad,³⁷ Surau Jeram Bangkin, Dong Raub, Pahang yang dipimpin oleh Haji Ishaq bin Mohammad Arif,³⁸ Pusat Pondok Upeh, Balik Pulau, Pulau Pinang yang dipimpin oleh Tuan Guru Haji Mohammad Jaafar Abdullah, Surau Suluk, Kampung Baru Lengging, Negeri Sembilan yang dipimpin oleh Haji Ma'ruf Yaaqub³⁹ dan beberapa tempat yang lain yang kurang masyhur tetapi masih mengamalkan *suluk* dan tarekat yang sama.

Secara kesimpulannya perkembangan aliran Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia bermula sekitar abad ke-19 yang telah diperturunkan daripada ulama-ulama serata Indonesia dan Mekah serta tarekat mereka diambil daripada silsilah yang baik bersambung sehingga ke Syeikh Khalid al-Kurdi iaitu pelopor Naqsyabandiyyah Khalidiyyah. Salasilah tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah mempunyai beberapa cabang antaranya ialah sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini iaitu daripada Syeikh Abdul Wahab Rokan. Daripada sejarah perkembangan ini jelas menunjukkan kedatangan tarekat ini ke Malaysia mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat Malaysia dan sehingga ke hari ini ia masih diamalkan di beberapa tempat.

Amalan-Amalan dan Metodologinya dalam Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah

Baiah

Dalam metodologi pengamalan mana-mana tarekat yang berlandaskan Ahli Sunnah Wal Jamaah, telah ditekankan konsep baiah sebagai satu konsep yang

³⁶ H, A, Fuad Said, 1990, hlm., 25

³⁷ Al-Attas, 1963, hlm., 63

³⁸ Jahid Haji Sidek, 1989, hlm., viii

³⁹ Jahid Haji Sidek, 1989, hlm. 216

wajib di mana melalui bai'ah seorang *salik* atau penempuh jalan kerohanian mengikat janji setia atau perjanjian kerohanian antara murid dan syekh. Maka, begitulah juga yang menjadi amalan dalam tarekat ini. Ia bertujuan untuk seorang murid tarekat menyatakan kesanggupan dan kesetiaannya terhadap bakal syekhnya dalam mentaati ajaran dan perintah yang diberikan oleh syekhnya dan juga untuk seorang syekh menyatakan kesanggupannya dalam memberikan persetujuan untuk mengajar dan membimbing muridnya melalui jalan tarekat. Bai'ah ini juga merupakan ikatan setia yang merujuk kepada permulaan perhubungan antara seorang murid dan syekhnya dalam mengikuti jalan kerohanian dan mencari keredhaan Allah SWT.

Menurut Sulaiman Yasin, tradisi bai'ah ini merupakan satu tradisi amalan Islam di mana ianya diamalkan oleh tarekat dalam usaha menghidupkan amalan-amalan bai'ah yang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Bai'ah dalam hakikat tasawuf mempunyai batu asas yang kukuh dalam ikatan sejarah Islam kerana jika tiada asas ini para sufi tidak sekali-kali berani sanggup menjadikan satu kewajipan tradisi yang diamalkan dalam tarekat. Setiap orang beriman melafazkan kalimah syahadah sebagai tanda bai'ah terhadap Allah SWT dengan menjual harta dan jiwa mereka kepada Allah yang bersedia membelinya dengan harga yang tidak ternilai.⁴¹ Dalil yang menjadi asas kepada pegangan bai'ah ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

﴿لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا﴾⁴²

Demi sesungguhnya! Allah redha akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyyah), maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahuinya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu Ia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka, dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya.

⁴¹ Mohd Sulaiman Yasin, 1992, Mengenal Ilmu Tasawwuf 2, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, hlm. 80-81

⁴² Surah al-Fath, 48: 18

Begitu juga baiah ini telah diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW dan para kaum Muslimin yang mengikat janji setia terhadap Allah SWT berdasarkan dari firman Allah

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَى نَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَوْفَى بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَمِيسُوتُهُ أَجْرًا عَظِيمًا ⁴³

Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (Wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah, Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.

Menurut Sulaiman Yasin, baiah diamalkan dalam tarekat tasawuf oleh syeikh-syeikh atau guru-guru mereka.⁴⁵ Bagi mereka para syeikh merupakan manusia yang mewarisi dakwah Rasulullah SAW menuju kepada Allah secara umum dan khusus, dan mereka mewarisi *Syhadah* al-Haq iaitu kesaksian yang benar dan mewarisi keberkatan. Ini semua berdasarkan amalan yang dilakukan oleh para Sahabat di mana mereka melakukan baiah terhadap Rasulullah SAW ketika hayat Baginda.

Metodologi baiah dalam tarekat tasawuf secara umumnya hampir sama dalam beberapa sudut iaitu dimulai dengan murid berjabat tangan bersama syeikhnya atau berjabat tangan beserta syeikh meletakkan tangan di atas kepalanya. Ketika mana syeikh melakukan perkara tersebut, beliau akan men-*talqin* ajaran-ajaran kepada muridnya. Setelah akhir baiah biasanya syeikh akan membaca ayat 10, Surah al-Fath seperti yang telah disebutkan sebelum ini.⁴⁷

Bai'ah tidak berlaku hanya dalam pemilihan pemimpin sahaja. Ianya berlaku secara menyeluruh dalam Islam di mana amalan ini dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW dan para Sahabatnya. Menurut al-Dahlawi Baiah

⁴³ Surah al-Fath, 48: 10

⁴⁵ Mohd Sulaiman Yasin, 1992, hlm. 87

⁴⁷ Brown, John P, 1968, *The Darvishes Or Oriental Spiritualism*, London, Frank Cass d Cl. Ltd., hlm. 115

merangkumi beberapa aspek iaitu antaranya baiah dalam menjauhi maksiat, baiahuntuk berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan larangannya, baiahmendapatkan *tabarruk* dalam salasilah orang soleh dan lain-lain.⁴⁹ Dalam catatan sejarah pula, di zaman Rasulullah SAW telah berlaku beberapa bentuk baiah antaranya seperti mana yang telah disebut oleh al-Kandahlawi iaitu baiahuntuk memeluk agama Islam, *bai'ah* untuk melaksanakan ajaran Islam, baiahuntuk menyertai hijrah, baiahterhadap Rasulullah, baiah untuk berjihad, baiahuntuk mati syahid dan lain-lain. Oleh kerana itu, amalan baiah menjadi batu asas bagi pengamal tarekat dalam melaksanakan sunnah Nabi SAW serta memelihara kesanggupan dan hak antara dua pihak murid dan guru. Sesudah seseorang murid mengikat janji setia pada syeikhnya maka mereka wajib mematuhiinya dan ditegah untuk melanggarnya kerana Allah SWT telah berfirman:

فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَى نَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ ٱللَّهُ فَمِىٔ أَجْرٍ ۖ عَظِيمٍ ۝٥٠

Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya, dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.

Upacara baiahdalam Naqsyabandiyyah Khalidiyyah dilaksanakan oleh seorang syekh yang telah mencapai maqam kerohanian yang sempurna dan diberikan amanah untuk mendidik orang lain. Metodologi ini dirujuk berdasarkan daripada pandangan Syekh Baha' al-Din yang bermaksud:⁵²

Talqin zikir seharusnya dilakukan oleh seorang syekh yang kamil mukammil supaya ia dapat meninggalkan kesan dalam diri murid dan tercapai natijahnya.

Berdasarkan kepada kenyataan ini, seorang murid akan dibaiah oleh gurunya. Ketika dibaiah, seorang murid akan dibacakan *talqin* padanya iaitu *ditalqin* segala ajaran-ajaran yang hendak disampaikan oleh gurunya.

⁴⁹ Al-Dahlawi, Ahmad Ibn Abd al-Rahim, t.th, *Al-Qawl al-Jamīl Fī Bayān Sawā' al-Sabīl*, t,tp, t,p, hlm. 15

⁵⁰ Surah al-Fath, 48: 10

⁵² Al-Khani, Abd al-Majid ibn Muhammad, 1306H, *Al-Hadā'iq al-Wardiyyah Fī Haqā'iq Ajilla' al-Naqsyabandiyyah*, Damshiq, t.p, hlm. 133

Talqin

Dalam aliran tarekat tasawwuf, *talqin* bukanlah bermakna pembacaan yang dilakukan ke atas orang yang mati, tetapi ianya bermaksud peringatan dan pengajaran seorang syeikh kepada muridnya.⁵³ Ianya juga berasaskan daripada warisan yang telah diamalkan oleh Rasulullah SAW satu ketika dahulu. Golongan syeikh berpegang bahawa amalan *talqin* merupakan amalan yang diwarisi daripada Rasulullah SAW. Berdasarkan pandangan daripada Yusof al-‘Ajami, Ali bin Abi Talib pernah meminta kepada Rasulullah supaya ditunjukkan jalan yang paling hampir menuju Allah dengan katanya⁵⁴:

Telah berkata Ali RA: Wahai Rasulullah, tunjukkan padaku jalan yang paling hampir kepada Allah, yang paling mudah bagi hamba-hambanya dan yang paling afdal di sisi Allah, lalu Rasul menjawab: Wahai Ali, sentiasalah berzikir pada Allah secara perlahan atau secara kuat. Jawab Ali: Setiap orang berzikir wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mahu supaya engkau memberi pengkhususan padaku tentang sesuatu. Jawab Rasulullah: Ke mari wahai Ali, sesuatu yang paling afdal yang aku katakan dan Nabi-Nabi sebelumku adalah لا اله الا الله. Sekiranya langit tujuh lapis dan bumi tujuh lapis berdo'a pada sebelah neraca dan لا اله الا الله di sebelah yang satu lagi nescaya لا اله الا الله mempunyai berat yang lebih. Wahai Ali, tidak berlaku kiamat sedangkan di atas muka bumi ini masih ada yang menyebut Allah.

Kemudian Ali meminta *talqin* daripada Rasulullah SAW⁵⁵:

Bagaimana cara berzikir wahai Rasulullah? Jawab Baginda: Pejamkan kedua matamu dan dengarkan dariku tiga kali, kemudian katakanlah لا اله الا الله tiga kali dan aku mendengar, lalu Rasulullah pun mengucapkannya tiga kali dalam keadaan memejamkan matanya serta meninggikan suaranya dan Ali mendengar. Kemudian Ali berkata لا اله الا الله tiga kali dalam keadaan memejamkan matanya serta mengangkat suaranya lalu Nabi mendengar.

Dalam beberapa hadith yang lain juga ada menyebutkan mengenai penyampaian *talqin* ini daripada Rasulullah SAW kepada Sahabat yang lain. Dalam tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah, amalan *talqin* merupakan satu

⁵³ Taj al-‘Arifin, 1987, *Miftāh al-Ṣudūr (Kunci Pembuka Dada)*, t.tp.: Al-Ameen Printers, hlm. 45

⁵⁴ Brown, John P, 1968, Hlm, 209 & Taj al-‘Arifin, 1987, Hlm, 45

⁵⁵ Brown, John P, 1968, Hlm, 209 & Taj al-‘Arifin, 1987, Hlm, 45

amalan yang penting sepertimana pentingnya ia dalam amalan tarekat-tarekat yang lain seperti Qadiriyyah, Rifaiyyah dan lain-lain. Contohnya, pengamal tarekat Qadiriyyah menjadikan ikrar sebagai *talqin* yang ringkas dalam mengakhiri baiah.⁵⁷

Di Malaysia, amalan *talqin* dan baiah dalam Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah dilakukan oleh syeikh sendiri dan dibantu oleh khalifah mereka. Tatacara penerimaan baiah perlu melalui beberapa prosedur iaitu:⁵⁹

1. Murid pada mulanya diminta mandi taubat dan mengambil wuduk.
2. Seterusnya Solat Sunat Taubat dua rakaat dengan niat bertaubat daripada segala dosa-dosa dan selepas solat murid dikehendaki mengingati dalam hati bahawa dia banyak dosa dan memohon ampun kepada Allah SWT.
3. Setelah itu murid datang ke hadapan syeikh dalam keadaan duduk *tawarruk* terbalik dengan melipatkan kaki ke sebelah kiri lalu mengucapkan salam pada syeikh.
4. Syeikh akan menyambut salam dan meletakkan tangan di atas peha murid sambil tangan kanan memegang tasbih.
5. Syeikh akan menerangkan pada murid di mana letaknya hati.
6. Kemudian syeikh membaca istighfar sekurang-kurangnya tiga kali atau lebih dalam bilangan yang ganjil dan murid mengikutnya.
7. Seterusnya syeikh akan membaca surah al-Fatihah sekali, Surah al-Ikhlas tiga kali dan menghadiahkan pahala bacaan kepada Rasulullah SAW dan imam-imam tarekat Naqsyabandiyyah iaitu Syeikh Baha' al-Din dan meminta murid mengikutnya.
8. Syeikh akan meminta murid memandang atau bertawajuh dalam hati secara khayalan.

⁵⁷ Brown, John P, 1968, Hlm, 209

⁵⁹ Mustafa Kamil, 2000, *Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, Satu Kaedah Tazkiyat Al-Nafs*, Tesis Sarjana, Sarjana Sastera, Universiti Utara Malaysia, Kedah Darul Aman, hlm. 204-205

9. Syeikh akan mengajarkan atau men-talqin-kan kepada murid dengan zikir *ism al-zat* (الله) pada hati sebanyak lima ribu kali sehari semalam.

Upacara seperti di atas adalah untuk murid lelaki. Manakala bagi perempuan yang muhrim dengan syeikh maka caranya adalah sama tetapi syeikh tidak akan menyentuhnya tetapi *talqin* dilakukan di sebalik tabir. Mereka yang sudah menerima bai'ah dan *talqin* ini dikira sudah menjadi murid iaitu seorang *salik* dalam Tarekat Naqsyabandiyyah. Murid dikehendaki mematuhi adab yang ditetapkan agar mudah mencapai tingkatan maqam kerohanian dan begitu juga dengan syeikh.

Tawassul

Tawassul bermaksud secara istilahnya memohon kepada Allah dengan mengingatkan sesuatu perkara yang dikasihi atau diredhai Allah SWT.⁶¹ Menurut Musa Muhammad Ali, *tawassul* juga diertikan sebagai setiap sesuatu yang telah dijadikan oleh Allah sebagai sebab untuk menghampirkan diri kepada Allah dan sebagai jalan yang menyampaikan hajat kepada Allah⁶³. Beliau menjelaskan jika meminta sesuatu dengan Rasulullah SAW hakikatnya tidak meminta sesuatu daripada Baginda tetapi meminta kepada Allah melaluinya. Apabila kita dibolehkan meminta dengan amalan, sedangkan amalan merupakan makhluk, maka meminta kepada Rasulullah SAW adalah lebih utama.

Dalil dibolehkan *tawassul* terdapat banyak di dalam al-Quran, antaranya adalah dapat dilihat menerusi dua ayat yang mana, ia secara jelas menggambarkan tentang pensyariatannya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ



Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya) dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan.

⁶¹ Sirajuddin Abbas, 1980, *Masalah Agama*, Kelantan, Pustaka Aman Press, hlm. 111

⁶³ Musa Muhammad Ali, 2004, *Hakikat Tawassul Dan Wasilah: dalam Pancaran Kitab Dan Sunnah*, Terj, Ustaz Haji Ali Haji Mohamed, Batu Caves, Thinker's Library Sdn, Bhd, 32

⁶⁴ Surah al-Maidah, 5: 35

Kalimah *wasilah* pada ayat ini meletakkan makna mendekatkan diri dengan segala amal seperti ketaatan dan meninggalkan segala kemaksiatan⁶⁵. Imam Ibn Kathir⁶⁶, memberi makna *wasilah* di atas sebagai maksud *al-qurbah* iaitu mendekatkan diri kepada Allah. Umumnya golongan mufassirin menafsirkan perkataan ‘wasilah’ pada ayat al-Quran di atas sebagai jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Manakala al-Asfahani⁶⁷ pula menyatakan bahawa perkataan *wasilah* tersebut bermaksud meraikan jalan Allah dengan ilmu, ibadat dan memerhati kemuliaan syariat. Ini bermakna, ayat Qur’an tersebut jelas menyatakan bahawa bertawassul melalui perlaksanaan amal soleh adalah jalan yang baik untuk bertawassul kepada-Nya, dan ia adalah perkara yang dituntut oleh Allah SWT.

Kemudian, maksud *tawassul* dapat juga dilihat dengan jelas pada ayat al-Quran sebagaimana berikut:

قُلْ اَدْعُوا الَّذِيْنَ زَعَمْتُمْ مِنْ دُوْنِهِۦٓ فَلَا يَمْلِكُوْنَ كَشْفِ الضُّرِّ عَنْكُمْ وَلَا تَحْوِيْلًا
 اُولٰٓئِكَ الَّذِيْنَ يَدْعُوْنَ يَبْتَغُوْنَ اِلٰى رَبِّهِمُ الْوَسِيْلَةَ اَتَيْتُمْ اَقْرَبَ وَبَرَّجُوْنَ
 رَحْمَتَهٗٓ وَيَخَافُوْنَ عَذَابَهٗٓ اِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُوْرًا⁶⁸

“Katakanlah, serulah mereka yang kamu anggap (Tuhan) selain Allah maka mereka tidak akan mempunyai kekuasaan untuk menghilangkan bahaya daripadamu dan tidak pula mampu menghindarkannya. Orang-orang yang kamu seru mereka itu sendiri mencari jalan kepada Tuhan mereka yang lebih dekat (kepada Allah), mengharapkan rahmatNya dan takut akan azabNya, sesungguhnya azab Tuhanmu adalah yang patut ditakuti.

Begitu juga terdapat dalil yang mengharuskan *tawassul*:

الَّذِيْنَ يَقُوْلُوْنَ رَبَّنَا اِنَّا ءَاْمَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوْبَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ⁶⁹

⁶⁵ Makhluḥ, Hasanain Muhammad, 1995, *Kalimat al-Quran: Tafsir wa bayan*, Arab Saudi: Hai'ah al-Ighthah al-Islāmiyyah

⁶⁶ Ibnu Kathir, Imam Hafiz Abu al-Fida' Ismail, 1993, *Tafsir al-Qur'an 'al-Azim*, Kaherah: Dar al-Hadis

⁶⁷ Al-Asfahani, al-Raghib, 2010, *Al-Mufradāt fi gharab al-Quran*, Beirut: Dār Makrifat

⁶⁸ Surah al-Isra', 17:56-57

⁶⁹ Surah Ali Imran, 3:16

(Iaitu) orang-orang yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman, oleh itu ampunkanlah dosa-dosa kami dan peliharalah kami dari azab Neraka

Ayat ini menunjukkan bahawa dibolehkan untuk bertawassul dengan keimanan diri sendiri dengan menyatakan keimanan kepada Allah dan mutaba'ah (mengikut) Sunnah Rasul. Di samping itu, seseorang Muslim juga dibenarkan untuk bertawassul dengan amal-amal soleh yang dilakukan.

Imam al-Zaruq iaitu seorang tokoh sufi yang terkenal pernah mengemukakan doa *tawassul* terhadap para wali yang disebut sebagai *akhyar*. Doa ini dibaca dengan kalimah:

“Ya Allah, sesungguhnya kami bertawassul kepada engkau dengan mereka itu kerana sesungguhnya mereka itu mencintai engkau, mereka ini tidak mencintai engkau sehingga engkau sendiri mencintai mereka. Maka dengan kecintaan engkau terhadap mereka, mereka mencapai cinta terhadap Engkau. Kami belum lagi mencapai tingkatan kecintaan seperti kecintaan mereka terhadap Engkau itu, maka sempurnakanlah kecintaan tersebut bagi kami beserta keampunan yang sempurna sepenuhnya sehingga kami menemui Engkau ya Allah yang Maha Penyayang”.⁷⁰

Hakikatnya *tawassul* merupakan suatu isu yang menjadi khilaf di kalangan para ulama. Jika dibincangkan pendalilannya amat panjang perlu dibahaskan. Walaubagaimanapun ada ulama yang membenarkannya dan ada yang mengharamkan, malah ada juga yang mengkhususkan *tawassul* terhadap apa yang didatangkan dari nas yang sabit sahaja. Walaubagaimanapun pendapat para ulama dari kalangan Ahli Sunah Waljamaah mengharuskan amalan *tawassul* kepada amal soleh, para Nabi dan orang Soleh dan lain-lain yang menepati syarak.⁷¹

Tawassul dalam tarekat Naqshabandiyyah ini merupakan satu amalan yang mempunyai berbagai bentuk permintaan. Menurut Jahid Sidek⁷², beliau telah meletakkan garis panduan dalam bertawassul iaitu:

⁷⁰ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 229

⁷¹ Izzat Atiyyah, t.th, *Bid'ah: Tahdīduha Wa Mwqif al-Islam Minha*, Miṣr, Dār al-Kutub al-Hadīthah, Hlm, 458

⁷² Jahid Haji Sidek, 1989, *Ajaran-Ajaran Tariqah Naqsyabandiyyah al-Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi*, Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd, Hlm, 217

1. Orang yang bertawassul adalah semata-mata meminta kepada Allah dan tidak meniatkan perbuatan meminta mereka selain dari Allah.
2. Mereka yang bertawassul tidak menyembah dan memuja selain Allah, bukan memuja nabi, wali, syeikh dan lain-lain.
3. Tidak melakukan seruan-seruan terhadap nabi atau syeikh atau wali bersama Allah.
4. Mereka yang bertawassul benar-benar menyedari kehinaan diri daripada berbagai dosa dan sifat kelemahan sehingga merasakan dirinya tidak layak menerima kurniaan Allah kecuali dengan keberkatan orang yang Allah cintai.
5. Mereka mestilah menjaga adab doa yang Allah telah ajarkan dan boleh berdoa di mana-mana tempat seperti rumah, masjid, dan lain-lain.
6. Tujuan bertawassul adalah hanya untuk mendapat keberkatan iaitu *tabarruk* dengan mengingati para kekasih Allah.

Dalam konteks amalan *tawassul* di Malaysia, *tawassul* yang diamalkan adalah *tawassul* yang bertujuan mendapat keberkatan (*tabarruk*). Ianya juga diamalkan melalui cara memperbanyakkan amalan soleh. Seorang syeikh bersama khalifah-khalifahnyanya akan membimbing murid-murid dalam mematuhi perintah syariat dengan keutamaan diberi kepada perlaksanaan amalan-amalan wajib serta memperbanyakkan amalan-amalan sunat dengan harapan mencari keredaan Allah. Selain itu juga amalan berdoa dan munajat ditekankan dalam tarekat di Malaysia. Lazimnya amalan doa dan munajat ini dilakukan sebelum, semasa dan selepas zikir yang ditentukan kepada murid untuk ditunaikan setiap hari. Amalan ini juga disertakan bersama ibadat harian yang lain seperti solat fardu, sunat, ketika kesusahan dan sebagainya.⁷³ Amalan bertawassul ini sebenarnya dapat dilihat bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Zumar seperti yang berikut:

أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ ۚ وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا

⁷³ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 235

لَيَقْرَبُنَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَى إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ إِنَّ اللَّهَ لَا
يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ ﴿٣﴾ ...⁷⁴

Ingatlah! (hak yang wajib dipersembahkan) kepada Allah ialah segala ibadat dan bawaan yang suci bersih (dari segala rupa syirik). dan orang-orang musyrik yang mengambil selain daripada Allah untuk menjadi Pelindung dan Penolong (sambil berkata): "Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingi Kami kepada Allah sehampir-hampirnya", - Sesungguhnya Allah akan menghukum di antara mereka (dengan orang-orang yang tidak melakukan syirik) tentang apa yang mereka berselisihan padanya. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang tetap berdusta (mengatakan yang bukan-bukan), lagi sentiasa kufur (dengan melakukan syirik).

Zikir

Dalam persoalan zikir, terdapat banyak dalil yang qat'i daripada al-Quran yang telah menjelaskan keharusan berzikir kepada Allah SWT, Antara dalil yang menjadi hujah harusnya berzikir adalah berdasarkan firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾⁷⁵

Hai orang-orang yang beriman! Berzikirlah kamu pada Allah sebanyak-banyak nya, dan bertasbihlah pada-Nya diwaktu pagi maupun petang!.

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ⁷⁶

Berzikirlah (Ingatlah) kamu pada-Ku, nescaya Aku akan ingat pula padamu!

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ⁷⁷

Yakni orang-orang dzikir pada Allah baik di waktu berdiri, ketika duduk dan diwaktu berbaring

⁷⁴ Surah al-Zumar, 39: 3

⁷⁵ Surah al-Ahzab, 33: 41-42

⁷⁶ Surah al-Baqarah, 2: 152

⁷⁷ Surah Ali Imran, 3: 191

وَالذِّكْرِ لِلَّهِ كَثِيرًا وَالذِّكْرِ أَكْثَرُ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا⁷⁸

Dan terhadap orang-orang yang banyak zikir pada Allah, baik laki-laki maupun wanita, Allah menyediakan keampunan dan pahala besar

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ⁷⁹

Yaitu orang-orang yang beriman, dan hati mereka aman tenteram dengan dzikir pada Allah. Ingatlah dengan zikir pada Allah itu, maka hatipun akan merasa aman dan tenteram

Dalam amalan tarekat Naqshabandiyyah setelah seorang murid itu melakukan bai'ah dan *talqin* dalam Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah, mereka perlulah melakukan zikir yang telah ditetapkan oleh tarekat. Zikir tersebut adalah zikir *ism al-zat* iaitu الله pada hati atau secara perlahan iaitu tanpa suara sebanyak lima ribu kali setiap hari sehari semalam dan wajib diamalkan setiap hari tanpa putus. Zikir ini adalah zikir yang diberi kepada murid yang berada di peringkat permulaan dalam Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah. Sebelum itu setiap murid mesti menjaga adab dan mematuhi tatacara zikir yang telah ditentukan. Ini bagi menjamin murid dapat melakukan zikir tanpa sebarang gangguan dan untuk membersihkan zahir dan batin murid serta mengharapkan keredhaan Allah.

Metodologi pengamalan zikir dan adab dalam Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia sebagaimana yang disebutkan oleh Mustafa Kamil adalah seperti yang berikut:

1. Murid hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih daripada sudut badan, pakaian dan tempat duduk, suci daripada hadas kecil atau besar dengan berwuduk.

⁷⁸ Surah al-Ahzab, 33: 35

⁷⁹ Surah al-Ra'd, 13: 28

2. Murid digalakkan supaya menunaikan solat sunat dua rakaat iaitu Solat Sunat Wuduk dan Solat Sunat Taubat. Ianya bertujuan melayakkan seorang itu mendapat keampunan daripada Allah SWT
3. Ketika mengamalkan zikir, murid dikehendaki berada di tempat sunyi daripada sebarang gangguan. Ianya bagi memberi keupayaan seorang murid untuk memelihara diri daripada sebarang gangguan terutama untuk penumpuan terhadap makna zikir itu sendiri. Berzikir di tempat sunyi juga dapat meninggalkan kesan yang sangat mendalam dan kelebihan yang banyak kepada murid.
4. Murid dikehendaki menutup kepala dengan selubung ketika berzikir untuk mengelakkan tumpuannya berzikir terganggu.
5. Murid dikehendaki menghadap kiblat ketika berzikir.
6. Murid mestilah berada dalam keadaan *tasyahhud akhir* tetapi diterbalikkan kakinya ke sebelah kiri. Ianya bagi menanamkan sifat tawaduk dan mengawal pancaindera.
7. Mengumpulkan segala pengenalan ke dalam hati sanubari iaitu hendaklah menghilangkan atau mengosongkan fikiran daripada perkara yang lain. Ianya hendaklah ditujukan pada hati.
8. Murid hendaklah mengingati zat Allah di dalam hati dan bukan di kepala.
9. Mengamalkan istighfar dengan memohon keampunan dari Allah atas segala dosa dan maksiat. Ianya dibilang sama ada lima atau 15 atau 25 kali. Caranya adalah lidah sentiasa beristighfar kepada Allah sedang dalam hati memohon ampun kepada Allah atas semua dosa zahir dan batin.
10. Kemudian membaca surah al-Fatihah sekali, al-Ikhlâs tiga kali dan dibaca dengan perlahan serta menghadaikan pahala bacaan tersebut kepada semua roh-roh syekh Tarekat Naqsyabandiyyah.
11. Memejamkan kedua kelopak matanya dan menongkatkan lidah ke langit-langit mulut dengan kedua-dua bibir dan gigi atas dan bawah

dirapatkan. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kekhusyukkan dan terbuka hijab hati.

12. Seterusnya seorang murid dikehendaki mengingat, membayangkan dan merasai mati. Ianya dapat dilakukan dengan menganggap dan merasakan dirinya mati dan jasadnya terbujur kaku kemudian dimandi, dikafan, disembahyang dan ditanam ke dalam liang lahad dan tinggallah ia seorang diri. Ketika itu dia akan merasakan tiada suatu pun yang memberi faedah kepadanya kecuali iman dan amal soleh.
13. Setelah itu seorang murid perlu melakukan *rabitah mursyid*. Murid-murid dikehendaki menghadirkan rohaniah syeikh atau muqabalah iaitu menghadap antara hati murid dan syeikh. Ianya mestilah mengingat rupa syeikhnya dalam khayalannya walau sekelip mata untuk mengambil berkat. Murid akan mengharap *istimdad* atau limpahan daripada rohaniah dalam diri syeikhnya supaya ia menjadi teman dalam perjalanan seorang salik. Murid perlu mengingat bahawa *istimdad* dengan syeikhnya itu sebenarnya adalah *istimdad* daripada Rasulullah SAW kerana syeikh hanyalah perantaraan sahaja.
14. Seterusnya murid hendaklah bermunajat sebanyak tiga kali dengan lafaz **الهي انت مقصودي ورضاك مطلوبي** dalam hati daripada sudut lafaz dan maknanya.
15. Seterusnya murid dikehendaki berzikir dengan *ism al-zat* dalam hatinya dengan ditumpukan dalam hati makna zikir tersebut. Jika tidak disertakan zikir dengan maknanya, maka zikir tersebut adalah kosong dan tidak diiktiraf sebagai zikir dalam Tarekat Nqsyabandiyyah. Zikir *ism al-zat* ini dilakukan dengan memerhatikan, merasakan, dan menumpukan sepenuh perhatian serta keyakinan tentang kewujudan Allah yang tidak menyerupai sesuatu pun dan murid hendaklah merasakan bahawa Allah mengetahui tentang dirinya zahir dan batin serta memerhati perlakuannya. Zikir ini dilakukan sebanyak 5000 kali dan diselangi dengan munajat pada setiap 100 zikir.
16. Selesai sahaja berzikir, murid perlu menunggu seketika kurniaan Allah yang dikenali sebagai warid iaitu sebarang bentuk lintasan

rohani yang berlaku pada murid yang berzikir seperti ini. Jika dia mendapat *jadhbah* iaitu dorongan atau tarikan kerohanian, maka dia perlulah menjaganya supaya ia berterusan dan tidak berusaha untuk memutuskan *jadhbah* tersebut.

Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia mengamalkan zikir *ism al-zat* iaitu **الله** dan zikir *nafi isbat* **لا اله الا الله** dan dipilih berasaskan tradisi amalan Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah terdahulu sebagaimana yang dengan disebut oleh al-Kurdi. Beliau menyebut “ketahuilah sesungguhnya zikir qalbi terbahagi kepada dua iaitu zikir *ism al-zat* dan *nafi isbat*.”⁸⁵

Zikir ini diamalkan bagi mendatangkan implikasi atau kesan terhadap keimanan dan ketaqwaan berdasarkan daripada pandangan pemimpin-pemimpin tarekat ini. Syeikh Abdul Qadir Isa menegaskan bahawa “sebaik-baik zikir adalah zikir khafi, sebaik-baik rezeki adalah apa yang mencukupkan kerana zikir khafi boleh sampai kepada ikhlas dengan segera dan lebih cepat pula diterima.”⁸⁷

Berdasarkan daripada pandangan syeikh Abd al-Qadir Isa, zikir secara khafi iaitu senyap boleh sampai kepada keikhlasan dan ianya merupakan faktor utama untuk mendapatkan *jadhbah* atau mendekatkan diri kepada Allah. Pelaksanaan zikir ini adalah berdasarkan kepada sanad turun temurun dan bukannya ciptaan yang tersendiri dan ianya adalah berasaskan amalan-amalan yang telah dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin Tarekat Naqasyabandiyyah sejak dahulu lagi tanpa memiliki amalan tokok tambah atau kurang.⁸⁸

Khatam Khawajakan

Khatam Khawajakan juga adalah merupakan zikir kepada Allah SWT. Keharusan terhadap zikir kepada Allah SWT telah pun dijelaskan sebelum ini berasaskan kepada dalil-dalil qat’i yang jelas daripada al-Quran. adapun maksud *Khatam Khawajakan* adalah zikir kepada Allah SWT, tetapi dinamakan Khawajakan kerana susunan zikir yang dinisbahkan kepada Syeikh Abd al-

⁸⁵ Al-Kurdi, 1368H, hlm. 510

⁸⁷ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 266

⁸⁸ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 266

Khaliq al-Ghajdawani yang menjadi penyusun kepada zikir tersebut. Amalan ini diamalkan oleh syeikh-syeikh tarekat suatu ketika dulu adalah bertujuan untuk menghindarkan diri daripada musibah dan hanya pada ketika-ketika tertentu sahaja. Tetapi sesudah syeikh-syeikh yang terkemudian, ianya diamalkan selalu tanpa melihat kepada peristiwa tertentu kerana bagi mereka, dunia akhir zaman ini sudah sering ditimpa bencana dan amalan ini terus menerus dilakukan.⁸⁹ Pengamalan khatam ini dilakukan secara berjemaah dalam bentuk *halaqah* iaitu bulatan. Syeikh akan duduk menghadap kiblat dan didampingi oleh khalifah beserta murid yang lain sekurang-kurangnya tujuh orang.

Metodologi pengamalan bagi *Khatam Khawajakan* ini adalah seperti yang telah disebut oleh Mustafa Kamil:⁹⁰

1. Membaca istighfar lima, 15, atau 25 kali.
2. Menghubungkan diri dengan rabitah guru mursyid.
3. Membaca surah al-Fatihah sebanyak 7 kali.
4. Membaca selawat ke atas Nabi SAW sebanyak sebanyak 100 kali.
5. Membaca surah al-Inshirah sebanyak 79 kali.
6. Membaca surah al-Ihklas sebanyak 100 kali
7. Membaca semula surah al-Fatihah sebanyak tujuh kali.
8. Membaca selawat ke atas Nabi SAW 100 kali.
9. Membaca doa penutup.
10. Akhir sekali membaca beberapa potong ayat al-Quran.

Bagi memudahkan dan melancarkan lagi perjalanan Khatam ini, pengamal Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia menggunakan 100 biji batu kecil dan sepuluh biji batu besar. Al-Qazani menyebut bahawa penggunaan batu-batu ini adalah hakikatnya untuk memudahkan pengendaliannya.⁹²

⁸⁹ Al-Qazani, Muhammad Murad, t.th, *Dhail al-Rashahat 'Ain al-Hayat*, t.tp, tp, hlm. 233

⁹⁰ Mustafa Kamil, 2000, Hlm, 270

⁹² Al-Qazani, T.th, hlm. 235

Tawajuh dan Tahlil

Tawajjuh dan Tahlil juga telah dijelaskan pendalilannya dalam topik keharusan zikir. Tawajjuh merujuk kepada penumpuan hati kepada *nur* Zat Allah tanpa disebutkan lafaz iaitu bermaksud zikir khafi. Ianya hendaklah menghadirkan hati kepada Allah dan menyaksikan keesaan Zat Allah. Menurut Syeikh Ali bin Hussein al-Harawi, tawajjuh bermaksud, murid menumpukan ke dalam batinnya terhadap hati syeikh tarekatnya melalui *tawassul* dan berlaku penyertaan rohani iaitu اتحاد antara hati syeikh dan hati murid.⁹⁴ Dengan perantaraan rohani ini terpancarlah cahaya-cahaya daripada hati syeikh ke dalam hati murid.

Menurut Mustafa Kamil, tawajjuh merupakan satu gabungan usaha daripada kedua belah pihak iaitu syeikh dan murid untuk peningkatan kerohanian murid.⁹⁶ Kedudukan syeikh merupakan sebahagian daripada limpahan-limpahan keberkatan melalui doanya supaya dibukakan pintu rohani muridnya. Manakala daripada murid pula ialah kesungguhan dalam melaksanakan zikir-zikir yang telah ditetapkan. Metodologi pengamalan majlis tawajjuh ini di Malaysia diamalkan sebagaimana yang direkodkan oleh Mustafa Kamil.⁹⁷

1. Murid yang menyertai majlis ini dikehendaki menutup kepala dan duduk *tawarruk* dengan khusyuk.
2. Setelah itu syeikh akan beristighfar dengan suara yang kuat sebanyak tiga kali kemudian diikuti oleh murid. Kemudian murid dikehendaki membaca surah al-Fatihah sekali, surah al-Ikhlâs tiga kali, rabitah kubur, *rabitah mursyid* dan melakukan zikir mengikut maqam yang telah diajarkan syeikh.
3. Kemudian murid akan ditawajuhkan oleh syeikh atau khalifah-khalifahnyanya dengan cara melakukan tawajjuh kepada beberapa orang wakilnya dan wakil tersebut akan bertawajjuh kepada murid yang lain. Tawajjuh ini dilaksanakan dengan cara syeikh mendekatkan

⁹⁴ Al-Harawi, Ali bin Hussein, t.th, *Rashahat 'Ain al-Hayah*, Turki, al-Maktabah al-Islamiyyah Mukammad Izdamir, hlm. 195

⁹⁶ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 283

⁹⁷ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 285

dahinya ke dahi murid yang ditawajuh lalu melakukan muraqabah dan membaca doa supaya diangkat hijab yang menutup hati murid.

4. Seterusnya semua murid yang menghadiri majlis akan ditawajuhkan dan syeikh akan membaca doa tawajuh secara perlahan. Ini menandakan majlis tawajuh telah selesai.
5. Secara lazimnya setelah majlis tawajuh syeikh akan menyambung dengan tahlil. Bacaan tahlil dilaksanakan secara kuat dan diikuti oleh murid. Murid dikehendaki mengikut rentak cara dan rentak tahlil syeikh. Ketika tahlil murid dibenarkan membuka kelubung dan duduk bersila.
6. Setelah selesai bertahlil, syeikh akan membaca doa dan seterusnya murid-murid akan berselawat secara beramai-ramai dan setelah itu tamat majlis tawajuh dan tahlil.

Riyadah atau Suluk

Riyadah atau *bersuluk* merupakan satu istilah yang merujuk kepada latihan peningkatan kerohanian yang diterima pakai di kalangan ahli-ahli Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia dan Indonesia. Ianya sebenarnya lebih dikenali juga dalam konteks umum sebagai amalan berkhawat dalam istilah tasawuf. Al-Jurjani dan Ibn Arabi menjelaskan khalwat bermaksud perbualan batin dengan Allah.⁹⁸ Sementara Ibn Ajibah menjelaskan khalwat bermaksud mengasingkan diri dengan tubuh badan.¹⁰⁰ Khalwat atau *suluk* ini adalah semata-mata bertujuan untuk beribadat kepada Allah serta berusaha menghampirkan diri kepada Allah dengan mengasingkan diri daripada perkara-perkara yang melalaikan ingatan kepada Allah.¹⁰¹

Adapun *Riyadah* atau *bersuluk* mempunyai asasnya dalam dalil al-Quran. al-Quran menjelaskan bahawa manusia disuruh untuk menyucikan hatinya. Akan tetapi cara menyucikannya itu terserah kepada individu. Jika diperhatikan dalam kisah Nabi Muhammad SAW Baginda mengambil jalan

⁹⁸ Al-Jurjani, 1985, hlm. 101

¹⁰⁰ Ibn Ajibah, Ahmad bin Muhammad, tahun, *Iqāz al-Himam Fī Sharh al-Hikam*, Beirut, Dar al-Kitab al-Arabi, hlm., 38

¹⁰¹ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 305

menyucikan hati dengan pergi ke gua Hira' dan memencilkan diri seketika. Adapun dalil keharusan riyadah adalah berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي
سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ¹⁰² (٣٥)

Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, carilah *wasilah* (penghantar/ yang mengantar) untuk mendekatkan diri kepada-Nya, dan berjihadlah di jalan-Nya, supaya kamu mendapat keberuntungan.

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ¹⁰³ (٢٨)

Wahai jiwa yang tenang kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi direndhai-Nya

Begitu juga dalil yang lain digunakan oleh para ulama yang merujuk kepada *Riyadah* adalah peristiwa yang berlaku kepada *Ashabul Kahfi*. Mereka berusaha menyucikan jiwa mereka dengan mencari keredhaan Allah. Allah SWT berfirman:

فَضَرَبْنَا عَلَىٰ ءَادَانِهِمْ فِي الْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا ¹⁰⁴ (١١) ثُمَّ بَعَثْنَاهُمْ لِنَعْلَمَ
أَيُّ الْحَزِينِ أَحْصَىٰ لِمَا لَبِثُوا أَمَدًا ¹⁰⁴ (١٢) تَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ
فِيئَتُهُ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ¹⁰⁴ (١٣) وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا
فَقَالُوا رَبَّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَن نَدْعُوهُ مِنْ دُونِهِ ؕ إِلَهًا لَّهُمَا لَقَدْ قُلْنَا إِذَا
شَطَطًا ¹⁰⁴ (١٤)

(Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: "Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisiMu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami". Lalu Kami tidurkan mereka dengan nyenyaknya dalam gua itu, bertahun-tahun, yang banyak bilangannya. Kemudian Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), untuk

¹⁰² Surah al-Ma'idah, 5:35

¹⁰³ Surah al-Fajr, 89: 27-28

¹⁰⁴ Surah al-Kahfi, 11-14

Kami menguji siapakah dari dua golongan di antara mereka yang lebih tepat kiraannya, tentang lamanya mereka hidup (dalam gua itu). Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk.

Dalam praktikal tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah, amalan *suluk* atau khalwat yang dilaksanakan ini mempunyai dua bentuk iaitu pertamanya khalwat harian iaitu khalwat yang harus dilaksanakan oleh *salik* pada setiap hari pada waktu-waktu yang tertentu dan khalwat ini dilaksanakan secara bersendirian. Manakala jenis yang kedua adalah khalwat berjamaah iaitu lebih dikenali dengan istilah *suluk*. Suluk biasanya dilaksanakan setahun sekali atau dua kali. Amalan *suluk* yang dilaksanakan di Malaysia sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Mustafa Kamil berlangsung selama 10, 20, atau 40 hari.¹⁰⁵ Kesemua bilangan ini mempunyai asasnya kerana ianya diamalkan oleh pengamal Tarekat Naqsyabandiyyah terdahulu. Pada peringkat permulaan Tarekat Naqsyabandiyyah ini, ahlinya mengamalkan *suluk* di masjid-masjid, setelah itu beberapa lama kemudian mereka mengamalkannya di *zawiyyah*¹⁰⁶, *ribat*¹⁰⁷, atau *khanqah*¹⁰⁸.¹¹⁰ Lazimnya di Malaysia mereka mendirikan khemah kecil di dalam masjid atau surau dengan tujuan berkhawat dan beribadah serta berzikir di dalamnya, seperti yang diamalkan di Johor dan Kedah.¹¹¹

Ketika bersuluk, peserta akan memencilkan diri daripada orang ramai dan melakukan riyadah serta mujahadah bersungguh-sungguh sebagai usaha penyucian diri. Selain tu dia juga perlu banyak memikirkan tentang penciptaan tuhan dan mengenal dirinya sebagai hamba yang banyak bersalah

¹⁰⁵ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 317

¹⁰⁶ Iaitu bermaksud ruangan atau sudut. Ianya digunakan oleh para sufi sebagai tempat berkumpul.

¹⁰⁷ Ribat asalnya adalah kubu tempat tinggal askar atau perajurit. Walaubagaimanapun setelah mereka tidak menggunakannya diambil oleh para sufi untuk dijadikan tempat berkumpul atau tempat majlis. Ribat biasanya adalah sebuah kompleks bangunan yang terdiri dari madrasah, masjid, pusat logistik dan tempat kegiatan lain termasuk asrama, dapur umum, klinik dan perpustakaan. Dapur dibuat dalam ukuran besar, begitu pula ruang tamu dan kamar-kamar asrama. Ini menunjukkan bahawa *ribat* sering kali dikunjungi ramai.

¹⁰⁸ Khanqah adalah institusi pengajian pondok

¹¹⁰ Adullah Muhammad Zin, 1992, *Tasawwuf dan Tariqat Dalam Kehidupan Masyarakat Islam di Malaysia Kini: Permasalahan dan Cabaran*, dlm, Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Ke Lapan di Marang Terengganu, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hlm. 6

¹¹¹ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 321

dan dosa. Salik yang mengikuti *suluk* mestilah dengan niat yang suci mendapat keredhaan Allah atau kepentingan akhirat dan bukan untuk berbangga-bangga dan menunjuk-nunjuk atau inginkan kemasyhuran dan sebagainya. Salik juga mestilah bersedia untuk meninggalkan kesenangan dan kemewahan hidup serta sanggup menempuh kesukaran dan kepayahan kerana memilih jalan akhirat. Ketika *bersuluk*, *salik* mestilah bertafakur dan mengheningkan fikiran, muhasabah, menilik kelemahan diri untuk diperbaiki. Semasa *suluk*, seorang *salik* mestilah sedar tentang adanya kekotoran jiwa atau kekotoran batin yang terlekat pada dirinya. Kekotoran batin ini adalah berpunca daripada sikap mazmumah seperti sombong, takbur, dengki, khianat, fitnah, hasad, syirik dan lain-lain. Kekotoran ini juga boleh berlaku akibat daripada memakan benda yang haram serta menerusi telinga, mata, hidung dan lain-lain. Oleh kerana itu seorang *salik* perlu bertaubat nasuha serta memenuhi syarat taubat tersebut. Taubat ini adalah perlu bagi membersihkan hati kerana hati yang bersih sahaja akan takutkan Allah, taqwanya akan jelas pada segala geraknyanya dan *salik* akan melaksanakan perkara yang baik kerana takutnya akan Allah.¹¹² Amalan dalam *suluk* ini memerlukan mujahadah dan riyadah yang berterusan dan istiqamah serta rapi dan bersungguh-sungguh. Ianya akan membuahkan hasil atau natijah yang baik yang akan meresap ke dalam jiwa seorang *salik* yang akan menjadi benteng kepada mereka dalam mengharungi kehidupan.¹¹³

Ketika melakukan *suluk*, seorang *salik* juga perlulah mematuhi adab-adab *bersuluk*. Adab-adab seorang *salik* ketika *bersuluk* seperti yang diamalkan di Kedah dinyatakan sebagai berikut:¹¹⁴

1. Melakukan taubat daripada segala dosa zahir dan batin. Sesudah itu seorang *salik* perlulah Solat Sunat Taubat dahulu dan setelah selesai hendaklah berselawat sebanyak 1000 kali atau seratus100 kali.
2. Salik mestilah memohon keizinan daripada syeikh untuk *bersuluk* di bawah pimpinannya serta meminta syeikh supaya memimpin, menjaga dan mendoakannya. Seorang *salik* tidak boleh beramal tanpa keizinan syeikh selagi beliau masih di bawah pimpinan syeikh tersebut.

¹¹² Mustafa Kamil, 2000, hlm. 327

¹¹³ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 336

¹¹⁴ Mustafa Kamil, 2000, hlm. 344

3. Sepanjang tempoh *suluk*, seorang *salik* hendaklah mengekalkan wuduk supaya terselamat daripada gangguan syaitan dan didekati oleh malaikat Rahmaniah.
4. Salik seterusnya dikehendaki terus berzikir tanpa putus terutama zikir yang di-talqin-kan oleh syeikh seperti *zikir hasanat* atau *zikir darajat*.
5. Kemudian seterusnya *salik* dikehendaki kekal dalam *wuquf qalbi* iaitu menghilangkan fikiran daripada selain Allah dan hanya menumpukan pada Allah.
6. Seterusnya *salik* hendaklah membersihkan diri daripada semua cita-cita sekalipun yang bersangkutan dengan akhirat.
7. Seterusnya apabila mengalami perubahan pada badan atau menyaksikan apa-apa pandangan ketika berzikir, *salik* hendaklah melaporkannya pada syeikh atau wakilnya. Dia dilarang memberitahu kepada orang lain sekalipun orang yang rapat dengannya serta tidak boleh menafsirkannya dengan sendiri.
8. Apabila mengalami perubahan perasaan atau melihat sesuatu dalam berzikir, maka hendaklah dinafikan secara bersungguh-sungguh tanpa memutuskan zikir. Dilarang berlengah atau lalai kerana keadaan seumpama itu hanyalah cubaan dan hijab bagi salik.
9. Salik mestilah terus mengekalkan ikatan rabitah pada guru iaitu setiap kali hendak berzikir, perlulah mengingati guru dan juga pada masa-masa yang lain ketika menghadapi sebarang masalah atau apa-apa sahaja.
10. Salik mestilah menghadirkan diri dahulu sebelum guru dan sebolehnya menjadi *salik* yang paling awal tiba daripada yang lain.
11. Salik tidak boleh terlebih dahulu meninggalkan tempat zikir mendahului syeikh dan paling baik adalah menjadi *salik* terakhir meninggalkannya.
12. Salik tidak boleh bersandar pada sesuatu ketika berzikir sama ada ketika zikir sendiri atau berjemaah.

13. Salik dikehendaki mengawal lidah daripada banyak bercakap sekalipun sesama jemaah.
14. Salik sentiasa menjaga keadaan diri supaya sentiasa berada dalam situasi pertengahan sahaja iaitu tidak terlalu lapar atau kenyang.
15. Salik tidak boleh meninggalkan tempat *suluk* kecuali kerana uzur.
16. Apabila keluar daripada tempat *suluk*, *salik* hendaklah menunduk ke bawah dan menutup kepala supaya tidak terkena panas matahari dan tiupan angin kerana ianya boleh membawa penyakit.
17. Salik hendaklah sentiasa sedar dan waspada pada empat musuhnya iaitu syaitan, dunia, hawa dan nafsu.
18. Salik tidak boleh tidur kecuali berasa tersangat mengantuk dan mestilah dalam keadaan bersih dari hadas. Ia tidak boleh tidur yang bertujuan untuk merehatkan tubuh badan.
19. Salik tidak boleh membuka pintu tempat khalwatnya kepada orang lain sekalipun untuk bercakap-cakap dan tidak boleh membenarkan orang lain masuk ke tempatnya.
20. Salik hendaklah berbuat baik kepada temannya dan beradab kepada khalifah di bawah guru seperti beradab dengan guru sendiri.
21. Salik hendaklah sentiasa memohon rahmat Allah dalam semua tingkah lakunya.
22. Salik hendaklah memperbanyakkan sedekah semasa *suluk* berbanding sebelum *suluk* supaya segera terbuka hijab.
23. Salik hendaklah meninggalkan wirid sunat kerana memperbanyakkan zikir.
24. Salik mesti mengekalkan solat jemaah lima waktu dan menjaga sembahyang Jumaat sebab tujuan utama berkhalwat adalah mengikut sunnah Rasulullah SAW.

25. Salik perlu meninggalkan makanan yang berdarah atau bernyawa semasa mengikuti program *suluk* kerana berpantang. Amalan berpantang semasa bersuluk ini adalah bertujuan untuk melemahkan nafsu kerana nafsu gemar kepada perkara-perkara buas dan liar. Apabila nafsu sudah lemah maka mudahlah usaha membersihkan hati.

KESIMPULAN

Amalan-amalan yang dilakukan oleh Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah ini kesemuanya mempunyai asasnya berdasarkan kepada pengamalan yang telah dilakukan oleh syeikh-syeikh Naqsyabandiah sebelum mereka dan semuanya berasaskan kepada ajaran Rasulullah SAW yang telah menyampaikannya kepada sahabat dan pengikut sesudah mereka sehinggalah sampai kepada syeikh-syeikh Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah secara bersanad. Amalan-amalan mereka ini merupakan amalan dalam usaha membersihkan diri dan mencapai makrifat melalui jalan kerohanian dan kesemua amalan ini diiktiraf oleh al-Quran dan Sunnah tanpa ada pertentangan dengan syariat kerana kaedah yang utama sebelum menjalani tarekat adalah pemantapan daripada sudut akidah. Amalan-amalan yang dilakukan ini hanyalah mampu diikuti oleh mereka yang benar-benar bersedia untuk mengikuti jalan sufi dan bersedia untuk menghadapi berbagai rintangan dan dugaan dalam menempuh jalan yang diredhai untuk mencapai makrifat kepada Allah. Penulis berpandangan Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia merupakan satu metodologi amalan yang tidak bercanggah dengan pegangan mana-mana amalan dalam syariat Islam sehingga membawa kepada keharusan pengamalannya. Ia bertepatan dengan syariat sebagaimana yang telah disandarkan kepada Rasulullah SAW dan al-Quran serta sunnah.

RUJUKAN

- Abu Hassan Sham. 1980. 'Tariqat Naqsyabandiyyah dan Peranannya dalam Kerajaan Melayu Riau Sehingga Awal Abad Ke-20'. Dlm. *Tamadun Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan United Selangor Sdn. Bhd.
- Abdullah Muhammad Zin. 1992. *Tasawwuf dan Tariqat Dalam Kehidupan Masyarakat Islam di Malaysia Kini: Permasalahan dan Cabaran*. Dlm. Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Ke Lapan di Marang Terengganu. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1963. *Some Aspect of Sufisme As Understood and Practise Among The Malays*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd.
- Al-Dahlawi, Ahmad Ibn Abd al-Rahim. t.th. *Al-Qawl al-Jamīl Fī Bayān Sawā' al-Sabīl*. T.tp: t.p.
- Al-Harawi, Ali bin Hussein. t.th. *Rashahat 'Ain al-Hayah*. Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah Mukammad Izdamir.
- Al-Hassan, Abu Abdullah Muhammad bin Ali. t.th. *Khātim al-Awliyā'*. Beirut: al-Khathulikiyyah.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad bin Ali. 1985. *Al-Ta'rifāt*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Khani, Abd al-Majid ibn Muhammad. 1306H. *Al-Hadā'iq al-Wardiyyah Fī Haqā'iq Ajilla' al-Naqsyabandiyyah*. Damshiq: t.p.
- Al-Kurdi, Muhammad Najm al-Din Amin. 1368. *Tanwīr al-Qulūb Fī Mu'āmalat 'Allam al-Ghuyūb*. Mesir: Maktabah Shahirah.
- Brown. John P. 1968. *The Darvishes Or Oriental Spiritualism*. London: Frank Cass d Cl. Ltd.
- Dobbin, Christine. 1983. *Islamic Revivalism In A Changing Peasant Economy Central Sumatera 17-84-1847*. London: Cruzon Press Ltd.
- H. A. Fuad Said. 1990. *Syeikh Abdul Wahab Tuan Guru Babussalam*. Medan: Pustaka Babussalam.
- Hawasy Abdullah. 1980. *Pengembangan Ilmu Tasawwuf dan Tokoh-Tokohnya di Nusantara*. Surabaya: Al-Ikhlās.
- Houtsma, Martinus T, 1987, *E, J, Brill's First Encyclopaedia of Islam: 1913 - 1936*, vol. 9, Brill
- Ibn Ajibah, Ahmad bin Muhammad. *Iqāz al-Himam Fī Sharh al-Hikam*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

- Jahid Haji Sidek. 1989. *Ajaran-Ajaran Tariqah Naqsyabandiyyah al-Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd.
- Kabbani, Syeikh Muhammad Hisham. 1995. *The Naqsyabandi Sufi Way, History and Guidebook of The Saint of The Golden Chain*. Chicagi: KAZI Publication.
- Mohd Sulaiman Yasin. 1992. *Mengenai Ilmu Tasawwuf 2*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Musa Muhammad Ali. 2004. *Hakikat Tawassul dan Wasilah dalam Pancaran Kitab dan Sunnah*. Terj. Ustaz Haji Ali Haji Mohamed. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Mustafa Kamil. 2000. *Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah Tanjung Pauh, Jitra, Kedah: Satu Kaedah Tazkiyat Al-Nafs*. Tesis Sarjana, Sarjana Sastera, Universiti Utara Malaysia, Kedah Darul Aman.
- Al-Qazani, Muhammad Murad. t.th. *Dhail al-Rashahat 'Ain al-Hayat*. T.tp: Tp.
- Sirajuddin Abbas, K. H. 1980. *Masalah Agama*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Staddart, William. 1975. *Sufism, The Mystical Doctrines and Methods of Islam*. Northamptonshire: Thorsons Publishers.
- Taj al-‘Arifin. 1987. *Miftāḥ al-Ṣudūr (Kunci Pembuka Dada)*. t.tp: Al-Ameen Printers.
- Van Bruinessen, Martin. 1992. *Tarekat Naqsyabandiyyah di Indonesia, Geografis dan Sosiologis*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Wan Muhd Saghir Abdullah. 1985. *Syeikh Ismail al-Minangkabawi Penyair Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah*. Indonesia: Ramadhani.